



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 21

Isnin

8 September 2025

K A N D U N G A N

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025	(Halaman 31)
Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025	(Halaman 52)
Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025	(Halaman 112)
Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025	(Halaman 137)
Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025	(Halaman 153)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Dato Awang Bemee bin Awang Ali Basah [Yang di-Pertua]
2. “ Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
3. “ Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II]
4. “ Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
5. “ Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
6. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
7. “ Tuan Manolan bin Mohamad
8. “ Puan Susan Chemeraí Anding
9. “ Dato’ Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
10. “ Tuan Robert Lau Hui Yew
11. “ Dato’ Hajah Ros Suryati binti Alang
12. “ Tan Sri Dato’ Low Kian Chuan
13. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda
14. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
15. “ Tan Sri Datuk Prof. Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Abdullah
16. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
17. “ Dato’ Sivaraj a/l Chandran
18. “ Datuk Nelson W Angang
19. “ Tuan Abun Sui Anyit
20. “ Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian
21. “ Puan Noorita binti Sual
22. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
23. “ Tuan Pele Peter Tinggom
24. “ Dato’ Setia Salehuddin bin Saidin
25. “ Datuk Rosni binti Sohar
26. “ Dato’ Leong Ngah Ngah
27. “ Tuan Haji Hussin bin Ismail (Terengganu)
28. “ Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad (Perlis)
29. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan)
30. “ Dato’ Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman (Selangor)
31. “ Dr. Jufitri bin Joha (Negeri Sembilan)
32. “ Dato’ Wu Him Ven (Negeri Sembilan)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|--|
| 33. | Yang Berhormat | Puan Tiew Way Keng (Selangor) |
| 34. | " | Tuan Azahar bin Hassan (Perlis) |
| 35. | " | Tuan Che Alias bin Hamid (Terengganu) |
| 36. | " | Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 37. | " | Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah) |
| 38. | " | Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani (Pahang) |
| 39. | " | Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan) |
| 40. | " | Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak) |
| 41. | " | Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak) |
| 42. | " | Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah) |
| 43. | " | Tuan Shahrol Wizan bin Sulung (Pahang) |
| 44. | " | Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka) |
| 45. | " | Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 46. | " | Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 47. | " | Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka) |
| 48. | " | Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 49. | " | Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak) |
| 50. | " | Tuan Isaiah a/l D. Jacob |
| 51. | " | Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan (Sabah) |
| 52. | " | Datuk Linggu @Edward bin Bukut (Sabah) |

AHLI TIDAK HADIR (DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)

- | | | |
|----|----------------|--|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Yang di-Pertua] |
| 2. | " | Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri] |
| 3. | " | Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] |
| 4. | " | Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pengajian Tinggi] |
| 5. | " | Datuk Dr. Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] |
| 6. | " | Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman (Johor) |

Hadir Bersama

1. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah] (Bagan Datuk)
2. Yang Berhormat Datuk Aiman Athirah binti Sabu [Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] (Sepang)
3. “ Datuk Ts. Mustapha Sakmud [Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi] (Sepanggar)
4. “ Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan [Menteri Luar Negeri] (Rembau)
5. “ Dato' Mohammad Yusof bin Apdal [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Lahad Datu)
6. “ Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang)
7. “ Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Kewangan] (Tanjong)
8. “ Datuk Hajah Rubiah binti Wang [Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah] (Kota Samarahan)
9. “ Tuan Nga Kor Ming [Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] (Teluk Intan)
10. “ Tuan Chang Lih Kang [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Tanjong Malim)
11. “ Dato Lukanisman bin Awang Sauni [Timbalan Menteri Kesihatan] (Sibuti)
12. “ Tuan Khairul Firdaus bin Akhbar Khan [Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya] (Batu Sapi)
13. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air] [Johor Bahru]

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman

Setiausaha Dewan Negara

Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI
(HANSARD TEAM)

Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi @Bijirani
Alzian binti Baharudin
Rosmawati binti Mat Nor
Dayang Norsuria @ Melinna binti Salleh

Noraidah binti Manaf
Siti Norlina binti Ahmad
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Nor Faraliza binti Murad @Nordin Alli
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Noor Sheila binti Razali
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Aizafasya binti Zainal
Nur Aliya binti Mustaz
Adele Beatrice anak Rabeng
Syaqira binti Abd. Razak
Mohamad Saidi bin Daud

Nik Muhammad Ismail bin Karim	
Azmir bin Mohd Salleh	Maryam binti Azinuddin
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa	Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili
Nor Kamsiah binti Asmad	Nurul Syakirah binti Ibharim
Aifarina binti Azaman	Suhaila binti Sariffuddin
Noorfazilah binti Talib	Nor Afina binti Mohamed Rashid
Farah Asyraf binti Khairul Anuar	Muhamad Shafiq bin Ahamad
Julia binti Mohd. Johari	Muhammad Akmal bin Md Yusoff
Syahila binti Ab Mohd Khalid	Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani
Ismalinda binti Ismail	Anisah Sahirah binti Hamzah
Amir Arshad bin Ab Samad	Syaza Waheeda binti Mohd Dzarif
Hizamihatim Maggisa bin Juara	Siti Nor Aisyah binti Mohd Jaid
Muhammad Firdaus bin Ahmad	Shazryn bin Mohd Faizal
Izzul Syazwan bin Abdul Halim	Sharon Eugena Jack Aman

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA

Isnin, 8 September 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum*, salam sejahtera. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Shahrol Wizan.

Tuan Shahrol Wizan bin Sulung: *[Membaca taáwwudz] Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia MADANI. Terima kasih Dato Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1.

5. Tuan Shahrol Wizan bin Sulung minta Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menyatakan, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan peluang pekerjaan untuk belia orang asli dalam sektor awam, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta, bagi memperkasa taraf sosioekonomi mereka.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia MADANI. Dato Yang di-Pertua, kerajaan sangat komited untuk memperkasakan peluang pekerjaan khususnya untuk para belia orang asli melalui tiga pendekatan utama melalui:

- (i) ekosistem pendidikan konvensional iaitu secara pendidikan akademik;
- (ii) melalui pendekatan pendidikan teknikal; dan
- (iii) melalui kursus kemahiran.

Ketiga-tiga kategori dan sektor ini akan menyalurkan para belia untuk bekerja sama ada dalam sektor awam dalam GLC atau juga GLIC dan juga swasta. Pihak kementerian bersama-sama dengan kementerian-kementerian yang lain telah menyusun atur saluran-saluran untuk para belia orang asli ini berada di dalam sektor pekerjaan yang telah ditanyakan itu.

Saya ingin menyebutkan tentang penyertaan di dalam sektor awam. Umpamanya, jawatan-jawatan dari pelbagai agensi telah menempatkan para belia di kedudukan-kedudukan yang bersesuaian dengan kelulusan mereka dan juga minat yang mereka telah harungi. Umpamanya, di dalam sektor awam, Renjer Komuniti, iaitu di bawah Jabatan Perhutanan Semenanjung umpamanya dari tahun 2021 hingga 2024, terdapat 2,913 para belia yang telah ditempatkan sebagai Renjer Komuniti.

Manakala di pelbagai agensi yang lain, terutama dalam HRD Corp, Koperasi Akademik Binaan Malaysia, contoh-contohnya — ataupun UOA Academy, di sana terdapat 37 para belia orang asli yang telah ditempatkan sejak tahun 2023.

Manakala di dalam GLC yang lain seperti *Malaysia Aviation Group* sebagai kabin krew sahaja pada tahun lepas, lima orang para belia orang asli telah ditempatkan. Di syarikat swasta umpamanya, ada 45 orang sebagai operator pengeluaran. Di HRD Corp diletakkan sebagai *security guard* dengan izin, dan juga untuk Koperasi Akademi Binaan Malaysia terdapat 20 orang, ertinya terdapat 82 daripada tahun lalu.

Begitu juga di dalam bidang keusahawanan, kita tahu bahawa penglibatan usahawan-usahawan orang asli ini cukup-cukup menyerlah. Umpamanya, mereka terlibat di dalam KUD ataupun Karnival Usahawan Desa dan juga KUOA, di mana karnival khusus untuk usahawan-usahawan orang asli. Dan amat menarik sekali, jumlah jualan yang dibuat oleh para usahawan itu ialah sebanyak 839 juta. Ini merupakan satu pencapaian yang, yang baik dan begitu juga di dalam sistem yang lain, kami sering mengambil kepedulian terhadap peluang-peluang pekerjaan di kalangan belia-belia orang asli.

Tuan Shahrol Wizan bin Sulung: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Dato' Seri. Saya pada hari ini sangat teruja sebenarnya, Yang Amat Berhormat Dato' Seri sendiri yang menjawab soalan pada pagi ini. Soalan tambahan saya ialah, sejauh mana kementerian merancang inisiatif tambahan untuk memperluas penglibatan usahawan orang asli dalam projek-projek pembangunan, di samping membuka akses pasaran antarabangsa dan memperkukuh daya tahan perniagaan agar pencapaian pertumbuhan pendapatan mereka dapat dikekalkan secara mampan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Dato Yang di-Pertua, khusus untuk para usahawan ini, dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, sebanyak 130 projek telah diberikan kepada syarikat-syarikat milikan orang-orang asli dan terdapat 449 usahawan telah menerima geran dengan hampir separuh berjaya meningkatkan pendapatan sehingga 30 peratus daripada *target*. Dan seramai 243 usahawan turut terlibat di dalam Karnival Usahawan Desa sebagaimana yang disebutkan tadi dan juga yang terlibat di dalam Karnival Usahawan Orang Asli atau KUOA yang merekodkan jualan.

Saya minta maaf tadi ya 839,000 bukan 839 juta, saya minta maaf ya. Saya tarik balik statistik tadi.

■1010

Di samping itu, MARA juga melalui platform BIZNETWORK dan Program Pendigitalan Perniagaan MARA atau DIGITALBIZ telah melaksanakan latihan pendigitalan dan juga pemasaran e-dagang untuk memperkukuhkan daya saing usahawan-usahawan orang asli. Saya juga ingin menyebutkan MARA di bawah *Gate to Global*, kita juga melibatkan beberapa orang usahawan orang asli untuk memasarkan produk-produk keluaran mereka untuk pasaran di peringkat antarabangsa.

Tuan Manolan bin Mohamad: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri dan saya pun teruja kerana Menteri sendiri yang hadir jawab soalan ini.

Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan JAKOA, Dato' Seri. Apakah sasaran kerajaan, khususnya untuk meningkatkan jumlah kakitangan orang asli yang bekerja di dalam JAKOA ini? Kalau kita tengok tahun 2023, tidak ada orang asli yang tetap – bekerja tetap di dalam JAKOA dan hanya mengambil kakitangan MySTEP sahaja. Jadi, apakah sasaran kerajaan dalam untuk meningkatkan kakitangan orang asli dalam JAKOA? Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi: Dato Yang di-Pertua, mantan Ketua Pengarah Orang Asli adalah orang asli sendiri dan kebetulan beliau adalah adinda kepada Timbalan Speaker Dewan Rakyat, dan kini jawatan itu kosong. Pihak kementerian melalui JPA berhajat untuk mencari tokoh dalam bidang perkhidmatan awam orang asli untuk menjadi ketua pengarah juga. Dan untuk lain-lain jawatan, saya ingin menyatakan bahawa biarpun jawatan itu sama ada secara sandaran ataupun COS ya, kita sedaya mungkin yang boleh, memang mencari orang-orang asli yang bekerja di jabatan kerajaan di kementerian lain, jabatan lain atau agensi lain untuk ditempatkan di JAKOA.

Contohnya, ketua pengarah – bekas ketua pengarah yang dulu. Beliau bukan pegawai tadbir dan diplomatik. Beliau bekerja sebagai salah seorang pegawai kanan di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Dan beliau kita ambil untuk dilantik sebagai ketua pengarah. Ertinya, mana-mana orang asli yang berada di kementerian lain, jabatan atau agensi lain itu pun kita ambil untuk memenuhi dan meramaikan orang-orang asli di JAKOA sendiri. Dan kalau Yang Berhormat berminat, boleh berjumpa dengan saya. [*Dewan ketawa*] Tapi saya fikir Senator lebih baik dan lebih tersohor ya.

Untuk jawapan yang saya berikan pada hari ini, tidak semestinya saya memberi jawapan di Dewan yang mulia ini, ia nya lebih baik. Sebenarnya Timbalan Menteri saya juga cukup baik apabila memberikan jawapan-jawapan untuk soalan yang ditanyakan di Dewan

yang mulia ini, terutamanya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat keturunan orang asli. Sama saja matlamatnya dan *insya-Allah*, kami terus memberikan penghargaan kepada orang-orang asli terutamanya.

Kementerian sendiri mengambil inisiatif Dato Yang di-Pertua untuk meminda Akta Orang Asli [*Akta 134*] yang telah begitu lama tidak dilihat. Ia nya telah dikemukakan daripada tahun 1954. Ertinya 71 tahun dan ini kita lakukan kerana hak-hak orang asli harus dikembalikan dan juga peluang-peluang dalam bidang pendidikan harus diberikan penekanan. Saya ambil contoh umpamanya ya, untuk maklumat Yang Berhormat, dengan keizinan Dato Yang di-Pertua. Dari segi matlamat untuk anak-anak orang asli masuk ke universiti umpamanya ya. [*Batuk*] Maaf ya.

Pada tahun 2023, kita mensasarkan 400 anak-anak orang asli masuk ke universiti. Tetapi kita telah dapat mencapai 418 orang. Maknanya terlebih. 2024 – 450 orang, tapi kita telah dapat mencapai 456 orang. Tahun ini sahaja ya, untuk sehingga bulan Julai ya, *target* kita 500 orang, tetapi sehingga bulan Julai, 150 orang. Dan saya yakin, hingga akhir tahun ini, jumlah itu melepasi sasaran.

Ini memperlihatkan bahawa dari segi mobiliti sosial (*social mobility*), ya kita mahu anak-anak orang asli ini yang mahu masuk dalam bidang kerjaya mendapat pendidikan akademik atau TVET atau pun lain-lain pendidikan melalui ekosistem yang ada di negara ini untuk memberikan peluang yang baik kepada mereka.

Malah ketika saya melawat orang-orang asli di New Zealand, di Rotorua ya, saya mempelajari apa yang telah dilakukan oleh masyarakat orang asli di New Zealand sendiri, di mana hak-hak mereka dikembalikan dan mereka mempunyai industri tenusu, industri perladangan dan lain-lain produk pertanian yang kemudiannya dieksport ke luar negara. Ini yang saya pelajari dan *insya-Allah*, kita akan lakukan. Bukan sahaja melalui akta yang akan dipinda ini, tetapi beberapa pendekatan baharu untuk orang asli agar *standard of living* dengan izin, di kalangan orang asli meningkat.

Di kalangan ahli profesional orang asli juga bertambah sekarang ini. Yang ada PhD lebih daripada 20 orang, yang menjadi profesor lebih daripada lima orang, yang menjadi jurutera, yang menjadi akauntan dan sebagainya lebih ramai. Ertinya, tidak ada peminggiran. Sebaliknya dari segi *education system*, dengan izin, kita meletakkan keutamaan juga pada orang asli. Dan, kita mahu orang-orang asli itu terlibat di dalam bidang pendidikan dengan penuh komitmen, umpamanya untuk pelajar-pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah, ya. Pengangkutan diberikan kepada mereka dan mereka juga diberikan elaun, wang poket RM4 satu hari dan diberikan kepada mereka untuk menggalakkan ya.

Begitu juga bantuan-bantuan yang lain, semata-mata kerana kita mahu mempertingkatkan mobiliti sosial di kalangan anak orang asli agar kerjaya yang akan mereka

perolehi itu akan duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan kawan-kawan lain di negara kita. Dan, saya ucapkan terima kasih kerana rancangan kami dan juga program yang kami lakukan mendapat dukungan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, juga rakan-rakan yang lain di dalam sektor awam dan swasta. Malah, di kalangan ahli-ahli profesional orang asli juga telah memberikan dukungan yang baik. Mudah-mudahan kita berdoa kepada Allah Taala dengan usaha yang baik ini kehidupan *standard of living* di kalangan orang asli akan dapat terus dipertingkatkan, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 2.

2. Datuk Haji Mustafa bin Musa minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sasaran pembaharuan dalam mereformasi pembersihan awam negara terutama dalam memastikan selenggaraan kawasan taman awam dan kemudahan rekreasi dipelihara sebaiknya serta bebas dari perbuatan vandalisme dan gangguan binatang liar serta tiada selenggaraan berkala PBT.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Nga Kor Ming]: Tuan Yang di-Pertua, menjaga kebersihan bukan sahaja kewajipan, ia juga separuh daripada keimanan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI di bawah nilai teras, kemampanan dan kesejahteraan. Kementerian KPKT sentiasa cakna dan prihatin terhadap aspek kebersihan, persekitaran sebagai bukti komitmen negara ke arah pencapaian sebuah peradaban yang maju dan lestari. Kebersihan bukan sahaja mencerminkan imej sebuah negara yang bertamadun, malah menjadi asas kepada kesejahteraan rakyat, kesihatan awam dan juga daya tarikan pelaburan.

Untuk makluman, negeri-negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam [Akta 672], Kerajaan Persekutuan melalui KPKT telah melantik tiga syarikat konsesi bagi tujuan melaksanakan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pengurusan pembersihan awam, termasuk pembersihan di taman awam. Manakala pembersihan taman awam di negeri-negeri yang tidak menerima pakai Akta 672, ia adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) masing-masing.

Pada masa ini, pembersihan taman-taman awam dilaksanakan dengan kekerapan setiap hari oleh syarikat konsesi. Syarikat konsesi adalah tertakluk kepada spesifikasi pembersihan yang ditetapkan melalui perjanjian konsesi yang telah pun ditandatangani serta dipantau oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) di bawah reformasi pembersihan awam.

Perkhidmatan pembersihan dilaksanakan secara komprehensif termasuk menggunakan mekanisme teknologi canggih dengan setaraf dengan negara-negara maju. Fokus reformasi juga diberikan kepada kawasan tumpuan awam dan juga kawasan destinasi pelancongan. Walau bagaimanapun, skop pembersihan taman awam di bawah Akta 672 tidak termasuk penyelenggaraan di taman-taman awam tersebut, di mana PBT masih bertanggungjawab untuk memastikan fasiliti dan kemudahan di taman awam tersebut di selenggara dengan baik.

Dalam hal ini, KPKT melalui JKT turut menyediakan peruntukan projek-projek kecil BP1 kepada 156 PBT seluruh negara. Peruntukan ini adalah berdasarkan kepada permohonan PBT yang dibahagikan kepada empat skop iaitu infrastruktur, kemudahan awam, sosioekonomi dan keselamatan. Permohonan yang dikemukakan bagi skop kemudahan awam adalah termasuk menaik taraf atau menyelenggara tandas awam, dewan serbaguna dan kemudahan pelbagai kemudahan rekreasi.

Bagi tahun 2024 hingga tahun ini, jumlah peruntukan BP1 yang diluluskan oleh KPKT bagi skop kemudahan awam adalah hampir 300 juta, meliputi 1,730 projek di seluruh negara yang akan disempurnakan menjelang akhir tahun ini.

Merujuk kepada isu pencegahan, vandalisme dan gangguan haiwan liar, PBT telah mengambil langkah-langkah proaktif seperti meletakkan papan tanda amaran, memasang sistem kamera litar tertutup (CCTV) atau juga program komuniti bersama orang awam bagi memupuk rasa tanggungjawab menjaga kemudahan awam yang disediakan.

Selain itu, melalui Undang-undang Kecil Taman, PBT telah menggariskan larangan-larangan di dalam kawasan taman. Antaranya mengalih, memindah, merosak, mencacak dan mengotorkan tempat duduk peralatan tempatkan permainan kanak-kanak atau peralatan lain serta membiarkan mana-mana anjing atau binatang lain kepunyaannya masuk atau berada dalam taman sehingga menimbulkan kacau ganggu. PBT boleh mengenakan tindakan seperti pengusiran, penangkapan atau kompaun tidak melebihi RM1,000 bagi kesalahan dalam tempoh yang dinyatakan.

Buat masa ini, KPKT melalui JKT menyediakan Tatacara Operasi Piawai (SOP) penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan pihak berkuasa tempatan tahun 2014 dan pindaan telah dibuat pada 2022 agar pemakaiannya menepati keperluan semasa dan bersekali dengan penguatkuasaan undang-undang kecil pelesenan anjing oleh PBT mengikut kawasan pentadbiran masing-masing.

Bagi haiwan lain seperti monyet, kucing, gagak, musang adalah di bawah seliaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Malaysia, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih YB Menteri kerana jawapan yang begitu lengkap.

Cuma soalan tambahan saya. Sejauh manakah Kerajaan MADANI dapat memperuntukkan secara terus program khusus di bawah Objek Am Perbelanjaan kementerian agar selenggara berkala tahunan alat senaman, rekreasi, kebersihan, kemudahan litar basikal, *turf* pejalan kaki, lampu hiasan dan lampu limbah serta CCTV di seluruh taman awam PBT agar ianya dapat dinaik taraf dan juga diuruskan dengan baik untuk kegunaan dinikmati rakyat? Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Tuan Nga Kor Ming: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang sangat prihatin tentang soal isu kebersihan awam.

Sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, KPKT telah sasarkan impian seribu taman dalam tempoh 10 tahun. Satu tahun kita bina 100 Taman MADANI, okey. Kempen ini telah dilancarkan tahun lepas. Kita berjaya melepasi sasaran dengan menyempurnakan 109 buah taman. Tahun ini, saya yakin kita juga akan mampu melepasi sasaran, menjadikan jumlah Taman MADANI dalam tempoh dua tahun sahaja, kita akan bina 216 buah Taman MADANI.

Semua ini kita mengambil langkah *whole-of-nation approach*. Saya bagi contoh, kita libatkan pihak swasta. Minggu lepas, Majlis Bandaraya Ipoh telah pun tanda tangan memorandum kerjasama strategik bersama dengan syarikat Bursa Malaysia, Kuala Lumpur Kepong Berhad, di mana KLK Group telah membantu untuk menyelenggara tujuh buah Taman MADANI di Lembah Kinta.

Saya mengalu-alukan inisiatif sedemikian supaya berat dengan semangat, “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”. Kita sama-sama menjayakan supaya Agenda Pembangunan Lestari Negara menjadikan Malaysia negara taman terindah di dunia. Itu adalah harapan kita semua dan ia memerlukan kerjasama dan tanggungjawab untuk kita pikul bersama. KPKT akan sentiasa komited dan cakna. Memang peruntukan akan kita salurkan, tertakluk kepada kemampuan kewangan negara tapi sudah pasti memang ada. Kadang-kadang Cuma tidak mencukupi. Sekian, terima kasih.

Datuk Rosni binti Sohar: Soalan tambahan.

Tuan Isaiah a/l D. Jacob: Soalan tambahan.

Datuk Rosni binti Sohar: Soalan tambahan.

Tuan Che Alias bin Hamid: Soalan tambahan.

Datuk Rosni binti Sohar: Terima kasih Tuan Speaker, Dato Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Ekoran daripada kenyataan yang menyatakan bahawa kemudahan dan kebersihan kemudahan awam dan kita punya kemudahan di sini, standardnya sama dengan negara-negara maju. Jadi pertanyaan saya, persoalan saya,

apakah penggunaan AI dan dron digunakan di Malaysia ini secara automatik memantau kebersihan dan kerosakan yang berlaku di taman-taman awam dan kemudahan awam tanpa bergantung kepada PBT? Terima kasih.

Tuan Nga Kor Ming: Terima kasih kepada soalan tambahan, di mana sukacita dimaklumkan kepada Dewan ini, tanggungjawab untuk menyelenggara taman-taman awam ini memang di bawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan (PBT). Semua PBT telah diberikan amanah dan tanggungjawab untuk menyelenggara taman tersebut. Oleh kerana itu, dia mengikut *zoning* di mana mana-mana PBT, dia akan ada zon sendiri untuk pastikan kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan mengikut jadual berkala.

Kami, bagi pihak kementerian, kementerian mengalu-alukan pemakaian teknologi terkini termasuk AI, teknologi dron dan juga lain-lain. *So, it is a*, dengan izin, *it's either nice to have*. Dan kita memang menuju ke arah tersebut tapi dia tidak boleh dilaksanakan sekali gus untuk semua kerana PBT kita juga ada tiga peringkat. Bandar raya, perbandaran dan juga majlis daerah. Itu tertakluk kepada guna tenaga yang sedia ada dan kita akan optimumkan segala sumber yang ada untuk pastikan kebersihan itu memang kita tidak akan kompromi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nak jawab tak? Di bawah kita punya peraturan, hanya tiga soalan tambahan. Tapi Tuan Isaiah, Yang Berhormatlah.

Tuan Nga Kor Ming: Boleh. Tertakluk kepada budi bicara Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *It is up to you.*

Tuan Nga Kor Ming: Boleh, boleh. Saya sentiasa sedia untuk menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Ini soalan tambahan terakhir.

Tuan Nga Kor Ming: Boleh.

Tuan Isaiah a/l D.Jacob: Terima kasih Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, tadi, Menteri menyatakan Taman MADANI sebanyak 216 telah diwujudkan dalam tempoh dua tahun. Dalam 216 taman ini, berapa banyak taman ada kemudahan mesra OKU?

Tuan Nga Kor Ming: Tuan Yang di-Pertua, antara SOP kita sekarang ini, negara kita sedang menuju ke negara menua, *ageing nation*. Oleh kerana itu, kemudahan awam baharu yang sedia kita bina adalah mesra, bukan sahaja kepada mesra kepada warga emas, dia juga mesra kepada OKU. Semua taman-taman itu, kita dah masukkan dalam *spec* SOP untuk kita pastikan kemudahan ini sentiasa selesai, selamat digunakan oleh pelbagai lapisan masyarakat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: *Assalamualaikum* dan selamat pagi. Terima kasih, Dato Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 3.

3. Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta Menteri Kewangan menyatakan, berapakah jumlah pencarum skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berdasarkan kaum yang berusia melebihi 55 tahun pada tahun ini dan mempunyai simpanan yang mencukupi bagi menghadapi usia pencen mereka.

Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. Dato Yang di-Pertua, pada masa kini, ahli KWSP yang telah mencapai umur 55 tahun boleh memilih untuk mengeluarkan dana persaraan mereka sama ada secara sebahagian, berkala atau pengeluaran penuh.

Sehubungan dengan itu, baki simpanan ahli persaraan ahli KWSP yang telah mencapai umur 55 tahun adalah tidak sesuai dijadikan ukuran sebagai mencukupi untuk tujuan persaraan. Pengukuran yang lebih sesuai bagi tahap kecukupan simpanan ahli KWSP adalah pencapaian simpanan asas mengikut umur pada fasa pengumpulan iaitu sebelum ahli membuat pengeluaran bagi tujuan persaraan apabila mencapai umur 55 tahun.

■1030

Untuk makluman, setakat 31 Julai 2025, 38.3 peratus atau 2.85 juta daripada 7.44 juta ahli aktif formal berumur antara 18 ke 55 tahun telah mencapai tahap simpanan asas mengikut umur berbanding hanya 30.4 peratus pada Disember 2022 iaitu setelah impak pengeluaran berkaitan COVID-19.

Peningkatan yang tinggi dalam kalangan ahli aktif mencerminkan situasi yang sebenar kerana banyak usaha kerajaan untuk menolong meningkatkan lagi simpanan dalam KWSP. Melihat kepada pencapaian berdasarkan pecahan kaum-kaum utama, pencapaian simpanan asas mengikut umur bagi ahli aktif formal KWSP yang berumur 18–55 tahun adalah seperti berikut. Kaum bumiputera mencatat seramai 1.38 juta orang. Diikuti kaum Cina seramai 1.22 juta orang, kaum India seramai 214,000 orang manakala kaum-kaum lain seramai 38,000 yang telah mencapai simpanan asas mengikut umur.

Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada tahap simpanan ahli KWSP yang rendah, khususnya pada kalangan ahli bumiputera adalah kesan daripada beberapa siri pengeluaran khas yang dilaksanakan ketika krisis kesihatan dan ekonomi semasa pandemik COVID-19 dulu. Walaupun langkah tersebut dapat membantu meringankan beban kewangan ahli pada waktu tersebut, ia telah menjejaskan kedudukan simpanan persaraan yang kini masih dalam proses untuk dibina semula. Oleh itu, tumpuan masa kini akan diberikan kepada usaha untuk membina semua simpanan persaraan dan memastikan ahli menikmati pendapatan persaraan yang mampan. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Kalau kita melihat kepada jumlah simpanan asas ini, memang akan menjadi cabaran kepada khususnya pencarum Melayu untuk menghadapi Malaysia sebagai negara menua ataupun negara tua beberapa tahun akan datang dan saya ucap tahniah atas langkah-langkah yang diambil i-

Saraan dan sebagainya untuk meningkatkan itu, tetapi jumlah kehilangan sebanyak 140 bilion sewaktu pengeluaran khas yang lalu dijangka akan di — kita boleh *recover* balik, kita boleh tambah balik dalam tempoh beberapa tahun dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ini dan Yang Berhormat Menteri sebut tadi tentang simpanan pengeluaran secara berkala, bagaimanakah mekanismenya, adakah akan diwajibkan ataupun kita beri kelonggaran dan kita bimbang kalau kelonggaran itu diberikan, sekiranya ada *scammer* waktu dia pencen nanti, dia akan dikeluarkan dalam jumlah yang besar dan akan habis dalam tempoh yang singkat. Terima kasih.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. Ada beberapa soalan yang diberikan. Ya, memang tak boleh dinafikan yang masa kita ada pengeluaran empat kali yang dibuat masa COVID-19 dan sejurus selepas COVID-19, sejumlah RM145 bilion telah dikeluarkan oleh pencarum, lebih kurang 8.2 juta pencarum yang mengeluarkan masa zaman COVID-19.

Jadi, usaha kerajaan adalah untuk meningkatkan lagi balik simpanan kerana buat masa sekarang kita tidak melihat untuk memperkenalkan pengeluaran lagi. Akaun *structure* KWSP pun telah dirombak semula, di mana diwujudkan Akaun 1, 2 dan 3 di mana Akaun 3 adalah akaun fleksibel yang membenarkan pencarum yang terdesak masa itu menggunakan Akaun 3, tapi Akaun 1 pun ditambah baik, di mana nilainya dinaikkan kepada 75 peratus daripada semua caruman dimasukkan di Akaun 1. Jadi, dengan usaha ini kita telah berjaya meningkatkan sikit simpanan pada pencarum.

Untuk soalan ditanya berapa lama lagi hendak isi balik kan? Kalau hendak isi balik memang masa jangkaan KWSP masa itu dalam lebih kurang tujuh tahun untuk mendapat balik 145 bilion mereka yang terkesan. Jadi yang pentingnya, kita juga sentiasa melihat cara untuk merombakkan skim KWSP.

Antara cadangan rombakan yang dibuat ialah untuk memperkenalkan selain daripada pengeluaran berkala yang ada sekarang, yang mereka boleh mengeluarkan secara berkala ialah untuk pencarum baharu kita berganjak kepada sistem pengeluaran secara berkala atau semacam pencen, tiap-tiap bulan dibenarkan dan sebahagian dibenarkan juga dia bawa keluar masa dia bersara.

Jadi, duit yang ada dalam KWSP akan bertahan lebih lama lagi dan *compounding effect*-nya akan lebih lagi tetapi skim ini masih dalam penelitian dan akan diluluskan mungkin beberapa tahun lagi tetapi *insya-Allah*, ia terpakai kepada mereka yang baru, bukan pencarum sedia ada tetapi yang pentingnya mereka yang sedia boleh memilih kalau mereka hendak berganjak kepada skim ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman:
Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, soalan nombor 4.

4. Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman minta Menteri Luar Negeri menyatakan, status perbincangan antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Indonesia berkaitan Blok ND6/ND7 di Laut Sulawesi dan adakah kedaulatan Malaysia akan terjejas melalui pembangunan bersama di blok tersebut.

Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan]: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat, Tan Sri Anifah yang bertanyakan berkenaan dengan status perbincangan Malaysia-Indonesia berkaitan Blok ND6/ND7 di Laut Sulawesi.

Pertanyaan yang tepat sebab banyak kali yang pertanyaan yang ditanyakan Dato Yang di-Pertua ialah bila mereka menyebut “ambalat.” Ambalat itu tidak betul Dato Yang di-Pertua. Saya perlu betulkan. Saya dah betulkan dalam Dewan Rakyat bahawa sebutan “ambalat” itu merupakan sebutan singkat yang digunakan oleh pihak sebelah iaitu “ambang batas laut.” Bagi kita, kita menyebutnya sebagai Laut Sulawesi dan kita tumpukan kepada Blok ND6 dan juga ND7 supaya tidak ada pengertian-pengertian lain yang boleh memungkinkan salah faham banyak pihak.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Dato Yang di-Pertua, perbincangan berhubung dengan perbatasan sempadan maritim antara Malaysia dan Indonesia dilaksanakan melalui mekanisme Mesyuarat Teknikal bagi Pembatasan Sempadan Maritim antara Malaysia dan Republik Indonesia dengan izin, *Technical Meeting on Maritime Boundaries Delimitation between Malaysia and the Republic of Indonesia* yang ditubuhkan sejak 2005.

Dalam menyelesaikan isu persempadanan maritim, negara-negara penuntut sentiasa memikirkan penyelesaian yang boleh memanfaatkan kedua-dua buah negara. Melalui mekanisme dua hala ini Dato Yang di-Pertua, pendirian Malaysia sentiasa dipertahankan dan dalam membuat sebarang keputusan, kerajaan sentiasa membuat penilaian yang terperinci, berhati-hati dan menyeluruh. Perbincangan berkenaan sempadan maritim adalah berlandaskan kepada prinsip perundangan dan teknikal yang dilakukan secara teliti, cermat dan berhemat.

Berhubung dengan kenyataan kedua-dua pemimpin negara mengenai cadangan pembangunan bersama atau dengan izin, *joint development* di Laut Sulawesi, ia juga merupakan antara usaha-usaha awal kedua-dua pemimpin cuba untuk mencari penyelesaian terbaik bagi kedua-dua buah negara.

Namun begitu, perlu saya tekankan di sini Dato Yang di-Pertua, bahawa perkara tersebut masih di peringkat pertimbangan awal bagi meneroka kebarangkalian kerjasama tersebut dan sememangnya belum lagi ada apa-apa perkara yang dimuktamadkan. Setakat

ini, masih belum terdapat apa-apa persetujuan daripada kedua-dua pihak untuk melaksanakan cadangan pembangunan bersama ini dan belum terdapat perbincangan mengenainya pun lagi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Dato Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan juga melalui Kementerian Luar sentiasa bekerja rapat dengan pemegang-pemegang taruh yang berkaitan berhubung dengan perkara berkenaan persempadanan maritim Malaysia. Usaha ini dilakukan dengan pendekatan dengan izin, *whole-of-government* dan penuh komitmen dalam melaksanakan rundingan dengan negara-negara jiran bagi mencari penyelesaian yang dapat dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Dalam hal ini, kerajaan sentiasa membuat penilaian terperinci dan menyeluruh berhubung sebarang cadangan penyelesaian, termasuklah kerjasama ekonomi dalam mencari keputusan yang saling memberi manfaat kepada kedua-dua pihak dan semestinya tidak akan menjejaskan kedaulatan negara. Kerajaan terus komited untuk memperhalusi dan mencari kesepakatan mengenai perkara ini melalui rundingan mekanisme sedia ada dan memastikan hak kedaulatan dan kepentingan negara akan sentiasa dipertahankan. Terima kasih.

■1040

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga terasa oleh kerana YB Menteri datang sendiri menjawab soalan. Oleh kerana ini adalah di antara perkara yang penting yang melibatkan hubungan dua hala di antara negara jiran.

Yang Berhormat, soalan tambahan, Dato Yang di-Pertua. Bagaimanakah isu berkaitan persempadanan maritim di Laut Sulawesi mempengaruhi hubungan diplomatik di antara Malaysia dan Indonesia?

Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan: Dato Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tan Sri yang bertanyakan soalan tambahan.

Berkenaan dengan hubungan diplomatik di antara kedua-dua buah negara, khususnya dalam rundingan-rundingan yang sedang dijalankan tentang persempadanan maritim khususnya di kawasan yang bersempadankan di Laut Sulawesi, Dato Yang di-Pertua, hubungan Malaysia-Indonesia ini amat akrab, amat baik. Seperti yang saya sebutkan dalam Dewan Rakyat tempoh hari, hubungan Malaysia-Indonesia ini 98 peratus amat baik. Dalam keadaan yang terbaik ya. Cumanya, ada dua peratus yang mana isu-isu yang kadang-kadang dimainkan oleh pihak-pihak tertentu. Yang ini, kita sebagai kerajaan, kita jangan terikut-ikut dengan isu-isu yang dibawa oleh mereka yang mahu melihat hubungan dua negara yang amat baik ini terganggu dan tergugat.

Untuk setakat hari ini, Dato Yang di-Pertua, walaupun kita mengadakan rundingan-rundingan persempadanan, rundingan maritim — persempadanan darat di Malaysia hampir selesai. Kita telah banyak bersetuju, tetapi rundingan maritim ini masih di peringkat teknikal untuk kita mencari jalan penyelesaian yang terbaik tanpa — saya katakan tadi, dengan kita mempertahankan hak kedaulatan dan kepentingan negara kita.

Perdagangan antara kedua hala kedua negara amat baik, bahkan bertambah. Dalam perbincangan dua hala kedua-dua pemimpin tempoh hari, iaitu dalam kita punya *annual leaders consultation* antara Malaysia dengan Indonesia, kita telah pun banyak mencapai kata setuju, terutamanya membuka perdagangan sempadan iaitu *border trade* di antara Malaysia dan Indonesia, Sabah dan Indonesia. Dan kita nak menyelaraskan kita punya pintu-pintu masuk di antara Malaysia, terutama Sabah dengan Indonesia, Sarawak dengan Indonesia kerana banyak pintu masuk, Dato Yang di-Pertua ya. Dan kita mahu ianya diperkasakan semula dan kita sudah bersetuju.

Sekarang ini barang-barang daripada Sarawak terpaksa dibawa ke Puntianak, tetapi kita sekarang nak bawa terus ke Tebedu. Kita nak buka sempadan Tebedu itu supaya ia menjadi sebagai pusat dagangan. Hampir RM1 bilion dagangan sebelum ini, tetapi ditutup oleh pihak Indonesia kerana beberapa perkara yang perlu diselaraskan antara kedua-dua negara, terutamanya di negara mereka. Jadi, ini telah pun dibuka, telah pun dipersetujui dan ini akan merancakkan lagi hubungan dagangan antara dua hala Malaysia-Indonesia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hajah Ros Suryati, ada soalan tambahan?

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Saya rasa soalan tambahan yang saya nak tanya itu Yang Berhormat Menteri dah jawab tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Selamat pagi, salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 5.

5. Dato' Sivaraj a/l Chandran minta Menteri Kesihatan menyatakan, kadar semasa penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes, hipertensi dan obesiti dalam kalangan rakyat Malaysia, serta apakah langkah pencegahan yang benar-benar terbukti berkesan dalam mengubah gaya hidup rakyat memandangkan kempen-kempen sebelum ini sering berakhir sebagai kempen kesedaran tanpa perubahan tingkah laku yang ketara.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato Lukanisman bin Awang Sauni]: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj yang sentiasa prihatin berkenaan isu-isu kesihatan nasional. Terima kasih Yang Berhormat Senator untuk soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, berdasarkan dapatan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2023, *prevalens* diabetes dalam kalangan dewasa berumur 18 tahun ke atas adalah 15.6 peratus, iaitu dianggarkan bersamaan 3.5 juta orang dewasa. Bagi hipertensi, 29.2 peratus, kira-kira 6.6 juta orang dewasa. Masalah obesiti pula direkodkan pada 21.8 peratus, bersamaan 4.6 juta orang dewasa. Manakala hiperkolesterolemia menunjukkan *prevalens* tertinggi iaitu 33.5 peratus, dianggarkan melibatkan hampir lapan juta orang dewasa di Malaysia.

Jika dibandingkan dengan NHMS 2019, terdapat penurunan bagi *prevalens* diabetes 18.3 peratus kepada 15.6 peratus, hipertensi 30 peratus kepada 29.2 peratus dan hiperkolesterolemia 38.1 peratus kepada 33.5 peratus. Walau bagaimanapun, keadaan ini kekal tinggi dan terus menjadi cabaran kesihatan awam utama negara.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan telah merangka strategi holistik bagi memastikan perubahan tingkah laku yang lebih berkesan dan berkekalan. Strategi ini berasaskan gabungan pelaksanaan dasar kesihatan, pendidikan kesihatan, mewujudkan persekitaran yang menyokong pengukuhan pengesanan awal dan pemerkasaan komuniti. Pendekatan ini dilaksanakan melalui *whole of government* dan *whole of society* meliputi keseluruhan spektrum pencegahan daripada peringkat *primordial* hingga ke peringkat sekunder.

Di peringkat *primordial* atau primer, usaha yang dilaksanakan bertujuan untuk mencegah faktor risiko sebelum ia wujud dan mengawal risiko sedia ada sebelum berkembang menjadi penyakit. Antara langkah yang dilaksanakan termasuklah memperkukuhkan pelaksanaan Agenda Nasional Malaysia

Sihat yang menjadi gerakan nasional membudayakan amalan hidup sihat, melaksanakan kempen kesihatan awam seperti Kempen Perangi Gula disokong dengan pendekatan fiskal melalui cukai minuman bergula, menyediakan perkhidmatan *one-stop center* bagi intervensi perubahan tingkah laku, bimbingan dan motivasi melalui 33 *wellness hub* di seluruh negara, memperkasakan penjagaan kesihatan sendiri melalui Program 'Komuniti Sihat Pembina Negara' (KOSPEN) dan KOSPEN Wellness on Workers (WOW) serta penglibatan *MyChampion* sebagai ejen perubahan tingkah laku.

Di peringkat sekunder, fokus diberikan kepada pengesanan awal faktor risiko dan penyakit NCD melalui Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSI) yang terbuka kepada semua rakyat berumur 18 tahun ke atas. Sehingga 22 Ogos 2025, seramai 1,192,832 individu telah disaring. Usaha ini turut diperkukuhkan dengan Program Saringan Jangka Luar menggunakan *truck Wellness on Wheels* yang telah menjelajah lebih 3,000 lokaliti dan memberi manfaat kepada lebih 1.27 juta orang. Sekian, terima kasih.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Soalan tambahan saya. Bagaimana Kementerian Kesihatan Malaysia bekerjasama dengan pihak lain seperti kementerian lain, sektor swasta, sekolah, institusi pendidikan serta komuniti untuk melaksanakan program pencegahan dan pengurusan NCD secara lebih menyeluruh? Terima kasih.

Dato Lukanisman bin Awang Sauni: Terima kasih Yang Berhormat. Ketika ini, kita sememangnya sedang memperkasakan aktiviti-aktiviti di bawah Kementerian Kesihatan. Sebagai contoh, KOSPEN Komuniti yang kita tingkatkan penyertaan sukarelawan-sukarelawan yang ingin membantu KKM untuk menguar-uarkan program-program dan juga dasar-dasar kesihatan.

Dan juga, kita sedang mempergiatkan KOSPEN bersama dengan komuniti sekerja, di mana kita telah pun melibatkan hampir 169,000 pekerja untuk menjalani saringan kesihatan dan juga kita telah pun memulakan langkah-langkah usaha untuk memperluaskan program kerjasama dengan syarikat-syarikat swasta. Sebagai contoh, kita telah pun melaksanakan program bersama dengan syarikat pasar raya AEON untuk mempromosikan makanan sihat.

Di sini, penglibatan swasta adalah sangat penting di mana kita ingin juga pihak swasta untuk menguar-uarkan agar pekerja-pekerja melakukan saringan kesihatan. Terutama sekali syarikat-syarikat besar seperti syarikat minyak dan gas PETRONAS, Shell yang mengutamakan tahap kesihatan sebelum pekerja mereka untuk pergi ke telaga-telaga minyak. Ini adalah merupakan salah satu konsep ataupun dasar yang sedang dipegangkan.

Dan juga, kalau kita lihat data-data, menunjukkan penyakit-penyakit yang banyak mencatatkan data yang tertinggi adalah NCD: *non-communicable disease* — kencing manis, darah tinggi, kolesterol. Dan di sini kita telah pun melancarkan — bukan melancarkan peperangan, tetapi kempen memerangi gula. Dan juga kita berharap agar syarikat-syarikat swasta, kerajaan dan juga GLC, GLIC dapat turut serta dengan menawarkan minuman-minuman yang lebih sihat dan juga kurang gula. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong.

■1050

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 6.

6. Datuk Wira Koh Nai Kwong minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, berhubung laporan terdapat lebih dua juta lepasan graduan bekerja di luar bidang atau dalam pekerjaan tidak setaraf dengan pendidikan sedangkan pada masa sama masih ramai pelajar ditawarkan bidang pengajian yang memerlukan kajian semula berkaitan permintaan dalam pasaran kerja semasa.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Ts. Mustapha Sakmud]: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas keprihatinan tentang isu *mismatched* dan juga *underemployment* ini, dengan izin.

Dato Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memastikan keperluan dan permintaan industri dipenuhi melalui pengambilan pelajar yang terancang. Antaranya, KPT mempunyai kerjasama strategik dengan agensi kerajaan seperti TalentCorp., PERKESO, MIDA dan DOSM. Agensi-agensi ini mempunyai data yang dapat digunakan untuk mengenal pasti sektor yang memerlukan intervensi dalam penyediaan bakat atau graduan.

Laporan *Critical Occupations List* (MyCOL) yang dikeluarkan oleh TalentCorp. Serta data melalui MyFutureJobs PERKESO dapat digunakan untuk mengenal pasti bidang yang memerlukan pekerjaan yang tinggi dan mengalami pengurangan serta yang tidak relevan lagi. Di samping itu, agensi-agensi ini bersama-sama dengan MOSTI, MDEC, JPA, Kementerian Ekonomi, MQA, PTPTN dan badan profesional mengikut bidang masing-masing turut menjadi ahli Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT).

JKPT ini akan mempertimbangkan dan membuat syor terhadap permohonan program akademik baharu dan semakan kurikulum program akademik sedia ada oleh universiti awam. Mekanisme ini akan membolehkan KPT melaksanakan semakan sebelum program akademik diluluskan dan penawaran agar ia memenuhi keperluan industri.

Manakala di peringkat universiti awam, Majlis Penasihat Industri universiti atau dengan izin, *Industry Advisory Panel* ditubuhkan sebagai satu kepala wajib dalam aktiviti pembangunan program akademik baharu serta pemantauan pelaksanaan kurikulum program akademik sedia ada. Ini untuk memastikan program yang ditawarkan oleh universiti awam adalah berkualiti, relevan dan menepati kehendak pasaran. Ahli IAP ini terdiri daripada badan profesional, industri, kerajaan, alumni dan sebagainya yang mempunyai pengalaman luas atau latar belakang yang relevan dalam bidang pengkhususan program.

Kesemua langkah yang diambil oleh KPT untuk memetakan jumlah graduan berdasarkan keperluan industri adalah bertujuan untuk menghasilkan graduan yang berkualiti, berdaya saing dan relevan. Dan untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, graduan Warganegara Malaysia yang bekerja dalam bidang, pada tahun 2024 adalah seramai 134,029 orang atau 62.5 peratus, yang menunjukkan peningkatan sebanyak 4.6 peratus dari tahun 2021. Ini menunjukkan terdapat penurunan dari segi graduan yang bekerja di luar bidang atau *mismatched*.

Manakala graduan yang bekerja dalam kategori mahir, pada tahun 2024 pula adalah sebanyak 110,162 orang atau 66.2 peratus, turut meningkat sebanyak 4.1 peratus dari tahun 2021. Ini menunjukkan terdapat penurunan dari segi graduan yang bekerja tidak setara dengan kelayakan pendidikan, dengan izin, *underemployment*.

Bagi kategori graduan Warganegara Malaysia yang belum bekerja dalam kumpulan umur 21 hingga 25 tahun, pada tahun 2024 pula adalah seramai 11,164 orang atau 7.3

peratus, yang mencatat penurunan dari tahun 2021 iaitu 24,493 orang atau 16.1 peratus. Dalam mengatasi isu ini, KPT menyambut baik sasaran keberhasilan RMK13 2026-2030, yang telah ditetapkan untuk mencapai 70.1 peratus kadar graduan bekerja setara dengan kelayakan pendidikan. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Koh Nai Kwong: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya adalah, adakah kerajaan memantau tawaran gaji yang ditawarkan kepada lepasan graduan dalam bidang masing-masing? Terima kasih.

Datuk Ts. Mustapha Sakmud: Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat Senator. Ya, saya fikir ada beberapa kajian semasa saya berada di Kementerian Sumber Manusia dulu. Saya — ada beberapa kajian ya, yang dibuat. Yang saya ingat salah satunya ialah daripada Bank Negara. Yang membuat pemetaan bagaimana kadar-kadar gaji di setiap zon di negara ini, Dato Yang di-Pertua. Dan itu antara dan juga cadangan-cadangan kadar gaji, tapi ini lebih kepada di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Cuma di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi ini, kita mahu memastikan bahawa graduan yang kita lahirkan satunya, diperlukan oleh industri dan juga yang keduanya, supaya mereka dapat ditempatkan di dalam syarikat-syarikat yang menawarkan gaji yang berpatutan ini. Itu di antara intervensi kita. Kita di dalam— semasa mereka berada dalam universiti, kita tawarkan beberapa kursus profesional dan juga kursus-kursus yang lain, yang memang mereka perlukan apabila mereka berada di — selepas bergraduasi nanti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Nik Mohamad Abduh.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 7.

7. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah rangka pelan tindakan nasional kementerian untuk menyelaraskan pengurusan sisa pepejal di semua negeri tanpa mengira status penguatkuasaan Akta 672 dan adakah terdapat rundingan, insentif atau kerjasama yang ditawarkan oleh pihak kementerian kepada negeri-negeri yang masih belum memuktamadkan penerimaan dan pelaksanaan Akta 672.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Nga Kor Ming]: Tuan Yang di-Pertua,

*Orang berbudi kita berbahasa,
Orang memberi kita merasa;
Hidup bersih jiwa sejahtera,
Negara makmur rakyat sejahtera.*

Tuan Yang di-Pertua, aspirasi Malaysia MADANI menekankan kebertanggungjawaban bersama dalam melaksanakan pengurusan sisa pepejal yang

mampan. Pendekatan ini menyeru kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan serta juga sektor swasta dan masyarakat keseluruhannya bagi memastikan alam sekitar terus terpelihara demi kesejahteraan generasi kini serta yang akan datang.

Pada masa kini, pendekatan KPKT dalam melaksanakan tindakan di peringkat Kerajaan Persekutuan untuk menyelaraskan inisiatif dasar berkaitan pengurusan sisa pepejal di semua negeri tanpa mengira status penguatkuasaan. Akta 672 adalah melalui tiga langkah penting. Pertama, Blueprint Ekonomi Kitaran bagi Sisa Pepejal di Malaysia 2025-2035 sebagai hala tuju dan rujukan pembangunan ekonomi kitaran (*circular economy*) di negara ini.

Kedua, Majlis Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal, NCEC – *National Circular Economy Council* sebagai satu platform yang diterajui oleh KPKT, sebagai sebuah platform nasional untuk menetapkan dasar, mengkoordinasikan serta memantau strategi dan inisiatif ekonomi kitaran bagi sisa pepejal di Malaysia.

Dan yang ketiga, Dasar Kebersihan Negara sebagai rujukan kepada semua pihak yang berkepentingan supaya semua pelan tindakan Dasar Kebersihan Negara dilaksanakan secara menyeluruh pada peringkat Persekutuan, negeri dan tempatan bagi mewujudkan sebuah negara yang bersih, mampan dan sejahtera melalui pembudayaan amalan kebersihan diri, keluarga, komuniti dan masyarakat dalam usaha melestarikan alam sekitar.

Dalam pada itu, KPKT juga telah menerima surat hasrat berhubung dengan pelaksanaan Akta 672 iaitu Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di lima negeri yang belum menerima pakai Akta 672 iaitu negeri Selangor, Pulau Pinang, Terengganu, *Kelate* dan Jabatan Wilayah Persekutuan bagi Wilayah Persekutuan Labuan. Melalui surat hasrat tersebut, kerajaan negeri memohon supaya rundingan dijalankan terlebih dahulu antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan PBT bagi memastikan kepentingan bersama adalah terpelihara.

Dalam hal ini, KPKT menyambut baik hasrat semua kerajaan negeri tersebut kerana peluasan pelaksanaan Akta 672 dapat membantu merealisasikan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan Malaysia yang lebih bersih, indah dan sejahtera melalui penyeragaman perundangan, penguatkuasaan serta perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang cekap dan efisien.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada 20 hari bulan Januari 2025 telah bersetuju secara prinsip supaya agensi Kerajaan Persekutuan menjalankan rundingan dengan kerajaan negeri dan PBT berhubung pelaksanaan Akta 672 serta penswastan PSP dan PAD Selangor, Pulau Pinang dan Wilayah Labuan.

Dalam pada itu, KPKT melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) juga sedang menyediakan Memorandum Jemaah Menteri bagi mendapatkan persetujuan prinsip Jemaah Menteri berhubung pelaksanaan *due diligence* dan juga rundingan dengan Kerajaan Negeri Terengganu dan negeri Kelantan. Pada masa ini, penyelarasan rundingan dengan kerajaan-kerajaan negeri dan PBT terlibat sedang diperkemas sebelum cadangan pemakaian Akta 672 di negeri-negeri tersebut dapat dimuktamadkan di peringkat Jemaah Menteri. Sekian, terima kasih.

■1100

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Terima kasih Dato Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawatan yang diberikan. Saya rasa gembira dan ingin mengucapkan tahniah awal di atas perkembangan rundingan dan kerjasama yang positif yang hampir dicapai kata sepakat di antara Kerajaan Pusat dan negeri. Isu pengurusan sisa pepejal ini memang amat rumit dan kerjasama yang diusahakan ini diharap dapat menyelesaikan isu-isu yang berbangkit.

Soalan saya, apakah penerimaan dan pelaksanaan Akta 672 oleh kerajaan negeri ini datang dengan jaminan daripada pihak kerajaan dan kementerian bahawa hak dan kepentingan negeri-negeri yang belum menerimanya seperti Kelantan termasuk PBT dan rakyat akan sentiasa terjamin dan terpelihara di bawah akta tersebut? Terima kasih.

Tuan Nga Kor Ming: Akta pemakaian – Terima kasih kepada soalan tambahan yang dikemukakan oleh Senator. Pemakaian Akta 672 dia melibatkan *win-win* formula di antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan juga PBT. Ia melibatkan kerjasama strategik antara ketiga-tiga identiti tersebut supaya dengan semangat di bawah Kerajaan Persekutuan, semangat *federalization* Malaysia.

Kita ada berkongsi tanggungjawab dan juga pelaksanaan hak dan kuasa secara bersama, termasuk pembayaran, kebertanggungjawaban itu ada nisbahnya mengikut rundingan yang telah dipersetujui oleh semua pihak seperti contoh di negeri-negeri lain yang telah pun menerima pakai akta ini sejak lebih 10 tahun yang dulu. Maka model yang lebih kurang sama juga akan kita memperhalusi dan juga berkongsi bersama dengan negeri-negeri yang belum menerima pakai. Bagaimanapun, bagi pihak kementerian, kami mengalu-alukan semangat kerjasama dengan semua kerajaan negeri supaya Malaysia kekal bersih dan mensejahterakan rakyat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai.

Puan Susan Chemerai Anding: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 8.

8. Puan Susan Chemerai Anding minta Menteri Ekonomi menyatakan, apakah penilaian terperinci berkenaan dengan impak sebenar rasionalisasi subsidi ke atas Indeks Harga Pengguna (IHP) dan pendapatan isi rumah sebenar bagi golongan M40 dan B40 sejak rasionalisasi tersebut diimplementasikan dan apakah langkah mitigasi khusus atau yang boleh diukur yang disediakan untuk suku ketiga dan keempat.

Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tersebut. Dato Yang di-Pertua, pelaksanaan penyasaran subsidi merupakan langkah strategik Kerajaan MADANI untuk memastikan pengagihan subsidi lebih bersasar kepada hanya golongan yang layak serta mengurangkan ketirisan bagi meningkatkan kecekapan perbelanjaan awam. Langkah ini dilaksanakan secara berperingkat sejak tahun 2023 melibatkan bahan api seperti diesel dan elektrik serta air.

Penyasaran ini penting bagi mengukuhkan kedudukan fiskal negara, mengoptimumkan penggunaan sumber kewangan serta membolehkan hasil penjimatan diagihkan secara lebih berkesan bagi menyokong pembangunan ekonomi rakyat termasuk memperluaskan akses kepada bantuan dan kemudahan.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan penyasaran subsidi tidak memberi kesan yang ketara terhadap kadar inflasi. Sebulan selepas pelaksanaan penyasaran subsidi diesel iaitu bermula 10 Jun 2024, Indeks Harga Pengguna (IHP) masih kekal terkawal dengan tiada peningkatan dicatat pada bulan Julai iaitu dua peratus, sama seperti Mei 2024. IHP pengangkutan juga hanya mencatatkan peningkatan secara marginal kepada 1.2 peratus berbanding 0.9 peratus manakala IHP makanan menurun kepada 1.6 peratus berbanding 1.8 peratus.

Langkah mitigasi awal yang diambil oleh kerajaan telah membantu dalam memastikan pengguna kenderaan diesel tidak mengalami kesan ketara. Harga diesel telah dikekalkan pada kadar RM2.15 seliter kepada pelbagai kenderaan logistik termasuk kargo am, lori kotak, lori tangki air, *window van* dan *panel van* melalui Sistem Kawalan Berdiesel Subsidi 2.0. Harga diesel turut diselaras bagi kenderaan pengangkutan awam darat seperti bas sekolah, bas ekspres, ambulans dan bomba pada kadar RM1.88 seliter.

Di samping itu, program BUDI MADANI pada bulan Mei 2024 turut membantu mengimbangi kesan penyasaran subsidi diesel khususnya kepada kumpulan B40, M40 serta golongan yang mudah terjejas. Bagi tahun 2025, kerajaan telah mengambil beberapa langkah segera bagi membantu rakyat yang menghadapi cabaran kos sara hidup terutama golongan B40 dan M40 yang mudah terjejas. Inisiatif yang diambil termasuk pemberian bantuan tunai Sumbangan Tunai RAHMAH (STR) dan Sumbangan Asas RAHMAH (SARA).

Selain itu, inisiatif jangka pendek yang diambil termasuk sumbangan tunai *one-off* sebanyak RM100 kepada semua warganegara dewasa berusia 18 tahun ke atas.

Pelaksanaan subsidi bersasar bagi Petrol RON95 dengan harga RM1.99 seliter untuk rakyat Malaysia yang layak serta penangguhan kenaikan kadar tol di 10 lebuh raya utama di seluruh negara. Di samping itu, program-program intervensi harga dan bantuan rakyat turut diperkukuhkan. Program ini antaranya meliputi Jualan RAHMAH MADANI dengan peruntukan RM600 juta yang dilaksanakan di 600 kawasan Dewan Undangan Negeri, inisiatif Payung RAHMAH berjumlah RM300 juta serta program kawalan harga asas berjumlah RM700 juta.

Kerajaan juga melaksanakan inisiatif penyeragaman harga di Sabah, Sarawak dan Labuan dengan peruntukan RM40 juta. Kerajaan akan sentiasa memantau harga barangan dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap peniaga yang menaikkan harga barang-barang tanpa sebab yang munasabah. Kesemua langkah ini digerakkan secara bersepadu bagi memastikan harga barangan kekal terkawal dan tidak memberi kesan ketara kepada rakyat, terutamanya golongan B40 dan M40 dan kumpulan mudah terjejas. Sekian, terima kasih.

Puan Susan Chemerai Anding: Terima kasih Timbalan Menteri atas soalan yang diberi. Dato Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah strategi menangani kos sara hidup hanya tertumpu kepada pemberian bantuan tunai jangka pendek sahaja? Terima kasih.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Dato Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan tunai langsung memang adalah satu langkah intervensi jangka masa pendek, tapi di bawah Kerajaan MADANI, kita melihat *structure reform* adalah satu benda yang lebih penting lagi.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas, dia berteraskan kerangka Ekonomi MADANI, di mana kita melihat usaha-usaha untuk meningkatkan lantai, menaikkan lantai adalah satu usaha yang penting di mana kita boleh menolong rakyat dengan lebih baik lagi. Ini termasuk dengan mengurangkan beban kos sara hidup melalui bantuan-bantuan yang saya terangkan sebelum ini tapi juga dengan usaha untuk meningkatkan pendapatan untuk rakyat.

Ini termasuk kita telah nampak peningkatan gaji minimum yang dulunya RM1,200, dah naik ke RM1,500 dan sekarang RM1,700 mulai tahun ini. Kita juga terus dengan usaha kita untuk Dasar Gaji Progresif dan menggalakkan penggunaan *living wage* sebagai gaji yang lebih tepat lagi dan GLIC dan GLC telah pun menyambut *living wage* dengan kadar RM3,100. Kita harap dengan usaha-usaha *structural* ini, kita akan mendapat lebih banyak ruang untuk rakyat, di mana kesan beban sara hidup akan berkurangan.

Kita juga melihat dari segi pengukuhan perkhidmatan asas melalui reformasi kesihatan dan juga reformasi pendidikan yang akan memberi lebih banyak peluang kepada rakyat dengan pembukaan TVET sebagai satu cabang, di mana pengajian boleh meningkatkan pendapatan juga kepada rakyat. Terima kasih.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Soalan tambahan. Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Buat masa ini, Kementerian Kewangan sedang dalam proses merangka satu mekanisme pelaksanaan yang bersepadu untuk memastikan subsidi petrol RON95 sampai kepada golongan yang benar-benar layak, mengurangkan ketirisan dan dilaksanakan dengan lancar. Pelaksanaan ini berpandukan kepada tiga komponen utama iaitu pengesahan kelayakan melalui PADU, kaedah penyaluran fleksibel dan proses rayuan yang telus dan tarikh pelaksanaan akan diumumkan selewat-lewatnya pada akhir September 2025.

■1110

Kerajaan kini berada di fasa akhir dan memperhalusi kriteria kelayakan dan kaedah pelaksanaan bersama pihak berkepentingan. Kerajaan memberi jaminan penuh bahawa pelaksanaan penyasaran subsidi RON95 akan dirangka dengan teliti untuk tidak menjejaskan majoriti rakyat yang layak, sama seperti pendekatan yang diambil untuk subsidi elektrik dan diesel sebelum ini. Bagi memastikan kelancaran dan menangani sebarang isu, sebuah portal semakan dan pusat panggilan khas akan disediakan untuk pertanyaan serta rayuan. Saya ingin penjelasan. Terima kasih.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Ros. Dato Yang di-Pertua, saya rasa tadi jawapan diberikan, kan? *[Ketawa]* Cuma mungkin — kerana saya faham yang banyak orang tertanya-tanya fasal subsidi RON95. Dari segi dasar kerajaan, saya rasa penyasaran subsidi adalah satu benda yang penting untuk negara kerana kita nak memastikan mereka yang layak sahaja yang mendapatkan subsidi.

Apa-apa penjimatan yang kita dapat daripada penyasaran subsidi seperti juga masa kita buat penukaran dalam *electricity* dan juga diesel, telah digunakan balik untuk meningkatkan keperluan asas dalam negara. Ini termasuk bantuan-bantuan yang diberikan oleh kerajaan, infrastruktur yang diperbaiki termasuk klinik daif, sekolah daif, sekolah dan pembinaan, benda-benda yang baharu yang lebih menguntungkan rakyat terbanyak.

Jadi untuk penggunaan RON95, kita akan mengumumkannya sebelum hujung bulan ini. Ia berdasarkan dengan menggunakan IC sebagai satu mekanisme untuk memastikan kelayakan untuk mereka yang layak dan digunakan di semua stesen minyak yang ada di negara, termasuk mini stesen yang ada di negara. Kita sedang bekerjasama dengan syarikat-syarikat minyak, memastikan sistem mereka boleh menggunakan IC dan cekap untuk digunakan agar tidak ada terkesan masa pengisian minyak.

Selain itu, untuk kelayakannya, kita akan menggunakan sistem PADU. Antara *database, database* kerajaan yang akan menolong memastikan hanya mereka yang layak dikenal pasti untuk memberi pendekatan minyak yang lebih murah daripada harga yang ada. *Insya-Allah*, hujung bulan ini kita akan mengumumkannya dan melaksanakannya. Seperti

saya katakan, kita memberi jaminan yang rakyat terbanyak akan mendapat subsidi yang sepatutnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Dato Yang di-Pertua, soalan saya nombor 9.

9. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan:

- (a) penjelasan mengenai penangguhan peluncuran Garis Panduan Short Term Rental Accommodation (STRA) oleh kementerian; dan
- (b) apakah garis masa yang baharu untuk pembentangan dasar tersebut serta perancangan kementerian untuk memastikan dasar STRA yang jelas menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah selesai proses kajian semula Akta Industri Pelancongan 1962 [Akta 482].

Akta ini dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat pada penghujung tahun ini atau awal tahun 2026. Proses pindaan ini telah melibatkan sebanyak 54 sesi libat urus yang disertai oleh hampir 1,000 peserta merangkumi wakil kementerian-kementerian, agensi, NGO dan pemain industri dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Antara cadangan pindaan termasuk penambahbaikan aspek pelesenan, perlindungan insurans, pemantapan penguatkuasaan, pendaftaran platform digital serta penubuhan tribunal pelancongan.

Dalam usaha untuk mengawal selia ekosistem premis penginapan pelancong dan *Short-Term Rental Accommodation* (STRA) dengan lebih berkesan, MOTAC dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mencapai kata sepakat bahawa pendaftaran STRA sebagai premis penginapan pelancong hanya boleh dibuat selepas premis berkenaan mendapat lesen operasi perniagaan daripada PBT. Ini penting kerana urusan pelesenan dan penguatkuasaan premis penginapan adalah di bawah bidang kuasa PBT negeri masing-masing.

Dalam hal ini, garis panduan perancangan STRA yang dibangunkan oleh KPKT melalui PLANMalaysia akan dibentangkan untuk pertimbangan Jemaah Menteri dalam masa terdekat sebelum dibawa ke Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT). Setelah diluluskan, ia akan diguna pakai oleh kerajaan negeri dan PBT bagi menyelaraskan pelaksanaan

STRA secara lebih tersusun dan mampan. Pelaksanaannya disasarkan pada akhir tahun ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ucap syabas kerana usaha untuk menyelaraskan urusan STRA ini supaya kita dapat rezeki, pelancong dapat kemudahan yang mudah dan murah. Maka, pelancongan akan datang ke Malaysia. Apakah tidak nanti proses kita mengenakan akta dan pendaftaran dan lesen dan sebagainya ini, akan hanya membantut usahawan-usahawan tempatan kita yang berminat untuk menguruskan tempat ini sehingga tidak mampu kerana kos meningkat? Akhirnya pelancong pun berkurangan kerana kos sewaan hotel sudah pasti akan menjadi lebih tinggi. Terima kasih.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang telah saya terangkan sebentar tadi, kita telah melakukan banyak sesi libat urus melibatkan hampir 54 badan organisasi dan juga hampir — maaf, 54 sesi libat urus melibatkan hampir 1,000 peserta.

Perkara-perkara yang telah dimaklumkan oleh pihak kementerian, kita telah ambil kira dan pastinya ada beberapa perkara juga yang perlu kita perhalusi supaya seperti yang telah ditekankan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi dapat kita buat pendekatan yang terbaik, bukan sahaja untuk pengusaha-pengusaha STRA, tetapi juga adalah yang paling penting, para pelancong itu sendiri. Sekian, terima kasih.

Datuk Edward Linggu Bukut: Soalan tambahan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya Cuma nak tanya satu soalan, sama ada kementerian bercadang untuk mewujudkan satu pangkalan data nasional STRA yang diselaraskan bersama dengan PBT bagi memantau jumlah sebenar penginapan STRA, kesannya kepada pasaran perumahan serta perancangan Tahun Melawat Malaysia pada 2026. Terima kasih.

Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Dalam hal ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia telah membangunkan satu Garis Panduan Penginapan Sewaan Jangka Pendek (GPP STRA) bagi mengawal selia operasi STRA. GPP ini akan disokong oleh dua garis panduan yang memang sudah sedia ada di bawah Akta 482 iaitu Garis Panduan Pendaftaran Premis Penginapan Pelancong (GPP PPPP) dan Garis Panduan Permohonan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan (GPP TOBTAB).

Fungsi kedua-dua garis panduan ini adalah untuk mengawal selia juga dan untuk memantau PLANMalaysia yang telah — yang bakal juga diperkenalkan oleh KPKT. Semua secara rumusannya, ekosistem dari keseluruhan STRA ini pastinya akan dirangkumi dan dirangkumkan dalam ketiga-tiga perkara yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak.

Tuan Musoddak bin Ahmad: Terima kasih Dato Yang di-Pertua, soalan saya nombor 10.

10. Tuan Musoddak bin Ahmad minta Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air menyatakan, sama ada pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di negeri Kedah berjalan mengikut jadual yang ditetapkan serta tahap keberkesanan mitigasi bencana banjir yang dicapai setelah projek RTB disiapkan.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ataupun PETRA melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa berusaha untuk mengurangkan impak banjir di seluruh negara secara berterusan melalui pendekatan secara struktur dan juga bukan struktur.

Melalui pendekatan bukan struktur, PETRA dan JPS menyediakan pelan induk tebatan banjir ataupun PITB di seluruh Malaysia bagi merancang dan menyediakan penyelesaian banjir secara menyeluruh. Sehingga Rancangan Malaysia Kedua Belas ataupun RMK12, *Rolling Plan* 5 Tahun 2025, sebanyak 54 pelan induk telah berjaya disiapkan, manakala lima pelan lagi dalam pelaksanaan.

■1120

Melalui pendekatan struktur, PETRA dan JPS melaksanakan projek-projek rancangan tebatan banjir ataupun RTB. Skop projek ini merangkumi pembinaan dan penaiktarafan infrastruktur banjir seperti ban, *flood wall*, struktur kawalan, rumah pam, pintu air, kolam takungan, termasuk kerja melebar dan mendalamkan sungai. Di negeri Kedah sahaja, PETRA melalui JPS sedang melaksanakan tujuh projek RTB dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM1.43 bilion. Projek-projek adalah seperti berikut.

Pertama, RTB Sungai Kedah ataupun Anak Bukit yang mula dilaksanakan pada 2011 secara berpakej. Pakej 1 telah siap pada tahun 2012 dan Pakej 3 telah siap pada tahun 2021 manakala Pakej 2 sedang dalam pelaksanaan dengan kemajuan fizikal semasa 92 peratus.

Kedua, RTB Sungai Pendang yang dilaksanakan melalui dua pakej. Pakej 1 bermula pada April 2018 dengan kemajuan fizikal 83.04 peratus, manakala Pakej 2 pula bermula pada Oktober 2021 dengan kemajuan fizikal semasa 63.29 peratus.

Yang ketiga, RTB Jitra Selatan yang bermula pada Mei 2022. Projek ini berdepan cabaran pengambilan tanah di Sungai Keronco serta isu pengalihan utiliti melibatkan TNB dan juga *Celcom* atau *Digi*. Walau bagaimanapun, kemajuan fizikal kini telah mencapai 72 peratus berbanding jadual 68 peratus.

Keempat, RTB Baling yang mula dilaksanakan pada November 2024 dengan kemajuan fizikal semasa sebanyak 17 peratus.

Kelima, RTB Baling Fasa 2 yang dilaksanakan secara kaedah reka dan bina dengan kemajuan semasa adalah empat peratus dan dalam proses reka bentuk. RTB Sungai Bongkok dan RTB Bandar Baharu status terkini adalah berada di peringkat pra pelaksanaan.

Secara keseluruhannya, projek-projek ini sedang berjalan mengikut jadual perancangan yang ditetapkan. Namun, terdapat beberapa cabaran ataupun terutamanya dari sudut teknikal seperti isu pengambilan tanah, pengalihan utiliti dan juga koordinasi dengan pelbagai pihak berkepentingan yang perlu ditangani secara teliti.

Akhir sekali, setelah projek-projek RTB ini siap, JPS akan melaksanakan penilaian *outcome* dengan izin, untuk menilai tahap keberkesanan mitigasi banjir khususnya dari aspek pengurangan risiko limpahan sungai, perlindungan kawasan, penempatan, pengurangan kerosakan harta benda serta peningkatan tahap keselamatan dan kesejahteraan rakyat di negeri Kedah. Sekian, terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Tuan Musoddak bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri yang telah memberikan jawapan keseluruhan RTB di negeri Kedah. Kita mengharapkan agar projek RTB ini berjalan di fasa akhir ini dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan kerana suasana hari ini di Kedah khususnya memang hujan, boleh dikatakan setiap hari dan memang lebat hujan.

Cuma saya nak ingin menarik perhatian dengan kementerian berkenaan dengan RTB Baling, pembinaan Empangan Sabo di Kupang. Apakah ada pelan masa untuk siapkan projek RTB Baling serta Empangan Sabo ini serta usaha menangani kejadian banjir puing, puing ya, yang melanda kawasan Baling? Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih, Dato Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator.

Untuk projek di Baling, satu yang disebut tadi Empangan Sabo, terletak di atas ataupun di *upstream*, iaitu berbanding dengan projek rancangan tebatan banjir yang mana jajarannya lebih panjang melalui sungai-sungai kita. Jadi, macam kes di Baling, macam untuk banjir puing iaitu banjir disebabkan kepala air, memang kita ada perancanganlah untuk membina Empangan Sabo malah tahun lepas kita dah selesaikan satu di negeri Kedah.

Jadi untuk Baling pula, di sebelah bawah itu, kita ada projek RTB yang melibatkan dua fasa. Satu yang dipanggil RTB Baling, ini kemajuan fizikal dah ada 17 peratus, Cuma untuk RTB Baling Fasa 2 ini masih di peringkat kaedah reka dan bina. Jadi di sini, bila kita sebut reka dan bina itu, maksudnya pihak kontraktor bertanggungjawab untuk kemukakan rancangan *design*-nya daripada awal.

Di sini memang kita melihat dari segi keperluan sama ada maksudnya kemajuan itu memang kita sedang teliti kerana di peringkat *design* pun tanggungjawab kontraktor kena sepatutnya lebih segera dalam menyerahkan soal apa nama *design* tadi. Cuma untuk

perincian infrastruktur Sabo di Lembangan Sungai Kupang, Baling ini, kita punya jangkaan tarikh siap itu sekitar hujung tahun 2026. Jadi yang ini kos keseluruhan untuk Sabo tersebut adalah RM26.323 juta. Terima kasih Dato Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Azahar.

Tuan Azahar bin Hassan: Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 11.

11. Tuan Azahar bin Hassan minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, usaha atau inisiatif untuk memberikan pendedahan berkaitan skim *buy now, pay later* (BNPL) yang melibatkan semakin ramai pelajar yang akhirnya dibebani hutang BNPL.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Ts. Mustapha Sakmud]: Terima kasih Dato Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas keprihatinan kepada mahasiswa kita. Kementerian Pendidikan Tinggi memandang serius budaya penggunaan skim *buy now, pay later* (BNPL) dalam kalangan pelajar institusi pendidikan tinggi yang boleh membawa kepada masalah hutang berpanjangan, rekod kredit yang negatif dan tekanan kewangan selepas tamat pengajian sekiranya tidak diurus dengan baik.

Justeru, bagi menangani isu ini, KPT secara berterusan melaksanakan inisiatif-inisiatif berbentuk pendidikan kewangan kepada mahasiswa, antaranya termasuklah yang pertama, program advokasi dan kesedaran pengurusan kewangan. Kita bekerjasama dengan rakan strategik seperti Bank Negara Malaysia, RHB Bank, Amanah Saham Nasional Berhad, Polis Diraja Malaysia dan Bursa Malaysia serta IPT sendiri dalam melaksanakan advokasi dan kesedaran dalam pengurusan kewangan kepada mahasiswa kita di IPT.

Yang kedua, program literasi kewangan khusus kepada mahasiswa baharu universiti awam semasa minggu orientasi. Maksudnya, pendedahan awal kepada pelajar-pelajar kita semasa orientasi akan dibuat supaya mereka memahami tentang pengurusan kewangan peribadi serta aspek pelaburan yang sah dan mengelakkan diri daripada menjadi mangsa aktiviti *scam*.

Yang ketiga, kolaborasi strategik dengan agensi kaunseling dan pengurusan kredit AKPK. Menerusi kolaborasi ini, khidmat kaunseling kewangan secara percuma ditawarkan kepada pelajar kita yang telah atau berisiko terjebak dengan hutang melalui skim *buy now, pay later* ini dan kita juga beri penerangan kepada kampus-kampus kita di universiti tentang isu-isu yang berkaitan.

Keempat, polisi IPT berhubung BNPL. Semua IPT diingatkan untuk tidak menggalakkan sebarang aktiviti pemasaran dan promosi produk berbentuk skim *BNPL* secara langsung kepada pelajar dalam kawasan kampus. Yang ini memang kita tidak benarkan untuk mereka masuk ke kampus kita.

Kelima, sokongan kaunseling di mana kaunselor-kaunselor kita di universiti awam akan menyediakan sesi kaunselor yang khusus dan bersasar bagi mana-mana pelajar yang terjebak dalam masalah keberhutangan dan juga kekangan kewangan ini.

Kesimpulannya, KPT percaya bahawa pencegahan melalui pendidikan kewangan, pendedahan risiko dan pengawalan akses adalah langkah yang paling berkesan bagi memastikan pelajar IPT tidak terjebak dalam masalah keberhutangan yang membebankan termasuk melalui skim *buy now, pay later*. Usaha ini akan terus di perkasa melalui kerjasama dengan pelbagai agensi berkaitan bagi melahirkan graduan yang celik kewangan, berdisiplin dan bijak mengurus kewangan peribadi secara lebih teratur. Sekian, terima kasih.

Tuan Azahar bin Hassan: Soalan tambahan, ya. Adakah kerajaan bercadang untuk mengawal atau mengehadkan akses pelajar kepada kemudahan BNPL sama ada melalui verifikasi umur, pendapatan ataupun status pekerjaan? Terima kasih.

Datuk Ts. Mustapha Sakmud: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan.

Seperti yang kita sedia maklum, Rang Undang-undang Kredit Pengguna telah dibentangkan dan *insya-Allah* akan diwartakan akhir tahun ini oleh Kementerian Kewangan. Saya fikir rang undang-undang ini akan dapat mengekang dan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi tentang isu-isu yang dibangkitkan.

■1130

Ini juga akan dapat memastikan bahawa generasi muda kita, mahasiswa yang lebih kurang 40 peratus yang terlibat dalam BNPL ini akan kita dapat kekang. Kita harap rang undang-undang ini akan dapat mengawallah. Ini usaha daripada pihak kerajaanlah mengawal isu-isu berbangkit yang berkaitan dengan *buy now, pay later* ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya, apabila kita memperkenalkan ini kepada pelajar sudah tentu akan lahir generasi yang berhutang sebelum bekerja. Sedangkan pelajar ini sudah pun mempunyai hutang dalam PTPTN. Dia terikat dengan hutang yang begitu banyak. Puluhan ribu malahan ratusan ribu kalau dia mengambil perubatan dan sebagainya.

Adakah kementerian bercadang untuk berbincang dengan pemegang taruh-pemegang taruh isu ini supaya ada had yang boleh dilakukan oleh pelajar bagi *pay now*, beli dulu bayar kemudian ini dalam isu yang terkait dengan pembelajaran sahaja seperti dia hanya boleh membeli buku ataupun komputer dan peralatan-peralatan yang perlu untuk pembelajaran? Selain daripada itu tidak boleh sehinggalah dia bergraduan.

Sebab kita tidak mahu nanti ada pelajar yang beli kereta, ada pelajar yang beli *handphone* dan sebagainya. Sedangkan Dato' Yang di-Pertua, PTPTN pun masih ada lebih. Dia ada lebihan untuk sara hidup dia. Jadi, ini dia berhutang lagi. Saya ada kebimbangan

generasi *bankruptcy* akan banyak pada masa depan terutama sebaik saja dia keluar daripada universiti. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

Datuk Ts. Mustapha Sakmud: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. *I think* sebagai seorang pendidik bila Yang Berhormat prihatin dengan generasi muda kita yang bakal terjebak dengan isu-isu ini, ya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator.

Dato' Yang di-Pertua, itulah makanya seperti yang saya sebut pada jawapan utama tadi, program advokasi dan juga kesedaran pengurusan kewangan ini, kita tekankan kepada mahasiswa kita seawal apabila mereka menjadi masuk ke universiti dalam jangka masa sisi orientasi itu.

Jadi, kita harapkan dengan pendekatan-pendekatan advokasi ini, kesedaran awal ini, mereka akan faham bagaimana mengurus kewangan mereka. Sebab kita tidak mahu mereka dibebani oleh pelbagai hutang selain daripada PTPTN dan juga ditambah lagi dengan keperluan-keperluan yang tidak diperlukan sebenarnya. Jadi, ini yang kita sedang buat dan kita harap dengan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak ini akan memberi kesedaran kepada mahasiswa kita supaya mereka berhati-hati dalam skim BNPL. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan terakhir pada sesi soal jawab lisan. Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah.

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Terima kasih Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 12.

12. Tuan Isaiah a/l D Jacob minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah komitmen dan tindakan kementerian ke atas keselamatan Orang Kurang Upaya (OKU) di setiap stesen pengangkutan awam memandangkan ada kes kemalangan membabitkan golongan OKU di stesen pengangkutan awam khususnya stesen LRT.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah]: Terima kasih Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada sahabat-sahabat kita daripada pihak OKU diberi peluang untuk menanya soalan ini walaupun masa dah *over*. Terima kasih.

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan Malaysia senantiasa memberi keutamaan kepada aspek keselamatan pengguna dalam semua jenis pengangkutan awam sama ada darat laut mahupun udara. Keprihatinan ini turut diberikan kepada golongan OKU bagi memastikan setiap rakyat dapat menikmati perkhidmatan pengangkutan yang selamat, mudah diakses, mesra pengguna dan inklusif.

Pendekatan menyeluruh ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan tahap keselamatan pengguna senantiasa terpelihara bagi semua pengangkutan awam termasuk perkhidmatan LRT. MOT senantiasa memastikan bahawa setiap insiden disiasat secara teliti bagi mengenal pasti punca di samping melaksanakan langkah pembaikan serta pencegahan dengan kadar segera supaya kejadian seumpamanya tidak lagi berulang.

Pendekatan ini membuktikan kesungguhan kerajaan memastikan perkhidmatan LRT kekal selamat dan boleh dipercayai rakyat sebagai nadi utama pengangkutan awam bandar.

Bagi memastikan insiden yang melibatkan penumpang OKU di stesen LRT Titiwangsa, contohnya pada 22 Februari 2025 tidak lagi berulang, kini pihak Prasarana sedang menjalankan kajian kebolehlaksanaan bagi pelaksanaan *platform automatic gate system* (PAGS) di stesen-stesen LRT Laluan Kelana Jaya dan LRT Laluan Ampang.

Sementara itu, beberapa langkah interim juga telah diambil untuk meningkatkan tahap keselamatan di stesen pengangkutan awam yang lain. Antaranya adalah pemasangan penghadang keselamatan sementara di stesen-stesen LRT Laluan Kelana Jaya dan LRT Laluan Ampang, penempatan anggota polis bantuan tambahan di stesen-stesen tren, mempertingkatkan kemudahan mesra OKU di seluruh rangkaian pengangkutan awam termasuk menggantikan lif-lif yang lama dengan lif baharu yang dilengkapi dengan kemudahan mesra OKU di stesen-stesen monorel dan penambahbaikan laluan akses dan papan tanda yang lebih jelas bagi memastikan pergerakan yang selesa dan selamat kepada penumpang OKU.

Dari sudut pengurusan operasi pula, Prasarana ini juga melaksanakan program latihan berkala kepada para petugas barisan hadapan seperti petugas-petugas di stesen, kapten bas dan polis bantuan. Latihan ini bertujuan untuk memastikan petugas barisan hadapan senantiasia bersedia untuk memberikan bantuan kecemasan serta layanan inklusif dan terbaik kepada penumpang-penumpang OKU.

Tuan Yang di-Pertua, MOT selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) turut menjalinkan kerjasama dengan JKR, pihak PBT dan wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan berkaitan OKU bagi melaksanakan audit *accessibility* bertujuan untuk menilai aspek-aspek pematuhan reka bentuk hab-hab pengangkutan awam berdasarkan kepada *Malaysian Standard 1184:2014 MS1184, Universal Design and Accessibility in the Built Environment*. MOT juga kekal komited untuk memastikan setiap pengguna pengangkutan awam termasuk OKU dapat bergerak dengan selamat, selesa dan mudah melalui tiga teras utama iaitu:

- (i) memastikan semua dasar dan pelan pembangunan mengambil kira aspek keselamatan dan kebolehcapaian OKU;
- (ii) memastikan pematuhan piawaian mesra OKU dalam semua projek baharu serta naik taraf infrastruktur pengangkutan awam sedia ada; dan
- (iii) memantau secara berterusan pelaksanaan inisiatif keselamatan bagi memastikan ia memberi kesan positif kepada semua pengguna pengangkutan awam.

Selagi MOT ingin menegaskan bahawa aspek keselamatan termasuk golongan OKU senantiasanya menjadi keutamaan kerajaan. Terima kasih.

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Terima kasih, Timbalan Menteri. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah atas prihatin kerajaan terhadap golongan OKU. Saya tidak ada soalan tambahan sebab soalan saya telah dijawab. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat hari ini, selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, perenggan 5, ditetapkan bahawa Majlis Dewan hari ini tidak akan dtempohkan pada jam 1 tengah hari dan akan bersidang secara terus sehingga selesai diputuskan dan diluluskan:

1. Rang Undang-undang Pelesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025;
2. Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025;
3. Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025;
4. Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025;
dan
5. Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025.

Seperti yang tertera di nombor satu hingga nombor lima dalam Aturan Urusan Masyarakat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguh sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 9 September 2025.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PELESENAN TENAGA ATOM
(PINDAAN) 2025**

Bacaan Kali Yang kedua dan Ketiga

11.39 pg.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Chang Lih Kang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Pelesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 dibacakan untuk kali kedua sekarang.

Salam sejahtera, salam Malaysia MADANI. Rang undang-undang ini bertujuan meminda Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 atau lebih dikenali sebagai Akta 304 bagi memperkukuh dan menambah baik kerangka perundangan negara dalam mengawal selia aktiviti tenaga atom.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, penglibatan Malaysia dalam tenaga atom bermula sejak 1960-an dengan penggubalan Akta Benda-benda Radioaktif 1968 yang pada ketika itu tertumpu penggunaan isotop dan sinaran dalam bidang penyelidikan serta perubatan.

■1140

Pada 15 Januari 1969, Malaysia telah menyertai *International Atomic Energy Agency* (IAEA) sebagai negara anggota ke-101. Keanggotaan ini membuka laluan kepada pembangunan teknologi nuklear dalam pelbagai bidang melangkaui aspek perubatan semata-mata.

Bagi menampung perkembangan ini, Akta 304 telah digubal pada tahun 1984 untuk menggantikan akta terdahulu sebagai satu kerangka kawal selia yang lebih menyeluruh. Namun, setelah lebih 40 tahun berkuat kuasa, akta ini masih belum dipinda walaupun cabaran baharu telah timbul seiring dengan perubahan teknologi dan piawaian antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengenal pasti keperluan menambah baik Akta 304 melalui kajian menyeluruh. Pindaan ini bertujuan memperluaskan skop kawal selia daripada aspek keselamatan (*safety*) sahaja kepada juga merangkumi aspek sekuriti dan kawal guna ataupun *safeguard* atau lebih dikenali sebagai 3S. Langkah ini akan memastikan perundangan Malaysia lebih komprehensif selaras dengan piawaian serta amalan terbaik antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, antara pindaan penting yang dibawa melalui rang undang-undang ini adalah pertama, penyusunan institusi kawal selia, kuasa pelesenan dan penguatkuasaan akan diletakkan di bawah Jabatan Tenaga Atom ataupun ATOM Malaysia, manakala Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA) akan dinamakan semula sebagai Majlis Penasihat Tenaga Atom dengan fungsi yang lebih fokus untuk menasihati kerajaan dalam perkara dasar dan strategik.

Kedua, pengukuhan aspek 3S termasuk pelan kesiapsiagaan kecemasan, kawalan eksport dan import serta larangan terhadap pembangunan atau penggunaan senjata nuklear.

Ketiga, liabiliti dan perlindungan awam. Pengenalan peruntukan baharu mengenai penyahtauliah, jaminan kewangan, had liabiliti insiden nuklear serta perlindungan pekerja, orang awam dan alam sekitar.

Keempat, penubuhan Kumpulan Wang Sisa Radioaktif. Tabung khas akan ditubuhkan khusus untuk mengurus kutipan ses daripada industri bagi pengendalian sisa radioaktif serta

mengurangkan beban kerajaan. Ini juga — ia juga bertujuan untuk meningkatkan kebertanggungjawaban pihak industri dalam aspek pengurusan sisa radioaktif. Selaras dengan peluasan skop ini, Akta 304 yang sebelum ini dinamakan sebagai Akta Pelesenan Tenaga Atom akan ditukar namanya kepada Akta Tenaga Atom bagi menggambarkan skopnya yang lebih meluas.

Tuan Yang di-Pertua, huraian penuh fasal demi fasal telah terkandung dalam naskhah biru yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Oleh itu, izinkan saya untuk meringkaskan pindaan-pindaan ini mengikut bahagian selanjutnya. Dimulai dengan pindaan Akta 304 melibatkan struktur kerangka perundangan dan institusi kawal selia.

Antaranya ialah pindaan kepada tafsiran istilah-istilah dalam seksyen 2 serta pemansuhan sepenuhnya Bahagian 2 berhubung Lembaga Pelesenan Tenaga Atom. Sebagai gantinya, diperkenalkan Bahagian 2A yang baharu dengan memperkenalkan peruntukan baharu, seksyen 2A hingga 2D untuk menubuhkan Majlis Penasihat Tenaga Atom dengan fungsi yang jelas dan lebih berfokus.

Peruntukan baharu lain termasuk seksyen 1A hingga 1B mengenai pemakaian akta ini ke atas Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dan pemakaian luar wilayah. Pindaan juga memberi tumpuan kepada pelesenan, kawalan dan keselamatan nuklear. Antara pindaan penting ialah ke atas seksyen 12 hingga 16 yang mengukuhkan syarat lesen, memperuntukkan kuasa memberikan tempoh sah lesen yang boleh menjangkau sehingga 40 tahun serta mewujudkan mekanisme rujukan kepada Majlis Penasihat.

Turut diperkenalkan seksyen baharu 12A mengenai permit import, eksport, seksyen 16A tentang permohonan permit serta seksyen 17A mengenai syarat permit. Pindaan juga melibatkan keperluan tambahan meliputi seksyen 18 iaitu jaminan kewangan, seksyen baharu 18A hingga 18B.

Turut ditambah baik adalah pindaan kepada seksyen 20 hingga 21 mengenai penyata pemilikan dan kawalan dan peruntukan baru seksyen 21A tentang pelan kecemasan. Aspek pengurusan sisa radioaktif di bawah seksyen 26 hingga 28 turut diperkasakan dengan memperkenalkan peruntukan baru seksyen 26A hingga 28D, 27A hingga 27B dan seksyen 28A hingga 28D berhubung larangan import sisa serta penubuhan Kumpulan Wang Sisa Radioaktif.

*[Dato' Setia Salehuddin bin Saidin **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Akhir sekali, pindaan utama juga dibuat melibatkan kuasa penguatkuasaan, penalti dan liabiliti. Antara yang dipinda ialah seksyen 32 dengan pewujudan lembaga rayuan melalui seksyen baru, 32A hingga 32B serta pengukuhan kuasa siasatan dalam seksyen 33 hingga

36 dan seksyen baru 34A hingga 34B, 35A, 36A. Penalti turut ditingkatkan melalui pindaan seksyen 39 hingga 40 dan diperkenalkan mekanisme kompaun kesalahan, seksyen 40A. Hukuman penalti am dinaikkan daripada denda RM100,000 kepada RM500,000 iaitu pindaan seksyen 40.

Kesalahan keselamatan nuklear diperluas melalui Bahagian 8A iaitu seksyen 41A hingga 41J. Di bawah liabiliti nuklear, pindaan penting termasuk seksyen 55 hingga 63 mengenai pengendali pemasangan, insiden nuklear dan had liabiliti, minimum RM12 juta. Turut ditambah kuasa baru seperti seksyen 67A tentang kuasa memberikan arahan bertulis, seksyen 68A mengenai kuasa pindaan jadual dan seksyen 69A hingga 69B berhubung notis pendedahan maklumat serta perlindungan undang-undang.

Secara ringkasnya, pindaan ini menyentuh perkara-perkara utama seperti yang berikut:

- (i) peluasan takrif dan kuasa kawal selia;
- (ii) penamaan semula LPTA kepada Majlis Penasihat;
- (iii) pengenalan permit import dan eksport bahan nuklear;
- (iv) pengurusan sisa radioaktif melalui lesen dan tabung khusus bagi kutipan ses;
- (v) pelan kesiapsiagaan kecemasan;
- (vi) penekanan liabiliti, penyahtauliah dan kawalan penggunaan bahan nuklear; dan
- (vii) peruntukan lebih tegas terhadap kesalahan sekuriti dan ancaman keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya, pindaan Akta 304 ini akan memperkukuh kawal selia tenaga atom di Malaysia dengan pendekatan yang lebih menyeluruh, moden dan selaras dengan piawaian antarabangsa. Melalui rang undang-undang ini, kerajaan beriltizam memastikan aspek keselamatan, sekuriti dan kawal guna sentiasa terjamin demi melindungi rakyat, alam sekitar dan kepentingan negara.

Oleh itu, saya menyeru sokongan penuh daripada semua Ahli Yang Berhormat Senator supaya rang undang-undang ini dapat diluluskan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Mohammad Yusof bin Apdal]: Saya mohon menyokong.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai enam orang ahli yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah selama lima minit seorang.

Oleh itu, dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

11.49 pg.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Selamat pagi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Rang undang-undang ini adalah sebahagian daripada kerangka perundangan bagi membolehkan Malaysia membangunkan tenaga nuklear secara aman. Pindaan ini memastikan kerangka perundangan lebih komprehensif untuk aktiviti tenaga atom merangkumi aspek keselamatan, sekuriti dan kawal guna selaras dengan piawaian antarabangsa.

■1150

Dato' Yang di-Pertua, saya hanya ingin menarik perhatian tentang satu perkara sahaja iaitu tentang hukuman mati atas budi bicara mahkamah yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini iaitu hukuman ke atas larangan senjata nuklear di dalam seksyen — di bawah seksyen 25H dan niat untuk menyebabkan kematian di bawah seksyen 41D(1). Dalam kedua-dua senario ini, tiada kematian yang berlaku. Namun hukuman mati atas budi bicara mahkamah diperuntukkan.

Dato' Yang di-Pertua, dasar baharu kerajaan berkenaan hukuman mati dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) ketika itu iaitu Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh di mana — di Dewan yang mulia ini semasa membentangkan Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori.

Dasar baharu kerajaan berkenaan hukuman adalah pertama, bagi kesalahan yang menyebabkan kematian, hukuman mati atas budi bicara mahkamah dikekalkan.

Kedua, bagi kesalahan yang lain yang tidak menyebabkan kematian, hukuman mati tidak harus dijatuhkan oleh mahkamah. Dan ketiga, sekiranya hukuman mati tidak dijatuhkan oleh mahkamah, pesalah boleh dikenakan hukuman alternatif termasuk sebatan.

Hukuman ini adalah selaras dengan prinsip keseimbangan atau dengan izin, *proportionality principle* sebagai sebahagian daripada falsafah undang-undang negara yang memastikan keadilan melalui hukuman setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Oleh yang demikian, ternyata hukuman bagi kedua-dua kesalahan di bawah seksyen tersebut adalah tidak selari dengan dasar baharu kerajaan tentang hukuman mati. Hukuman mati atas budi bicara mahkamah hanya dikekalkan bagi kesalahan-kesalahan yang mengakibatkan kematian.

Soalan saya, adakah kerajaan telah memberi kekecualian kepada kesalahan di bawah seksyen 25H dan seksyen 41D(1) daripada dikenakan pemakaian hukuman baharu? Jika ya, apakah rasional bagi kekecualian tersebut? Dan adakah hukuman tersebut selari dengan amalan baik antarabangsa? Berapa buah negara yang memperuntukkan kesalahan larangan ke atas senjata nuklear dengan izin, *national laws* mereka dan memperuntukkan hukuman mati bagi dengan izin, *hypothetical act of using nuclear weapons*? Bukankah lazimnya kesalahan berkenaan penggunaan senjata nuklear berada di bawah bidang kuasa dengan izin, *International Humanitarian Law* dan *war crimes*, dengan izin?

Di segi Singapura, di bawah *Terrorism (Suppression of Misuse of Radioactive Material)* tahun 2017, hukuman bagi kesalahan memiliki bahan radioaktif dan kesalahan menggunakan bahan radioaktif atau *convention device* dengan niat untuk mengakibatkan kematian atau kecederaan serius atau kerosakan teruk pada harta atau alam sekitar adalah pemenjaraan bagi tempoh yang boleh dilanjutkan sehingga sepanjang hayat. Hukuman mati hanya dijatuhkan jika penggunaan bahan radioaktif atau bahan nuklear menyebabkan kematian.

Peruntukan Singapura ini adalah sama dengan peruntukan seksyen 41D(1) rang undang-undang ini. Dan bagi negara-negara yang telah menghapuskan hukuman mati sepenuhnya, hukuman bagi kesalahan-kesalahan berkaitan dengan bahan radioaktif adalah pemenjaraan dan denda sahaja.

Dato' Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa senjata nuklear adalah merbahaya, boleh menyebabkan kehilangan nyawa, kerosakan harta dan alam sekitar. Namun, saya berpendapat hukuman yang diperuntukkan hendaklah selari dengan dasar hukuman negara dan amalan antarabangsa bagi kesalahan-kesalahan yang sama. Malaysia telah beralih kepada dasar hukuman yang progresif yang menghormati dan melindungi hak untuk hidup selaras dengan perkembangan di peringkat antarabangsa.

Saya berpendapat hukuman bagi kesalahan-kesalahan dalam seksyen 25H dan 41D(1) sewajarnya hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada 30 tahun dan boleh dilanjutkan sehingga 40 tahun dan boleh dikenakan hukuman sebat sehingga 12 sebatan.

Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini kecuali peruntukan hukuman bagi seksyen-seksyen 25H dan 41D(1). Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Puan Rita Sarimah. Masa tepat lima minit.

Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom: 5 minit ya YB.

11.55 pg.

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahaskan RUU Pelesenan Tenaga Atom 2025 yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai Bacaan Kali Yang Kedua sebentar tadi.

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kerajaan kerana telah mencadangkan satu pindaan yang saya rasa perlu kerana kemajuan teknologi dan bahayanya — apa namanya ini, nuklear-nuklear pada era ini perlu ditangani melalui undang-undang yang komprehensif. Walaupun demikian, saya ada beberapa perkara yang saya ingin sentuh berkenaan dengan RUU ini.

Saya pun berpendapat sama dengan Yang Berhormat Rita tadi berkenaan hukuman tadi, berkenaan dengan hukuman mati. Apabila kerajaan memansuhkan hukuman mati mandatori melalui Akta 846, dasar ini haruslah diambil kira apabila menggubal undang-undang atau membuat pindaan undang-undang yang menjatuhkan hukuman mati di negara ini.

Dasar ini dengan jelas menggariskan bagi kesalahan yang menyebabkan kematian, hukuman mati atas budi bicara mahkamah dikekalkan. Dan bagi kesalahan yang lain, yang tidak menyebabkan kematian, hukuman mati tidak harus dijatuhkan oleh mahkamah. Dan sekiranya hukuman mati tidak dijatuhkan oleh mahkamah, pesalah boleh dikenakan hukuman alternatif termasuk sebatan. Inilah dasar-dasar yang diguna pakai, diamalkan oleh negara kita selepas kita membuat pemansuhan kepada hukuman mati mandatori 2023 di bawah Akta 846.

Dato' Yang di-Pertua, jikalau kita merujuk kepada seksyen 25H dan 41D yang dicadangkan, saya pun bersetuju dengan hujah yang diberikan oleh Yang Berhormat Rita tadi di mana hukuman ini tidak mengakibatkan kematian dan pemberian budi bicara kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman mati adalah tidak selari dengan dasar yang telah saya sebutkan tadi.

Kalau kita merujuk kepada akta yang lebih kurang sama iaitu di negara jiran kita di Singapura melalui akta, *Terrorism (Suppression of Misuse Radioactive Material) Act* 2017 memang hukuman mati hanya dijatuhkan jika penggunaan bahan radioaktif atau bahan nuklear menyebabkan kematian. Walaupun hukuman mati di Malaysia masih ada dalam

undang-undang yang kita ada sekarang, Cuma tidak lagi mandatori tetapi kementerian harus ingat, dasar yang kita amalkan di negara ini apabila Parlimen meluluskan dengan izin, *The Abolition of the Mandatory Death Penalty Act 2023* [Akta 846] haruslah kita ambil kira.

Saya sangat bersetuju dengan apa yang telah dilaporkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang di Dewan Negara yang mulia ini di mana jawatankuasa berpendapat bahawa terdapat ruang untuk menyemak semula *proportionality* hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen 41D dan seksyen 25H.

Dato' Yang di-Pertua, yang kedua — pendek saja yang kedua ini. Saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Selain daripada akta ini, seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya rasa tiada akta lain daripada Akta Pelesenan Tenaga Atom ini. Oleh yang demikian, adakah — apa nama, saya dapati bahawa pindaan kepada pelesenan tenaga atom ini tidak termasuk dengan pelesenan pembangunan loji jana kuasa nuklear yang saya rasa perlu bagi kita mara ke hadapan berkenaan dengan nuklear di negara kita ini.

■1200

Dato' Yang di-Pertua, walaupun saya menyokong RUU Pelesenan Tenaga Atom ini, sebelum pelaksanaan dibuat, masih ada ruang untuk kita melihat semula dan boleh lagi dibawa ke Dewan yang mulia ini untuk diperhalusi berkaitan dengan hukuman mati yang telah saya utarakan tadi. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Pele. Seterusnya, saya persilakan jirannya Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

12.00 tgh.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada untuk membahaskan Rang Undang-undang Tenaga Atom ini.

Sebelum saya melanjutkan perbahasan saya: saya cuba untuk memberi gambaran bahawa tenaga atom atau nuklear ini memang sangat berbahaya. Kalau kita masih ingat peristiwa bersejarah di mana pada 6 Ogos 1945 adalah bom *Little Boy* telah digugurkan dan di mana banyak jiwa mati. Begitu juga peristiwa *Fat Man* ataupun pada 9 Ogos 1945 juga, di mana peristiwa bom atom digugurkan di Nagasaki. Kesannya sangat panjang iaitu Peristiwa Pengeboman Hiroshima. Ini semua dunia ingat sebagai satu peristiwa yang sangat berbahaya.

Dan dengan rang undang-undang yang ada di hadapan kita pada hari ini, saya juga membincangkan rang undang-undang ataupun fasal-fasal baharu yang dinyatakan sebentar tadi iaitu di mana kami berbincang tentang fasal 25H di mana menetapkan hukuman mati. Dalam peristiwa ini memang — dalam fasal ini, sememangnya hukuman mati itu adalah satu

yang kadang-kadang wajar kalau perkara-perkara ini boleh menyebabkan kematian yang akhirnya banyak kepada jiwa-jiwa di negara ini.

Jadi, apabila perkara ini dimajukan kepada kita pada hari ini, dan ini adalah satu langkah berjaga-jaga kepada kita supaya kita tidak dengan mudah untuk membiarkan pihak-pihak tertentu untuk mengusahakan bom atom, bom nuklear ataupun tenaga atom, tenaga nuklear ini supaya kita tidak membahayakan orang lain ya.

Yang lebih penting lagi, saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian di manakah tahap kita sebab ada larangan, ada peraturan undang-undang dunia ini di mana apabila sesebuah negara itu aktif di dalam melaksanakan bom tenaga nuklear mereka, mereka di — seolah-olah dikawal oleh negara Amerika Syarikat. Contoh yang paling dekat dengan kita ialah negara Iran. Di mana, apakah yang menyebabkan Amerika mengganggu mereka? Jadi, bukanlah maksud saya kita dalam negara Malaysia perlu seperti itu, tidak, tetapi ini, undang-undang yang sangat penting ini adalah satu langkah awal walaupun ia menetapkan hukuman mati, tetapi ini adalah sesuatu yang, kerana ia sangat bahaya, ini adalah sesuatu yang baik untuk kita.

Di dalam fasal 41D juga, memang diperuntukkan hukuman mati. Jadi saya berharap dengan adanya hukuman mati ini bukanlah sesuatu yang mandatori, tetapi saya harap ia digunakan dengan sebaik mungkin dan diberi pendedahan kepada rakyat supaya jangan main-main dengan tenaga nuklear ataupun atom ini. Di mana semasa sesi libat urus, saya sangat menghormati kementerian ini telah memberi pencerahan kepada kita.

Malah saya sendiri tidak tahu apa itu nuklear, apa itu atom. Jadi rupanya, supaya rakyat di bawah sana tahu bahawa untuk peledak satu senjata nuklear itu pun, tidak boleh kita main-main pegang. Takut-takut nanti kita memiliki barang itu, kita kena hukuman mati. Jadi, saya percaya kalau dengan undang-undang yang ada supaya jangan orang yang *innocent* kita hukum mereka. Ini sahaja persoalan saya.

Begitu juga dengan fasal 41E juga menetapkan hukuman mati. Walaupun ia menetapkan hukuman mati, saya berharap supaya perkara-perkara ini jangan terlalu *strict*, adakah undang-undang dikuatkuasakan dengan seperti *panel code* ataupun dengan undang-undang lain, dibacakan dengan undang-undang lain. Kalau tidak, orang yang tidak tahu-menahu tentang atom dan nuklear ini, dia terpegang ataupun orang sabotajkah, orang letak di rumah dia, tiba-tiba pihak berkuasa jumpa di rumah orang yang tidak tahu apa benda. Jadi kita akan dihukum. Jadi, ini mohon pencerahan daripada kementerian nanti. Jadi dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, YB Senator Tuan Abun. Seterusnya saya persilakan YB Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang, silakan.

12.05 tgh.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta sama membahaskan Rang Undang-undang Pelesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025. RUU di hadapan kita ini adalah satu langkah penting bagi Malaysia untuk memperkukuhkan kerangka perundangan dalam bidang tenaga atom agar lebih baik dari segi perundangan.

RUU di hadapan kita ini juga bertujuan untuk mengemas kini akta sedia ada agar selaras dengan piawaian dan amalan antarabangsa yang ditetapkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa iaitu IAEA. Ini jelas memberikan kuasa yang lebih luas kepada Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) untuk mengawal selia aktiviti yang melibatkan tenaga atom. Ini termasuklah kawalan ke atas sisa radioaktif, pengimportan dan pengeksporan bahan radioaktif serta pengurusan kemudahan kuasa tenaga nuklear.

Saya setuju dengan pindaan yang dibawa kerana mengutamakan aspek keselamatan dan perlindungan awam serta alam sekitar daripada kesan bahayanya radiasi. Pindaan ini juga penting kerana membina keyakinan antarabangsa terhadap komitmen Malaysia dalam pengurusan keselamatan nuklear.

Seterusnya, ia juga akan menarik pelaburan dalam sektor nuklear, terutamanya dalam bidang perubatan, industri dan penyelidikan. Selain dari itu, memastikan keselamatan dan perlindungan awam adalah keutamaan dalam setiap aktiviti yang melibatkan tenaga atom. Selaras dengan itu, fasal 41E ini juga membuktikan kerajaan amat mengambil berat terhadap hukuman yang dikenakan.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin terus kepada RUU dengan menyentuh mengenai kuasa baru AELB. Pindaan ini akan memberikan kuasa baharu kepada AELB untuk mengenakan penalti yang lebih berat ke atas mana-mana pihak yang melanggar syarat lesen. Ini termasuklah jumlah denda yang lebih tinggi dan tempoh penjara yang lebih lama. Maka, saya ingin bertanya sama ada pindaan ini akan memperluaskan skop akta sedia ada untuk merangkumi teknologi baharu dalam bidang nuklear, terutamanya yang berkaitan dengan perubatan nuklear dan sektor perindustrian.

Selain dari itu, walaupun RUU ini bertujuan untuk menyelaraskan undang-undang dengan piawaian agensi tenaga atom antarabangsa, pelaksanaannya di Malaysia masih belum teruji. Soalan saya, adakah terdapat risiko di mana pematuhan kepada standard yang tinggi ini mungkin sukar dicapai, terutamanya bagi pengendali kecil atau penyelidik?

Selain dari itu, apakah AELB mungkin menghadapi cabaran dari segi sumber kepakaran dan kewangan untuk melaksanakan peruntukan baharu dalam RUU ini? Kekurangan kakitangan pakar dan peralatan yang canggih boleh menjejaskan keupayaan penguatkuasaan. Saya juga melihat terdapat adanya ketidakseragaman dalam pindaan yang

dibawa. Ini kerana sama seperti RUU bekalan elektrik, pindaan ini tidak terpakai di Sabah dan Sarawak. Hal ini kerana perkara ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Ini boleh menyukarkan koordinasi dan penguatkuasaan yang seragam di seluruh negara. Apakah tindakan kementerian mengenai perkara ini?

Saya juga melihatkan kurangnya pendedahan awam mengenai pindaan ini yang mana mungkin tidak mendapat pendedahan yang luas kepada orang awam. Kurangnya kesedaran orang ramai mengenai keselamatan nuklear dan peranan AELB boleh menimbulkan kebimbangan yang tidak berasas dan merencatkan pembangunan sektor ini.

■1210

Apakah langkah kementerian mengenai perkara ini. Saya juga ingin mencadangkan pendidikan awam program pendidikan dan kesedaran awam perlu dilancarkan untuk memaklumkan kepada rakyat khususnya rakyat Malaysia mengenai kepentingan tenaga atom. Ini akan membantu mereka memahami faedah dan risiko yang terlibat.

Dato' Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan RUU Pelesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 adalah langkah yang amat penting dan strategik walaupun RUU ini membawa cabaran yang merupakan satu keperluan mutlak bagi Malaysia untuk mengukuhkan kerangka perundangan kita agar seiring dengan piawaian antarabangsa. Pindaan ini bukan sahaja akan meningkatkan keselamatan dan keyakinan awam, malah ia juga membuka ruang untuk pembangunan sektor tenaga atom yang lebih inovatif dan mempromosikan pembangunan lestari awam.

Saya dengan ini mohon menyokong RUU Pelesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih kepada YB Senator Dato' Hajah Ros Suryati. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua YB kerana menepati masa yang diperuntukkan.

Seterusnya, saya menjemput YB Senator Datuk Anna Bell. Silakan.

12.11 tgh.

Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak kerajaan kerana telah mengambil langkah berani dan berpandangan jauh dalam membentangkan Rang Undang-undang Pelesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 ini.

Dengan kelulusan rang undang-undang ini, negara kita akhirnya mempunyai satu kerangka perundangan yang lebih jelas, komprehensif serta kukuh bagi pembangunan tenaga berasaskan atom. Ia bukan sahaja memperlihatkan kesungguhan Malaysia dalam mendepani

cabaran tenaga masa hadapan, bahkan menjadi bukti komitmen kita terhadap pembangunan mampan serta keselamatan negara.

Dato' Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai sasaran karbon sifar bersih menjelang tahun 2050. Pengenalan kerangka pelesenan baharu membuka peluang luas bagi penerokaan tenaga – teknologi tenaga bersih yang lebih moden termasuklah *small modular reactor* (SMR) yang mana SMR dilihat sebagai teknologi yang lebih selamat, berskala kecil, fleksibel dan boleh dilaksanakan secara berperingkat di Malaysia.

Keupayaan SMR boleh mengurangkan pelepasan karbon, meningkatkan kecekapan tenaga serta mengurangkan risiko kemalangan besar adalah selari dengan keperluan negara untuk beralih daripada penggantungan sumber tenaga fosil dengan adanya undang-undang ini. Kita menyediakan laluan yang teratur untuk memastikan penggunaan tenaga atom diurus dengan penuh bertanggungjawab dan berpandukan standard antarabangsa.

Dato' Yang di-Pertua izinkan saya memberi fokus kepada Sabah. Negara ini berhadapan dengan cabaran besar dalam aspek bekalan tenaga terutamanya di kawasan luar bandar yang sering terkesan dengan isu gangguan bekalan elektrik. Dengan adanya peruntukan dalam RUU Sabah berpeluang menjadi negeri perintis kepada teknologi tenaga atom seperti SMR, *Accelerator Driven Energy Source* (ADS), dengan izin, serta sistem tenaga bersih modular yang lain.

Teknologi ini mampu menawarkan penyelesaian jangka panjang kepada masalah tenaga, mengurangkan kebergantungan kepada gas asli serta membuka jalan kepada pelabur baharu dalam bidang teknologi tinggi. Sabah yang kaya dengan diversiti dan sumber asli memerlukan tenaga stabil untuk memacu pembangunan ekonomi dan pelaksanaan tenaga atom berskala kecil adalah satu langkah strategik untuk membangunkan sektor industri, perkilangan serta menarik pelabur asing. Manfaatnya bukan sahaja kepada Sabah, tetapi juga memberi nilai tambah kepada Malaysia secara keseluruhannya dalam usaha menyeimbangkan keperluan tenaga antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Dato' Yang di-Pertua, satu aspek penting yang digariskan dalam pindaan ini adalah kepastian dari sudut kawal selia dan keselamatan. Tenaga atom merupakan satu bidang yang sensitif dan memerlukan pengurusan rapi serta telus. Dengan adanya kerangka pelesenan yang jelas, aspek keselamatan, sekuriti serta pemantauan terhadap sebarang teknologi tenaga atom dapat diperkukuhkan. Ia memberikan jaminan kepada rakyat bahawa setiap langkah pelaksanaan adalah berdasarkan prosedur piawaian yang ketat sekali gus mengelakkan sebarang kebimbangan terhadap keselamatan awam.

Tambahan pula, keyakinan pelabur dan komuniti antarabangsa akan meningkat apabila Malaysia menunjukkan keseriusan untuk melaksanakan tenaga atom secara

bertanggungjawab, memastikan garis panduan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dan amalan terbaik global.

Namun demikian Dato' Yang di-Pertua, terdapat beberapa persoalan penting yang wajar diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Pertama, bagaimanakah peruntukan dalam RUU ini boleh mempercepatkan pelaksanaan projek perintis tenaga atom baharu seperti SMR di Sabah? Apakah langkah-langkah praktikal yang akan diambil untuk memastikan teknologi ini dapat diuji dan dilaksanakan dengan pantas, namun tetap memenuhi piawaian keselamatan?

Kedua, apakah mekanisme pelesenan yang akan dibangunkan bagi membolehkan kerjasama sektor swasta dan kerajaan dapat pembangunan tenaga atom? Dalam hal ini, penting untuk kita mengimbangi peluang pelaburan dengan aspek keselamatan serta kedaulatan negara agar kepentingan strategi Malaysia tidak tergadai.

Ketiga, adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan skim galakan atau insentif khusus bagi menarik pelabur dalam sektor ini? Contohnya melalui projek rintis di Sabah. Jika diwujudkan model pelaksanaan tenaga atom di Sabah yang berjaya, ia boleh dijadikan sebagai contoh dan diperluaskan ke negara-negara lain mengikut keperluan.

Dato' Yang di-Pertua, kesimpulan Rang Undang-undang Pelesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 ini adalah satu tonggak yang baharu dalam landskap tenaga negara. Ia bukan sahaja menyediakan asas perundangan dan kawal selia yang mantap tetapi juga membuka peluang kepada Malaysia untuk bergerak ke hadapan dengan tenaga yang bersih, mampan dan berdaya tahan. Dengan adanya sokongan sasaran *Net Zero* 2050, peluang pembangunan tenaga baharu di Sabah serta jaminan kawal selia yang lebih teliti, saya percaya rang undang-undang ini mampu membawa Malaysia ke tahap baharu dalam sektor tenaga.

Akhir kata, saya menyokong penuh usaha kerajaan dalam membentangkan RUU ini. Namun, beberapa persoalan dikemukakan harap dapat diberi jawapan yang tuntas serta pelaksanaan tenaga atom di Malaysia benar-benar memberi manfaat kepada rakyat, negara serta generasi akan datang. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Senator Datuk Anna Bell. Mungkin tidak terlewat untuk saya dimaklumkan sebentar tadi untuk mengucapkan sekalung tahniah kepada YB Senator Datuk Anna Bell atas pengurniaan pingat Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK), baru-baru ini. *[Tepuk]* Tahniah ya.

Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat YB Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof. Dipersilakan Datuk.

12.17 tgh.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menyentuh beberapa aspek sebelum masuk kepada perundangan iaitu tentang isu geopolitik. Pasti kita masih segar dalam ingatan kita tentang usaha nuklear yang dilakukan oleh Kerajaan Iran. Kita tahu walaupun Negara Iran telah beberapa kali mengadakan rundingan demi rundingan bagi membuktikan bahawa negara itu bukan nak mendirikan satu nuklear atau tenaga nuklear untuk pemusnahan, tetapi akhirnya ia menemui jalan yang buntu sehingga menyebabkan apa yang berlaku diburukkan lagi dengan serangan Israel ke atas jana kuasa nuklear Iran.

Apa kena mengenanya dengan kita punya RUU ini? Ia sangat penting sebab ini bukan lagi isu pematuhan kepada keselamatan dan sebagainya. Dia adalah isu geopolitik di mana kita tahu kuasa besar Amerika ya, mereka tidak akan membiarkan mana-mana negara punya kuasa nuklear walau atas apa tujuan kerana di atas *pretext* takut akan berlaku senjata pemusnah besar-besaran menggunakan tenaga nuklear. Iran masih segar di depan kita. Tak payah pergi Hiroshima lah, Iran ada depan. Baru sahaja berapa bulan berlaku.

Jadi, apakah kerajaan telah mengambil kira aspek geopolitik ini supaya apa yang kita usahakan dalam konteks RUU ini? Walaupun kita faham tujuannya juga adalah untuk meyakinkan masyarakat antarabangsa bahawa ini bukan untuk tujuan senjata, tapi atas pendidikan, penyelidikan, pertanian, perubatan dan sebagainya. Namun, kadangkala isu geopolitik ini akan mengalahkannya semua keperluan-keperluan tersebut.

■1220

Kita tahu Malaysia akan muncul sebagai sebuah negara yang setanding dengan dunia yang lain, apatah lagi di peringkat ASEAN. Jadi, perlu juga mengambil kira aspek ini selain daripada keselamatan, apa yang berlaku di Chernobyl, di Fukushima. Sejauh manakah RUU ini dengan kapasiti yang ada mampu untuk menangani isu-isu itu, Tuan Speaker?

We are talking about nuclear disaster. We are not talking about any, you know, kilang dia buat keluar toksik, apa kah, tapi this is a nuclear disaster. Sejauh manakah RUU ini *compatible* ya? Sesuai ataupun mampu dengan kekuatan undang-undang yang ada ini dengan kemampuan kita untuk menangani isu-isu *nuclear disaster*.

Yang kedua ialah tentang keselamatan. Hak untuk rakyat mengetahui negara kita ini kadang-kadang terkena Tuan Speaker, bila dah berlaku baru kalut. Dia tak ada *pre-mortem*, yang ada *post-mortem*. Dah mati orang, dah habis orang, kita pun buatlah *post-mortem*. Kenapa tidak kita adakan satu *informed knowledge* kepada awam apa yang berlaku, tahap nuklear dia bagaimana, dia punya risiko dia macam mana lebih awal supaya perkara itu kita dapat elakkan.

Dan akhirnya, saya bersama dengan rakan-rakan yang berbahas tadi kebetulan majoritinya ialah daripada Jawatankuasa Semakan Undang-undang. Kami bersepakat

sebenarnya mempersoalkan isu *death penalty*. Pada masa yang kita cuba elak untuk menghapuskan *death penalty mandatory*-lah ye.

Kita juga minta supaya undang-undang ini diperlakukan dengan perkara yang sama. Apakah ia nya mandatori atau kah dia ini *discretionary* dengan melihat pilihan hakim sama ada a *long-term imprisonment* ataupun apa hukuman berat? Cuma, dalam hal ini saya juga ingin tahu yang kita tahu mandatori ini ada beberapa antaranya ialah isytihar perang kepada Yang di-Pertuan Agong.

Apakah ini nak di *gravitate* atau nak diheret kepada persoalan bahaya ancaman nuklear ini kepada mengisytihar perang kepada Yang di-Pertuan Agong. Kalau itu *reason*-nya, maka mungkin ada justifikasinya. Tapi, terangkan kepada kami di sini, dalam Dewan ini dengan keyakinan, di mana kedudukan *death penalty* dalam hal ini.

Dan, saya harap, kita juga memenuhi lagi beberapa perjanjian antarabangsa yang belum kita penuhi. Sekian, terima kasih, Tuan Speaker.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid atas perspektif dan dimensi yang agak berbeza dengan pembahas-pembahas lain ya. Terima kasih.

Dengan demikian, saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab segala persoalan. Terima kasih.

12.23 tgh.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Chang Lih Kang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada enam orang Ahli Yang Berhormat Senator iaitu Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol, Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom, Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Ros Suryati binti Alang, Yang Berhormat Senator Datuk Anna Bell, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pelesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 pada pagi ini.

Atas keprihatinan, cadangan, komen dan saranan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, amat diambil berat dan akan diambil kira semasa sesi rangka kerja menggubal peraturan-peraturan berkaitan dengan akta ini selanjutnya. Dan seperti mana Yang Berhormat Ahli-ahli Senator sedia maklum, opsyen penggunaan tenaga nuklear untuk menjana elektrik telah mula dibincangkan secara meluas di negara ini dan sehubungan itu, terdapat keperluan untuk perundangan sedia ada diperkukuh sebagai langkah persediaan kepada Malaysia untuk membangunkan program kuasa nuklear bagi kegunaan tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu isu yang amat penting iaitu lebih kurang semua Ahli Senator telah pun sentuh tentang hukuman mati, *discretionary*. Nanti saya akan sebut dalam

isu yang terakhirlah. Izinkan saya teruskan dengan isu yang lain dulu dan untuk tenaga penggunaan nuklear sebagai tenaga, perkara ini juga penting untuk memastikan tidak timbul masalah untuk Malaysia mendapatkan teknologi dan bahan nuklear untuk pembangunan loji kuasa nuklear bagi menjana elektrik.

Dalam hal ini ada lima instrumen antarabangsa berkaitan tenaga atom yang belum ditandatangani dan dua instrumen antarabangsa yang memerlukan ratifikasi sebagai langkah persediaan ke arah penggunaan tenaga nuklear untuk penjanaan tenaga elektrik. Dan instrumen-instrumennya adalah seperti berikut, dua instrumen antarabangsa yang telah ditandatangani oleh Malaysia, tetapi belum lagi diratifikasi adalah *International Convention for the Suppression of Acts of Nuclear Terrorism* dan *protocol additional to the IAEA comprehensive safeguards agreement*.

Manakala, instrumen antarabangsa yang perlu ditandatangani adalah pertama, *Convention on Nuclear Safety*.

Kedua, *Convention on the Physical Protection of Nuclear Material and its amendments*.

Ketiga, *Joint Convention on the Safety of Spent Fuel Management* dan yang terakhir *Protocol to Amend the Vienna Convention on Civil Liability*.

Seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat semua sebelum ini, pindaan 304 ini akan turut meliputi pindaan terhadap peruntukan mengenai tempoh sah lesen. Melalui pindaan ini, lesen boleh dikeluarkan untuk tempoh yang lebih panjang dan penambahbaikan tempoh sah lesen kepada maksimum 40 tahun adalah satu langkah yang munasabah berdasarkan reka bentuk hidup reaktor, *design life of a reactor*, dengan izin yang juga diaplikasi di negara lain seperti Korea Selatan, Amerika Syarikat, Jepun dan China.

Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman semua, perkara utama yang akan dipinda dalam RUTA ini adalah berkaitan tadbir urus JTA sedia ada, Jabatan Tenaga Atom. Ingin saya maklumkan di sini, bahawa akta ini merupakan satu pindaan dan perlu dibaca bersama dengan Akta 304 yang asal, di mana peruntukan-peruntukan yang tidak dipinda masih berkuat kuasa.

Dan dalam hal ini, pindaan utama adalah lembaga dimansuhkan dan kuasa sebagai pihak berkuasa pelesenan dipindahkan kepada Ketua Pengarah. Sistem tadbir urus di bawah akta ini pada dasarnya terletak di bawah tanggungjawab lembaga. Namun, lembaga tidak mempunyai keupayaan yang diperlukan seperti sumber manusia, infrastruktur, kemudahan dan peralatan bagi melaksanakan fungsi di bawah Akta 304 secara berkesan. Oleh itu, lembaga telah menurunkan kuasa-kuasa pelesenan dan penguatkuasaan kepada Ketua Jabatan Tenaga Atom (JTA).

Seperti mana syor di dalam JKPK Semakan Undang-undang, di bawah RUU Tenaga Atom, kuasa Ketua Pengarah telah diperkemas dan ditakrifkan dengan jelas. Walau bagaimanapun, segala keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah tetap tertakluk kepada serta berpandukan arahan Jemaah Menteri melalui peraturan subsidiari yang akan digubal di bawah peruntukan RUU ini.

Untuk menjawab tentang keupayaan JTA, pengalaman begitu lama dalam melaksanakan kuasa pelesenan dan penguatkuasaan di bawah Akta 304 ini, Ketua Pengarah JTA telah mempunyai keupayaan dan kepakaran dalam melaksanakan fungsi di bawah akta ini. Pemindahan kuasa tersebut akan mewujudkan keseragaman tadbir urus. Hal ini bagi memastikan Ketua Pengarah JTA dapat melaksanakan fungsi di bawah Akta 304 tanpa melalui perwakilan kuasa oleh lembaga. Manakala, satu majlis penasihat diwujudkan di bawah RUTA dan yang menyerupai fungsi-fungsi lembaga seperti menasihati Menteri dalam perkara dasar dan strategik akta dan apa-apa perkara yang dirujuk.

Mengenai pertanyaan berhubung keahlian. *Sorry*. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator juga, seperti yang dilaporkan dalam penyata JKPK Semakan Undang-undang pada 4 September yang lalu, di bawah RUU ini, lembaga rayuan akan ditubuhkan berdasarkan kepada *case-by-case basis*. Di mana orang yang tidak puas hati dengan keputusan dibuat oleh pihak berkuasa berkenaan iaitu Ketua Pengarah Tenaga Atom ataupun Ketua Pengarah Kesihatan, boleh mengemukakan rayuan kepada lembaga rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan YB Senator Datuk Anna Bell berkaitan mempercepatkan pelaksanaan projek perintis tenaga atom baharu seperti SMR di Sabah. Mekanisme pelesenan yang membolehkan kerjasama sektor swasta kerajaan dalam membangunkan tenaga atom tanpa mengabaikan aspek keselamatan dan kedaulatan negara dan adakah kerajaan bercadang memperkenalkan skim galakan ataupun insentif ataupun projek rintis di Sabah.

■1230

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan sesuatu perundangan bukan merupakan faktor dalam mempercepatkan pelaksanaan sesuatu projek, mengambil kira pelbagai faktor lain seperti komitmen kerajaan, kos dan sebagainya. Namun, perundangan yang jelas dan komprehensif akan memastikan pelaksanaan projek seperti SMR dapat memenuhi aspek keselamatan, sekuriti dan kawal guna selaras piawaian antarabangsa yang digariskan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa. Ketersediaan perundangan dalam aspek ini juga dapat menarik minat pelabur asing dan pembangun teknologi nuklear seperti Korea, China dan lain-lain untuk melabur dalam projek perintis tenaga atom di Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, RUU ini tidak memperuntukkan berkenaan kerjasama sektor swasta kerajaan yang pada kebiasaannya kerjasama dibuat

secara perjanjian. RUU ini adalah bagi mengawal dan mengawal selia aktiviti tenaga atom dan penilaian meliputi aspek keselamatan, sekuriti dan kawal guna yang dibuat apabila terdapat permohonan.

Seterusnya, saya ingin beralih kepada pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Ros Suryati berkaitan sama ada pindaan ini merangkumi tenaga baharu dalam industri terutamanya yang berkaitan dengan perubatan nuklear dan perindustrian. Memang ya. Rang undang-undang ini memberi kuasa kawalan terhadap bahan radioaktif, bahan nuklear dan penjana sinaran Akta 304 semasa telah mengawal selia aktiviti bagi maksud perubatan termasuk teknologi perubatan nuklear baharu dengan berkesan selaras dengan piawaian antarabangsa seperti yang disarankan oleh IAEA.

Mengenai kerisauan Yang Berhormat tentang pematuhan oleh pengendali pemasangan nuklear, pemegang lesen di bawah Akta 304 juga tertakluk untuk memenuhi syarat-syarat lesen yang dikeluarkan oleh JTA dan tertakluk kepada pemeriksaan yang dijalankan secara berkala. Hasil pemeriksaan terhadap pemegang lesen semasa mendapati kebanyakan pemegang lesen dapat memenuhi peruntukan perundangan dan syarat lesen yang dikeluarkan.

Jabatan Tenaga Atom juga buat masa ini tidak ada masalah dari segi kepakaran. Dari semasa ke semasa Pegawai Teknikal JTA mendapat latihan dan pembangunan keupayaan melalui kursus, bengkel, mesyuarat teknikal dan kerjasama saintifik yang dianjurkan oleh IAEA serta rakan strategik dalam bidang kawalan dan kawal selia aktiviti tenaga atom seperti EU, USDOE: *United States Department of Energy* dan lain-lain. Terdapat pegawai teknikal daripada JTA yang telah diiktiraf sebagai pakar dan dijemput menjadi pakar rujuk dalam bidang keselamatan sinaran dan nuklear, sekuriti nuklear dan kawal guna nuklear. Kepakaran kakitangan juga diiktiraf di peringkat rantau ASEAN melalui projek yang dijalankan di bawah ASEAN melalui *ASEAN Network of Regulatory Bodies of Atomic Energy (ASEANTOM)* dalam bidang keselamatan, sekuriti dan kawal guna.

Mengenai pertanyaan yang turut dibangkitkan oleh — *in fact*, ramai Yang Berhormat telah pun sebut, ini adalah tentang *death penalty*, berhubungan dengan hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen 41D dan seksyen 25H yang turut juga ditanya semasa JKPK Semakan Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, RUU ini adalah selaras dengan dasar pemansuhan hukuman mati mandatori sebab apa yang disebut dalam RUU ini adalah *discretionary*, bukan mandatori. Bagi kesalahan nuklear, hukuman mati walaupun secara *discretionary* masih relevan dan diperlukan bagi pandangan kementerian ini dan menepati prinsip *proportionality* memandangkan tahap kebinasaan serta implikasi ancamannya adalah pada skala yang luar biasa.

Walaupun kesalahan yang diperuntukkan di dalam cadangan seksyen 25H dan 41D tidak serta-merta mengakibatkan kehilangan nyawa, namun ancaman tersebut adalah bersifat yang mengancam kelangsungan hidup ataupun *existential threat or threat to the survival of humankind*, dengan izin. Dalam hal ini, terdapat sejumlah kesalahan keselamatan nuklear serius yang diperuntukkan dengan hukuman berat iaitu pemenjaraan sehingga 40 tahun. Sementara itu, bagi kesalahan yang lebih berat antaranya termasuk perbuatan yang mengakibatkan kematian, kesalahan larangan senjata nuklear, jenayah keji berkaitan nuklear ataupun *heinous nuclear crime*, dengan izin.

RUU ini memberi kuasa kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman yang setimpal termasuk hukuman mati secara *discretionary* dan mahkamah masih terikat dengan izin, prinsip *proportionality* dan prinsip *exceptionality*, iaitu hukuman mati hanya dijatuhkan dalam keadaan *exceptional situation* ataupun *the rarest of the rare* yang bergantung kepada tahap keseriusan jenayah yang dilakukan ataupun *gravity of the offence*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa niat kerajaan untuk menggubal undang-undang ini bukan *trigger-happy* dengan izin, bukan niat untuk membunuh tetapi niat sebagai satu *deterrent* sebab jenayah di bawah nuklear ini padahnya amat serius terutamanya yang melibatkan senjata nuklear. Bagi contoh tadi, Senator Abun Sui telah pun menyebut tentang Hiroshima di mana *Little Boy*. Satu bom *Little Boy* diletupkan di Hiroshima. Bom yang diletupkan menggunakan isotop uranium-235 dan *half-life of uranium-235* itu adalah melebihi 700 juta tahun.

Dan Tuan Yang di-Pertua, katakan bom itu diletupkan tetapi tidak melibatkan sebarang kehilangan nyawa, tetapi masalah ataupun padah yang dibawa oleh letupan tersebut adalah amat-amat serius dan dia tidak — walaupun dia tidak melibatkan kehilangan nyawa, maka saya menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat supaya kita memberikan ruang kepada mahkamah untuk membuat keputusan mengenai hukuman mati *discretionary* ini, tetapi untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat juga, semakan kementerian ini bersama Jabatan Peguam Negara mengesahkan cadangan hukuman *discretionary death sentence* dalam RUU ini tidak bercanggah dengan Akta 846.

Namun begitu, namun begitu, MOSTI akan terus menyokong dasar Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, JPM jika hukuman mati ini dimansuhkan, hukuman mati *discretionary* ini dimansuhkan dan hukuman setara diperkenalkan di masa depan. *We are prepared to amend this law again*, dengan izin. Dan...

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Mencelah sedikit.

Tuan Chang Lih Kang: Sila.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Saya rasa ada kekeliruan tadi. Saya tak menyentuh tentang hukuman mati mandatori. Memang hukuman yang diperuntukkan di bawah kedua-dua seksyen adalah budi bicara kepada mahkamah untuk menentukan sama ada menjatuhkan hukuman mati ataupun penjara yang bagi tempoh pemenjaraan bagi tempoh yang lama. Soalnya adalah dasar yang telah diterima pakai adalah dikenakan hukuman mati sekiranya menyebabkan kematian. Itu yang persoalan saya. Tidak ada kaitan dengan hukuman mati nombor mandatori. *That is my question.*

Dan saya meminta tadi apa yang kita — dicadangkan kita, adakah ianya selaras dengan amalan terbaik antarabangsa? *Is there any country* yang meletakkan hukuman seperti *section 25H* di dalam *national law* negara-negara tersebut? Itu yang sebenarnya isu dia Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Silakan YB Menteri.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh saya celah sikit untuk jawab sekali?

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Jika Menteri izinkan.

Tuan Chang Lih Kang: Boleh.

■1240

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya Cuma nak minta penjelasan apabila Yang Berhormat Menteri sebut niat kerajaan. Niat benda yang boleh dibaca dengan berbagai-bagai. Orang yang lain mungkin akan memberikan jawapan yang lain sebab niatnya tersembunyi.

Yang keduanya ialah apabila memberi kebebasan kepada mahkamah. Memang kebebasan kepada mahkamah itu adalah hukum pertama atau, atau, atau. Jadi, kebebasan untuk meletakkan itu harus juga saya rasa diperjelaskan supaya tidak timbul isu yang dikaitkan.

Dan yang terkait juga saya ingat tadi bila isu tekanan antarabangsa. Saya fikir boleh juga difikir tetapi jangan sampai kita fikir sehingga kita tak boleh nak buat kerja. Itu sikit saya respons pada Yang Berhormat Datuk Seri Mujahid lah.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Ya. YB Menteri nak — boleh?

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Sikit saja. Saya minta semasa mana-mana Ahli Dewan bertanya Menteri atau siapa, kena duduk. Dia tak boleh berdiri begitu. Jadi, dia macam bercakap begitulah. Jadi, saya tak tahu Senator Tuan Haji Hussin dah jadi Menteri, dia boleh jawab pula untuk soalan saya. Terima kasih, Tuan Speaker. *[Ketawa]*

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih atas pencerahan. Saya pun tak perasan tadi. Silakan, YB Menteri.

Tuan Chang Lih Kang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Senator. Memang saya nak masuk ke bab tadi yang Senator Rita sebut, tapi sebelum itu, untuk menjawab soalan Haji Hussin, memang dalam akta ini dengan jelas kita sebut — saya bagi contoh. Seksyen 25H(2), *“Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) boleh, apabila disabitkan, dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada 30 tahun tetapi tidak melebihi 40 tahun...”*. So, memang ada diberikan kepada — kuasa diberikan kepada mahkamah untuk menetapkan.

Dan untuk menjawab soalan Senator Rita berkaitan penggubalan hukuman ini, pada masa kini, negara-negara Asia seperti Indonesia, Filipina, Thailand dan juga Malaysia merupakan negara yang telah meratifikasikan *Treaty on the Prohibition of Nuclear Weapons* yang secara sepakat menyokong triti ini dan melarang sebarang aktiviti membangunkan atau menyumbang kepada pembangunan senjata nuklear.

Walau bagaimanapun, di bawah TPNW iaitu *Treaty on the Prohibition of Nuclear Weapons*, tiada penetapan berkaitan hukuman yang mana terpulung kepada negara masing-masing untuk pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, kerajaan telah berpandukan tanda aras daripada perundangan tempatan seperti Kanun Keseksaan, Akta Dadah Berbahaya dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang mengekalkan hukuman mati *discretionary* bagi beberapa bentuk kesalahan berat sahaja.

Berkaitan tentang ketidak — *sorry*. Oleh itu, subseksyen 25(1) dan 25H(2) adalah selaras dengan apa yang kita sebut tadi, di mana hukuman mati untuk individu dalam subseksyen ini masih adalah satu pilihan di mana pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada 30 tahun juga dinyatakan. Dan saya bagi contoh, Tuan Yang di-Pertua. Di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 juga ada kesalahan yang tidak melibatkan kehilangan nyawa tetapi diberikan opsyen ataupun pilihan kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman mati secara *discretionary*.

So, saya rasa itu saja yang saya nak sampaikan, tetapi saya beri jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya memang faham tentang *concern* yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini, di mana sekiranya mendapati dasar hukuman mati *discretionary* ini dimansuhkan ataupun didapati hukuman mati *discretionary* ini bercanggah dengan dasar kerajaan semasa, memang kita akan membuat pindaan pada masa akan datang. Buat masa ini, kita telah pun membuat semakan dengan AGC dan AGC memaklumkan bahawa tidak ada percanggahan antara RUU ini dengan dasar kerajaan.

Saya rasa itu saja yang saya ingin sampaikan, Tuan Yang di-Pertua. Sebagai penutup, saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di dalam Dewan yang mulia ini dan seterusnya, sekali lagi, memaklumkan bahawa segala

cadangan dan pandangan Yang Berhormat semua akan diambil kira dalam penggubalan peraturan-peraturan subsidiari berkaitan akta ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 70 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Dato' Mohammad Yusof bin Apdal) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEROLEHAN KERAJAAN 2025

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Dipersilakan YB, Menteri.

12.49 tgh.

Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Dato' Yang di-Pertua, selari dengan kerangka Ekonomi MADANI, usaha kerajaan adalah untuk menaikkan siling dan lantai iaitu menstrukturkan semula ekonomi supaya bernilai tinggi yang akhirnya memberi limpahan hasil yang dapat mengangkat darjat hidup rakyat. Namun begitu, segala inisiatif ini berpaksikan kepada tata kelola yang baik dan integriti agar pelaksanaan dasar dapat dijayakan dengan berkesan, mengelakkan pembaziran serta memastikan segala bentuk amalan rasuah dapat dicegah.

Ikhtiar penggubalan Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan (RUU PK) telah bermula sejak tahun 2018 dengan sasaran melakukan reformasi institusi demi menjaga kepentingan rakyat serta melengkapkan usaha kerajaan selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI terutamanya tonggak untuk memperkukuhkan tata kelola pengurusan kewangan negara.

■1250

RUU PK merupakan kesinambungan kepada dasar Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 (FRA) dan pindaan Akta Audit 1957 yang membawa pendekatan baru *follow the public money*, dengan izin. RUU PK tidak sama sekali menambah kuasa. Sebaliknya, menghadkan kuasa Menteri Kewangan.

Hakikatnya selama ini, kuasa Menteri Kewangan dalam hal ehwal perolehan telah diperuntukkan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 yang memberi kuasa menyeluruh atas dasar, kelulusan dan pengecualian berkaitan perolehan kerajaan. Namun begitu, melalui RUU ini, kuasa tersebut diperketatkan dengan memperkenalkan mekanisme semak dan imbang yang lebih kukuh dan dimaktubkan secara perundangan.

Kerajaan amat menekankan kepada lima prinsip perolehan kerajaan iaitu akauntabiliti awam diuruskan secara telus, nilai faedah terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama. Bagi mendukung perkara tersebut, kerajaan komited menyediakan RUU PK sebagai satu kerangka undang-undang utama yang menyelaraskan dan menyeragamkan semua proses perolehan merentasi kementerian dan agensi kerajaan, di samping memperkukuhkan dasar sedia ada.

Melalui komitmen ini, semua pihak yang diberi kewajipan dan kuasa dalam perolehan kerajaan akan tertakluk kepada standard dan prosedur yang seragam, sekali gus mengurangkan ruang untuk tafsiran berbeza, ketidakpatuhan atau salah guna kuasa.

Secara tidak langsung, langkah ini dapat membantu mencegah berlakunya ketirisan, pemborosan dan pembaziran dana awam. Dengan adanya RUU PK ini, satu sistem perolehan yang bukan sahaja lebih berintegriti dan profesional dapat diwujudkan, malah kepercayaan rakyat terhadap pengurusan kewangan awam negara dapat dipertingkatkan.

Selain itu, Kementerian Kewangan telah melaksanakan pelbagai sesi libat urus RUU PK sejak tahun 2023 di Putrajaya dan di setiap negeri. Badan-badan berkanun, syarikat milik kerajaan, ahli-ahli akademik, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan-pertubuhan lain. Antaranya C4, Transparency International, IDEAS, Rasuah Busters yang melibatkan kira-kira 2,600 peserta keseluruhannya, antara yang telah diambil kira dalam peruntukan RUU PK adalah:

- (i) pengawalseliaan penggunaan dana awam dengan lebih terperinci dan berdisiplin;

- (ii) memperkenalkan *reward* dan *punishment* dalam peruntukan RUU PK;
- (iii) memastikan bahawa satu platform semak imbang untuk memastikan pihak yang terkilan mempunyai ruang untuk membuat bantahan;
- (iv) penzahiran keputusan dan kepentingan dijadikan salah satu perkara mandatori; dan
- (v) memastikan perolehan kerajaan menyokong dasar dan juga perkembangan ekonomi dan sosial semasa.

RUU PK ini telah dibentangkan kepada Mesyuarat Pegawai Kewangan Negeri, Mesyuarat Majlis Kewangan Negara serta Mesyuarat Majlis Negara bagi kerajaan tempatan seperti yang dikehendaki dalam Perlembagaan Persekutuan.

Penggubalan RUU Perolehan Kerajaan 2025 mengandungi 12 bahagian dan 93 fasal dengan hasrat untuk mencapai beberapa pendekatan dan matlamat yang jelas dan tegas seperti pertama, meletakkan pertanggungjawaban sepenuhnya kepada mana-mana pihak yang melaksanakan perolehan menggunakan dana daripada kerajaan. RUU PK adalah terpakai secara menyeluruh dan berkuat kuasa bukan hanya kepada Kerajaan Persekutuan tetapi terpakai kepada kerajaan negeri, badan berkanun Persekutuan dan negeri, semua entiti di bawah kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan seperti mana entiti-entiti yang menerima geran ataupun pinjaman daripada kerajaan.

Kedua, memperuntukkan dengan jelas secara perundangan, kewajipan, fungsi dan kuasa Menteri Kewangan dalam urusan perolehan. RUU PK tidak sama sekali menambah kuasa, sebaliknya menghad kuasa Menteri Kewangan dengan memperkenalkan mekanisme semak dan imbang yang lebih kukuh. Ini berbeza dengan struktur yang sedia ada di mana kuasa Menteri Kewangan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 adalah menyeluruh dan mutlak.

Selain itu, RUU PK turut memperuntukkan bahawa keputusan Menteri Kewangan kini boleh dicabar dan dikaji semula melalui proses panel kajian semula dan seterusnya, Tribunal Rayuan Perolehan Kerajaan. Tambahan pula, RUU ini turut memperkenalkan tindakan punitif atas sebarang pelanggaran dan Menteri Kewangan juga tidak diterkecuali daripada akauntabiliti sekiranya gagal menzahirkan kepentingan atau campur tangan dalam proses perolehan.

Ketiga, membanteras amalan rasuah dan ketirisan wang rakyat. Menerusi fasal 37, mana-mana orang yang terlibat dalam perolehan kerajaan adalah wajib untuk menzahirkan kepentingan dan kegagalan membuat penzahiran adalah satu kesalahan jenayah.

Keempat, mengenakan tindakan punitif dan tegas ke atas pelanggaran disiplin utama RUU PK. Mana-mana pihak sekiranya didapati bersalah boleh dijatuhkan hukuman penalti

atau penjara dan perkara ini dinyatakan di bawah fasal 27, fasal 35, fasal 37, fasal 38, fasal 59, fasal 60, fasal 75 dan fasal 82.

Kelima, mengekang amalan perolehan yang tidak adil dan sering disalahguna. Perolehan terbuka di bawah fasal 28 adalah amat ditekan bagi memastikan setiap perolehan memberi nilai faedah terbaik kepada rakyat.

Keenam, RUU PK digubal selaras standard dan amalan terbaik antarabangsa. RUU PK telah mengambil kira amalan terbaik badan-badan antarabangsa dan yang telah dilaksanakan di sembilan buah negara seperti Australia, Kesatuan Eropah, China, Singapore, dan Vietnam.

Ketujuh, RUU PK masih mengekalkan dasar-dasar utama kerajaan seperti dasar keutamaan kepada syarikat bumiputera, dasar bahan, barangan dan perkhidmatan tempatan, keutamaan kepada syarikat berkategori perusahaan kecil dan sederhana (PMKS) dan dasar perolehan hijau. Oleh yang demikian, Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025 merupakan langkah penting bagi memperkukuhkan tadbir urus dan meningkatkan ketelusan dalam pengurusan perolehan kerajaan, selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI dan komitmen Belanjawan 2025.

RUU ini digubal untuk memastikan setiap perbelanjaan awam diurus secara cekap, berintegriti dan memberi nilai terbaik kepada rakyat. Kerangka perundangan baharu ini turut memodenkan ekosistem perolehan negara agar lebih telus, inklusif dan berdaya saing, sekali gus memperluas penyertaan pemain industri tempatan dan antarabangsa. Usaha ini bukan saja mengoptimumkan penggunaan dana awam, malah memperkukuhkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan kerajaan melaksanakan perolehan secara adil, berkesan dan beramanah. Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Baik, ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kewajipan, kebertanggungjawaban, tadbir urus dan ketelusan di dalam perolehan kerajaan, penubuhan Tribunal Rayuan Perolehan Kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan saya ada seramai 17 orang Ahli yang hendak berbahas.

■1300

Maka saya membuat ketetapan di sini bahawa masa yang akan diberikan adalah selama lima minit setiap orang. Maka dengan itu, saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Musoddak bin Ahmad sebagai pembahas yang pertama. Silakan.

5.04 tgh.

Tuan Musoddak bin Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca doa]* Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan peluang saya rasa untuk berbahas dalam RUU yang cukup penting iaitu RUU Perolehan Kerajaan 2025. Sepatutnya saya yang pembahas kedua, Dato' Speaker yang pertama. Saya pun hendak Dato' Speaker itu bercakap, saya pakat sokong itu sahaja. Tetapi hendak nombor 17, nombor 18 boleh sambunglah.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: *Insya-Allah*, saya sambung kemudian. *[Ketawa]*

Tuan Musoddak bin Ahmad: Saya kira kita semua telah maklum mengenai satu laporan kajian yang diterbitkan *EMIR Research* pada tahun 2023 yang menunjukkan jumlah ketirisan dan korupsi dalam negara selama tempoh 26 tahun adalah RM4.5 trilion. Jumlah ini adalah berdasarkan anggaran konservatif terhadap nilai ketirisan dan korupsi yang dicatatkan setiap tahun daripada KDNK.

Ketirisan dan korupsi sememangnya menjadi agenda utama kerajaan yang tidak pernah padam. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang juga Menteri Kewangan juga selalu melaungkan slogan anti-rasuah dan penyelewengan. Namun, setakat mana dasar dan kerangka perundangan negara menjurus ke arah apa yang dihasratkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita sememangnya memerlukan kerangka perolehan yang jitu dan jelas sebagai usaha membendung rasuah dan salah laku kewangan. Namun, kita harus sedar bahawa lubuk-lubuk rasuah dan salah laku ini tertumpu daripada perolehan awam. Dokumen Pelan Antirasuah Nasional menyebutkan sektor perolehan merupakan sektor yang cenderung kepada jenayah rasuah dan salah laku.

Tiga bidang yang dikategorikan sebagai paling berisiko untuk berlakunya rasuah ketika ini adalah tadbir urus politik, pentadbiran sektor awam, serta perolehan awam. Dato' Yang di-Pertua, ketiga-tiga bidang yang berisiko kepada rasuah dan salah laku ini menjadi faktor pertikaian terhadap peruntukan kertas biru ini. Kertas RUU ini menyentuh berkaitan tadbir urus politik, menyentuh pentadbiran terhadap perolehan awam dan sektor awam. Maka, ketiga-tiga bidang berisiko kepada rasuah yang dinyatakan dalam Pelan Antirasuah Nasional dalam kertas RUU ini.

Kita menyentuh satu aspek yang sangat sensitif. Saya tidak pasti mengapa kementerian nampak agak tergesa-gesa juga untuk meluluskan RUU ini. Apa yang perhatikan, kita semua perhatikan kronologi yang berlaku di Dewan Rakyat juga

menampakkan ada usaha yang terdesak untuk hendak meluluskan RUU yang besar dan penting ini. Kita tidak menafikan daripada sudut kepentingannya, Cuma peruntukan dalam perincian fasal-fasal yang dinyatakan dalam RUU ini sangat terdedah kepada pemusatan kuasa yang boleh mendorong kepada kronisme, naungan politik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan persoalan yang sama yang telah berbangkit di Dewan Rakyat. Mengapa tidak dibawa ke pihak jawatankuasa khas untuk diteliti dan diperbaiki peruntukan yang ada dalam RUU sebelum dibentangkan dalam Parlimen? Kalau dibentangkan dalam jawatankuasa khas agar kita dapat menilai sesuatu RUU terlebih dahulu.

12 Ogos, kertas putih diserahkan oleh Jabatan Peguam Negara (AGC). Bacaan kali pertama 25 Ogos, kemudian bacaan kali kedua dan ketiga 27 Ogos 2025. Bukankah kita sepatutnya memanjangkan tempoh perbahasan kertas RUU ini untuk diteliti sekurang-kurangnya pada tahun hadapan? Bukankah sepatutnya kerajaan juga cuba merujuk kepada jawatankuasa pilihan khas untuk diteliti dengan lebih mendalam kerangka RUU ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak sesekali pertikai kewujudan suatu kerangka perolehan melalui kertas RUU perolehan ini. Apa yang kita pertikai adalah pemusatan kuasa yang berlebihan yang cenderung membawa kepada salah laku dan rasuah yang nampaknya tidak akan menyelesaikan masalah yang dikendong saban tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan sebahagian daripada isi RUU yang beri kuasa yang begitu luas kepada Menteri. Fasal 2(2), banyak kalau saya hendak baca di sini. Saya tak bacalah. Fasal 12(8), fasal 28(2), fasal 63(2). Semua ini fasal-fasal yang boleh kita bincang dan kita pertikaikan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini sebahagian daripada peruntukan yang memberikan kuasa yang berlebihan kepada seseorang individu. Saya tidak pasti mengapa peruntukan ini tidak diteliti dengan mendalam kerana implikasinya cukup besar kepada kerangka perundangan negara berkaitan perolehan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa RUU ini kalau boleh diperbaiki, kita baikilah dahulu. Kalau boleh sidang Dewan Negara ini untuk meminda, kita pindalah dahulu. Apa yang terbaik kita buat untuk kemaslahatan kita bersama. Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah nak menyokong dan saya nak harapkan kepada Ahli Dewan Negara pun bangkit isu ini supaya kita bukan menolak tapi bincang lagi. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Senator Tuan Musoddak bin Ahmad. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim. Lima minit Dato' ya.

1.06 tgh.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. *Assalamualaikum*. RUU ini amat penting kerana ia menjadi kerangka undang-undang utama yang akan menentukan bagaimana proses perolehan kerajaan dilaksanakan. Sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri, rakyat sudah lama menuntut supaya sistem perolehan lebih telus, berintegriti, cekap dan benar-benar membawa nilai untuk wang.

Maka, ia nya mesti ada akauntabiliti dan integriti. Kita tidak boleh menafikan bahawa kelemahan dalam sistem perolehan selama ini sering dikaitkan dengan kelewatan projek, kos melambung, ketirisan dan pembaziran. Kajian oleh Institut Integriti Malaysia pada tahun 2023 menunjukkan hampir 38 *percent* aduan integriti perolehan berkaitan manipulasi tender, pakatan harga dan penguasaan oleh kelompok tertentu.

Ini menyebabkan peluang syarikat baharu, PKS, koperasi serta usahawan muda tersekat. Maka RUU ini mesti benar-benar menjamin bahawa proses perolehan kerajaan dilaksanakan secara adil, telus, berasaskan merit dan bebas daripada campur tangan politik. Selain itu, kontrak yang diberikan mestilah menepati prinsip *value for money*. Projek bukan sekadar siap tetapi mesti berkualiti, berfungsi dan memberi manfaat kepada rakyat. Oleh itu, audit keberhasilan, *performance audit* perlu diwajibkan, bukan sekadar audit kewangan semata-mata.

Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya menegaskan di sini bahawa sebarang undang-undang termasuk RUU ini mesti menghormati kedudukan Sarawak dan Sabah sebagai rakan pengasas Malaysia di bawah Perjanjian Malaysia 1963. Perkara 95D Perlembagaan Persekutuan jelas menyebut Parlimen tidak boleh menggubal undang-undang pentadbiran negeri tanpa persetujuan Dewan Undangan Negeri. Jadual Kesembilan pula memberikan kuasa negeri terhadap tanah, kerajaan tempatan dan kontrak projek negeri. Sarawak sendiri telah mempunyai Ordinan Perolehan Negeri, Unit Pendaftaran Kontraktor Negeri (UPKJ), serta mekanisme JKR Sarawak. Maka RUU ini tidak boleh dilihat sebagai cubaan untuk mengambil alih bidang kuasa negeri, sebaliknya perlu digubal dengan semangat kerjasama selari dengan autonomi negeri.

Di sini, ada tiga isu penting yang perlu diberi perhatian. Pertama, pertindihan bidang kuasa apabila kontrak Persekutuan dilaksanakan di Sarawak, adakah ia hanya tertakluk kepada undang-undang Persekutuan atau perlu juga menghormati undang-undang negeri? Perkara ini mesti diperjelaskan.

Kedua, pembayaran balik projek *Federal*. Banyak projek di bawah senarai *Federal* telah didahulukan dengan dana negeri Sarawak. Maka, perlu ada mekanisme jelas supaya bayaran balik dibuat dalam tempoh munasabah, misalnya tidak melebihi dua tahun.

Ketiga, peluang kontraktor tempatan. Kontraktor kecil dan sederhana dari Sarawak dan Sabah tidak boleh diketepikan oleh syarikat besar dari Semenanjung. RUU ini perlu ada klausa *affirmative policy*, khususnya bagi projek di bawah 50 juta agar kontraktor tempatan mendapat peluang adil.

Saya ada cadangan penambahbaikan. Jika boleh, klausa pengiktirafan autonomi negeri. Nyatakan dengan jelas bahawa RUU ini tidak menjejaskan kuasa perolehan negeri. Kedua, kuota kontraktor tempatan. Tetapkan minimum penyertaan kontraktor dari Sarawak dan Sabah. Tiga, mekanisme pembayaran balik projek *Federal*, wajibkan semakan berkala dan had tempoh tertentu. Empat, ketelusan digital. Semua tender mesti dipaparkan dalam platform digital dengan akses khas untuk kontraktor Sarawak dan Sabah supaya mereka tidak ketinggalan dari segi maklumat dan dokumen tender.

Sedikit masa. Dato' Yang di-Pertua, undang-undang ini tidak boleh menjadi alat penyeragaman secara paksa, tetapi mesti menjadi kerangka kerjasama Persekutuan, negeri yang menghormati kepelbagaian sistem dalam Malaysia. Dengan itu, saya menyokong RUU ini dengan harapan ia benar-benar membawa perubahan menyeluruh daripada perolehan berasaskan hubungan kepada perolehan berasaskan merit, integriti dan keberhasilan. Dengan itu, saya menyokong. Salam Malaysia MADANI, *segulai sejalai*. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Senator Dato' Ahmad. Seterusnya saya persilakan YB Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

1.12 tgh.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Dato' Yang di-Pertua di atas ruang yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025. Buat pertama kalinya urusan perolehan kerajaan yang selama ini bergantung kepada pekeliling dan arahan pentadbiran kini diangkat ke dalam kerangka perundangan. Ini adalah langkah yang boleh membuka lembaran baharu dalam tadbir urus kewangan negara.

RUU ini menjadikan perolehan kerajaan lebih telus, lebih berintegriti, serta mempunyai garis panduan yang jelas. Malah, dengan adanya penalti dan hukuman yang lebih tegas termasuk denda dan hukuman penjara, ia memberi kesan atau mesej kuat bahawa kita semua serius mahu mengekang salah laku kronisme dan penyalahgunaan dalam kontrak awam. Dari segi niat dan matlamat, ini adalah sesuatu yang wajar dipuji.

Namun demikian Dato' Yang di-Pertua, walaupun RUU ini nampak kukuh dari segi niat, tetapi apabila diteliti dengan lebih mendalam, terdapat beberapa kelemahan yang menimbulkan kegusaran. Saya melihat peruntukan RUU ini memberikan kuasa yang terlalu

luas kepada Menteri Kewangan. Menteri mempunyai kuasa untuk membuat keputusan muktamad, termasuk dalam keadaan di mana lembaga gagal mencapai kata sepakat. Menteri juga boleh mengecualikan kontrak tertentu daripada terikat dengan peraturan yang ditetapkan.

Walaupun mungkin niat Menteri yang ada sekarang adalah baik, undang-undang ini bukan digubal untuk seorang individu sahaja, tetapi untuk digunakan pada masa hadapan oleh sesiapa sahaja yang memegang jawatan Menteri. Kuasa yang tertumpu kepada seorang individu tanpa kawalan yang mencukupi boleh membuka ruang kepada salah guna kuasa, malah boleh mencetuskan persepsi rakyat bahawa reformasi ini hanyalah retorik sedangkan kuasa sebenar masih bersifat mutlak di tangan seseorang.

Mekanisme semak imbang yang diperkenalkan juga kelihatan longgar. Memang benar wujud panel kajian semula dan tribunal rayuan perolehan, tetapi sejauh mana badan-badan ini benar-benar bebas? Jika lantikan ahli panel masih ditentukan oleh eksekutif, jika keputusan mereka boleh diketepikan, maka keberadaan panel ini hanyalah hiasan. Kita tidak mahu mekanisme semak imbang yang sekadar kosmetik yang hanya memberikan ilusi ketelusan, tetapi hakikatnya tidak mampu menandingi kuasa seorang Menteri.

Kelemahan lain yang saya ingin tekankan ialah kurangnya penglibatan awam dalam proses penggubalan RUU ini. Perolehan kerajaan melibatkan dana berbilion ringgit wang rakyat setiap tahun, tetapi dalam penggubalan undang-undang yang sebesar ini, suara rakyat, badan masyarakat sivil, persatuan, industri, malah Parlimen sendiri di peringkat awal tidak diberikan ruang yang mencukupi. Reformasi tanpa keterlibatan rakyat hanyalah separuh jalan dan akhirnya akan menimbulkan keraguan serta rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat.

Dalam isu perolehan kerajaan, persepsi rakyat adalah sama penting dengan realiti pelaksanaan. Walaupun kerajaan mungkin berusaha mewujudkan peraturan baharu yang lebih telus, tetapi jika undang-undang ini dilihat sebagai memberi terlalu banyak kuasa kepada seorang Menteri, mekanisme semak imbang pula tidak bebas dan rakyat tidak dilibatkan, maka keyakinan awam akan terhakis. Tanpa keyakinan rakyat, apa jua reformasi yang digubal akhirnya akan gagal kerana rakyat merasakan ia tidak benar-benar melindungi kepentingan mereka.

Dato' Yang di-Pertua, saya mengiktiraf bahawa RUU Perolehan Kerajaan 2025 ini adalah langkah ke hadapan dari sudut pentadbiran. Ia berpotensi membawa perubahan yang positif, tetapi kelemahan-kelemahan yang saya sebutkan tadi iaitu kuasa Menteri yang luas, semak imbang yang lemah dan ketiadaan penglibatan awam boleh melemahkan seluruh maksud reformasi ini. Saya bimbang jika kelemahan ini tidak diperbaiki, kita hanya akan mewujudkan undang-undang baharu yang memberi wajah baharu kepada peraturan lama, tetapi tidak membawa perubahan sebenar yang diharapkan oleh rakyat. Oleh itu, saya

mencadangkan supaya RUU ini dibawa ke Jawatankuasa Pilihan Khas Undang-undang untuk diteliti semula. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Senator Dr. Hajah Wan Martina. Seterusnya saya persilakan YB Senator Tuan Pele Peter Tinggom.

1.17 tgh.

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025 yang baru saja dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri dan kerajaan kerana telah mencadangkan RUU ini khususnya yang melibatkan peruntukan dan mekanisme di bawah Bahagian VI hingga ke Bahagian XII.

Dato' Yang di-Pertua, saya akan terus ke fasa-fasa yang berkaitan untuk meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Dato' Yang di-Pertua, saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah RUU Perolehan Kerajaan yang dibentangkan ini sebagai akta tambahan kepada *Financial Procedure Act 1957*, tatacara perolehan, Arahan Perbendaharaan, *Treasury Orders and Government Contracts Act* yang diguna pakai oleh kerajaan pada masa sekarang? Kerana saya dapati seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kuasa Menteri adalah diperuntukkan di bawah *Financial Procedure Act 1957* juga. Dan juga berkenaan dengan kuasa Ketua Perbendaharaan, pentadbiran perolehan, kelulusan dan perolehan kerajaan, pendaftaran dan perjalanan perolehan adalah sama dengan peruntukan yang sedia ada.

Dato' Yang di-Pertua, perkara yang kedua adalah apabila kita merujuk kepada muka surat 82 iaitu Jadual Pertama, nilai ambang kelulusan. Saya memohon Yang Berhormat Menteri untuk memberi penerangan dan penjelasan, apakah ada perbezaan nilai ambang kelulusan yang sedia ada dan nilai kelulusan oleh pihak berkuasa berbanding dengan RUU yang dicadangkan.

Dato' Yang di-Pertua, perkara yang ketiga adalah saya ingin merujuk kepada muka surat 86 di bawah huraian, khususnya fasal 10, fasal 10(4) dan fasal 13. Saya juga memohon Yang Berhormat Menteri untuk memberi penerangan dan penjelasan, adakah perbezaan di antara kuasa yang diberikan kepada Menteri atau Ketua Menteri mengikut fasal yang berkaitan di bawah RUU Perolehan ini dengan undang-undang sedia ada di bawah *Financial Procedure Act 1957*, tatacara perolehan, Arahan Perbendaharaan, *Treasury Orders and Government Contracts Act* yang berkaitan?

Dato' Yang di-Pertua, perkara yang keempat adalah sekarang saya ingin merujuk kepada muka surat 88 dan 89 di bawah huraian iaitu Bahagian V. Saya mohon juga penerangan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah peruntukan yang di bawah Bahagian V sama atau ada perbezaan dengan peruntukan yang sedia ada di bawah *Financial Procedure Act 1957*, tatacara perolehan, Arahan Perbendaharaan, *Treasury Orders*, dan *Government Contracts Act*. Sebagai contoh, fasal 33 dan fasal 34 adalah berkaitan dengan *Government Contracts Act*.

Dato' Yang di-Pertua, kuasa Menteri di bawah Bahagian V ini haruslah diterangkan dengan terperinci dan dengan jelas. Seperti contoh, Menteri akan menggunakan kuasa yang diperuntukkan di bawah Bahagian V ini haruslah diterangkan dengan terperinci kaedah pelaksanaannya iaitu mengikut peraturan dan tatacara perolehan dan juga dimaklumkan di Dewan ini, dilaporkan di Dewan ini supaya perkara ini tidak akan menjadi isu apabila dilaksanakan nanti.

Sekiranya tatacara perolehan tersebut ada peruntukan yang baharu dan bagi menyenangkan Ahli-ahli Yang Berhormat, bukan berlatarkan kewangan awam yang tidak mempunyai pengalaman kewangan awam, libat urus haruslah dibuat dengan penerangan yang ringkas dan jelas dan difahami. Walaupun saya akan menyokong RUU ini sebelum pelaksanaannya, saya mohon isu-isu yang dibangkitkan haruslah diperjelaskan dan diperhalusi lebih lanjut lagi. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Senator Tuan Abun — Tuan Pele. Seterusnya dan jemput YB Senator Tuan Abun Sui Anyit. Silakan.

1.22 tgh.

Tuan Abun Sui Anyit: Ya. *[Ketawa]* Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Jadi, pertama sekali saya ingin menegaskan bahawa setiap sen wang negara mesti diurus dengan baik dan penuh integriti. Rakyat menaruh kepercayaan besar kepada kerajaan untuk memastikan tiada ketirisan, tiada salah guna dan setiap perolehan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat.

Namun begitu, saya bimbang dengan persepsi bahawa rang undang-undang ini, kuasa Menteri menjadi semakin luas. Soalannya, adakah terdapat mekanisme semak dan imbang yang kukuh supaya kuasa yang besar ini tidak disalahgunakan? Kita tahu dalam realiti hari ini, perolehan sering kali hanya jatuh kepada syarikat-syarikat tertentu. Apabila ia berlaku, ia menimbulkan persoalan tentang ketulusan dan keadilan. Maka, saya bertanya adakah mekanisme pemantauan yang jelas dan berkesan disediakan di bawah RUU ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar syarikat-syarikat tempatan, khususnya bumiputera dan anak negeri, diberi ruang dan tanggungjawab yang lebih besar

dalam urusan perolehan. Dengan cara ini, manfaat yang dapat dirasakan secara langsung oleh masyarakat tempatan, bukan hanya berlegar di kalangan syarikat-syarikat tertentu sahaja.

Sebagai contohnya, kalau projek itu berada di satu negeri, biarlah syarikat-syarikat di negeri itu ataupun di daerah itu, kalau kita pergi ke daerah lagi, biarlah syarikat di daerah itu yang memperoleh perolehan itu supaya rakyat di sekitar itu, kalau mereka melihat pelaksanaan projek ataupun perolehan itu, mereka dapat memantaunya setiap hari dan mereka mudah untuk mencari syarikat yang melaksanakan projek kerajaan itu. Ini maksud saya.

Jadi saya, dalam konteks ini, saya merujuk kepada fasal 11 mengenai penubuhan lembaga perolehan. Lembaga ini seharusnya benar-benar bebas berfungsi sebagai pengawal selia dan bukan sekadar menjadi *rubber stamp*. Perlu ada ahli yang mewakili kepentingan awam supaya keputusan perolehan lebih telus.

Begitu juga dengan fasal 15(e) yang menyentuh tentang pendaftaran pembekal dan kontraktor. Saya ingin bertanya, apakah garis panduan yang jelas untuk memastikan hanya syarikat yang benar-benar layak berintegriti sahaja yang didaftarkan? Jika tidak, ia boleh membuka ruang kepada penyalahgunaan termasuk amalan rasuah yang sudah lama menjadi penyakit dalam sistem perolehan negara.

Walau macam mana pun, pada hari ini, saya sangat berterima kasih kepada kerajaan kerana tiada amalan rasuah yang dilaksanakan oleh Ahli Kabinet di dalam Kerajaan MADANI sekarang ini. Saya ingin ucapkan tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan asas saya adalah bagaimana RUU ini benar-benar boleh mencegah penyalahgunaan kuasa dan amalan rasuah? Kalau jawapannya tidak jelas, maka kita khuatir hasrat murni RUU ini akan gagal di peringkat pelaksanaan. Oleh itu, saya berharap kementerian memberi penjelasan terperinci khususnya tentang mekanisme pengawasan pelaksanaan fasal 11 dan fasal 15(e) serta langkah-langkah bagi memastikan sistem perolehan negara lebih telus dan adil dan berintegriti.

Dengan adanya perolehan yang lebih telus ini dan pelaksanaan yang lebih menyeluruh ataupun lebih baik di peringkat pelaksanaan di mana-mana pun perolehan itu dilaksanakan di dalam negara ini, maka kerajaan yang baik itu ataupun pihak-pihak yang memperolehi perolehan itu akan melakukan yang terbaik, maka rakyat juga akan memperoleh hasilnya yang terbaik. Bukan dengan dibolot oleh sesetengah pihak tetapi kualiti kerja mereka tidak baik. Jadi justeru itu, apakah langkah-langkah untuk memastikan supaya perolehan ini akan bermanfaat bagi setiap rakyat di pelosok seluruh negara ini.

Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini. Walaupun begitu, kalau ada ruang untuk pembaikan, kita juga mengalu-alukan. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Senator Tuan Abun.

Sebelum YB mulakan, saya perhatikan Menteri, Timbalan Menteri tidak hadir dalam Dewan mungkin mereka ada dengar di luar, tetapi kalau nak bagi semangat kepada Senator-Senator yang berbahas kat dalam ini, sebaik-baiknya Menteri, Timbalan Menteri ada lah dalam Dewan supaya kita dapat bersemuka dan melihat Menteri dan Timbalan Menteri bersama-sama dengan kita apabila kita membahaskan. Itu pada pandangan saya.

Apa pun, saya jemput YB Senator Puan Tiew Way Keng untuk berbahas. Terima kasih.

1.27 tgh.

Puan Tiew Way Keng: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025.

RUU ini bukan sekadar instrumen perundangan, tetapi simbol kesungguhan negara untuk membina sistem pentadbiran yang lebih telus, berintegriti dan bertanggungjawab. RUU ini mengandungi 12 bahagian dan 93 fasal merangkumi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, PBT, badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan. Ia bertujuan menukarkan garis panduan pentadbiran sebelum ini kepada suatu rangka perundangan yang lebih kukuh, sekali gus mengatasi ketirisan dan ketidakcekapan dalam pengurusan perolehan yang berlaku sebelum ini. Yang lebih penting, RUU ini hadir selari dengan aspirasi reformasi fiskal negara melalui Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023.

Dato' Yang di-Pertua, antara perkara-perkara yang saya nampak daripada RUU ini adalah larangan pindaan kontrak iaitu subkontrak melalui fasal ke-35 iaitu kontrak-kontrak bekalan yang telah dikurniakan dilarang meminda keseluruhan kontrak perolehan kerajaan demi mencegah *rent-seeking* dengan izin, yang mana selalunya berlaku sebelum ini dengan berlakunya projek-projek yang dikatakan ialah projek ali baba yang telah menjejaskan kualiti akibat daripada pemindahan kontrak yang berlaku sebelum ini.

Bagi penzahiran kepentingan iaitu yang didapati dalam fasal 12(5), (6), fasal 37(1), (2) dan (3) dan fasal 73 iaitu telah memberi tanggungjawab kepada semua pihak yang mana menjadi kewajipan untuk penzahiran kepentingan yang mana pelanggaran fasal ini akan dikenakan hukuman tidak melebihi 250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Ini selaras dengan prinsip ketelusan dan akauntabiliti yang sepatutnya diamalkan oleh kerajaan selaras dengan Rancangan Malaysia yang ketiga belas.

■1330

Mekanisme semak dan imbang yang saya dapati ialah di bawah fasal 44, 61 dan 91 di mana kewajipan penjawat awam untuk melaporkan mana-mana pelanggaran ataupun potensi pelanggaran kepada pihak yang berkuasa. Penubuhan tribunal rayuan dan panel

kajian semula untuk menyemak keputusan Menteri secara bebas yang mana pihak yang tidak berpuas hati boleh membuat aduan ataupun bantahan kemudian kepada rayuan melalui tribunal rayuan.

Dengan RUU ini, kita juga berharap dapat memperhalusi dari segi ketelusan dan keseragaman proses. Ia seharusnya diguna pakai di semua peringkat iaitu dari kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan semua entiti yang telah menerima dana atau peruntukan persekutuan menamatkan pengecualian dan tidak ketidakseragaman antara negeri ataupun agensi.

Untuk tahun 2025, kerajaan telah memperuntukkan RM86 bilion bagi pembangunan. Perolehan kerajaan adalah pintu utama keluar masuk dana ini namun Laporan Ketua Audit Negara 2023 menunjukkan beberapa IPTA seperti UMS dan UPM alami kerugian puluhan jutaan ringgit. Ini menunjukkan wujud kelemahan dalam kawalan dalaman perolehan walaupun tidak semestinya membabitkan rasuah.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk membuat perbandingan antarabangsa dan mengemukakan cadangan penambahbaikan. Di Singapura telah melaksanakan sistem GeBIZ. Satu platform tunggal ePerolehan yang terbuka sepenuhnya undang-undang khas seperti *Government Procurement Act 1997* dan Program Pembangunan Profesional telah melahirkan pegawai perolehan yang kompeten dan bebas pengaruh. Saya mencadangkan pelaksanaan perolehan kepada sistem yang boleh dikesan secara masa nyata dan wujud Institusi Perolehan Kerajaan Malaysia bagi melatih pegawai secara sistematik.

Di negara United Kingdom melalui Procurement Act 2023 memberi keutamaan kepada SME dan syarikat sosial serta memperkenalkan konsep nilai sosial dalam perolehan awam. Saya mencadangkan supaya kementerian dapat memasukkan kriteria sosial dan pembangunan tempatan iaitu dengan memasukkan *made in Malaysia* atau *made by Malaysia* dengan izin dalam proses penilaian tender, galakan pembayaran cepat kepada syarikat-syarikat tempatan.

Bagi negara Ukraine pula walaupun sedang bergolak, berjaya mewujudkan sistem ProZorro, dengan izin semua maklumat tender dan kontrak boleh diakses secara terbuka dan dikawal selia secara bersama-sama dengan masyarakat sivil. Saya mencadangkan supaya kementerian memperkenalkan *dashboard* perolehan nasional dan melibatkan NGO serta penyelidik sebagai pemerhatian bebas.

Di negara Switzerland pula telah menyatupadukan peraturan antara negeri dan persekutuan melalui Public Procurement Act 2021, dengan izin dan sekali gus mematuhi perjanjian antarabangsa WTO dan GPA. Saya mencadangkan RUU ini perlu mengikat semua kerajaan agar tiada ruang untuk pengecualian teknikal atas alasan berbeza dan bidang kuasa.

RUU ini Dato' Yang di-Pertua, negara yang sedang berperang seperti Ukraine sanggup telus dalam perolehan. Negara kecil seperti Singapura pula telah puluhan tahun mendahului kita maka Malaysia tiada alasan untuk bertolak ansur dengan amalan lama yang membazir dan tertutup. Saya menyokong RUU ini namun menekankan bahawa keberanian untuk berubah mesti ditunjukkan bukan hanya di atas kertas, tetapi dalam pelaksanaan harian. *A good governance with good intention is the hallmark of our government. Implementation with integrity is our core passion*, dengan izin. Maka saya menyokong, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, YB. YB, dia nak habiskan lima minit itu terpaksa bercakap dengan laju tadi. *[Ketawa]* Saya perhatikan, *anyway* terima kasih YB.

Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Senator Tuan Che Alias bin Hamid.

1.34 tgh.

Tuan Che Alias bin Hamid: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan kesempatan kepada saya untuk sama-sama turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025. Sebagai Ahli Dewan Negara, saya ingin menegaskan bahawa tanggungjawab kita bukan sekadar meluluskan undang-undang tetapi memastikan setiap peruntukan yang digubal benar-benar menjamin ketelusan, integriti dan juga keberterangjawaban kerajaan dalam menguruskan kewangan negara.

Malangnya setelah meneliti dengan mendalam rang undang-undang ini, saya dapati masih terdapat kelemahan yang ketara yang boleh membuka ruang kepada salah guna kuasa dan konflik kepentingan. Oleh itu saya ingin membangkitkan beberapa isu utama untuk dipertimbangkan.

Dato' Yang di-Pertua, pertama fasal 10 memperuntukkan kuasa melulus kepada Menteri Kewangan. Walaupun kerajaan berhujah kuasa ini hanyalah meneruskan amalan sedia ada, hakikatnya ia meletakkan terlalu banyak kuasa dalam tangan seorang individu. Kuasa meluluskan perolehan yang besar iaitulah lebih RM50 juta bagi bekalan dan perkhidmatan serta lebih RM100 juta bagi perolehan kerja yang mana masih berpusat di tangan Menteri.

Lebih membimbangkan Menteri Kewangan dan Perdana Menteri pada waktu ini adalah individu yang sama. Ini jelas boleh menimbulkan konflik kepentingan yang sangat besar. Bagaimana kita boleh bercakap soal semak dan imbang apabila kuasa menetapkan dasar dan kuasa meluluskan perolehan terletak pada individu yang sama? Bukankah lebih wajar kuasa yang besar sebegini ini dibawa kepada Jawatankuasa Khas Parlimen untuk disemak dan juga bukan hanya bergantung kepada seorang Menteri.

Dato' Yang di-Pertua, fasal 17 mengenai keperluan pendaftaran pembekal dan juga kontraktor. Walaupun tujuannya adalah untuk memastikan hanya pihak yang layak boleh menyertai perolehan kerajaan, fasal ini juga berpotensi menutup pintu kepada syarikat kecil, koperasi ataupun *start-up* yang inovatif. Proses pendaftaran di bawah kawalan Kementerian Kewangan pula menimbulkan persoalan yang besar.

Pertama adakah ia akan digunakan secara telus atau akan menjadi satu lagi alat diskriminasi politik? Tanpa mekanisme rayuan yang benar-benar bebas, penolakan pendaftaran boleh dijadikan alasan untuk menyekat pesaing atau memberi kelebihan kepada pihak tertentu. Akhirnya kita akan melihat monopoli ataupun syarikat besar dan kroni, manakala pemain industri baharu terus terpinggir.

Oleh itu apalah jaminan pihak kerajaan bahawa proses pendaftaran pembekal dan kontraktor tidak akan disalahgunakan untuk menyekat syarikat tertentu terutamanya syarikat kecil, koperasi ataupun *start-up* yang tiada hubungan politik ini? Jika pendaftaran ditolak adakah mekanisme rayuan benar-benar bebas atau sekadar berformaliti di bawah Kementerian Kewangan?

Seterusnya fasal 28 mengenai perolehan terbuka. Di mana Menteri menyatakan bahawa tender terbuka adalah kaedah utama yang ada pada hari ini tetapi fasal ini memberi ruang kepada Menteri untuk menetapkan kaedah lain iaitu selain daripada tender terbuka ini. Ruang pengecualian inilah yang dibimbangi membuka pintu belakang kepada amalan rundingan terus yang sebelum ini menjadi punca kepada pelbagai skandal perolehan yang berlaku pada hari ini. Bagaimanakah rakyat boleh yakin pengecualian ini tidak akan digunakan sebagai pintu belakang untuk rundingan terus yang telah lama menjadi punca skandal perolehan ini?

Akhir sekali Dato' Yang di-Pertua, iaitu fasal 89 hingga 91, kuasa pekeliling dan juga peraturan yang terlalu luas. Dato' Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menarik perhatian kepada fasal 89 hingga 91 ini di mana RUU ini memberikan kuasa yang terlalu luas kepada Menteri dan juga Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk menggubal peraturan, arahan dan pekeliling yang mempunyai implikasi undang-undang. Dengan kata lain banyak aspek penting yang sepatutnya diperincikan secara telus di dalam rang undang-undang yang boleh ditentukan kemudian hanya melalui pekeliling atau arahan dalaman sahaja.

■1340

Oleh itu persoalannya, apakah fungsi sebenar Parlimen jika peruntukan yang kritikal boleh ditentukan oleh eksekutif, selaras undang-undang ini diluluskan? Adakah pekeliling dan arahan yang dikeluarkan oleh Menteri ataupun KSU Perbendaharaan akan dibentangkan di Parlimen untuk disemak atau ia terus berkuat kuasa tanpa pengawasan legislatif? Bukankah

pemberian kuasa terlalu luas kepada eksekutif ini bercanggah dengan prinsip semak dan imbang yang kononnya menjadi tunjang kepada rang undang-undang ini.

Oleh itulah saya mengharapkan supaya ianya dapat dibuat penambahbaikan demi kepentingan rakyat dan juga negara. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Senator Tuan Che Alias.

Seterusnya, saya persilakan YB Senator Dr. Jufitri bin Joha.

1.40 tgh.

Dr. Jufitri bin Joha: Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan-tuan dan puan-puan Yang Berhormat Senator sekalian, kita mengalu-alukan penggubalan RUU Perolehan Kerajaan adalah bertujuan untuk memastikan kewajiban, kebertanggungjawaban tadbir urus dan ketelusan dalam perolehan kerajaan, serta penubuhan tribunal rayuan perolehan kerajaan untuk mengadakan peruntukan lain yang berkaitan. Dan kita tak menafikan bahawa RUU ini mempunyai satu dasar yang sangat kukuh berlandaskan apa yang telah dibawa oleh kerajaan Malaysia MADANI yang sangat menekankan kepada pembasmian rasuah dan tatakelola yang baik.

Tuan Speaker, dengan wujudnya RUU Perolehan Kerajaan 2025 ini, maka perolehan kerajaan selepas ini akan ditambah baik. Khususnya apabila ada sekatan dan ketelusan kuasa Menteri Kewangan, mekanisme semak dan imbang, wujudnya tindakan punitif, tegas dan penekanan pada tender terbuka di dalam akta ini.

Kita tak menafikan bahawa akta ini sangat baik dan kita pun tidak menafikan bahawa komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sangat komited dengan pembasmian rasuah dan tatakelola yang baik. Sebagaimana hadis Nabi SAW [*Membaca sepotong hadis*] Sesungguhnya, harta yang baik itu terletak kepada, kalau diuruskan oleh tokoh yang baik, maka dia akan menjadi satu pengurusan yang baik.

Ruang penambahan terhadap RUU Perolehan Kerajaan Tahun 2025 ini, khususnya apabila wujud kritikan dan teguran dan pelbagai lagi idea-idea yang mengkritik daripada kumpulan masyarakat sivil berhubung dengan beberapa perkara:

- (i) pemusatan budi bicara di tangan Menteri Kewangan dan Ketua Menteri;
- (ii) tribunal rayuan yang kekurangan wibawa dan kebebasan, hal ini disebabkan ahli-ahlinya dilantik oleh Menteri sendiri;
- (iii) kuasa pendaftar tanpa perlindungan yang mencukupi melemahkan ketelusan dan kebertanggungjawaban. Kuasa siasatan yang terlalu

luas yang diberikan kepada pegawai perbendaharaan di dalam setengah kes melampaui kuasa penguat kuasa iaitu polis.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa penjelasan yang saya sukacita untuk saya majukan kepada Menteri Kewangan. Yang pertama, apakah kuasa budi bicara yang disebutkan? Seperti mana di atas ini tidak bersifat dengan izin, *excessive* apabila dilihat berlaku pemusatan kuasa kepada Menteri di dalam kebanyakan peruntukan undang-undang dalam RUU ini.

Kedua, apakah mekanisme semak dan imbang yang boleh dilakukan sekiranya pada masa hadapan, jika terdapat kuasa menteri ini disalahgunakan kuasanya? Kalau kita kenal Yang Amat Berhormat sekarang ini dia sangat komited dengan tatakelola yang baik, kita tak risau, tapi mungkin seterusnya itu.

Ketiga, adakah rasional dan justifikasi memberi seorang individu Menteri kuasa meluluskan satu perolehan lebih besar daripada kuasa lembaga? Bertepatan dengan matlamat mengurangkan peluang penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Tribunal perolehan kerajaan ini dilihat bebas dengan izin, *independent*. Maka beberapa aspek penting boleh dipertimbangkan untuk ditambah baik dalam RUU Perolehan Kerajaan ini.

Mengapakah pelantikan dan struktur pelantikan yang dibuat oleh Menteri ini tidak disaring melalui sebuah sistem Jawatankuasa Pilihan Khas di dalam Parlimen atau sebuah suruhanjaya bebas yang terasing dari kuasa Menteri untuk melantik ahli-ahli tribunal perolehan kerajaan ini? Persoalan, bagaimanakah kita boleh memastikan bahawa Menteri mempunyai kuasa bagi melantik ahli tribunal ini dan jaminan bahawa ahli-ahli tribunal bebas dari pengaruh eksekutif?

Pihak pekerjaan telah menyatakan berlaku sesi libat urus dan pandangan dengan izin, *stakeholders* ataupun pemegang taruh telah dimasukkan di dalam RUU Perolehan Kerajaan ini. Apakah pandangan pemegang taruh khususnya Pertubuhan Masyarakat MADANI yang dirujuk? Dan bahagian mana yang boleh dipertimbangkan dimasukkan dalam RUU ini? Di situ saya mencadangkan dengan takzimnya agar RUU perolehan kerajaan ini ditangguhkan. Ia RUU yang baik. Cuma kita nak bahas menjadikan dia lebih baik, ia dicadangkan ditangguhkan dan dibawa masuk ke dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Dewan Negara, berhubung semakan rang undang-undang agar Ahli Parlimen, pakar, pemegang taruh dan yang seterusnya boleh memberikan input secara holistik lebih mendalam dan lebih baik dalam demi kepentingan negara.

Terakhir, sekiranya dia dilaksanakan, saya suka mencadangkan agar dilakukan analisis pasca perundangan ataupun *post legislative analysis* yang boleh diamalkan agar boleh dilaksanakan proses menyemak undang-undang selepas ia digubal, untuk menentukan

sama ada ia telah dilaksanakan dan dikuatkuasakan dengan berkesan dan untuk menilai kesan dan kesan-kesan yang seterusnya. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Senator Dr. Jufitri. Seterusnya, saya silakan YB Senator Tuan Isaiah a/l D. Jacob.

1.46 ptg.

Tuan Isaiah a/l D. Jacob: Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan pada hari ini. Saya melihat RUU ini amat penting kerana ia menyentuh perkara pokok dalam pentadbiran negara iaitu bagaimana wang rakyat dibelanjakan, bagaimana kontrak dan projek kerajaan diberikan serta bagaimana prinsip tadbir urus yang baik dilaksanakan.

RUU ini pada asasnya membawa hasrat murni untuk meningkatkan akauntabiliti, ketulusan, keberkesanan dalam sistem perolehan kerajaan. Justeru, izinkan saya mengutarakan beberapa perkara pertimbangan Dewan yang mulia ini. Saya juga menyarankan agar kerajaan memperkukuhkan sistem digital perolehan supaya rakyat boleh meneliti kontrak yang diberikan, nilai projek serta syarikat penerima. Dengan cara ini, keyakinan rakyat terhadap kerajaan dapat dipulihkan.

Inclusivity dalam perolehan. Saya ingin menekankan bahawa sistem perolehan kerajaan bukan sahaja perlu telus tetapi juga inklusif. Inklusif bermaksud memberikan peluang sama rata kepada semua lapisan masyarakat termasuk kumpulan yang sering terpinggir.

Pertama, saya ingin menyentuh tentang usahawan OKU. Ramai usahawan OKU yang berpotensi dan berdaya saing. Namun, sering tidak mendapat ruang kerana kekangan akses, maklumat dan jaringan. Saya mencadangkan agar kerajaan memperuntukkan kuota khas perolehan kepada usahawan OKU, sebagaimana kuota yang pernah diwujudkan untuk Bumiputera. Ini selari dengan prinsip Malaysia MADANI yang menekankan keadilan sosial dan kesejahteraan semua.

Kedua, saya ingin menyentuh tentang usahawan wanita dan belia. Kedua-dua golongan ini merupakan pemacu ekonomi negara. Mereka perlu diberikan ruang untuk bersaing secara adil, bukan sekadar dalam kontrak kecil tetapi juga dalam projek sederhana dan besar.

Nilai untuk wang rakyat. Sering kali dalam sistem perolehan, penekanan hanya diberikan kepada harga terendah. Namun, harga terendah tidak semestinya membawa manfaat jangka panjang. Kita tidak mahu situasi di mana projek kerajaan gagal, terbengkalai atau kualitinya rendah, hanya kerana kerajaan memilih tawaran yang murah.

RUU ini perlu menekankan konsep *value for money* atau nilai untuk wang rakyat. Maksudnya penilaian perolehan mesti mengambil kira faktor-faktor kualiti, ketahanan, impak

jangka panjang, serta aspek kelestarian alam sekitar. Sebagai contoh, jika kerajaan membeli peralatan atau perkhidmatan daripada syarikat tempatan, ia bukan sahaja memberi manfaat segera, tetapi juga mengukuhkan ekonomi negara secara berterusan. Begitu juga dengan penggunaan bahan mesra alam dalam projek kerajaan, ia mungkin lebih mahal pada permulaan tetapi menjimatkan kos jangka panjang serta menyokong agenda kelestarian negara.

Pengawasan dan pemantauan. Saya juga ingin menekankan kepentingan mekanisme pengawasan dan pemantauan. Rakyat sudah letih mendengar kisah projek sakit, projek terbengkalai, serta pembaziran dalam kontrak kerajaan. Saya mencadangkan agar wujudkan satu jawatankuasa bebas di bawah Parlimen yang diberi kuasa pemantauan perolehan berskala besar. Jawatankuasa ini boleh berfungsi seperti Jawatankuasa Kira-kira wang Negara (PAC), tetapi fokus khusus kepada perolehan supaya setiap projek kerajaan dipantau dengan teliti.

■1350

Selain itu, kerajaan boleh memperkukuh sistem audit bebas dan audit berkala agar kelemahan dapat dikesan lebih awal sebelum ia mendatangkan kerugian besar kepada negara.

Cabaran dan penyelesaian. Saya tidak menafikan bahawa pelaksanaan RUU ini akan berdepan dengan pelbagai cabaran. Antaranya budaya lama yang sudah berakar umbi di mana proses perolehan sering dilihat sebagai ruang untuk kepentingan pihak tertentu. Kelemahan penguatkuasaan undang-undang yang baik akan gagal jika tidak ketegasan dalam penguatkuasaan.

Kurangnya kesedaran dan latihan di kalangan penjawat awam serta usahawan kecil mengenai sistem perolehan baharu. Oleh itu, saya mencadangkan latihan komprehensif kepada penjawat awam dan usahawan mengenai sistem perolehan digital, penguatkuasaan undang-undang secara tegas tanpa pilih kasih, program kesedaran kepada masyarakat tentang hak mereka untuk memantau perolehan kerajaan.

Dato' Yang di-Pertua, RUU Perolehan Kerajaan ini adalah satu langkah besar ke arah *reform* pentadbiran negara. Ia bukan sekadar tentang peraturan baru tetapi tentang membina budaya baru, budaya tulus, budaya integrasi dan budaya bertanggungjawab. Saya berharap RUU ini benar-benar dapat dilaksanakan dengan sebaiknya supaya wang rakyat diuruskan secara berhemah, peluang diagihkan secara adil dan hasilnya kembali kepada rakyat dalam bentuk pembangunan yang mampan.

Dengan penuh keyakinan saya menyokong rang undang-undang ini demi membina Malaysia MADANI yang lebih telus, inklusif dan berintegriti. Saya menyokong. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, YB Senator Tuan Isaiah.

Seterusnya, saya mempersilakan YB Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail. Silakan, Tuan YB.

1.52 tgh.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Dato' Yang di-Pertua, pertama saya nak sambut juga ingatan daripada Dato' Yang di-Pertua. Saya tak tahu, setiap sidang, setiap persidangan, Speaker, Yang di-Pertua *duk* peringat, Menteri, Timbalan, marilah, tapi sama je berulang. Apakah betul ada orang mengatakan bahawa sidang Dewan Negara ini Menteri tak mari, tak apa dah. Kami ni *rubber stamp* je. Saya ingat tolong ambil perhatianlah, tetapi saya, *hok* sebut itu, tak masuk dalam yang ini.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: *[Ketawa]* Tak apa YB, kita bagikan sedikit kelonggaran.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Dato' Yang di-Pertua, saya nak memulakan ucapan saya ini dengan mengingatkan bahawa apa yang saya sebut tidak terfokus kepada PM bila-bila, tapi ia harus dilihat untuk PM dan Menteri Kewangan pada bila-bila masa. Bukan sekarang, tapi sampai bila-bila akan datang. Jadi, oleh kerana itu, rang undang-undang ini harus dilihat pada sudut bacaan bukan sekadar hatinya, niat, tetapi termaktub dan tertulis pada RUU ini.

Yang keduanya, saya nak juga bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Senator Dr. Jufitri sebentar tadi. Bukan isu menolak, tetapi isu minta supaya rang undang-undang ini ditangguhkan dulu, dinilai semula, diberi kepada pihak-pihak yang berkebajikan, yang berkepentingan seperti Jawatankuasa Bahagian Semakan Undang-undang dan juga termasuk JKPK TIA yang juga membabitkan soal tatakelola, integriti dan juga anti rasuah turut meneliti undang-undang yang saya fikir sangat penting, yang menjadi asbab kepada selama ini rakyat berdepan dengan pelbagai kerenah kepimpinan yang lalu, negara terhutang dengan jumlah yang sangat banyak.

Sebab apa? Sebab perolehan. RUU Perolehan ini ialah pintu masuk duit dan juga pintu alir keluar duit negara. Bukan nilai RM1 bilion, tetapi mungkin ratusan bilion. Sebab itu saya harap rang undang-undang yang 93 fasal ini harus diberikan masa yang cukup, diteliti betul-betul supaya maksud bahawa kita berhasrat untuk melahirkan sebuah negara yang berintegriti, tatakelola yang bagus dan rasuah yang menurun dapat dilaksanakan dengan peruntukan yang ada ini.

Saya menyebutkan begini sebab dalam kenyataan, dalam peruntukan RUU yang kita bincang hari ini, ternampak banyak perkara yang agak kelompongan sehingga nak dimaksudkan bahawa kita akan mencapai matlamat itu, sangat-sangat boleh dipersoalkan.

Contohnya, melalui di bawah peruntukan, kuasa-kuasa yang disebut oleh sahabat-sahabat tadi, kuasa yang diberikan kepada Menteri terlalu besar — dah habis dah. *[Ketawa]*

Yang keduanya, berhubung dengan data-data yang mungkin kita boleh ulangi. Ketelusan dari sudut perolehan dan alir keluar. Kita mungkin ada fakta, mungkin ada data, ada mungkin peruntukan dari akta, tetapi contohlah ketelusan ini kita cakap nak telus, nak telus, tetapi isu royalti di Terengganu... *[Dicelah]* Tan Sri, sampai hari ini makin terus menjadi tanda tanya. Apakah ini menjadi sebahagian daripada hati dan inti pati daripada RUU ini yang mengharapkan ketelusan?

Yang ketiganya ialah dari sudut kedudukan fasal-fasal yang lain yang banyak yang disentuh di sini sebahagian yang sahabat-sahabat sudah sentuhkan, tapi saya nak minta sedikit ruang untuk menyebut kuasa melulus perolehan mega tanpa had. Ini satu hal yang sangat, sangat, sangat penting sebab kita tengok di sini peranan Menteri mempunyai kuasa yang agak mutlak walaupun di kata — Dato' Menteri Kewangan kata, kita semua sudah menyekat dan mengekang, tapi realiti yang ada dalam akta yang kita bincangkan ini sebenarnya makin membuka luas. Kalau tidak buka luas pun, tak tutup sebahagian besar daripada ruang-ruang yang tadi.

Saya juga nak sebut contoh dalam fasal seksyen 17 dan 19. Isu Menteri Kewangan yang juga mempunyai kuasa mengecualikan mana-mana pembekal daripada kewajipan yang atas. Kewajipan apa? Kewajipan 17, 19 yang memasukkan bahawa kesalahan jenayah yang disabitkan kebangkrutan dan lain-lain rasuah, itu tak boleh, tapi Menteri boleh kecualikan. Ertinya boleh kecualikan ini memang terbuka untuk akan berlaku *corruption*, akan berlaku kroni, akan berlaku macam-macam. Berapa lama dah tuan-tuan, contoh, kontraktor-kontraktor yang hampir bersiri keturunannya sejak merdeka, keturunan dia je yang dapat kontrak. *[Ketawa]*

Minta maaf, saya sebut. Sebab antara alasan yang diberikan, kontraktor mesti berwibawa, kontraktor ada *track record*, kewangan yang baik tapi sebahagian besar, kontraktor ini, dilaksanakan oleh *subcon*. Duit memang masuk banyak ikut dia, baguslah akaun dia, *track record* dia bagus. Sebenarnya *track record* itu adalah *subcon*. Sampai bila *subcon* ini akan dapat tempat? Semuanya harus diambil kira.

Saya masa dah habis. Saya nak sebut satu lagi Yang Berhormat Dato' iaitu isu tribunal. Isu tribunal ini pun isu yang sangat serius. Tribunal ini boleh berfungsi kalau dia bebas tapi tribunal dilantik oleh Menteri. Kalau sekarang, siapa nak cangguh lagi, Menteri Kewangan adalah Perdana Menteri. Saya bukan persoal daripada — sampai bila-bilalah kalau itu berlaku. Kalau tribunal itu dilantik oleh Menteri ataupun Perdana Menteri, Menteri Kewangan, siapa nak cangguh?

Ertinya, bahawa mereka mempunyai lesen besar dan keadaan ini harus dibendung dan disekat. Dalam JPKA — JPKP TIA, tatakelola. Dua tahun kita bincang tentang isu penubuhan Ombudsman. Apakah tidak sampai waktunya sekarang ini untuk kita menubuhkan Ombudsman sebagai satu agensi penyemak imbang yang sangat efektif?

Saya sempat bersama dengan kawan-kawan pergi ke Hong Kong, melihat bagaimana dia *drop*-kan dia punya *rate*, apa benda ini, *corruption* daripada 50 lebih, sekarang nombor 5, tapi saya nak kongsi sikit dalam data antarabangsa. Contohnya, Ombudsman di Hong Kong. Hong Kong ini dia *direct investigation* dan *full investigation*. Dengan maaf. Siasat rentas agensi. Walaupun jabatan, CEO dia, CEO dia Perdana Menteri lah.

■1400

Jadi tuan-tuan, audit tingkah laku pentadbiran terikat perolehan dan lain-lain bawah Ombudsman Hong Kong. Di Sweden, dipanggil *Justice Ombudsman* yang dilantik oleh Parlimen. Ombudsman dilantik oleh Parlimen, dia bertanggungjawab kepada Parlimen. Jadi dengan sendirinya dia mempunyai kewibawaan yang cukup kuat, mematuhi undang-undang, bersikap saksama dan objektif, pelantikan ke Parlimen bermakna kebebasan dari segi integriti, *responsibility*-nya kepada Parlimen...

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: YB Hussin, YB Hussin.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Satu lagi, Ombudsman New Zealand, *last point*.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Sebenarnya saya, menarik apa yang cuba dibangkitkan, tetapi masa terhad.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Okeylah Dato', *last. Last point*.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Okey, kita bagi yang terakhir ya. *[Ketawa]*

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Ombudsman New Zealand. Ombudsman New Zealand ini, aduan pembekal dan peraturan-peraturan perolehan diberikan tumpuan yang besar. Jadi saya rasa sebelum saya tamatkan ini, saya tutup dengan satu cadangan saya lah, kalau boleh diambil perhatian.

Seruan saya ialah supaya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita tutup segala ruang salah laku, salah guna dan pilih kasih dan lain-lain. Hadkan budi bicara apa ni budi bicara pengecualian-pengecualian. Tak ada kuasa pengecualian sepatutnya, sebab pengecualian itu ialah sudah bermulanya salah laku.

Yang keduanya, ratifikasi Parlimen untuk perubahan peraturan-peraturan utama.

Yang ketiganya audit berkala berasaskan KPI perolehan, dan;

Yang keempatnya segera dengan semak dan tubuhkan Ombudsman negara, insya-Allah sebagai *compliment* kepada tribunal rayuan ini. Kalaupun tidak Ombudsman itu sendiri sepatutnya merangkumi fungsi tribunal rayuan.

Dengan itu, saya masih menyebut yang pertama, saya mohon supaya undang-undang, apa ni RUU ini ditangguh dulu, dibincang dulu, tidak diselesaikan hari ini supaya memuaskan hati semua pihak kemasukan netizen di luar sana. Terima kasih banyak-banyak. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Hussin. Saya tahu YB Hussin, isu-isu berkaitan dengan integriti ini begitu dekat di hati dia, tetapi apakan daya, waktu tidak mengizinkan untuk saya benarkan seterusnya.

Seterusnya, saya menjemput YB. Senator Dato' Sri Vell Paari untuk membahaskan isu ini.

2.02 ptg.

Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu: Dato' Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana beri peluang mengambil bahagian dalam perbahasan hari ini. Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025 ini amat penting kerana ia membawa satu kerangka undang-undang baharu untuk memastikan perolehan kerajaan dijalankan dengan lebih telus, berkesan dan berintegriti.

Dashboard Ketua Audit Negara dengan izin, melaporkan bahawa kelemahan dalam pengurusan perolehan dan kontrak saja menyumbang kepada ketirisan bernilai RM473.66 juta manakala kelemahan dan pengurusan syarikat kerajaan pula bernilai RM382.12 juta. Makna, RUU ini hadir sebagai jawapan kepada kelemahan tersebut.

Saya menyokong penuh usaha kerajaan menubuhkan lembaga perolehan bagi memastikan keputusan dibuat secara kolektif bukan individual. Namun, saya ingin bertanya, apakah langkah kerajaan untuk memastikan lembaga perolehan ini benar-benar bebas dari pengaruh politik dan pihak berkepentingan? Jika lembaga ini tidak bebas, matlamat ketelusan tidak akan tercapai.

Penubuhan tribunal rayuan perolehan juga adalah langkah baik kerana keputusan tender boleh disemak, tetapi persoalan saya, bagaimanakah kerajaan akan menjamin tribunal ini dapat berfungsi dengan cepat, adil dan tidak membeban pembekal kecil yang ingin membuat rayuan. Jika prosesnya lambat dan rumit, tribunal ini mungkin tidak efektif.

Saya juga menyambut baik peruntukan yang mewajibkan semua pembekal dan kontraktor berdaftar. Ini penting untuk menutup pintu kepada syarikat atas angin atau yang tidak layak. Namun saya ingin tahu, bagaimana kerajaan akan memastikan ketelusan dalam pendaftaran ini? Adakah senarai syarikat yang digantung atau disenaraihitam akan diumumkan kepada umum supaya masyarakat tahu siapa yang gagal mematuhi peraturan?

Pada masa yang sama, saya bimbang sosial kontrak rundingan terus. Walaupun ia dibenarkan dalam keadaan tertentu, apakah mekanisme pemantauan yang digunakan supaya

rundingan terus ini tidak dijadikan jalan pintas untuk kronisme? Rakyat juga ingin kepastian bahawa ruang perundingan terus tidak disalahgunakan.

RUU ini menekan penggunaan sistem digital dalam usaha perolehan. Saya sangat — saya percaya pendigitalan sepenuhnya akan mengurangkan risiko manipulasi selain meningkat kecekapan. Soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan pendigitalan sepenuhnya? Dan, jika ya, bila sasaran semua tender kerajaan akan dijalankan secara terbuka dalam talian?

Selain itu, saya ingin cadangkan supaya dasar perolehan memberi keutamaan kepada syarikat kecil dan sederhana tempatan, belia serta syarikat yang mengamalkan amalan mesra alam. Adakah kerajaan mempunyai rancangan jelas untuk memastikan kumpulan ini benar-benar mendapat ruang dalam kontrak kerajaan, selaras dengan agenda pembangunan mampan?

Dato' Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah reformasi yang sudah lama ditunggu. Ini akan menutup ruang ketirisan, meningkat integriti dan membawa Malaysia lebih hampir kepada piawaian antarabangsa dalam urus perolehan awam. Saya menyokong penuh RUU ini kerana ia memberi jaminan bahawa wang rakyat yang diurus dengan sebaiknya. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Senator Dato' Sri Vell Paari.

Seterusnya, saya menjemput YB Senator Tuan Mohd Hasbie.

2.07 ptg.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua atas peluang untuk saya turut sama membahaskan RUU Perolehan Kerajaan 2025. RUU ini ialah satu pencapaian besar dalam usaha kerajaan untuk membina sistem perolehan yang benar-benar berintegriti, telus dan berakauntabiliti.

Buat pertama kali dalam sejarah, peraturan perolehan kerajaan yang telah sekian lama hanya berbentuk pekeliling pentadbiran, kini diangkat menjadi akta ataupun undang-undang dengan kuasa perundangan penuh. Langkah ini bukan sahaja memperkukuhkan keyakinan rakyat tetapi juga memberi isyarat yang jelas kepada dunia bahawa kita serius dalam memastikan setiap sen wang rakyat diurus secara berhemat.

Komitmen kerajaan melaksanakan perolehan secara tender amat baik. Amalan ini membuka ruang persaingan sihat, memberi ruang — memberi peluang sama rata kepada kontraktor dan menutup pintu kepada budaya rundingan terus yang sering dikaitkan dengan ketirisan. Rakyat boleh berasa lega kerana urusan perolehan kini lebih terbuka, dipantau dan lebih diyakini. Hukuman tegas juga iaitu denda minimum tiga kali ganda nilai kontrak dan juga

RM1 juta atau RM1 juta serta hukuman penjara sehingga lima tahun ialah bukti kesungguhan kerajaan untuk membanteras sebarang salah guna kuasa dan perbuatan yang tidak berintegriti dalam pengurusan kontrak kerajaan.

Undang-undang ini meletakkan mesej yang jelas bahawa penyalahgunaan dana awam bukan lagi kesalahan kecil tetapi kesalahan berat yang mesti dihukum setimpal. Ini juga selari dengan Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) dan usaha SPRM untuk membanteras korupsi. Ini membina ekosistem tadbir untuk kewangan yang lebih bersih, sekali gus meningkatkan keyakinan pelabur luar bahawa negara kita adalah destinasi pelaburan yang stabil, telus dan berdaya saing.

Selain itu, dalam keadaan tertentu yang melibatkan keperluan keselamatan negara, situasi bencana dan juga kesegeraan, kerajaan memberikan pengecualian perolehan dan ini menunjukkan bahawa kerajaan juga realistik dalam pelaksanaan perolehan ini. Walaupun RUU ini menekankan ketelusan, tetapi ianya fleksibel dalam keadaan tertentu dan mendesak.

Ringkasnya, RUU ini bukan sahaja menutup kerugian berbilion ringgit akibat ketirisan, tetapi ianya asas penting kepada budaya pentadbiran awam yang lebih bertanggungjawab dan juga menzahirkan aspirasi Malaysia untuk bergerak seiring dengan negara-negara maju yang telah lama meletakkan undang-undang ketat dalam hal perolehan awam.

Dalam pembentangan RMK13 di Dewan Rakyat, Perdana Menteri menyebutkan bahawa ada undang-undang baharu berkait dengan undang-undang *anti-rent seeking* akan digubal, akan diwujudkan.

■1410

Walaupun Perdana Menteri tidak sebut dalam Dewan ini, tetapi saya percaya bahawa undang-undang yang dimaksudkan itu ialah rang undang-undang ini. Namun begitu, dalam semangat menyokong penuh usaha kerajaan ini, ada beberapa cadangan yang mungkin boleh dipertimbangkan.

Yang pertama, berkait dengan had siling kontrak mega dicadangkan untuk kontrak yang boleh diluluskan secara terus oleh Menteri mesti ada had silingnya yang akan perlu melalui proses tambahan seperti semakan Jawatankuasa Parlimen Khas ataupun penilaian panel bebas yang profesional. Ini bagi mengelakkan kontrak-kontrak yang terutamanya yang nilai besar itu jatuh kepada orang yang salah dan kontrak yang tak perlu itu diwujudkan semata-mata untuk memenuhi keperluan kroni dan sebagainya.

Yang keduanya juga berkait dengan kuasa Menteri yang mesti terikat dengan syor lembaga perolehan. Keputusan Menteri wajar selaras dengan syor lembaga perolehan kecuali dalam keadaan darurat yang jelas diperuntukkan undang-undang. Mekanisme ini penting agar keputusan teknikal dan profesional kekal sebagai asas utama mengurangkan risiko keputusan dibuat atas pertimbangan politik.

Yang ketiga berkaitan dengan mekanisme kebuntuan lembaga perolehan. Dalam keadaan kebuntuan, keputusan akhir tidak seharusnya bergantung kepada Menteri seorang diri. Dicadangkan supaya diwujudkan panel timbang tara khas yang melibatkan KSN, Ketua Audit Negara, wakil SPRM dan pakar bebas. Mekanisme ini untuk memperkukuhkan semak imbang dalam situasi yang rumit.

*[Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Yang terakhir sekali berkaitan dengan pelantikan lembaga perolehan yang perlu lebih bebas daripada campur tangan politik. Pelantikan sebaiknya mestilah melalui jawatankuasa bebas ataupun yang disemak oleh Parlimen bagi menjamin integriti dan kebebasan lembaga. Ini akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap sistem perolehan yang benar-benar telus.

Walau bagaimanapun, usaha kerajaan ini wajar dipuji dan disokong kerana ini melibatkan nilai yang jauh lebih besar daripada kita hanya fokus kepada isu-isu rasuah yang melibatkan pegawai-pegawai penguat kuasa yang rendah, polis, JPJ dan sebagainya. Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong RUU ini. Terima kasih.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Azahar bin Hassan.

2.12 ptg.

Tuan Azahar bin Hassan: Terima kasih Dato' Speaker kita. Okey, rang undang-undang ini, perolehan kerajaan kita nak bincang sedikit daripada kuasa-kuasa hari ini. Kalau kita bercakap tentang projek-projek, hari ini kita bercakap tentang kuasa. Siapa yang menjadi ketua, dia sangat berkuasa.

Walaupun kuasanya hanyalah pengarah, kuasanya hanya pegawai-pegawai besar di jabatan, di kementerian dan sebagainya dan tambah pula dalam RUU ini kuasa yang besar diberi kepada Menteri Kewangan. Kalau kita tengok sini, Menteri Kewangan ni dia ada beberapa kuasa lah. Kita nampak boleh menetapkan dasar dan peraturan perolehan, kuasa untuk meluluskan perolehan tertentu ataupun pengaruh terhadap lembaga perolehan dan mengubal peraturan sekunder dan sebagainya. Ini kebimbangan sebenarnya, kebimbangan.

Kalau kita tengok hari ini di seluruh negara ataupun di mana-mana sahaja, projek-projek kadang-kadang dikawal oleh sesuatu pihak. Sama ada pihak itu yang sangat kaya, yang ada berpuluh-puluh lesen, masuk sebut harga dan nombor berapa yang naik pun *cut off* pun dia akan dapat. Ini pun juga kena tengok balik kan bagaimana kita nak mengatasi masalah-masalah inilah. Kawalan-kawalan daripada kontraktor-kontraktor yang besar.

Berikutnya ialah kawalan-kawalan bila ada kuasa ini menyebabkan orang yang tak ada kuasa ini dia tidak ada pilihan kadang-kadang. Kalau kontraktor G1 itu kadang-kadang nak dapat satu kerja RM50,000 setahun pun payah. Maka mereka masuk dalam golongan yang miskin sebenarnya, golongan yang miskin.

Jadi, perolehan-perolehan ini kita nak minta bila dia *dak* beri kebaikan, kebaikan kepada semua rakyat Malaysia ini. Sebab tanpa kawalan yang – undang-undang yang betul, ada orang yang akan jadi sangat berkuasa dan dia adalah ketua. Maksudnya, ketua ini dia ada kuasa untuk meluluskan pelbagai bagi projek yang ada di bawah dia. Ini yang kita nak tengok balik supaya semua kawalan-kawalan ini ada lagi badan yang mengawal. Ada lagi badan yang mengawal segala perolehan kerajaan ni supaya tidak ada kita panggil – istilah apa dikawal semua ini? Istilah apa? Saya lupa nak sebut. Monopoli, monopoli.

Kita tidak mahu wujudnya syarikat-syarikat seperti konsesi yang memonopoli semua projek-projek. Diwujudkan semua syarikat konsesi dan akhirnya, dapat semua projek-projek, maka kontraktor G1, G2 semua bergantung kepada syarikat konsesi tersebut. Hari ini kadang-kadang nampak kelebihan pada satu pihak sahaja – pihak yang lebih kuat, lebih kaya, lebih ada kuasa. Kontraktor-kontraktor bawahan ini memang terpaksa usaha betul-betullah. Kalau dapat itu rezeki ya. Kalau tak dapat, setahun sekali pun memang dia orang susah.

Jadi, kita harap RUU ini ataupun perolehan ini kena ada satu cara untuk mengawal supaya tidak ada kuasa yang terlalu luas kepada sesiapa sahaja yang menjadi ketua, yang jadi ketua. Sama ada dia jadi pengarah, dia KSU kah, dia jadi apa-apa sahaja yang ada kuasa, kita ada badan lagi yang mengawal untuk mengelakkan ketirisan dan sebagainya.

Saya tak mahu sebut elemen-elemen lain. Saya Cuma nak tengok bila kuasa terlampau tinggi semuanya dikawal oleh satu pihak sahaja. Semoga rang undang-undang ini kita akan nampak kuasa yang terlalu besar kepada Menteri. Contoh, Cuma contoh sahaja. Satu contoh yang bahawa kuasa mestilah dibahagikan.

Dia ada satu kumpulan ataupun satu badan lain yang boleh memantau. Kita ada *board*. *Board* pun kadang-kadang dikawal. *Board* tender pun dikawal, ada orang kawal dan sebagainya. So, saya mohon rang undang-undang ini kita janganlah terlalu – kuasa yang terlalu besar dibagi kepada ketua lah. Maksudnya kalau di sini kita Menteri Kewangan, kita kena ada juga yang kawalan-kawalan terhadap kuasa. Jadi, terima kasih. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan.

2.17 ptg.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Bismillahirrahmanirrahim*. Perbincangan atau perbahasan berkaitan dengan RUU Perolehan Kerajaan 2025 berkait rapat dengan soal proses dan sistem perolehan yang merupakan satu urusan niaga kerajaan dalam pembelian dari sekecil-kecil item hinggalah ke besar. Dari yang kecil alat tulis hinggalah lapangan terbang, pembinaan sekolah, hospital dan sebagainya.

Maka dengan demikian, sangat perlu diadakan satu mekanisme, satu proses dan sistem yang cukup telus, yang cukup berdasarkan integriti dan juga untuk mengelakkan rasuah. Maka, dalam konteks ini lah saya kira perbahasan ini *insya-Allah* akan saya beri perhatian.

Berkaitan dengan itu Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam proses perolehan ataupun perolehan ini, rasuah menjadi suatu anasir yang sangat berbahaya dan telah pun menunjukkan akibat-akibat yang sangat besar kepada soal ekonomi negara dan juga soal pengagihan kesaksamaan ekonomi kepada rakyat seluruhnya.

Kajian SPRM saling menunjukkan bahawa kesan rasuah dalam proses perolehan yang tak terkawal ini menunjukkan peningkatan kos sehingga 50 peratus, dan dikaji juga bahawa 10 hingga 25 peratus wang itu masuk ke saku atau ke poket perasuah. Jadi, dalam konteks yang lebih besar kita melihat data bahawa bagaimana kerugian KDNK antara 2019 hingga 2023 akibat rasuah bersamaan dengan peruntukan kerajaan untuk Sumbangan Tunai Rahmah selama 28 tahun. Ini kesan besar kalau proses perolehan tidak dilakukan dengan cukup telus dan berdasarkan satu proses dan mekanisme yang berintegriti.

Seterusnya Dato' Yang di-Pertua, saya ingin saya tekankan juga di sini lah pertanyaan yang telah saya kira juga perlu ditimbulkan oleh beberapa orang rakan tadi, tentang yang perlu dijelaskan oleh pihak Menteri keperluan rang undang-undang ini dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan dan Ekonomi.

■1420

Saya mendapat maklumat bahawa ini tidak dilakukan dan adakah ini melanggar keteraturan atau mencatatkan keteraturan rang undang-undang ini untuk dibahaskan dan untuk diluluskan. Saya mohon Menteri menjawab. Andai kata itu tidak mencatatkan keteraturan pun, maka harus dicatat bahawa dalam proses-proses akan datang, hendaklah jawatankuasa pilihan khas yang telah dibentuk itu dirujuki sebagai badan penapis, sebagai badan yang dapat memberikan pandangan, maklum balas untuk kemantapan RUU yang akan dibahaskan. Ini saya kira perkara yang penting dalam soal ketulusan kita juga, dalam pembentangan RUU.

Seterusnya Yang Berhormat Dato', soal saya memberikan dukungan kepada keperluan di bahagian empat itu iaitu pendaftaran, pembekal dan kontraktor. Proses ini saya kira dapat mengekang soal pelantikan pembekal ataupun kontraktor yang mungkin tidak berintegriti yang tidak mempunyai kelayakan dan sebagai mantan penjawat awam yang pernah memimpin organisasi kerajaan, memang timbul masalah penjawat awam yang duka lara menghadapi dilema kerana pelantikan atau pemberian syarikat konsesi yang tertentu menyebabkan organisasi yang kita pimpin tidak dapat dilaksanakan atau tak dapat melaksanakan amanah negara dengan betul.

Ini kes pernah berlaku dalam kes Dewan Bahasa dan Pustaka apabila sebuah syarikat konsesi dilantik dengan tidak melalui proses yang saya kira cukup telus menyebabkan Dewan Bahasa dan Pustaka menghadapi masalah besar dalam soal percetakan, pembekalan dan pengedaran buku dan terbitan yang lain.

Namun demikian, saya juga ingin bertanya, dalam soal pendaftaran ini, ada perkara 29, fasal 24 yang memberikan Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang daripada kehendak pendaftaran di bawah akta yang dijalankan. Maka, saya kira ini agak bertentangan dengan kebanyakan kes yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II itu tadi iaitu rang undang-undang ini sebenarnya banyak mengekang atau mengurangkan bidang kuasa Menteri Kewangan, tapi dalam kes ini tampaknya ada pengecualian dan berdasarkan pengalaman dulu-dulu pun banyak akta yang kalau menyebut pengecualian kemungkinan akan berlaku satu yang tidak seharusnya.

Yang akhir Dato' Yang di-Pertua, ingin saya bertanya adakah sebarang rancangan kerajaan untuk mengadakan satu sistem mekanisme, satu sistem penilaian akan keberkesanan pelaksanaan Akta Perolehan 2025 ini? Maka, ini sangat penting kerana akta yang tampak baik kalau tidak dilaksanakan, tidak dipantau dengan betul dan ini sudah menjadi sejarah dalam sistem pentadbiran negara kita, banyak program yang baik, tetapi jika tidak dipantau keberkesanannya, maka program yang baik itu tampaknya menimbulkan masalah berpanjangan.

Dengan demikian, saya mengakhiri perbahasan saya dengan memberikan sokongan, tetapi dengan catatan beberapa perkara yang patut diberi perhatian. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof. Jemput.

2.23 ptg.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya mulakan perbahasan ini dengan melihat beberapa isu penting yang kita harus tangani di

dalam Dewan yang mulia ini. Pertama ialah tentang kuasa. Saya rasa rata-rata itulah isunya, kuasa.

Jadi, kalau kita balik kepada falsafah perundangan, dia ada beberapa mazhab, Tuan Speaker. Mazhab yang cuba nak dibawa hari ini ialah *legal positivism*. Apa maksud dia? Dapat kelulusan Dewan Rakyat, lepas itu, lulus, okey lah. So, dia ada mandatlah. So, *you cannot questioned* lepas ini, itu *legal positivism*.

Satu lagi ialah *legal realism*. *Legal realism* ini melihat isu dari sudut ianya adalah satu perkara yang *real* dari segi politik, dari segi kuasa itu, apakah disalahguna, bukan sekadar dalam Dewan ini. Yang ketiga ialah *liberal institutional*. *Liberal institutional* ini, pada pandangan saya, lebih jalan tengah, iaitu mereka melihat bagaimana kuasa *that be*, kuasa yang diberi itu, perlu dibuat semak imbang.

Di sinilah saya nak tegur rang undang-undang ini. Menteri pun ada. Kita tak ambil pengajaran daripada 1MDB. Saya tak tahu sama ada kita tengok atau tidak laporan 1MDB. Ya, laporan sama ada daripada Ketua Audit mahupun daripada PAC. Menyatakan bahawa ada tiga pengajaran penting. Satu, kuasa yang terlalu besar diberi kepada Menteri. Dalam kes hari itu, Perdana Menteri, Menteri, penasihat. Jadi, semuanya diluluskan oleh satu tubuh badan. Dan saya nak ulang, kita tidak melihat individu di sini. Kita melihat sistem. Kita melihat undang-undang.

Yang kedua, mereka menyatakan bahawa tidak ada akauntabiliti, runtuh langsung akauntabiliti, di dalam konteks 1MDB punya laporan. Dan yang ketiga ialah tidak ada *oversight* yang boleh melihat apa dan dirahsiakan laporan audit waktu itu, hanya didedahkan pada tahun 2018.

Jadi, bagi saya, ini satu pengajaran penting. Tiba-tiba, apabila kita membaca akta ini, kita mendapati satu klausa yang sangat besar diberi kepada Menteri. Dan bagi saya, ini seolah-olah membuka satu episod lain yang memungkinkan Menteri mengecualikan ataupun meletakkan had tertentu. Ya, saya dengar Menteri kata tak ada apa-apa yang baru. Kuasa Menteri macam mana ada dalam Akta Tata Kelola Kewangan 1957, Akta Cukai. Betullah, tapi penegasan semula di sini seolah-olah walaupun dinafikan, tetapi seolah-olah memberi satu kekuatan kepada Menteri untuk mengecualikan atau menetapkan had dan ini tidak sesuai dengan reformasi yang kita sedang lakukan hari ini. Niat baik, *nobody questions*.

Kita tak hukum orang dengan hati dia. Dalam Dewan ini kita hukum dengan melihat apa yang tertera di depan mata kita. Dan saya mencadangkan supaya saya tidak berlaku zalim, sekadar memberi pandangan, kritik, tapi saya mencadangkan sebagai salah satu syarat untuk kita meluluskan rang undang-undang ini iaitu pertama, kita perlu kembali kepada had nilai perolehan yang dikuasai oleh Menteri, yang mempunyai kuasa itu. Menteri mesti bentang kepada Parlimen kalau ada apa-apa perolehan yang ada had ambang dia.

Saya tak tahu kita mungkin tak boleh buat dalam undang-undang ini, tetapi jangan lupa kita ada *by laws*, kita ada kata cara. Masalah di Malaysia ini, dari sudut *legal*, tatacara yang dibuat oleh kementerian, tak bawa ke Parlimen. Jadi, kadang-kadang undang-undang akta itu membatalkan sebab dia *by law*. Sedangkan *by law* itulah yang memastikan akta itu dapat dilaksanakan dengan baik.

Yang kedua, saya cadangkan supaya pengecualian oleh Menteri itu hanya kepada soal-soal kritikal dan darurat sahaja, bukan *open hand* dan ia bukan dilakukan, itu pun bukan *open hand*. Dia mesti rujuk kepada PAC. Kita, masalah PAC, dah hilang duit USD12 bilion, baru bawa pergi ke PAC. Apa itu? Kita kena selesai sekarang. Jadi, PAC kena uruskan. Apa soal pengecualian ini barulah ada *oversight* itu dan yang akhirnya, saya mohon sikit sahaja lagi iaitu audit khas oleh Ketua Audit Negara, pun sama. Dah lepas berlaku dah itu, baru dia *report*. Itu pun kalau berpandangan kepada mazhab kritikal, *legal critical studies*, dia kata bagi kuasa ni semua ni politik belaka sebab *depa* nak kuasai belaka. Jadi, saya rasa kita di dalam dewan ini berpegang kepada yang realiti.

Tidak, *sorry*, kita berpegang kepada apa itu *institutional, liberal institutional* yang melihat ada undang-undang *oversight*. Jadi, kalau Menteri nanti menjawab, dia boleh bagi kita satu jaminan bahawa apa sahaja tatacara yang datang untuk mengukuhkan akta ini perlu diberi perhatian dan kalau boleh bawa ke kami. Sebab itu, ada Jawatankuasa Semakan Undang-undang. Ini akta perolehan pun kami tak tengok. Tiba-tiba nak minta lulus. Jadi, *gone were the days*, dengan izin, Dewan Negara hanyalah *stamp. Today is the time* untuk memastikan Dewan Negara betul-betul berfungsi sebagai *Upper House* yang melihat dalam konteks undang-undang yang sebenarnya. Sekian, terima kasih Tuan Speaker... [Tepuk]

■1430

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih. Satu hujah yang bagus. Diharap Menteri dapat menjawab dengan baik sekali nanti.

Dan sekarang saya menjemput pembahas yang ke-16 iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin.

2.30 ptg.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya mulakan dengan serangkap pantun.

*Segulai sejalai bahasa Iban,
Sarawak berbangga bahasanya indah;
Kita berbahas RUU Perolehan,
Moga dirungkai segala masalah.*

Lima minit diberikan kepada saya. Sebenarnya tak cukup nak kita kupas satu persatu isu yang begitu besar, tetapi apa nak buat, saya yang tetapkan lima minit tadi, tetapi kalau sekarang, saya mohon...

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Kalau nak tambah, kita tambah.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Ya, terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberikan ruang untuk saya berhujah dengan sedikit panjang daripada tempoh lima minit yang diberikan.

Pertama sekali, Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi ada menyatakan bahawa tujuan ruang undang-undang ini sebenarnya amat murni. Ianya adalah sebenarnya tidak pun menambahkan kuasa Menteri malah menyekat kuasa Menteri dengan adanya tribunal seperti mana yang diperkatakan, seperti mana yang diperuntukkan di bawah undang-undang baru ini. Dan dikatakan bahawa ada mekanisme semak dan imbang bagi — melalui peruntukan undang-undang supaya tidak ada berlaku lagi kejadian sepertimana 1MDB.

Izinkan saya Dato' Yang di-Pertua, pertama sekali pemusatan kuasa yang terlalu besar yang dikatakan, yang telah dihujahkan oleh rakan-rakan bijaksana saya tadi berkaitan dengan kuasa. Saya nak ingin menyatakan bahawa kalau dikatakan kuasa itu adalah kuasa yang terhad, sebenarnya tidak berapa tepat.

Kalau saya lihat kepada peruntukan di bawah rang undang-undang itu sendiri, kalau kita lihat kepada contohnya di bawah seksyen 2 kepada rang undang-undang ini mengatakan bahawa walaupun apa dalam seksyen ini, Menteri ataupun dalam kes negeri, Ketua Menteri ataupun Menteri Besar boleh mengecualikan daripada pemakaian akta ini, mana-mana peruntukan dana sekali beri yang diuntukkan melalui Akta Perbekalan ataupun Enakmen Perbekalan dan sebagainya. Di sini sendiri menunjukkan bahawa pengecualian itu diberikan kepada Menteri, pertama.

Yang kedua, kalau kita lihat kepada seksyen 13(2) kepada peruntukan akta ini yang jelas menyatakan bahawa untuk menimbang perolehan kerajaan ini kuasa diberikan kepada Menteri perlulah mengemukakan syor kepada Menteri iaitu satu jawatankuasa ataupun pihak di bawah Menteri mengesyorkan kepada Menteri berhubung dengan sesuatu negeri, Menteri Besar atau mana-mana pihak berkuasa yang ditentukan oleh kerajaan dan apabila syor dibuat, Menteri ataupun Menteri Besar boleh bersetuju dengan syor itu atau boleh membuat keputusan berlainan yang difikirkan patut dan keputusan Menteri adalah muktamad dan hendaklah dilaksanakan dengan sewajarnya.

Persoalannya, kenapa tiada keperluan, kenapa tidak dimasukkan di dalam akta ini tentang justifikasi kalau sekiranya pihak Menteri menolak syor yang diberikan oleh mereka yang di bawah? Ini adalah satu persoalan yang menunjukkan bahawa semangat reformasi

good governance, tatakelola yang cuba kita *introduce*-kan melalui akta ini nampak kurang telus disebabkan kuasa yang terlalu besar.

Rakyat dan pembangkang sebenarnya kalau kita lihat daripada hujah-hujah ketika di Dewan Rakyat, begitu juga komen-komen di media-media sosial, kita dapat melihat menyatakan bahawa walaupun tujuan asal niat murni akta ini adalah bagi mengawal, bagi mengelakkan kejadian yang sama seperti 1MDB daripada berulang, tetapi kita perlu lihat, kita perlu pastikan bahawa rancangan niat kerajaan tersebut dilihat oleh rakyat sebagai satu niat yang boleh kita terjemahkan kepada pelaksanaannya.

Saya bimbang apa yang akan berlaku, katakanlah sekarang ini Dewan Rakyat telah meluluskan dan Dewan Negara akan meluluskan — *insya-Allah* kalau sekiranya tak ada bantahan dan kalau diluluskan, adakah pihak kerajaan, kalau kita melihatkan kepada kuasa yang telah diluas yang diberikan boleh mengawal dengan cara meminda semula, mengkaji semula undang-undang yang sedia ada ini supaya dapat dipinda dan disekat ataupun dihalang ataupun di-*limit*-kan kuasa yang diberikan kepada seseorang Menteri.

Dan seterusnya kalau kita lihat, kalau ada semak dan imbang melalui wujudnya tribunal, tribunal yang dikatakan bahawa ianya boleh melihat sama ada keputusan Menteri tersebut boleh disemak semula. Persoalannya, kita tahu tribunal ini dilantik walaupun dilantik dari kalangan profesional, di kalangan bekas-bekas pegawai kehakiman, namun kita kena ingat bahawa lantikannya tetap di bawah kementerian dan ianya masih tertakluk kepada apa yang diputuskan oleh pihak Menteri. Tidak ada persoalan semak dan imbang *in the sense* yang tidak telus sebab mereka ini dilantik oleh pihak Menteri, melainkan kalau dalam undang-undang ini kita nyatakan bahawa — dah habis ya lima minit? *[Ketawa]*

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Saya bagi peluang, masa tambahan.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih. Kalaupun — kalau dibuat tribunal ini *answerable* kepada Parlimen. Kalau kita buat ianya *answerable* kepada Parlimen, sekurang-kurangnya ianya akan dapat melihat kepada ketelusan tribunal ini tidak tertakluk kepada arahan ataupun bidang kuasa oleh pihak kementerian itu sendiri.

Dan seterusnya, kalau kita lihat pula kepada isu berkaitan dengan — saya *skip* banyak ya, sebab lima minit ya Dato' Yang di-Pertua untuk bahaskan satu undang-undang yang begitu tebal...

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Saya bagi lima minit. Okey.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih. Kalau kita lihatkan kepada hukuman, hukuman yang dikenakan di bawah peruntukan undang-undang ini mengatakan bahawa hukuman minimum tiga kali nilai kontrak ataupun 1 juta, mana yang lebih tinggi dilihat tidak seimbang terutamanya kepada kontraktor kecil.

Kita tahu di bawah undang-undang ini, kalau kita nak bagi perolehan ataupun kontrak kepada kontraktor kecil, mereka ini kontrak pun tak besar mana pun, tak sampai 1 juta ke mungkin. Jadi, kalau kita lihat, kalau berlakunya salah laku ataupun perkara yang melanggar undang-undang di bawah akta ini, mereka *subject to* hukuman RM1 juta maksimum.

Jadi, kita bayangkan bagaimana impaknya kepada kontraktor kecil kalau kita lihat dari segi ketidaksamarataan antara mereka yang mendapat kontrak besar, 1 juta itu tak ada masalah, tetapi kontraktor kecil mereka kena 1 juta, maksimum akan melingkupkan, meranapkan syarikat mereka. Ini satu perkara yang pihak kerajaan perlu lihat. *Of course*, dalam sini, budi bicara mahkamah telah ditarik balik.

Apabila mengatakan bahawa tiga kali ataupun 1 juta maksimum yang dikenakan, antara satu, mana satu yang lebih tinggi. Jadi, ini juga satu perkara yang perlu kita tekankan. Persoalannya, tidakkah undang-undang ini seolah-olah menghukum 'ikan bilis' dan tidak menghukum 'jerung' yang sebenarnya memonopoli kontrak kerajaan buat masa ini.

Dan seterusnya kalau saya rujuk semula kepada proses kelulusan tergesa-gesa dan tidak dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Parlimen seperti mana yang ramai rakan-rakan Senator saya bangkitkan tadi. Sebenarnya apa masalahnya untuk kita sabar sikit untuk kita rujuk kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang bertanggungjawab?

Apatah lagi kalau kita lihat kepada NGO, kita lihat kepada *Bar Council*, kita lihat kepada panel internasional yang banyak juga memberikan komen, kenapa tidak dilibatkan urus dengan mereka sekali supaya segala aspek yang kita nak *reform*-kan tersebut dapat dilihat secara terperinci dan kita akan pastikan bahawa undang-undang yang kita gubal ini dapat memenuhi hasrat kerajaan dan dapat memuaskan hati rakyat yang selama ini gusar tentang cara bagaimana kerajaan mengendalikan perolehan kontrak pihak kerajaan.

Dan untuk tujuan itu, saya ingin bertanya kepada pihak Menteri dan kalau boleh jawab, bolehkah Menteri menjelaskan bagaimana rakyat boleh diyakinkan bahawa kuasa mutlak yang diberikan kepada seorang individu, iaitu Menteri Kewangan ataupun Menteri Besar tidak akan membawa kepada penyalahgunaan kuasa dan dengan kuasa yang berpusat kepada seorang Menteri sahaja? Jika benar, wujud panel kajian semula dan Tribunal Rayuan, mengapa badan tersebut tidak kita letakkan di bawah seliaan Parlimen? Dan apakah jaminan di dalam RUU ini bahawa keputusan Menteri boleh dicabar tanpa ada unsur-unsur politik?

Dan seterusnya, persoalan yang ingin saya ajukan. Kenapa kerajaan tidak merujuk perkara ini kepada pihak Jawatankuasa Khas Parlimen dan kalau boleh dijelaskan kenapakah ianya dibuat secara tergesa-gesa?

Dan akhir sekali persoalan saya, adakah kementerian sanggup memberi jaminan bahawa kontraktor kecil ini tidak akan menjadi mangsa kepada penguatkuasaan ataupun pendakwaan secara selektif? Itu saya yang sempat saya rungaikan dalam tempoh 10 minit

yang Dato' Speaker diberikan kepada saya. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

■1440

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan, pembahas yang terakhir.

2.40 ptg.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Ketelusan dan akauntabiliti dalam perolehan awam penting untuk memastikan wang awam diuruskan secara adil, cekap dan bertanggungjawab serta menghindarkan pembaziran dan ketirisan.

Dato' Yang di-Pertua, terdapat beberapa isu dalam RUU ini yang membimbangkan dan perlu penjelasan lanjut. Yang pertama, saya ingin minta pencerahan berkenaan kuasa Menteri yang nampaknya agak luas serta memerlukan mekanisme semak dan imbang (*check and balance*) yang lebih kukuh untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan memastikan akauntabiliti.

Seksyen 17 RUU menyatakan tiada mana-mana pembekal atau kontraktor boleh menyertai sesuatu perolehan kerajaan melainkan jika dia didaftarkan di bawah akta ini. Namun, dalam RUU yang sama, seksyen 24 membolehkan Menteri, selepas berunding dengan Pendaftar, untuk mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang daripada kehendak untuk mendaftar di bawah seksyen 17 tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah ini. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan percanggahan antara klausa-klausa tersebut.

Yang kedua, kuasa Menteri dalam subseksyen 22(2) dibenarkan untuk memberi pengecualian daripada pemakaian akta ini bagi perolehan kerajaan oleh mana-mana badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, entiti Kerajaan Persekutuan, entiti kerajaan negeri atau mana-mana entiti lain berhubung dengan program. Walaupun pengecualian diberikan hanya sekali, ia membuka ruang kepada kemungkinan penyalahgunaan atau menyoroti risiko yang wujud daripada kelonggaran yang diberikan. Ia mencipta *precedence* atau memberi jalan kepada pihak tidak bertanggungjawab untuk mengambil kesempatan daripada keadaannya.

Yang Berhormat Menteri menegaskan bahawa RUU ini tidak memperluaskan kuasa Menteri Kewangan, tetapi memperkukuh tata kelola melalui mengehadkan kuasanya melalui tindakan punitif. Persoalannya, sejauh manakah keberkesanan dan ketelusan proses pengendalian siasatan?

Bukankah ia akan mencetuskan konflik kepentingan jika Kementerian Kewangan yang diamanahkan dalam seksyen 45 untuk menyiasat sebarang pelanggaran di bawah akta ini adalah pihak yang sama yang dijadikan ketua pentadbiran dan penyedia dasar perolehan

secara umumnya? Seperti yang diamalkan oleh Australia, mereka memastikan tugas pengadilan dan siasatan diserahkan kepada entiti bebas seperti Pejabat Ombudsman yang tidak mengendalikan perolehan. Diharapkan pihak kerajaan boleh meneliti amalan yang baik dan telus.

Yang ketiga, Dato' Yang di-Pertua, perkara yang tertera di subseksyen 28(2) amat membimbangkan. Yang Berhormat Menteri boleh menetapkan kaedah selain daripada kaedah perolehan terbuka dan berdaya saing. Maka, saya minta pencerahan, kaedah apa selain, dengan izin, *open tender system* yang memastikan proses yang adil, telus dan cekap?

Saya menyambut baik seksyen 63 yang menjadikan Tribunal Rayuan Perolehan Kerajaan sebagai prosiding terbuka. Namun, RUU ini masih tidak ada langkah mandatori untuk memastikan semua tender — keputusan penganugerahan dan perubahan kontrak — direkodkan serta didedahkan kepada umum demi ketelusan memandangkan ia melibatkan berbilion ringgit dana awam.

Akhir kata, saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan memohon agar pihak kerajaan memberi pencerahan kepada persoalan-persoalan saya. Saya menyokong RUU Perolehan Kerajaan 2025. Sekian, terima kasih.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Ini adalah RUU yang amat penting. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan menjawab semua soalan yang diajukan dan dibahas oleh semua Senator pada petang ini.

Dengan ini, saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

2.45 ptg.

Menteri Kewangan II [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam Malaysia MADANI.

Dato' Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025. Sebanyak 18 Yang Berhormat Senator yang telah berbahas, memberi pandangan, teguran, cadangan berhubung RUU ini. Berdasarkan isu-isu yang dibahaskan, izinkan saya menjawab beberapa perkara utama yang dibangkitkan.

Penggubalan RUU Perolehan Kerajaan (RUU PK) melengkapkan usaha kerajaan selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI terutamanya tonggak untuk memperkukuhkan tata kelola pengurusan kewangan negara. RUUPK merupakan kesinambungan kepada dasar Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 (FRA) dan pindaan Akta Audit 1957 yang membawa pendekatan *follow the public money*.

Pada dasarnya, Kementerian Kewangan telah menetapkan supaya proses perolehan kerajaan dilaksanakan berteraskan kepada lima prinsip utama iaitu akauntabiliti awam

diuruskan secara telus, memberi nilai faedah terbaik, mewujudkan saingan terbuka serta adil dan saksama bagi memastikan tiada ketirisan berlaku dalam kontrak-kontrak kerajaan.

Pelaksanaan perolehan kerajaan yang pada masa ini adalah bersifat pentadbiran iaitu dengan merujuk kepada arahan dan pekeliling perbendaharaan yang sedia ada. Setelah RUU ini lulus kelak, tata kelola perolehan kerajaan akan diperkukuhkan lagi secara perundangan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat Senator membangkitkan soal kuasa berlebihan kepada Menteri Kewangan yang terkait dengan RUU ini. Antaranya, Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad, Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom dan Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

Ingin saya nyatakan sekali lagi bahawa RUU Perolehan Kerajaan ini tidak sekali-kali menambah kuasa, sebaliknya telah digubal untuk mengehadkan kuasa Menteri Kewangan. Hakikatnya, selama ini, kuasa Menteri Kewangan dalam hal perolehan telah diperuntukkan dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 yang memberi kuasa mutlak atas dasar, kelulusan dan pengecualian berkaitan perolehan kerajaan.

Namun begitu, melalui RUU PK ini, kuasa Menteri Kewangan telah diperketatkan dengan memperkenalkan peruntukan spesifik di bawah RUU PK iaitu: kehendak penzahiran di bawah fasal 37; cabaran keputusan melalui mekanisme semak dan imbang di bawah fasal 61 dan 63; dan juga Menteri Kewangan boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah fasal 38 sekiranya wujud elemen gangguan kepada proses perolehan kerajaan.

RUU PK tidak boleh berdiri dengan sendirinya. RUUPK perlu wujud dalam satu kerangka yang akan mempunyai peraturan dan perincian berkenaan pelaksanaan.

■1450

RUU PK, termasuklah sekatan dan had pemakaian kuasa Menteri Kewangan. Fasal 89(2)(d) dengan jelas meletakkan peraturan secara terperinci bagi tatacara untuk Menteri Kewangan meluluskan perolehan kerajaan di bawah fasal 10, termasuklah menubuhkan dan melantik jawatankuasa bagi tujuan penilaian, pertimbangan dan pensyoran kepada Menteri Kewangan.

Kuasa melulus dan mengecuali oleh Menteri Kewangan juga dikawal selia di bawah RUU PK melalui penzahiran yang jelas melalui pewartaan seperti yang dikehendaki di bawah fasal 2(2), yang mana akan memberi peluang kepada pihak yang berkepentingan untuk mempersoalkan keputusan Menteri Kewangan. Jika Menteri Kewangan gagal mematuhi peraturan, tindakan penalti pentadbiran di bawah fasal 85 juga boleh dikenakan kepada Menteri Kewangan.

Kerajaan menerima baik cadangan penambahbaikan perolehan kerajaan daripada Ahli Yang Berhormat seperti disebut dalam masa di Dewan Rakyat. Saya ingin memberi

jaminan bahawa Kementerian Kewangan akan mengambil kira cadangan Yang Berhormat-Yang Berhormat semua, khususnya dalam menggubal peraturan dan arahan supaya memperkukuhkan kriteria bagi perolehan secara rundingan terus dan menambah baik penzahiran penganugerahan perolehan secara rundingan terus, berbeza dengan keadaan semasa.

Keputusan Menteri Kewangan kini boleh dicabar dan dikaji semula melalui proses panel kajian semula dan seterusnya, tribunal rayuan perolehan yang berkecuali. Tambahan pula, RUU PK ini turut memperkenalkan tindakan punitif atas sebarang pelanggaran dan Menteri Kewangan juga tidak di terkecualikan daripada akauntabiliti sekiranya gagal menzahirkan kepentingan atau campur tangan dalam proses perolehan.

Dengan izin, *no one is above the law*. Di bawah RUU PK ini, Menteri Kewangan juga boleh disabitkan kesalahan di bawah peruntukan undang-undang ini dan boleh dikenakan tindakan punitif sama ada denda atau penjara sekiranya didapati bersalah. Ini jelas berbeza dengan keadaan semasa dan menjadi elemen kawalan baharu yang turut terpakai ke atas Menteri Kewangan. Seperti mana yang ditetapkan...

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Boleh saya mencelah?

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Boleh bagi saya habis? Lepas itu, saya akan bagi masa.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Saya minta izin dulu. Lepas itu, bagi ruang saya nak persoal.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Saya – bagi habis takat ini. Seperti mana yang ditetapkan melalui RUU PK juga, dalam membuat satu proses melulus, Menteri Kewangan akan perlu membuat satu penzahiran kepentingan mengikut fasal 37(1), yang mana kegagalan membuat penzahiran adalah merupakan satu kesalahan jenayah. Manakala, kesalahan memberi maklumat palsu adalah juga satu kesalahan jenayah di bawah fasal 82.

Menteri Kewangan juga perlu membuat keputusan melulus mengikut peraturan RUU PK ini, yang mana kegagalan mematuhiya juga boleh dikenakan penalti pentadbiran mengikut fasal 85. Sebagai penjelasan lanjut, perjalanan kuasa Menteri Kewangan adalah merujuk kepada pelaksanaan perolehan di peringkat Persekutuan dan entiti Persekutuan.

Manakala, perjalanan kuasa di peringkat negeri dan entiti negeri adalah dirujuk kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri atau mana-mana pihak berkuasa lain sebagaimana diperuntukkan oleh kerajaan negeri mengikut mana-mana yang berkenaan. Perkara ini dinyatakan dalam fasal 10 RUU PK seperti ditanyakan tadi oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim. Jadi, kuasa ini memang ada kepada negeri.

Merujuk kepada soalan Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom. Secara amnya, kuasa melulus yang dirujuk kepada Menteri Kewangan bagi membuat kelulusan

selaras fasal 10 adalah mengikut nilai ambang iaitu melebihi 50 juta melibatkan perolehan bekalan dan perkhidmatan dan melebihi 100 juta bagi perolehan kerja. Kaedah ini adalah mengikut tatacara sedia ada. Namun, telah diperkukuh di bawah RUU ini untuk melalui pernyataan pemberian kuasa yang jelas di bawah undang-undang semak dan imbang serta penzahiran.

Hanya perolehan yang melebihi nilai ambang atau sekiranya berlaku keputusan yang tidak sebulat suara di peringkat Lembaga Perolehan Kementerian berkenaan akan dirujuk kepada Kementerian Kewangan untuk diputuskan. Saya serah kepada...

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Saya ucap terima kasih kepada Menteri yang telah menjelaskan dari sudut apa yang didefinisikan sebagai kuasa. Cuma soalan saya di sini adalah dan ramai yang berbincang di sini ialah kenapa kuasa itu pada awalnya wujud? Adakah yang dimaksudkan tadi dah buat keputusan, baru boleh kita buat bantahan ataupun kita boleh rujuk kepada tribunal atau apakah?

Apa yang – sebab kita bercakap *practice realities*. Selalunya dalam bab kewangan, dah buat, dah buat keputusan, dah huru-hara, barulah tribunal datang. PAC pun dah lepas berapa lama. Lepas itu pula, ada *declassified* pula. Ini rahsia, Akta Rahsia. Tak boleh nak dedah. Jadi bagi saya, kenapa kita membuka peluang? Itu soalan dia. Daripada yang saya faham Menteri menjelaskan tadi – terima kasih Menteri.

Dia lebih kepada dah buat keputusan, lepas itu saya nak pertikai, baru ada tribunal. Itu pun tribunal, kita nak tengok juga, kuasa siapa yang melantik tribunal? Saya tak sempat nak cadang tadi. Jadi, saya ambil kesempatan ini.

Saya mencadangkan kalau boleh kuasa tribunal itu diberi kepada satu badan bebas seperti mana (JAC) *Judiciary Appointments Council* yang dia akan pilih siapa yang betul-betul boleh dengar aduan ini, tapi kalau kata benda dah berlaku, baru buat aduan. Jadi, kita tak ambil *lesson* lah. Saya mohon penjelasan Menteri apa yang dimaksudkan, kalau tak puas hati, boleh buat dekat tribunal ataupun ada jawatankuasa, tapi dah buat dah, macam mana? Duit dah hilang berapa juta dah, contohnya. Terima kasih Tuan Speaker.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Dato' Speaker, boleh saya celah sikit? Sambung soalan Yang Berhormat.

Saya sebenarnya penuh dengan sangka baik. Jangan *dok* kata tak itu, tapi saya sebut – saya tengok di sini dia ter-membuka ruang untuk boleh berlaku, salah laku atau tersalah laku.

Jadi, saya rasa falsafah apa yang kita *dok* pakai selalunya ialah *prevention is better than cure*. So, kita tutup segala ruang untuk berlakunya kemungkinan tersalah laku. Dengan cara itu, ertinya kita akan lebih selamat. Minta juga pencerahan, pengukuhan daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih dengan beberapa pencelahan yang dibuat oleh Senator dan Senator Hussin juga. Mungkin saya mula dengan penerangan yang dari segi prinsipnya. Kita kena ingat yang masa kita ada sekarang, tata kelola untuk perolehan dah memang wujud. Kuasa Menteri Kewangan dah memang luas dah.

Jadi, apa yang kita buat dalam RUU PK ini ialah untuk mengekang sikit kuasa yang dah ada. Dengan ada proses yang lebih telus, dengan ada penzahiran yang dimintakan, dengan juga ada proses semak dan imbang balik yang diadakan. Buat masa sekarang memang tak ada proses-proses itu. Inilah pertimbangan yang penting untuk RUU PK ini.

Kita juga ingat bahawa dalam RUU PK ini, kita ada proses di mana kalau ada apa pelanggaran dalam RUU PK ini, ini adalah satu yang boleh jatuh bawah kes jenayah, yang mana punitif *action* boleh diambil. Ini menjadi satu yang dikata *deterrent* untuk orang nak mencuba. Buat masa sekarang memang tak ada jenayah punya kes yang ada dalam perolehan kerajaan kerana hanya melalui *administrative power*, dengan izin, yang ada di dalam Pekeliling Perbendaharaan yang boleh dibuat.

Jadi, kalau kita boleh ambil, kita boleh hanya ambil tindakan kepada penjawat awam selagi dia ada di dalam sistem. Bila dia bersara, kita tak boleh pusing-pusing balik. Jadi, dia tidak ada satu *deterrent* yang kuat untuk menolong memperketatkan sistem. Saya tak kata RUU PK ini *perfect*. Memang kalau kita nak *perfect*, memang tak akan capai, tapi ini jauh lebih baik pada apa yang kita ada sekarang. Ini lebih telus dari proses yang ada.

■1500

Seperti Senator-Senator sedia maklum sekarang dalam proses e-perolehan, kesemua perolehan, perkhidmatan dan bekalan untuk kerajaan dimasukkan dalam e-perolehan. Dari siapa yang masuk tender dah nampak. Siapa yang dapat pun dapat. Bila dah kita dapat award, ada 10 hari untuk *objection*. Dan kalau ada *objection*, kita masuk ke pada panel semakan. Jadi, belum lagi SST itu keluar. Kalau SST keluar, dia susah sikit, tapi kalau kita masuk sebelum SST keluar, ada boleh dimasukkan bantahan.

Kalaulah panel itu buat *decision*, yang terkilan terasa, saya masih tak suka hati. Saya boleh bawah ke tribunal, tapi SST itu masih tak boleh keluar kerana proses semakan itu masih berlaku. Jadi inilah antara cara-cara kita buat untuk memperketatkan proses agar dia menjadi satu *deterrent* agar menjadi satu proses untuk mengimbangi proses yang ada dalam perolehan kerajaan.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Saya harap kita dapat terima semangat yang apa yang kita nak buat adalah menambahbaikkan proses yang ada. Kita nak lebih elok lagi jadi kita boleh jaga perolehan kerajaan. Kita tak boleh nak *guarantee* semua, tapi jauh lebih baik pada apa yang dia ada...

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: *[Bangun]*

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Kalau saya izinkan...

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Tuan Speaker, biar saya berpuas hati sebab saya terus bercakap dalam Dewan, tak mahu bercakap di luar. Sementara saya menyokong isu-isu yang disebut tadi, ada kepentingan dan sebagainya, ada boleh kita tak setuju. Itu, *there was no question on that*. Tak ada siapa pertikaikan yang itu.

Cuma yang tak dijawab adalah pertikaian kepada kuasa Menteri. Itu isu dia. So, punitif aspek dari segi kalau dia itu penjawat awam ada guna, salah guna kuasa dia, dia tidak menzahirkan kepentingan. Ya, *I agree with you*. Itu sangat baik, *I support 100 percent*, tapi *the remain question is not answered yet*, dengan izin, iaitu kuasa Menteri mengecualikan dan meletakkan had itu isu dia. Itu yang saya maksud, kalau dia dah tetapkan had, dia dah buat keputusan, dia dah dapat mandat daripada Parlimen. So, dia kata saya boleh buatlah. So, apa *mechanism* itu?

Sebab itu saya cadang tadi *mechanism* dia Menteri kena ada *oversight committee* kepada Menteri itu sendiri dalam dia membuat keputusan. Bukan keputusan dia nak bagi dekat siapa, ke apa, tapi keputusan kuasa dia itu supaya ada imbang yang saya tak nampak di sinilah ya dari sudut perlu dia kembali balik kepada dengan had ambang tertentulah. Saya pun realistik juga. Takkanlah RM10 pun nak *mai* Dewan, tapi realistiklah itu: RM500 juta, kita nak lulus RM2 bilion, contohnya.

Paling-paling orang kata, institusi yang paling rapat dengan soal kewangan negara ini, nama dia pun *Public Account Committee* (PAC). *At least, refer there*. So, di dalam Dewan dia boleh jawab. Yes, kami dah ada dah kuasa Menteri untuk membuat begini, begini, kami dah ada *reason* dia dan *justify*, tapi yang ini saya tak nampak ada.

Dan saya menyokong tadi *nothing is perfect, only God is perfect*, tetapi *nobody question that*, tapi soal dia kalau kita tak gunakan kesempatan yang ada sekarang, kenapa kita perlu nak dua, tiga kali lagi usaha? Jadi sebab itu bagi saya, saya cadang kalau boleh peraturan yang lain, yang menyokong keputusan Menteri ini mesti diperkukuhkan.

Dan sebab itu saya cadang bawa ke kami, bawa ke Jawatankuasa Semakan. Tak boleh eksekutif buat suka-suka, lepas tu bagi kat kita suruh lulus. Yang itu yang saya maksudkan tadi bukan sebab – saya sokong yang ini, tapi kalau saya menyokong tak ada satu keyakinan oleh Menteri bahawa semua proses ini dan jaminan bahawa akan di kembali balik kepada Parlimen untuk soal-soal semak imbang ini dalam *by-laws* dan sebagainya, atur cara dan sebagainya, saya rasa itu sudah cukup meyakinkan.

Jadi, soalan asal tidak terjawab kenapa membuka ruang kepada kuasa Menteri. Walaupun sudah ada, tapikan ini peluang untuk kita baiki sistem yang sudah sedia ada. Saya mohon maaf Menteri.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya terima kasih kerana Senator bersetuju yang kalau kita tengok kuasa yang ada sekarang, kuasa Menteri Kewangan memang luas ya. Jadi dengan itu kita setuju yang sebenarnya rang undang-undang ini tak memperluaskan kuasa. Memang dah ada kuasa ke atas itu, tapi apa yang penting dari segi Kementerian Kewangan kita nak proses yang lebih telus. Kita nak proses yang ada peraturan yang kita adakan, arahan yang kita buat yang akan menyokong, kalau kita tengok dari segi keseluruhannya bukan sahaja dari segi RUU.

Jadi saya beri ruang tadi masa saya buat pembentangan tadi saya kata untuk perintah Kementerian Kewangan, arahan, kita akan buat sesi libat urus mendapat cadangan, idea yang mana kita perlu perketatkan lagi, tapi sampai satu masa nanti kita kena buat *decision* yang mungkin ini orang kata tak cukup lagi, tapi yang pentingnya dia jauh lebih baik daripada apa yang kita ada sekarang. Jadi seruan daripada Kementerian Kewangan adalah kita terima apa yang kita dah buat *because* lebih baik daripada apa yang kita ada.

Jadi jaminan saya, kita akan buat lebih sesi libat urus, masa kita nak perketatkan Arahan Perbendaharaan, masa kita nak menggubal peraturan-peraturan yang akan menyokong RUUPK ini. Dengan ada itu, ada peluang lagi sekali untuk kita melihat di mana *improvement* yang kita nak buat boleh diadakan. Yang itu saya harap bolehlah kita setuju. Inilah satu jalan tengah yang kita boleh ambil untuk masa ini.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Yang Berhormat boleh mencelah sikit lagi? *[Ketawa]* Saya, Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua, ini tanggungjawab kita bersama. Isunya sekarang ini ialah kita sedang menggubal undang-undang RUUPK, Perolehan Kewangan. Yang, kalau kita sudah pun – kita duduk di sini sekarang ini sedang untuk nak memperkemaskan RUU ini, jadi saya tak fikir, kita, bila kita bincang dan kita dah melihat pelbagai, nampak lompong. Dan kalau kita tak ambil ruang ini untuk kita baiki, saya tak fikir pula mungkin lagi lima tahun akan datang ataupun tahun depan kita nak baiki lagi. Kalau kita dah semua melihat ruang-ruang yang ada ini masih ada ruang untuk kita baiki, saya rasa ambil kesempatan ini untuk kita baiki. Tutup segala bentuk ruang.

Sebab itu, saya dalam perbahasan saya tadi Yang Berhormat saya sebenarnya lebih mencadangkan supaya, bukan nak tolak, bukan nak tolak. Tolak ini dah rasa – ini kepentingan kita bersama, tapi kalau boleh kita lengkapkan dulu yang disebutkan dengan RUU, dengan JKPK bahagian semakan undang-undang, mungkin juga yang bahagian antirasuah. Salah sini Dato, sana... *[Tidak jelas]* Yang bahagian *governance*, integriti dan lain-lain itu bawah Dato' Salehuddin, di bawah JKPK Dewan Negara. Ini sebenarnya semua itu kita pakat semak

dan saya rasa tak terlewat, tidak terlalu bermasalah untuk kita tangguh sehingga kita dapat yang lebih baik.

Memang yang ada ini kata Yang Berhormat tadi itu dah lebih baik daripada yang dulu, tapi apa *possible*, apa tidak mungkin, untuk kita buat yang lebih baik lagi dengan apa yang ada ini supaya segala ruang dan juga kelompongan-kelompongan yang ada itu kita tutup. Mungkin, mungkin paling lewat satu kali sidang. Dan saya ingat dengan begini, masyarakat di luar, netizen, pelbagai komen yang ada sekarang ini kita boleh tangani dengan baik. Sebab saya sangat hormati, saya duduk dalam jawatankuasa itu: Jawatankuasa Tatakelola, Governans, Integriti dan Anti Rasuah.

Jadi saya pun kalau boleh kita pun nak bincang juga dekat situ, dekat mana lompong yang terkait dengan jawatankuasa kami ini kita sama-sama jadikan ini sebagai satu RUU yang nanti bakal keluar terbaik. *Wallahualam*.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Yang Berhormat...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Minta mencelah sikit Yang Berhormat sebelum.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Sila.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Saya mendengar teliti hujahan kedua-dua pihak, kalau ada dua pihaklah. Menteri memberi jaminan, ini satu perkara yang masih di dalam tangan kita. Tuan Haji Hussin Ismail menyebut mungkin empat, lima tahun akan datang akan ada masalah dan sebagainya. Kita ini merangka undang-undang Dato Yang di-Pertua ya, boleh saja pada bila-bila masa ya. Kalau dalam empat, lima tahun ini akan terserlah bahawa ada kelompangan yang sangat menjejaskan dan menyebabkan konsep integriti kita dipersoalkan, ya boleh saja kita bawa.

Jadi prosesnya sudah jauh ke depan. Saya rasa elok kita luluskan dulu segera yang ini, kemudian jika ada lagi perkara-perkara yang perlu dibawa, mana ada undang-undang kita yang kekal sampai bila-bila tanpa pindaan. Jadi kita boleh saja boleh membuat pindaan pada masa akan datang.

■1510

Jadi, saya harap kita teruskan dan kita melalui proses itu dan kita tengok. Kalau empat, lima tahun tak ada jadi masalah apa-apa dan saya yakin tidak akan jadi masalah apa-apa, *that's alright. We move on*. Terima kasih Yang di-Pertua.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Edward Linggu Bukut: Dato Speaker, saya mohon mencelah Dato Speaker.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Boleh tak saya habis dulu sikit, lepas itu nanti saya bagi ruang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Ya?

Datuk Edward Linggu Bukut: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa lama lagi nak gulung, nak jawab?

Datuk Seri Amir Hamzah bin Azizan: Kurang-kurang 20 minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa minit?

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: 20 minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: 20 minit.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Mungkin saya sambut saranan daripada Senator Datuk Wira tadi kan, ya. Ini pendekatan yang baik. Saya juga dari segi Kementerian Kewangan memberi ruang di mana Arahan Perbendaharaan dan peraturan-peraturan yang kita akan gubal untuk menyokong seperti yang kata Senator Mujahid, *by laws* yang ada, kita akan buat sesi libat urus. Saya akan melibatkan juga Senator-senator semua untuk itu.

Yang ini kita boleh perketatkan lagi, tapi buat masa sekarang, harapan saya seperti yang diseru juga oleh Yang Berhormat Senator Datuk Wira, kita sambut sekarang, kita bergerak bersama ke hadapan untuk memperbaiki. Jadi, biarlah saya sampai habis. Saya ada 20 minit. Dato Speaker dah baik memberi saya lebih masa tadi.

Saya mula terus dengan *area* saya nak fokus kepada macam mana kita nak mengetatkan *deterrent* yang ada dalam sistem kita. Kalau tak ada *deterrent*, orang buat tak tahu sahaja, dia langgar sahaja dan tak ada *consequence*, susah kita nak mengawal proses perolehan kerajaan. Sebentar tadi saya menyatakan bahawa RUU ini boleh membolehkan tindakan punitif yang tegas diambil kepada mana-mana pihak yang didapati melanggar peraturan dan undang-undang berkaitan perolehan kerajaan.

Harus difahami bahawa pada masa ini sebarang ketidakpatuhan tatacara perolehan hanya dapat diambil tindakan secara tatatertib atas pegawai yang dalam perkhidmatan berdasarkan Peraturan-peraturan Pegawai Awam 1993. Manakala sekiranya berlaku kerugian wang awam, pegawai awam terlibat boleh dikenakan tindakan surcaj selaras dengan seksyen 18 Akta Tatacara Kewangan 1957. Tindakan tatatertib ini tidak dikenakan atas pegawai yang telah bersara, pegawai yang telah menamatkan perkhidmatan, syarikat yang bertanggungjawab atau mana-mana pihak yang terlibat dalam urusan perolehan kerajaan.

Dengan lulusnya secara perundangan, RUU PK adalah terpakai kepada pertama, semua pihak yang mentadbir dan menjalankan perolehan kerajaan iaitu setiap pegawai pengawal dan penjawat awam.

Kedua, semua yang menyertai perolehan kerajaan iaitu pembekal barangan, penyedia perkhidmatan atau kontraktor kerja.

Ketiga, mana-mana pihak lain yang terlibat dalam urusan perolehan kerajaan termasuk pihak membuat keputusan. Manakala nyata bahawa RUU ini meliputi semua pihak

yang terlibat dalam proses perolehan sama ada Menteri, pegawai pengawal, mahupun pegawai yang telah bersara agar tiada ruang untuk melepaskan diri daripada tanggungjawab.

Antara bentuk kesalahan yang tertakluk kepada tindakan punitif di bawah RUU ini termasuklah pemindahan pemberian perolehan atau kontrak kepada pihak ketiga tanpa izin, fasal 35. Ini untuk mengekang sedikit projek yang ada *rent-seeking* di mana dia dapat kontrak, dia terus subkontrak bulat-bulat kepada orang lain tanpa keizinan.

Kedua, kegagalan untuk menzahirkan kepentingan oleh individu yang terlibat secara langsung dalam perolehan, pengurusan perolehan kerajaan.

Ketiga, campur tangan pihak luar yang mengganggu proses perolehan, fasal 38. Pemalsuan dokumen atau mengemukakan maklumat palsu sama ada oleh pembekal atau mana-mana pihak yang terlibat dalam proses perolehan, fasal 82.

Tindakan punitif bagi pelanggaran RUU PK ini bergantung kepada jenis kesalahan dan boleh merangkumi denda atau tindakan undang-undang sekiranya tersabit. Contohnya, kesalahan memindahkan pemberian perolehan kontrak perolehan termasuk mencegah gejala *rent-seeking* boleh dihukum denda tidak kurang pada tiga kali ganda nilai pemberian atau kontrak perolehan kerajaan atau RM1 juta, yang mana lebih tinggi atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Seperti yang ditanyakan tadi, dari segi prosesnya, tidak semua akan dikenakan yang ini, tapi *specifically* untuk nak mengurangkan ketirisan melalui *rent-seeking*, kita ada *provision* yang ada di *area* yang ini.

Keberkesanan penguatkuasaan tindakan punitif ini pula diperkukuhkan melalui mekanisme pemantauan yang teliti serta kerjasama erat antara Kementerian Kewangan dengan agensi penguat kuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Usaha ini bukan sahaja memastikan proses perolehan bebas daripada salah guna kuasa dan penyelewengan, malah turut memperkukuhkan keyakinan rakyat terhadap sistem perolehan kerajaan dengan lebih integriti. Tambahan pula melalui fasal 44 RUU ini, pegawai perolehan wajib melaporkan kepada agensi penguat kuasa sekiranya berlaku pelanggaran undang-undang. Peruntukan ini berfungsi sebagai peringatan berterusan kepada semua pihak yang terlibat bagi mencegah sebarang kecurangan dalam proses perolehan kerajaan.

Beralih kepada perkara seterusnya. Seperti yang disebutkan tadi, aspek berkaitan aduan, bantahan dan kajian semula yang sebelum ini tidak wujud dan tiada platform khusus, kini melalui RUU ini telah diperkenalkan. Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina bin Wan Yusoff telah menyuarakan kegusaran berkenaan campur tangan yang mengganggu proses perolehan dan keperluan dalam meningkatkan ketelusan dan mengurangkan rasuah dalam pemberian kontrak kerajaan.

Selaras dengan fasal 61, semua pihak berkepentingan boleh mengemukakan sebarang aduan atau bantahan berhubung proses perolehan yang dianggap tidak telus atau meragukan. Melalui fasal 63 pula, Tribunal Rayuan Perolehan Kerajaan ditubuhkan sebagai badan berkecuali di bawah Kementerian Kewangan khusus untuk mempertimbangkan rayuan kepada keputusan yang telah dikeluarkan oleh Panel Kajian Semula, sekali gus menyediakan ruang semakan kedua yang bebas dan telus.

Bagi tujuan penguatkuasaan di bawah RUU ini, proses bantahan adalah terpakai bagi perolehan yang masih aktif yang bermula dari peringkat kelulusan permulaan perolehan oleh pegawai-pegawai sehinggalah surat setuju terima telah ditangani oleh pihak-pihak yang berkontrak.

Di bawah fasal 63, walaupun Menteri boleh melantik anggota tribunal, namun RUU PK menetapkan kriteria orang yang boleh dilantik di bawah sub-sub fasal 63(2) iaitu pengerusi dan timbalannya hendaklah merupakan pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan dengan pengalaman sekurang-kurangnya 10 tahun dan sekurang-kurangnya lima orang yang mempunyai reputasi yang amat baik dan pengalaman yang terbukti dalam pengetahuan yang diiktiraf dalam bidang-bidang tertentu.

Sebagai satu langkah untuk memastikan tribunal rayuan ini satu badan berkecuali dan berintegriti, sub fasal 63(3) meletakkan syarat pelantikan termasuk melarang pelantikan pegawai Kementerian Kewangan, anggota pentadbiran termasuk mana-mana orang yang berkepentingan dalam mana-mana pembekal atau kontraktor. Jelaslah di sini bahawa wujudnya...

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Tuan Speaker.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: ...Mekanisme semak dan imbang yang kukuh terhadap semua perkara.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Isu tribunal ini, saya rasa biar kita panjang sikit tak apa Tuan Speaker sebab benda ini jadi soal kewangan kan. Kita ada pengalaman yang ngeri, jadi biar kita baru puas hati. Tribunal tadi itu, tribunal. Betullah Menteri lah yang akan melantik kriteria-kriteria itu, tapi *again*, sekali lagi kuasa Menteri contohnya, kenapa tidak dia benar-benar bebas, dilantik oleh satu badan yang lain. Ia tetap memberi kebebasan itu dengan lebih telus sebab kita tak tahu apa akan jadi di masa depan. Kemungkinan ada isu-isu yang melibatkan kepentingan Menteri itu sendiri, kita tak tahu. Banyak cara boleh dilakukan.

■1520

Saya tidak bersikap pesimis dari sudut integriti, ya. *Today* Senator Datuk Seri Amir Hamzah orang yang sangat berintegriti, tapi ke depan saya tak tahu siapa jadi. Dia boleh jadi sebab: sebab kita terkait dengan isu dinamika politik contohnya. Contoh baru dua tahun jadi

kerajaan jatuh kerajaan, jadi orang lain pula. Jadi, so sejauh mana komitmen itu diikat dengan satu ketelusan yang benar-benar dapat memberikan jaminan bahawa Menteri itu tidak ada isu.

Dan saya nak tegaskan di sini kita tidak *pinpoint* kepada sesiapa. Sebab saya tak mahu lepas ini bila kita luluskan undang-undang ini, maka orang akan baca, *another catastrophe, financial catastrophe* berlaku kerana orang-orang dalam Dewan ini tak cakap benda itu. Itu sebab saya bangkitkan isu-isu di sebalik, dilihat kepada keseluruhan niat *intention* sangat baik, kita tak ada isu, tapi *again* kuasa Menteri juga melantik walaupun kriteria diberikan, saya setuju, tapi kriteria itu berlonggok ramai ada, hakim ada, profesional ada.

Again bila saya cakap ni orang kata, "Oh mempertikai Menteri kah?" Bukan, bukan mempertikai Menteri. Saya tak tahu siapa-siapa jadi menteri. Mungkin jadi Menteri ni, kuasa besar, dia tergoda dengan dunia dan sebagainya, dia pun buatlah apa yang dia nak buat. Dan dia kata, ini undang-undang, saya dapat kuasa, *ha* itu maksud saya Tuan Speaker. Biar kita lunaskan isu-isu di sini, sebab akhirnya kita akan dipersoalkan tentang apakah yang anda telah cakap dalam isu kewangan yang dibelanjakan oleh negara ini. Minta maaf Menteri.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Senator Mujahid kerana banyak memberi pandangan dan cadangan untuk RUU ini. Saya rasa kalau kita tengok daripada segi tribunal, tribunal ini dilantik untuk melihat bila ada bantahan yang orang tak senang hati masa panel itu dah buat *decision*, dia tak senang hati. Jadi yang pentingnya untuk prosesnya, kita asingkan tribunal ini daripada *influence* kebanyakan daripada Kementerian Kewangan. Jadi ahli-ahlinya bukan ahli pentadbiran, bukan ahli Kementerian Kewangan dan ada ciri-ciri yang penting yang membolehkan mereka duduk dalam tribunal.

Jadi dalam falsafah yang kita ada, dalam RUU peruntukan ini, kita ada *requirement* untuk penzahiran kepentingan. Kalau Menteri itu ada kepentingan, dia tak zahirkan, Menteri itu melakukan satu kesalahan jenayah dan boleh diambil tindakan. Yang ini satu *control mechanism* yang ada dalam pelantikan yang ada, tapi saya percaya kita lantik orang yang berwibawa dalam tribunal, dia akan menjalankan tugas yang betul, tapi kalau Menteri itu cuba buat benda yang tak sepatutnya, dia ada klausa yang dikenakan dan boleh kita tarik balik untuk disemakkan. Jadi kalau ada apa-apa lagi cadangan yang boleh kita tengok dari segi peraturan saya akan lihat.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Saya ambil pengalaman 1MDB, saya ambil pengalaman 1MDB. Jabatan Ketua Audit Negara dah bagi tahu dah, tapi laporan itu telah di-*classified*-kan, contohnya kan. *So still the issue of* orang kata apa, ada lagi tangan-tangan ghaib yang lain, yang menutup isu itu, sehingga diketahui, lepas itu baru: baru di-*classified*-kan. Sebab saya boleh cakap ni sebab saya berada ketika itu untuk di-*classified*-kan dalam Mesyuarat Kabinet.

Jadi saya menyatakan di sini bahawa segala apa yang diniatkan dengan baik ini kita kena melihat secara menyeluruh bukan hanya – undang-undang ini betul-betul, kita sedang bincang, tapi dari segi menyeluruh kepentingan-kepentingan itu perlu dibuang supaya tidak ada berlaku lagi contohnya laporan audit dirahsiakan, tak boleh dedahkan dan waktu itu pun ada jawatankuasa-jawatankuasa yang membuat penilaian masa rakyat bangkit isu 1MDB, tapi lepas itu apa jadi. Dia dengan kuasa yang ada itu, dia letakkan '*dia itu*' diam *dok* sana, diam *dok* sini.

Saya hanya mengulangi pengalaman, itu sahaja sebab saya dan sebahagian besar di sini berada di situ ketika itu. Jadi kita tak nak perkara yang sama berulang Tuan Yang di-Pertua, itu saja saya – saya minta maaf sangat Tuan Speaker, saya tak mahu dipertanggungjawabkan, tidak bercakap apa-apa dalam isu ini setelah pengalaman yang sehingga hari ini belum berbayar lagi hutang itu kepada negara. Terima kasih Tuan Speaker.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Senator Mujahid kerana mengulang kembali *experience* yang berlaku masa itu. Kita ambil iktibar daripada apa yang berlaku. Antara iktibar yang kita ambil adalah penambahbaikan yang kita buat. Saya rasa RUU PK ini antara penambahbaikan yang kita buat kerana kita ada proses timbang semak lagi, semak imbang, ada proses ketelusan yang mana dizahirkan, ini adalah proses di mana mereka boleh ada bantahan yang dibuatkan. Jadi inilah *spirit* yang kita nak dalam proses ini.

Dan saya ulangi apa saya katakan tadi, untuk peraturan dan arahan, kita akan mengambil sesi libat urus dan kalau ada cadangan masa itu, kita akan melihat simetri Kementerian Kewangan. Biar saya teruskan, saya habiskan pembentangan ini dan penggulungan ini.

Menjawab kepada soalan Yang Berhormat Tuan Musoddak bin Ahmad dan Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff yang membangkitkan bahawa RUU di bawa secara tergesa-gesa. Usaha kerajaan untuk menggubal RUU Peroleh Kerajaan telah bermula sebenarnya sejak tahun 2018 sebagai langkah reformasi institusi demi menjaga kepentingan rakyat namun, tergendala seketika disebabkan pertukaran pentadbiran kerajaan pada tahun 2020 sehingga November 2022. Semenjak Kerajaan MADANI mengambil alih tampuk pentadbiran, usaha ini disambung semula sebagai bukti komitmen kesungguhan kerajaan ini terhadap ketelusan dan dalam tatakelola kewangan negara.

Kementerian Kewangan telah melaksanakan pelbagai sesi libat urus sejak tahun 2023 di Putrajaya dan di setiap negeri, badan-badan berkanun, syarikat milik kerajaan, ahli-ahli akademik dan badan-badan antarabangsa dengan penyertaan lebih 2,600 peserta. Sesi tersebut turut melibatkan badan-badan kerajaan NGO dan pertubuhan-pertubuhan lain antaranya C4, IDEAS, Transparency International Malaysia, Rasuah Busters dan pertubuhan-pertubuhan lain.

RUU ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pegawai Kerajaan Negeri, Mesyuarat Majlis Kewangan Negara serta Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan Persekutuan.

Susulan itu, input dan maklum balas yang diperolehi sepanjang sesi libat urus telah diperhalusi dengan teliti semasa menyediakan RUU PK ini. Antara yang telah diambil kira dalam peruntukan dan penggubalan RUU PK adalah:

- (i) pengawalseliaan penggunaan dana awam dengan lebih terperinci dan berdisiplin;
- (ii) memperkenalkan *reward* dan *punishment* dalam peruntukan RUU PK;
- (iii) memastikan bahawa satu platform semak dan imbang untuk memastikan pihak yang terkilan mempunyai ruang untuk memberi bantahan;
- (iv) penzahiran keputusan dengan kepentingan dijadikan satu perkara mandatori; dan
- (v) memastikan perolehan kerajaan menyokong dasar dan juga perkembangan ekonomi dan sosial semasa.

Selaras dengan saranan Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom, bagi tujuan penggubalan peraturan perolehan kerajaan yang disenaraikan di bawah fasal 89, sesi libat urus yang berterusan akan diadakan dengan semua kementerian, jabatan, negeri, badan berkanun dan pihak-pihak berkepentingan. Selain itu, setiap libat urus juga akan diadakan bagi memberi penerangan pelaksanaan RUU PK ini, pelaksanaan latihan berterusan yang melibatkan pihak pelaksana perolehan dan pembekal kontraktor yang menyertai perolehan kerajaan.

Menjawab kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim dan Yang Berhormat Senator Tuan Pele Peter Tinggom, pemakaian RUU PK ini adalah turut merangkumi pelaksanaan perolehan kerajaan di negeri. Namun, RUU PK ini membuat pemisahan antara perolehan Kerajaan Persekutuan dan perolehan kerajaan negeri. Pemisahan ini boleh dilihat dengan tafsiran perolehan kerajaan, meletakkan kuasa pentadbir perolehan kerajaan negeri adalah di bawah bidang kuasa negeri.

Meneruskan pendekatan ini, kuasa melulus adalah, dinyatakan di bawah fasal 10, kuasa melulus bagi perolehan kerajaan negeri adalah kuasa kerajaan negeri, sama ada Menteri Besar atau Ketua Menteri mengikut perundangan sub-fasal 10(3). RUU PK juga memberi kuasa yang sama di bawah fasal 29 untuk membolehkan kerajaan negeri untuk melaksanakan dasar-dasar utama yang melibatkan pembangunan sosial dan ekonomi.

RUU PK juga memberi kuasa pemantauan, pematuhan dan penyiasatan kepada kerajaan negeri bagi melibatkan perolehan kerajaan negeri mengikut fasal 39 dan fasal 45. Untuk makluman juga, RUU PK ini memberi kuasa kepada pihak berkuasa kewangan negeri juga boleh mengeluarkan arahan di bawah fasal 92 yang separa dengan RUU PK ini. Pendekatan ini adalah selaras dengan pendekatan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu, iaitu apakah mekanisme pemakluman mengenai syarikat yang telah diambil tindakan atau hukuman oleh Kementerian Kewangan. Perkara ini boleh dirujuk kepada fasal 25 di mana pendaftar boleh menyiarkan apa-apa maklumat mengenai kelulusan, peluputan, pembaharuan, penggantungan atau pembatalan pendaftaran.

Penyiaran ini dilakukan melalui portal Kementerian Kewangan dan portal sistem ePerolehan. Dengan adanya RUU PK...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Datuk, tadi kata, kalau beri ruang, ini peluang yang bagus saya nak tanya pencerahan di sini bila Yang Berhormat — boleh, Yang Berhormat? Sebab tadi Yang Berhormat sebut perolehan negeri diuruskan oleh kerajaan negeri, saya pun nak tanya pun rasa ralat.

Macam perolehan negeri melalui royalti petroleum dan lain-lain. Sebahagian sekarang ini, negeri-negeri, saya tak nak sebut negerilah, kan? Perolehan itu tak dimasukkan di bawah pengurusan negeri, tapi dibayar kerja-kerja peringkat negeri. Dan tetapi, perolehan itu *direct* daripada pusat.

Jadi, saya tengok di situ juga, masalah tadi, dari segi integriti, antara perbincangan kita ini, sangat hasrat yang baiklah, tapi dari segi sampai peringkat pelaksanaan itu, kadang-kadang negeri yang berkenaan itu ternanti-nanti supaya — kalau itu maksud perolehan negeri, maknanya projek yang dikendali, diwujudkan atau dibentuk oleh negeri, negeri yang kena bayar, kan, tapi ada projek yang ditender oleh negeri, dia dibuat oleh negeri, tapi negeri tidak diberi ruang untuk membayar. Saya tak sebut negerilah, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Jadi, saya ingat mungkin faham kut. Saya ingat perkara-perkara itu juga boleh dimasukkan kira dalam RUU PK ini supaya kita harmonikan pengurusan negeri dan negara kita ini dalam suasana di bawah pengurusan Kerajaan MADANI ini. Terima kasih.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya rasa, arahan dan peraturan dan kaedah yang kita ada dalam RUU PK ini yang akan diwujudkan, digubal berdasarkan apa yang masuk dalam RUU PK. RUU PK meletakkan kuasa di mana Kerajaan Persekutuan punya kuasa, kita kekalkan Kerajaan Persekutuan, yang mana kerajaan negeri punya, kita kekalkan kerajaan negeri punya.

Kalau ada isu-isu berkaitan akta-akta lain ya, dia terpakai dengan akta-akta lain yang ada ataupun dasar-dasar lain yang ada ya. Dia tak boleh dimasukkan bersama RUU PK ini.

Jadi yang pentingnya, kalau dana itu datang daripada negeri, proses itu mengikut negeri. Kalau dana itu datang daripada persekutuan, proses itu persekutuan berdasarkan apa yang kita masukkan RUU PK.

Tuan Azahar bin Hassan: Yang di-Pertua, sedikit pencelahan. Saya nak tanya, untuk projek-projek MARRIS, ini lain sikitlah tapi masih dengan perolehan. Di mana ini ialah bajet kerajaan pusat diberi kepada kerajaan negerilah untuk melaksanakan. Adakah kuasa-kuasa kerajaan negeri itu dia boleh beri kepada sesuatu syarikat, contohnya konsesi, satu syarikat untuk melaksanakan projek-projek MARRIS seperti yang dibagilah oleh kerajaan pusat di jabatan-jabatan seperti JKR atau jabatan lainlah? Okey. Terima kasih.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Senator. Banyak soalan ditanya yang luar daripada RUU ini, kan? Jadi, mungkin kita ada — kita duduk bersamalah, kita terangkan mana yang boleh, saya pegawai yang boleh tolong juga.

Sebenarnya MARRIS itu, di bawah kerajaan negeri. Dia ada peraturan dan cara yang dibenarkan, kita ikut cara apa yang dia benarkan bawah MARRIS itulah.

Tuan Abun Sui Anyit: Minta pencerahan, Menteri. Saya tak nak buat yang lain, saya masuk ke seksyen sini. Kita melihat kepada bidang kuasa, bidang kuasa ini — ya, kuasa tribunal, bidang kuasa tribunal di mana rang undang-undang seksyen 67(d) yang — 2(d), baca 2 dulu, *“Tribunal rayuan tidak mempunyai bidang kuasa dalam perkara (d) yang berbangkit selepas suatu surat setuju terima dikeluarkan oleh suatu entiti perolehan kepada orang berdaftar dan surat setuju terima itu, telah ditandatangani oleh pihak-pihak.”*

Jadi, apabila pihak yang tidak puas hati, dia tak akan dapat merayu walaupun ada rayuan kepada tribunal di bawah seksyen 68. Jadi, apabila keadaan ini berlaku, apa yang kita risau nanti, mungkin ada pihak yang boleh membawa ini kepada — tidak, tindakan boleh diambil dan boleh dibawa ke Mahkamah Persekutuan kerana tidak ada keadilan kepada pihak yang mungkin terjejas dalam situasi ini.

Mohon pencerahan.

Dato’ Setia Salehuddin bin Saidin: Boleh saya tambah sikit, Dato Yang di-Pertua? Sedikit apa yang YB Abun katakan tadi. Saya nak minta penjelasan sedikit ya, kita ada tribunal. Tribunal dia ditubuhkan untuk mendengar rayuan-rayuan daripada panel kajian semula dan ataupun daripada individu yang tidak puas hati seperti mana dalam peruntukan 61, membantah berkaitan dengan nilai ambang kelulusan tertentu dan di bawa kepada panel kajian semula. Panel kajian semula mengkaji dan kalau tak puas hati, dia rayu kepada tribunal rayuan dan di bawah 67, diadakan bidang kuasa tribunal rayuan tetapi bidang kuasa ini agak terhad.

Dia bagi kuasa kepada tribunal, tetapi kalau dilihat kepada 67(2)(d) itu, dia menyekat semula. Dia menyekat kalau kes-kes yang melibatkan ia nya telah ditandatangani, telah

disetujui terima oleh kedua-dua pihak, maka ia nya tidak di bawah bidang kuasa tribunal lagi untuk mendengar. Jadi, adakah ini tidak menggambarkan suatu ketelusan ataupun peluang diberikan untuk rayuan diberikan kepada tribunal, tetapi tribunal mempunyai hak yang tertentu? Mohon penjelasan daripada YB Menteri berkaitan dengan hal ini. Terima kasih.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Okey. Saya jawab macam ini ya, kalau kita tengok buat masa sekarang, kita tak ada tribunal yang ada, bila ada panel, panel ada buat *decision*, tak ada cara lain untuk orang membantah.

Di bawah RUU PK ini, kita boleh menubuhkan tribunal. Kalau kita tengok dari segi proses ini ya, bila ada satu perolehan yang masuk dalam sistem ePerolehan, *decision* dah dibuat, disebarkan dalam ePerolehan, mereka yang tak dapat, boleh membantah. Bantah, dia masuk, dalam masa 10 hari dia bantah boleh masuk kepada panel ya. Panel duduk, berbincang.

Bila panel dah diwujudkan, SST tak boleh keluar ya. Jadi, perolehan itu akan tergendala sampai habis proses itu, ya habis. Jadi, ini membenarkan juga, tribunal itu berjalan kerana bila panel dah buat *decision*, dia kena ada masa juga diberikan sebelum boleh SST dikeluarkan untuk rayuan kalau dia nak pergi tribunal, dibenarkan. Bila tribunal dah terima dia, masih tak boleh SST keluar. Jadi kita nak *protect the process* agar mereka yang terkilan itu proses yang dia boleh disemakkan.

Namun, apa yang kita tak nak juga, ialah bila kita dah buat *decision*, dah 10 hari itu dah habis, SST dah keluar, masa itu *you* dah buat bantahan. Masa itu dah terlambatlah, fasal kita ada garis panduan yang kena ikutlah dalam itu.

Kalau dia di masa depan, kita ada cadangan nak merubah berapa hari ini semua, kita boleh tengok dalam segi peraturan arahan yang kita ada, tapi yang pentingnya kita telah mewujudkan satu lagi tahap semak dan imbang yang ada dan ada peraturan yang tidak membenarkan SST keluar sampai panel ataupun tribunal itu dah buat *decision* yang sepatutnya. Terima kasih.

Mungkin satu, dua perkara lagi Dato Speaker dan lepas itu, saya tutup. Kalau tengok dengan adanya RUU PK ini, dasar ekonomi dan sosial negara akan terus diadakan melalui arahan pekeliling yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

■1540

Antara dasar keutamaan kepada syarikat Bumiputera dan dasar nasional lain seperti dasar bahan, barangan dan perkhidmatan tempatan dengan tumpuan kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta menyokong penggunaan barangan dan perkhidmatan hasil R&D tempatan dan Dasar Perolehan Hijau Kerajaan. Jadi dasar-dasar yang lain itu masih terpakai. Dia tak payah masuk dalam RUU PK asalkan dia dasar negara.

Dasar-dasar lain seperti yang disyorkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah a/l D.Jacob seperti menyokong pembangunan usahawan di kalangan OKU serta usahawan wanita juga akan diteliti dari semasa ke semasa. Menjawab kepada Yang Berhormat Senator Tuan Che Alias bin Hamid yang membangkitkan mengenai pelaksanaan kaedah perolehan, misalnya secara rundingan terus yang dilihat bercanggah dengan prinsip mengutamakan perolehan secara terbuka.

Secara amalan standard dan selaras dengan fasal 26 RUU PK, kerajaan sentiasa mengutamakan kaedah perolehan terbuka untuk memastikan perolehan yang adil dan bagi memastikan persaingan yang sihat wujud dan memberi nilai faedah terbaik untuk wang rakyat. Namun, dalam situasi keadaan yang berkehendak, Menteri Kewangan diberi peruntukan kuasa untuk mengadakan kaedah lain dalam bentuk peraturan dengan hendaklah disertakan dengan kriteria, kelayakan, syarat dan sekatan.

Jika ada ketidakpatuhan dalam penggunaan kaedah selain terbuka dan bersaing ini, keputusan perolehan yang dibuat boleh dibawa ke panel kajian semula dan tribunal oleh mana-mana pihak yang terkilan. Di samping itu, ketidakpatuhan kepada kriteria ini merupakan satu kesalahan dan tindakan penalti di bawah pentadbiran di bawah fasal 85 boleh dikenakan.

Pertimbangan bagi melaksanakan perolehan secara kaedah lain akan diasaskan kepada kriteria yang dianggap munasabah seperti berikut:

- (i) memerlukan kesegeraan di atas kepentingan awam supaya tidak menjejaskan penyampaian perkhidmatan kerajaan;
- (ii) untuk memastikan keseragaman dengan bekalan perkhidmatan peralatan sedia ada;
- (iii) hanya mempunyai satu punca bekalan ataupun perkhidmatan;
- (iv) perolehan yang melibatkan elemen keselamatan dan strategik; dan
- (v) kontrak dengan pembuat bumiputera tunggal.

Kesemua kriteria ini akan diperinci dan dimasukkan dalam peraturan, arahan dan garis panduan perolehan kerajaan yang akan dikuatkuasa kelak.

Dato Yang di-Pertua, mengakhiri penggulungan ini, sukacita saya lagi merakamkan penghargaan...

Datuk Edward Linggu Bukut: Dato' Yang di-Pertua, sebelum akhir boleh saya minta sedikit mencelah, mencelah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Pencelahan yang terakhirlah.

Datuk Edward Linggu Bukut: Dato' Yang di-Pertua, ini isu yang saya timbul kali ini ringan sahaja, tetapi banyak undang-undang yang telah dikongsikan oleh YB Menteri tadi. Cuma saya ingin bertanya mudah-mudahan, selalu yang saya katakan kisah benar ini dapat

dikurangkan atau dihapuskan khususnya yang melibatkan *direct award* ataupun *tender award*, *direct award*.

laitu pertama selalu kita dengar dalam proses perolehan ini ada tangan-tangan ghaib, satu. Kedua, ada juga kita dengar proses *runner* ini yang membantu. Dan yang ketiga, mungkin selalu kita dengar *nominee* ataupun syarikat bentara. So mungkin ini ada proses ataupun ada mekanisme untuk dapat ini dikurangkan atau kalau boleh dihapuskan.

Dan kedua Dato' Speaker saya juga mohon mencadangkan kalau boleh yang dapat kontraktor itu supaya nama mereka itu dapat dipamerkan dalam satu bentuk *billboard* kah atau macam mana supaya dapat dilihat saksi oleh rakyat jelata. Dan kedua, mohon supaya kementerian selalu melakukan pengawasan berterusan kepada perjalanan kerja-kerja yang ditawarkan. Terima kasih.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Yang Berhormat Senator, ada beberapa soalan yang diketengahkan. Mungkin secara prinsipnya yang penting bagi kita ialah di mana kita mewujudkan peraturan, arahan, pekeliling, garis panduan ialah untuk meletakkan apakah cara-cara kaedah yang penting untuk mengawal perolehan kerajaan.

Dalam proses itu, kalau kita tengok dari segi e-perolehan yang dah termasuk perkhidmatan dan bekalan, memang setiap *award* yang diberikan akan dipamerkan dalam e-perolehan. Ini membenarkan proses untuk bantahan dimasukkan dalam proses. Jadi kita tengah menyambut untuk pendigitalan, kita rasa pendigitalan ini penting kerana lagi cepat untuk diuar-uarkan dengan lebih dan kita akan berusaha untuk proses-proses lain yang mungkin tak digital lagi agar ketelusan itu lebih lagi.

Kalau tengok dalam proses yang kita ada dalam RUU PK ini, kita telah membuatnya secara perundangan. Jadi kalau ada apa dipanggil *interference* atau orang hendak kacau dalam proses perolehan ini, boleh diambil tindakan dalam proses ini. Kerana ia melanggar dan kali ini bukan sahaja pegawai kerajaan, tapi siapa-siapa yang cuba kacau dalam prosesnya akan boleh ada cara kita hendak ambil tindakanlah.

So saya harap dengan ada ini kita dapat mengurangkan lagi risiko-risiko tangan-tangan ghaib kah dengan cara-cara ini. Saya harap kita bersama-samalah kalau ada apa-apa kita cuba beri cadangan, kita boleh lihat dalam peraturan dan arahan yang akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

Jadi biarkan saya habiskan penggulungan ini. Mengakhiri penggulungan ini, sukacita saya merakamkan ucapan penghargaan di atas pandangan yang dikongsikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semua semasa perbahasan RUU PK ini. Segala cadangan, penambahbaikan yang telah dikemukakan akan diambil kira semasa Kementerian Kewangan menyediakan peraturan, arahan dan garis panduan perolehan kerajaan.

Kita juga akan terus mengadakan sesi libat urus termasuk dengan Senator-Senator untuk penambahbaikan sebelum kita teruskan dengan peraturan dan kaedah yang akan dikeluarkan. Hari ini, Dewan yang mulia ini berkongsi tekad yang sama untuk melihat negara terus maju dan rakyat menikmati kesejahteraan sewajarnya.

Seperti mana yang disebutkan, '*Don't let perfection be the enemy of good*' dengan izin. Lebih baik kita bergerak dengan pembaharuan yang baik daripada menunggu kesempurnaan yang tidak kunjung tiba. Pembaharuan ini merupakan satu reformasi besar yang menterjemahkan komitmen Kerajaan MADANI dalam menambah baik dan mengemaskini peraturan sedia ada bagi meningkatkan tatakelola dalam urusan perolehan kerajaan.

Ini adalah satu perubahan yang kita perjuangkan bahawa tadbir urus bukan untuk mengkayakan kelompok tertentu, tetapi memperkukuhkan anak bangsa seluruhnya. Kita teguhkan tekad supaya rakyat tidak lagi dihantui ketelanjuran salah guna kuasa dan pembaziran, tetapi yakin bahawa kerajaan benar-benar berkhidmat untuk mereka. Intipatinya mudah. Wang rakyat adalah amanah dan RUU ini memperkukuhkan tadbir urus untuk menjaganya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Minta celah sikit Yang Berhormat Dato', saya sebenarnya berat hatilah hendak sebutkan, tetapi saya sebenarnya ingin mencadangkan supaya rang undang-undang ini ditangguhkan sehingga kita boleh mungkin tangguh itu *next meeting* pun tak apa. Supaya kita boleh memenuhi perkara-perkara yang kita bincangkan tadi dan yang saya fikir sebahagian itu tak terjawab dengan penuh. Dengan ada ruang untuk mungkin satu sesi ke depan.

Sesi depan ini kita pakat sokonglah kalau dah nanti dibaiki supaya dengan itu ertinya apa yang kita bicarakan ini akan dapat disempurnakan. Segala *loophole*, kekosongan yang ada itu kita boleh baiki. Memang bila saya sebut ini, saya rasa macam saya sebut depan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang saya hormat ini tapi apa salahnya kalau kita *hold* sekejap. Dalam erti yang sama mungkin di JPKP Bahagian Undang-undang, yang lain-lain dapat nanti itu boleh teliti dan kita boleh halusi bersama seperti yang disebut oleh daripada Yang Berhormat, daripada tak ada lebih baik adalah, tetapi kalaulah yang ada itu kita terus boleh baiki menurut kesempurnaan yang sebenar, itu lebih baik.

Kalau tak payah undi lagi bagus. Kalau boleh kita *hold*, tapi kalau menurut Dewan Negara nak kena undi...

Tuan Yang di-Pertua: Undi dah ramai ni yang bersetuju. Majoriti yang dah setuju.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Ini bantahlah yang ni Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Bantah macam mana peraturan mesyuarat.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Jadi, saya, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Tak ikut peraturan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Peraturannya bukannya kita kena mana yang setuju, kata setuju. Yang tak, kata tidak. Jadi, saya bangun sebelum kata tidaklah.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan apa?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Selalunya kan Yang Berhormat kata sebut — saya tak apa. Saya bukan ahli undang-undang, tapi Yang Berhormat selalu sebut, “Siapa setuju kata setuju dan siapa yang tidak, kata tidak.”

Tuan Yang di-Pertua: Dan ramai yang tidak setuju, macam...

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Tuan Speaker, kalau ada yang tidak setuju, perlu bangun untuk membawa usul: usul...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Ya, saya bangun.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Bukan kata tak bawa usul tidak setuju, lepas itu kalau ada — saya tak tahu di Parlimen 15. MP di sini saya rujuk. Kena bangun menyokong...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Bukan apa, saya: saya...

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Baharu buat undi belah bahagi. Itu saja, itu, itu...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Yang Berhormat, tak apa saya baiki. Maksudnya kalau katalah itu saya mencadangkan, mengusulkan. Saya tidak bercakap sini dari segi orang PAS, tak PAS, pembangkang tak pembangkang ini. Saya cakap pada sudut masa ke depan. *[Dicelah]* Jadi, ya? Hari ini tidak membangkang Yang Berhormat...

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Boleh bawa usullah. Boleh bawa usul terus. Bawa usul. Kalau ada sokong, buat belah bahagi *then* kita tengok...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Ya, ya. Sebab ada tengok kawan-kawan tadi pun minta supaya ditunda dulu dan lain-lain. Saya usulkan Yang Berhormat Dato.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua peraturan. Satu, 45(4) kalau nak bantah, mesti cukup 8...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Berapa orang?... *[Mengira Ahli-ahli yang bangun]* Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan. Jadi dengan itu...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Maka Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab lebih daripada 8 orang bangun meminta diadakan belah bahagian, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 45(4), saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

[Loceng dibunyikan]

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 3.52 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 3.54 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Borang sudah diedarkan, sudah? Undian dijalankan sekarang.

[Dewan berbelah bahagi]

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Tuan Speaker, usul ini setuju tak setujukah atau tangguh dan setuju?

Tuan Yang di-Pertua: Usul tangguh tak ada disyor ataupun dipohon di mana-mana.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Dia “setuju” atau “tak setuju” saja ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ha, ini undian...

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Okey, okey.

Tuan Yang di-Pertua: ...Untuk kali kedua. Bacaan Kali Kedua kalau majoriti setuju, ia akan Bacaan Kali Kedua.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan ada usul penangguhan. Tak ada. Ia peraturannya lebih spesifik. Mesti diusul, mesti disokong.

■1600

[Pengundian dijalankan]

4.04 ptg

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah undian dibuat dan dikira. Sekarang dikemukakan keputusan undian.

33 Ahli yang bersetuju *[Tepuk]*

Bersetuju:

1. Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar
2. Datuk Seri Amir Hamzah Azizan
3. Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
4. Tuan Manolan bin Mohamad

5. Puan Susan Chemeraí Anding
6. Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
7. Dr. Zulkifli bin Hasan
8. Tuan Robert Lau Hui Yew
9. Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang
10. Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
11. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
12. Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
13. Tuan Abun Sui Anyit
14. Puan Noorita binti Sual
15. Tuan Pele Peter Tinggom
16. Dato' Leong Ngah Ngah
17. Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan
18. Datuk Linggu @Edward bin Bukut
19. Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam
20. Datuk Haji Mustafa bin Musa
21. Tuan Amir bin Md Ghazali
22. Tuan Michael Mujah Lihan
23. Tuan Isaiah a/l D Jacob
24. Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani
25. Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar
26. Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof
27. Tuan Shahrol Wizan bin Sulung
28. Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman
29. Dr. Jufitri bin Joha
30. Dato' Wu Him Ven
31. Puan Tiew Way Keng
32. Tuan Roderick Wong Siew Lead
33. Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim

Lapan tidak bersetuju [*Tepuk*]

Tidak Bersetuju :

1. Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
2. Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah)
3. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan)
4. Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah)

5. Tuan Haji Hussin bin Ismail (Terengganu)
6. Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad (Perlis)
7. Tuan Che Alias bin Hamid
8. Tuan Azahar bin Hassan

Dua tidak mengundi (*abstain*)

Tidak Mengundi:

1. Dato' Setia Salehuddin bin Saidin
2. Datuk Rosni binti Sohar

Empat belas tidak hadir.

Tidak Hadir :

1. Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed
2. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail
3. Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz
4. Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir
5. Datuk Dr. Hajah Fuziah binti Salleh
6. Puan Saraswathy a/p Kandasami
7. Tuan Mohd Hasbie bin Muda
8. Tan Sri Datuk Prof. Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Abdullah
9. Dato' Sivaraj a/l Chandran
10. Datuk Nelson W Angang
11. Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian
12. Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman
13. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman
14. Datuk Wira Koh Nai Kwong

Masalahnya ialah rang undang-undang ini disetujukan dan dibacakan kali yang kedua sekarang. Silakan Setiausaha.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 93 jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Puan Lim Hui Ying) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (PINDAAN) 2025

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.08 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu]: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh [Membaca selawat]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 dibacakan kali kedua sekarang. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan (Pindaan) 2025 digubal untuk menangani isu pembuangan sampah kecil di tempat awam dan jalan awam secara lebih berkesan melalui pendekatan yang bersifat mendidik dan bukan semata-mata menghukum.

Pindaan ini memperkenalkan khidmat masyarakat sebagai satu bentuk hukuman tambahan terhadap pesalah dengan hasrat untuk meningkatkan kesedaran sivik, memupuk rasa tanggungjawab dalam kalangan masyarakat, dan mencegah pengulangan kesalahan. Usaha ini juga selari dengan matlamat kerajaan untuk mewujudkan persekitaran negara yang lebih bersih, kondusif dan sejahtera demi kesejahteraan rakyat Malaysia secara keseluruhan.

Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025 adalah bagi melaksanakan pindaan terhadap Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] yang melibatkan pindaan seksyen sedia ada dan pewujudan seksyen baharu.

■1610

Pindaan ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan membuang, mencampak, menempatkan atau meninggalkan atau menyebabkan untuk dibuang, dicampak, ditempatkan atau ditinggalkan apa-apa sisa pepejal di mana-mana tempat awam atau jalan awam dan untuk memberi kuasa kepada mahkamah untuk membuat Perintah Khidmat

Masyarakat yang mengehendaki seseorang itu yang disabitkan kesalahan itu untuk melaksanakan khidmat masyarakat sebagai tambahan kepada denda sedia ada yang dikenakan bagi kesalahan itu.

Secara ringkasnya, Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta 672 ini adalah untuk menangani pembuangan sampah yang bersifat kecil sepertimana puntung rokok, tisu, plastik, tin minuman, pembungkus makanan, dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, penguatkuasaan berkaitan pembuangan sampah kecil masih dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) melalui punca kuasa di bawah seksyen 47 dan 48, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]. Selain itu, PBT juga mempunyai punca kuasa berkaitan penguatkuasaan pembuangan sampah kecil di bawah subperenggan 73(1)(a) dan (ii) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] melalui pewartaan undang-undang kecil.

Namun begitu, berdasarkan rekod, jumlah sampah yang dikutip jelas menunjukkan bahawa pengenaan denda oleh PBT tidak lagi menjadi halangan atau *deterrent* kepada pesalah untuk tidak mengulangi tabiat buruk tersebut. Oleh yang demikian, hukuman berbentuk khidmat masyarakat, Perintah Khidmat Masyarakat wajar dikenakan kepada pesalah yang disabitkan dengan kesalahan membuang sampah kecil.

Dan hasrat utama kerajaan adalah untuk pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, untuk mendidik pesalah supaya prihatin terhadap kebersihan persekitaran yang nantinya akan memberikan manfaat kepada komuniti.

Kedua, memberi keinsafan dan kesedaran kepada pesalah dengan mengehendaki pesalah memakai jaket khas dan menjalani hukuman mengikut tempoh jam agregat yang telah pun ditetapkan. Ketiga, mencegah pesalah daripada mengulangi kesalahan dan mematuhi undang-undang yang ditetapkan. Dan yang keempatnya, mengurangkan kesan pencemaran alam sekitar dan risiko bawaan penyakit, penyakit bawaan vektor.

Pindaan Akta 672 adalah merangkumi perkara-perkara berikut. Pertama, larangan pembuangan sampah kecil di tempat awam ataupun jalan awam. Kedua, pemberian kuasa kepada mahkamah untuk mengenakan denda dan membuat suatu Perintah Khidmat Masyarakat tidak lebih daripada 12 jam kepada orang yang disabitkan dengan kesalahan membuang sampah kecil. Ketiga, pemberian kuasa pemantauan kepada pegawai yang diberi kuasa untuk melaksanakan khidmat masyarakat. Dan yang keempatnya, pemberian kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan berkaitan pelaksanaan khidmat masyarakat.

Dalam jangka masa panjang, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia perlu membudayakan tabiat mengurangkan janaan sampah dan sisa-sisa kecil dalam kalangan masyarakat demi menjaga kelestarian alam sekitar dan tidak menyumbang kepada impak negatif kepada perubahan iklim dunia.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, rang undang-undang ini mengandungi empat fasal yang melibatkan, pertama, tajuk pemakaian dan permulaan kuat kuasa pindaan akta ini. Kedua, dua pindaan seksyen, dan yang ketiga, satu tambahan bahagian kepada Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

Saya mohon menghuraikan setiap bab dalam rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua. Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas pemakaian dan kuat kuasa seperti mana berikut. Pertama, akta ini dikenali sebagai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025.

Yang kedua, pemakaian akta ini di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Ketiga, tarikh bagi kuat kuasa akta ini ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri melalui pemberitahuan warta dan Menteri boleh menetapkan takrif yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa akta ini di mana-mana bahagian. Bahagian yang berlainan di Semenanjung Malaysia dan juga di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pindaan seksyen 2, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, fasal 2, adalah berkaitan pindaan seksyen 2, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 untuk meluaskan lagi takrif bagi sisa pepejal di mana pindaan seksyen 2 bertujuan memperluaskan takrifan sisa pepejal supaya tidak terhad kepada benda yang sudah pecah, lusuh, tercemar atau rosak sahaja, tetapi ia turut merangkumi sisa pepejal masih dalam keadaan yang baik sepertimana botol plastik dan lain-lain.

Fasal 3 pula, Tuan Yang di-Pertua merupakan penambahan bahagian baru ke dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 yang mengandungi seksyen 77(A), 77(B) dan 77(C). Kewujudan seksyen 77(A) akan menjadikan pembuangan sisa pepejal di tempat awam atau jalan awam sebagai satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM2,000.

Takrifan jalan awam dalam seksyen baru ini termasuklah mana-mana Jalan Persekutuan, jalan negeri, lebuh raya, jambatan, terowong, ataupun apa-apa yang bersambungan kepada jalan tersebut yang diselenggara dan dijaga oleh mana-mana pihak berkuasa, persekutuan atau negeri, atau mana-mana orang persendirian atau badan persendirian.

Tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, akan meliputi mana-mana kawasan yang boleh diakses oleh orang awam, termasuklah jalan-jalan yang di bawah selia agensi berkaitan di bawah Kementerian Pengangkutan serta jalan-jalan di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Kewujudan seksyen 77(B) juga melibatkan lapan subseksyen baru iaitu subseksyen 77(B)(1), 77(B)(2), 77(B)(3), 77(B)(4), 77(B)(5), 77(B)(6), 77(B)(7), dan 77(B)(8). Seperti mana

berikut. Subseksyen 77(B)(1) memberi kuasa kepada mahkamah sebagai tambahan kepada hukuman bagi kesalahan pembuangan sisa pepejal di tempat awam atau jalan awam di bawah seksyen baru 77(A) untuk memerintahkan orang yang disabitkan di bawah seksyen baharu ini bagi melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat selama tidak lebih daripada tempoh 12 jam.

*[Tuan Pele Peter Tinggom **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Yang kedua, subseksyen 77(B)(2) mengehendaki mahkamah untuk mempertimbangkan keadaan fizikal dan mental orang yang disabitkan untuk melaksanakan khidmat masyarakat ini. Mahkamah juga perlu menerangkan kepada orang yang disabitkan itu mengenai kesan Perintah Khidmat Masyarakat itu dan akibat tidak mematuhi perintah khidmat masyarakat itu.

Yang ketiga, subseksyen 77(B)(3) mengehendaki mana-mana pegawai yang diberi kuasa selepas suatu Perintah Khidmat Masyarakat dibuat oleh mahkamah di bawah seksyen 77(B)(1) untuk menentukan masa dan tempat bagi pelaksanaan khidmat masyarakat itu serta jenis khidmat masyarakat yang hendak dilaksanakan.

Pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk memaklumkan masa dan tempat bagi melaksanakan khidmat masyarakat serta jenis khidmat masyarakat yang hendak dilaksanakan oleh orang-orang yang disabitkan kesalahan tersebut.

Yang keempatnya, subseksyen 77(B)(4) dan 77(B)(5) memperuntukkan bahawa pengawasan pelaksanaan khidmat masyarakat yang disabitkan oleh pegawai yang diberi kuasa adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

Seterusnya, subseksyen 77(B)(6) memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang disabitkan di bawah subseksyen 77(B)(1) dan yang tidak mematuhi perintah khidmat masyarakat adalah melakukan kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak melebihi daripada RM10,000.

Subseksyen 77(B)(7) memperuntukkan bahawa sekiranya kanak-kanak di bawah umur 18 tahun melakukan kesalahan di bawah seksyen 77(A), peruntukan berhubungan Perintah Khidmat Masyarakat di bawah Akta Kanak-kanak 2001 ataupun Akta 611 adalah terpakai.

Dan seterusnya yang ketujuh Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 77(B)(8) mentakrifkan kanak-kanak sebagai seorang yang berada di bawah umur 18 tahun dan khidmat masyarakat sebagai suatu kerja, perkhidmatan atau pelaksanaan arahan yang tidak dibayar, yang

dilaksanakan atau dijalankan bagi maksud mengekalkan atau menambah baik kebersihan tempat awam.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, pewujudan subseksyen 77(C) adalah bagi mengadakan peruntukan kuasa bagi pegawai yang diberi kuasa untuk mengawasi pelaksanaan apa-apa khidmat masyarakat oleh seseorang yang disabitkan di bawah subseksyen 77(B)(1).

Akhir sekali, fasal 4 melibatkan pindaan subseksyen 108(2) di mana Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 dengan memasukkan dua perenggan yang baru yang berkaitan dengan kuasa Menteri untuk menetapkan jenis khidmat masyarakat yang hendak dilaksanakan dan cara pengawasan pelaksanaan khidmat masyarakat di bawah suatu Perintah Khidmat Masyarakat.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya cadangan pindaan yang saya bentangkan sebentar tadi adalah bertujuan bagi memastikan khidmat masyarakat dapat dilaksanakan melalui prosedur perundangan yang teratur dalam menangani isu-isu pembuangan sampah kecil di tempat awam dan jalan awam. Pelaksanaan khidmat masyarakat ini mencerminkan usaha kolektif kerajaan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih bersih, kondusif, sihat, harmoni dan dapat memberi manfaat kepada rakyat kebanyakan.

Oleh yang demikian, bagi mewujudkan punca kuasa yang jelas kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengawal selia aktiviti pembuangan sampah kecil serta pelaksanaan khidmat masyarakat, Akta 672 perlu dipinda dan penguatkuasaannya akan meliputi negeri-negeri yang menerima pakai akta tersebut. Buat masa ini ialah sepertimana Kedah, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Perlis serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Putrajaya.

Hukuman yang diperkenalkan ini juga bukanlah suatu yang baharu di peringkat, kerana di peringkat global, Tuan Yang di-Pertua, hukuman untuk melaksanakan khidmat masyarakat telah pun dilaksanakan melalui perundangan-perundangan khususnya di negeri-negeri sepertimana Amerika Syarikat, United Kingdom, United Arab Emirates, Australia, dan juga di peringkat rantau ASEAN sepertimana Filipina, Thailand dan Indonesia.

Sehubungan dengan itu, wajarlah cadangan kementerian untuk memperkukuhkan perundangan negara melalui pelaksana khidmat masyarakat bagi pesalah yang membuang sampah-sampah kecil ini disokong sepenuhnya oleh Dewan yang mulia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pele Peter Tinggom: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Dr. Zulkifli bin Hasan]: Saya mohon menyokong.

Tuan Pele Peter Tinggom: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai tujuh orang ahli yang hendak berbahas, maka saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah lima minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam.

4.22 ptg.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk menyatakan sokongan padu saya terhadap Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025 dan tahniah kepada KPKT di atas pendekatan yang berani dan progresif dalam memperkenalkan khidmat masyarakat sebagai hukuman alternatif bagi kesalahan membuang sampah.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah undang-undang yang sedia ada, denda adalah hukuman utama. Tetapi kita semua tahu bahawa denda ini tidak sentiasa berkesan. Terutamanya bagi mereka yang bergelar orang kaya ataupun yang ternama. Bagi mereka, denda RM1,000 mungkin hanya dianggap sebagai kos yang kecil untuk aktiviti tidak bertanggungjawab ini. Perintah Khidmat Masyarakat pula mengubah tingkah laku dengan cara yang lebih bermakna. Ini bukan saja mengenakan rasa malu dan keinsafan tetapi juga menggalakkan rasa bertanggungjawab terhadap persekitaran.

Apabila seseorang yang bersalah terpaksa membersihkan longkang atau jalan yang dicemari oleh sisa, mereka akan lebih memahami kesan perbuatan mereka. Ini ialah hukuman yang adil dan mendidik jauh lebih berkesan daripada sekadar membebankan poket mereka. Dalam pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat (PKM), saya ingin mengajukan beberapa perkara untuk perhatian kerajaan.

Pertama, adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan khidmat bimbingan dan kaunseling bagi pesalah supaya mereka benar-benar memahami kesalahan yang dilakukan, khususnya berkaitan dengan pembuangan sampah kecil dan tidak mengulangi perkara ini dalam masa hadapan?

Kedua, saya ingin juga menyentuh tentang peranan pihak berkuasa tempatan (PBT). Tanggungjawab penyelenggaraan longkang dan parit sememangnya merupakan sebahagian daripada tugas utama PBT. Sekiranya kawasan persekitaran ini tidak diurus dengan baik, ia boleh menjejaskan keberkesanan pelaksanaan khidmat masyarakat yang dijalankan oleh pesalah kerana masalah asas kebersihan masih tidak dapat diselesaikan. Apakah strategi kerajaan bagi memastikan PBT benar-benar diberdayakan dalam aspek ini?

Ketiga, saya ingin menimbulkan persoalan mengenai kemudahan tong sampah, khususnya di kawasan rumah setinggan. Ketiadaan kemudahan asas ini sering mendorong kepada penduduk membuang sampah ke dalam sungai atau saluran air berdekatan, sekali gus menimbulkan pencemaran yang serius. Apakah langkah kerajaan untuk menangani isu ini dalam penyediaan kemudahan asas sebegini agar masalah pembuangan sampah tidak akan berulang?

Saya juga berpendapat bahawa wajar kerajaan memperkenalkan insentif kepada PBT yang berjaya melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat dengan baik. Insentif ini bukan — insentif ini boleh menjadi galakan kepada PBT untuk meningkatkan komitmen dan inovasi dalam memastikan kejayaan pelaksanaan undang-undang ini di peringkat akar umbi. Saya harap YB Menteri dapat menerima cadangan saya untuk bagi insentif ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, saya juga ingin menyentuh satu aspek yang lebih kritikal yang perlu diberi perhatian iaitu pengurusan sisa makanan. Walaupun pindaan ini fokus kepada isu pepejal secara umum, kita perlu mengiktirafkan bahawa sisa makanan menyumbang sebahagian besar daripada sisa dihasilkan setiap hari.

Data daripada SWCorp menunjukkan bahawa rakyat Malaysia membuang purata 17,379 tan makanan sehari. Angka ini amat membimbangkan di mana 4,005 tan daripadanya adalah sisa yang masih boleh dimakan. Sisa makan ini berakhir di tapak pelupusan bukan sahaja menghasilkan gas *methane* yang berbahaya tetapi ia merupakan pembaziran sumber yang besar. Oleh itu, apakah strategi jangka panjang kementerian untuk mengurangkan jumlah sisa makanan negara? Adakah terdapat rancangan untuk memperkenalkan undang-undang khusus bagi pengurusan sisa makanan atau insentif untuk menggalakkan industri mengurangkan sisa makanan mereka?

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya RUU ini adalah satu langkah tepat pada masanya. Ia menunjukkan komitmen kerajaan untuk tidak hanya menghukum tetapi juga mendidik dan mengubah sikap masyarakat. Sekali lagi, saya menyokong penuh pindaan ini dan berharap kita semua dapat bekerjasama untuk memastikan kejayaan perlaksanaannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead.

4.27 ptg.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan salam kepada semua Ahli-ahli Senator yang saya hormati.

Tuan Yang di-Pertua, kebersihan adalah cermin maruah bangsa, tetapi malangnya menurut laporan oleh *Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation*, dengan

izin, kita menghasilkan lebih kurang 40,000 tan sisa pepejal setiap hari, bersamaan sekitar 1.2 kilogram seorang per hari.

Selain itu, menurut kenyataan oleh Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa, baru-baru ini di Kuala Lumpur sahaja, lebih 2,000 tan metrik sisa pepejal dikutip setiap hari dan melibatkan kos mencecah RM220 juta setahun. Manakala, laporan oleh *BusinessToday* pula menyatakan bahawa di peringkat kebangsaan, jumlah sisa pepejal dijangka akan meningkat dari 14 juta tan bagi tahun 2021 kepada 19 juta tan menjelang 2050.

Oleh itu, saya sedar akan keperluan RUU ini dan saya menyambut baik langkah kerajaan untuk memperkenalkan satu lagi kerangka undang-undang bagi meningkatkan kebersihan dan penjagaan persekitaran negara serta mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal melalui RUU Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025 ini.

Saya setuju dengan fasal pindaan, fasal 3 kerana ianya jelas memberikan penekanan kepada konsep mendidik, pemulihan, kesedaran sosial dan bukan hanya terhad kepada konsep menghukum. Pendekatan sebegini amat penting kerana saya percaya undang-undang yang berkesan bukan hanya bergantung kepada tahap kekerasan hukuman, tetapi juga sejauh mana ia mampu membentuk sikap nilai dan budaya yang positif di kalangan rakyat kita.

Perintah Khidmat Masyarakat atau secara pendeknya, PKM ini bukanlah suatu idea baharu. Saya — ianya sudah lama diamalkan di banyak negara maju seperti UK, Amerika Syarikat dan negara jiran kita seperti Singapura dan Filipina. Walaupun saya menyambut baik RUU ini, saya masih ada beberapa persoalan penting yang saya kira perlu dijelaskan dengan lebih lanjut oleh, oleh pihak kementerian.

■1630

Pertama sekali, dalam konteks pelaksanaan PKM, saya ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah usaha kerajaan dalam menyediakan sumber kemudahan seperti jumlah tong sampah yang mencukupi, pusat pengumpulan sisa pepejal dan sokongan kepada pihak berkuasa tempatan bagi memastikan penguatkuasaan PKM dapat dilaksanakan secara berkesan di semua peringkat dan kawasan termasuk pinggir dan luar bandar.

Sebagai contoh, kalau kita melihat di kawasan sekitar Kuala Lumpur ini sahaja, memang sukar untuk kita melihat tong-tong sampah di kawasan awam. Jika kemudahan tong sampah pun sukar ditemui di bandar, apatah lagi di kawasan pinggir dan luar bandar. Jadi, saya ingin menyarankan agar kerajaan mengambil langkah untuk mewajibkan institusi sama ada kerajaan mahupun swasta untuk menyediakan tong-tong sampah yang bersesuaian di luar premis mereka.

Persoalan kedua menyentuh tentang soal kos pelaksanaan. Seperti yang telah saya sebutkan tadi, Malaysia menghasilkan lebih kurang 40,000 tan sisa pepejal setiap hari dan

melibat kos yang sangat tinggi bagi menguruskan sisa pepejal dengan mengambil contoh Kuala Lumpur yang menelan perbelanjaan sehingga RM220 juta setahun. Persoalannya ialah, jika PKM ini dilaksanakan, adakah Kementerian telah membuat pengiraan sejauh mana kita boleh mengurangkan atau penjimatan kos pembersihan awam?

Persoalan selanjutnya. Timbul juga persoalan tentang keadilan sosial dalam pelaksanaan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan PKM tidak menjadi satu beban tambahan kepada golongan berpendapatan rendah khasnya B40? Adakah wujud mekanisme pelarasan dari segi jumlah jam atau bentuk pelaksanaan yang mengambil kira kemampuan kewangan dan keadaan pesalah agar keadilan yang lebih saksama dapat diwujudkan?

Persoalan saya yang terakhir menyentuh tentang soal peranan masyarakat dan teknologi. Di era digital ini, orang awam dengan mudah boleh merakam gambar atau video kesalahan dan melaporkannya. Adakah bukti rakaman sebegini diterima pakai sebagai asas penguatkuasaan? Jika ya, apakah mekanisme tapisan dan perlindungan untuk mengelakkan salah guna kuasa atau laporan palsu dibuat?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Roderick. Seterusnya, dipersilakan, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa.

4.32 ptg.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan untuk saya turut mengambil bahagian dalam membahaskan pindaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2025.

Sesungguhnya kebersihan bukan sahaja lambang untuk menimbulkan panorama mata melihat tetapi juga kebersihan itu sebahagian daripada keimanan. Sebuah negara yang bersih akan mencerminkan peradaban dan nilai disiplin yang tinggi bangsa dan rakyatnya. Justeru, saya amat menyokong pindaan undang-undang ini bagi menjadikan Malaysia lebih bersih, indah, segar dan lestari bukan sahaja untuk rakyat Malaysia, tetapi untuk pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia. Tahniah atas undang-undang ini oleh Kementerian yang tentunya telah memikir dan memperhalusi segala peraturan untuk memastikan negara kita bersih dan segar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan akta ini, fasal baharu dalam seksyen 77A menguatkuasakan secara tegas larangan aktiviti berkaitan pembuangan atau mencampak sisa pepejal di sisian jalan awam atau tempat yang dikhususkan oleh PBT. Denda boleh mencapai ke RM2,000. Melalui pemerhatian saya, pengurusan sisa pepejal yang menjadikan

tempat pengumpulan sisa di tepian jalan awam sering kali tidak terurus dan ianya menjadi punca sebenarnya rakyat membuang puntung rokok, kotak rokok, bekalan air dan sebagainya di tepian jalan. Dan ianya sudah pasti bukan sahaja menjadikan kawasan itu kotor tetapi mengancam kesihatan dan kesejahteraan penduduk di sekitarnya termasuklah pembiakan nyamuk aedes yang membawa demam denggi.

Selain daripada menyakitkan mata memandang, longgokan sampah yang tidak diangkat mengikut jadual tertentu ini juga boleh menyebabkan dan mendorong rakyat akan membaling batu kepada kerajaan kerana mengadakan peraturan, tetapi tidak menyediakan kemudahan.

Justeru, saya berharap segala prasarana yang terkait dengan peraturan ini, kemudahan tempat pembuangan sampah dan sebagainya mestilah ditambah— bukan sahaja ditambah tetapi diselias-senggara dengan baik agar dapat digunakan oleh rakyat.

Soalan saya. Bagaimana dan sejauh manakah SWCorp bersama PBT dapat meningkatkan pembekalan bekas simpanan pukal atau pun roro bertutup di seluruh lokasi kutipan sisa pepejal di seluruh jalan awam di seluruh negara? Ini kerana jika pun sampah itu dibuang di dalam kawasan yang tidak bertutup, dia juga boleh menimbulkan pencemaran bau dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah cara terbaik agar mekanisme kutipan ke pusat pelupusan dilakukan dengan prestasi kitaran angkutan yang lebih banyak agar tinggalan sisa pepejal di lokasi tidak terperuk begitu lama dan memberi kesan tidak baik kepada penduduk sekitar?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh tentang hukuman kerja khidmat sosial yang dilaksanakan kepada pesalah dalam akta ini. Saya bukan sahaja menyokong, tetapi sepatutnya hukuman ini mampu mendidik dan mendisiplinkan rakyat jelata. Cuma, perlulah juga diperincikan supaya jumlah jam dan kerja laku takrifan pelanggaran akta ini dengan lebih jelas, hukuman diperincikan dengan lebih jelas supaya dia tidak menimbulkan keaiban, salah sangka dan mungkin penyalahgunaan kuasa kepada rakyat yang tidak berdosa.

Saya juga ingin mencadangkan supaya pesalah-pesalah itu diberi khidmat kaunseling sebelum dan selepas supaya tidak ada perasaan rendah diri, diaibkan atau dimalukan, lebih-lebih lagi kepada pesalah yang tidak mengakui mereka telah melakukan kesilapan. Setiap manusia ada maruah dan harga diri. Kita perlu menghormati dalam melaksanakan hukuman ini.

Akhirnya, selain daripada khidmat kaunseling itu, saya juga berpendapat bahawa pegawai-pegawai yang menjatuh hukum dan menguat kuasa perlu juga diperhatikan supaya ada nilai ketelusan dan tidak culas atas faktor-faktor kenalan, saudara mara atau orang-orang

kenamaan. Sesungguhnya, undang-undang tidak mengenal siapa. Rakyat Malaysia terikat dengan peraturan dan perlu peraturan ini diketengahkan.

Untuk mengubah nilai diri dan peradaban manusia, inilah peraturan yang terbaik sebagai proses pendidikan dan hukuman. Cuma, pelaksanaan perlu lebih berhati-hati, ditatakelolakan dengan lebih teliti supaya ia tidak mencuit mana-mana rasa, menghina mana-mana pihak atau disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri dengan serangkap pantun.

*Kalau tuan menjemur baju,
Menjemur baju di tepi paya;
Negara bersih negara maju,
Rakyat sejahtera sihat bahagia.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa.

Seterusnya, dipersilakan, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Ros Suriati binti Alang.

4.38 ptg.

Dato' Hajah Ros Suriati binti Alang: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2025.

RUU di hadapan kita ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan membuang, mencampak dan menempatkan atau meninggalkan atau menyebabkan untuk dibuang, dicampak, ditempatkan atau ditinggalkan apa-apa sisa pepejal di mana-mana tempat awam atau jalan awam.

RUU ini juga memberi kuasa kepada mahkamah untuk membuat Perintah Khidmat Masyarakat yang menghendaki seorang yang disabit kesalahan itu untuk melaksanakan khidmat masyarakat sebagai tambahan kepada denda sedia ada yang dikenakan bagi kesalahan ini. Pindaan ini bertujuan untuk memperkasakan undang-undang sedia ada iaitu Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672].

Pada pandangan saya, sudah sampai masanya kita mendidik masyarakat kita, terutama warga asing, untuk menjaga kebersihan dan bakal menerima hukuman setimpal akibat perbuatan mereka. Pindaan yang dibawa dalam RUU ini akan memantapkan penguatkuasaan pencegahan pencemaran dan jenayah alam sekitar daripada terus berulang. Selain mendidik pihak industri dan masyarakat untuk melestarikan alam sekitar, RUU ini merupakan sebahagian daripada usaha yang lebih besar oleh kementerian untuk menyelaraskan penguatkuasaan kebersihan awam.

■1640

Pindaan ini juga dikuatkuasa bersama-sama dengan pindaan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] bagi memastikan pendekatan yang lebih holistik dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya membaca RUU ini, pindaan paling ketara ialah memperkenalkan hukum khidmat masyarakat bagi pesalah membuang sampah. Ini bermakna selain denda kewangan, mahkamah kini boleh mengarahkan pesalah untuk melakukan kerja-kerja komuniti. Saya amat bersetuju dengan hukuman yang diadakan untuk tujuan mendidik dan menyedarkan pesalah tentang kepentingan menjaga kebersihan awam.

Rata-rata saya melihat ramai warga asing, terutamanya yang bekerja di Malaysia, tidak mempedulikan kebersihan di negara kita. Sudahlah mereka bekerja di Malaysia, tetapi mereka langsung tidak menghormati dan sengaja mengotorkan kawasan dengan membuang sampah merata-rata. Kita perlu ajar mereka ini agar sentiasa menjaga kebersihan di sekitar bandar dan membuang sampah di tempat yang betul.

Soalan saya, dari segi hukuman khidmat masyarakat, adakah ia meliputi tugas-tugas seperti menyapu, membersihkan longkang dan tandas awam sahaja? Saya sarankan ketika melakukan tugas ini, mereka dikehendaki memakai jaket khas semasa menjalankan tugas tersebut. Mahkamah diberi kuasa untuk menentukan tempoh khidmat masyarakat. Adakah mengikut jam atau hari dan adakah dengan mengambil kira keadaan fizikal dan mental pesalah?

Seterusnya, saya ingin bertanya mengenai denda yang dikenakan. Saya difahamkan cadangan denda bagi kesalahan membuang sampah dipertingkatkan kepada antara RM2,000 hingga RM10,000. Jika disabit kesalahan serta sekiranya gagal membayar denda, mereka akan diberi arahan khidmat masyarakat. Denda lebih tinggi atau dipenjarakan? Berapakah tempoh penjara yang dikenakan? Dan kalau boleh, saya ingin cadangkan kementerian agar dinaikkan denda sehingga RM50,000 sekiranya kesalahan yang dilakukan berulang-ulang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi cadangan dan penambahbaikan. Antaranya, garis panduan jelas untuk khidmat masyarakat iaitu dengan mewujudkan garis panduan yang lebih terperinci bagi hukuman khidmat masyarakat. Ini meliputi mekanisme yang seragam perlu ditetapkan di seluruh negara supaya hukuman tidak berbeza-beza mengikut budi bicara mahkamah atau pihak berkuasa tempatan.

Seterusnya, mengenai prosedur keselamatan dan etika yang jelas perlu disediakan untuk melindungi kedua-dua pesalah dan kakitangan yang menyelia kerja-kerja khidmat masyarakat. Contohnya, memastikan mereka tidak dianiaya dan disalahgunakan.

Dan yang terakhir, sejauh mana pendekatan holistik – yang holistik juga dilaksanakan iaitu selain menghukum, penting juga untuk menangani punca masalah. Cadangan,

termasuklah mempergiatkan lagi pendidikan awam tentang pengurusan sisa pepejal dan menyediakan lebih banyak kemudahan seperti tong sampah dan pusat kitar semula, terutamanya di kawasan awam.

Ringkasnya, walaupun RUU ini membawa pendekatan yang positif, penambahbaikan dan pelaksanaannya, khusus dalam aspek garis panduan dan keadilan, adalah penting untuk memastikan matlamat tercapai dan diterima baik oleh semua pihak. Saya ingin membawa perkara yang melibatkan kos dan sumber iaitu dari segi untuk melaksanakan program khidmat masyarakat. Sudah tentu ia memerlukan perancangan, penyeliaan dan kos yang signifikan.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu menyediakan kakitangan untuk menyelia pesalah, menyediakan peralatan dan memastikan keselamatan mereka, ini boleh menjadi cabaran, terutamanya bagi PBT di kawasan yang kekurangan sumber. Hukuman khidmat masyarakat mungkin tidak sesuai untuk semua jenis kesalahan atau pesalah.

Contohnya, hukuman yang sama mungkin dikenakan kepada individu yang membuang puntung rokok kecil dan individu yang membuang sisa pukal yang mana tahap keseriusannya, kesalahannya adalah berbeza. Maka, apakah langkah kementerian sekiranya berhadapan dengan situasi begini? Itulah saja yang saya ingin bahaskan mengenai RUU ini. Secara keseluruhannya, RUU ini adalah satu langkah ke hadapan dalam memperketatkan undang-undang.

Namun, saya lihat cabaran utamanya adalah pada potensi isu pelaksanaan yang mungkin tidak seragam dan fokus yang lebih berat kepada hukuman berbanding pendidikan dan insentif. Semoga dengan RUU ini, kementerian dapat memupuk masyarakat dan warga asing agar sentiasa menjaga kebersihan di tempat awam dan juga kawasan tertutup. Maka dengan ini, saya mohon menyokong RUU Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2025. Terima kasih.

Tuan Pele Peter Tinggom: Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

4.45 ptg.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, Ahli-ahli Senator yang saya hormati dan saya kasihi sekalian. Saya terus pergi kepada tajuk perbincangan.

Yang pertamanya ialah saya ingin untuk sama-sama kita tengok dalam beberapa sudut yang sedikit berbeza. Saya nampak bahawa timbul persoalan besar apabila pekerja syarikat, misalnya kontraktor binaan atau pekerja kilang didapati membuang sampah atau sisa secara tidak sah. Dalam keadaan begini, adakah hanya pekerja bawahan yang kerjanya buang sampah yang akan disabitkan kesalahan? Sedangkan arahan asal mungkin datang

daripada majikan atau pun pengurus syarikat. Yang kena denda ialah pekerja, yang arah adalah majikan.

Yang keduanya, jika hukuman yang dikenakan kepada pekerja bawahan, sedangkan undang-undang ini boleh dilihat – akan dilihat lebih berat sebelah. Realitinya, jumlah sisa yang besar sama ada daripada tapak binaan, perindustrian atau perniagaan, lazimnya berpunca daripada syarikat-syarikat atau majikan-majikan ini. Walaupun fokus di sini untuk umum tapi saya cadangkan supaya dilihat pada sudut ini. Maka, adalah tidak wajar hanya pekerja menjadi mangsa, sedangkan pihak yang mendapat keuntungan iaitu syarikat, terlepas daripada liabiliti ini.

Oleh itu, saya mencadangkan agar pindaan ini memperuntukkan dengan jelas bahawa pemilik syarikat, pengarah atau kontraktor utama turut boleh ataupun disabitkan kesalahan sekiranya terbukti arahan atau kegagalan pengurusan menyebabkan berlakunya pembuangan secara tidak sah. Ini perlu ditimbang agar mereka akan diberi ataupun perlu diberi hukuman yang lebih berat.

Cuma di sini, kalau yang melakukan kesalahan itu didenda dengan khidmat masyarakat, tuan-tuan boleh bayangkan tokeh, tokeh besar nanti akan turun ke lapangan untuk buat khidmat masyarakat. Baru dia tahu. Kalau tidak, yang bilis: bilis ini lah yang akan kena. Denda yang dikenakan juga seharusnya lebih tinggi terhadap syarikat berbanding dengan individu. Memandangkan kapasiti sisa yang dibuang oleh syarikat adalah jauh lebih besar dan impaknya terhadap alam sekitar jauh lebih serius.

Saya nak minta pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian bercadang untuk memasukkan peruntukan khusus yang membolehkan syarikat, majikan dan kontraktor, turut disabitkan kesalahan?

Yang keduanya, jika betul – jika ada, adakah kadar denda bagi syarikat akan ditetapkan lebih tinggi berbanding individu, selaras dengan prinsip keadilan dan tanggungjawab korporat?

Yang ketiga, adakah mekanisme pemantauan yang akan diguna pakai bagi memastikan syarikat besar tidak melepaskan tanggungjawab dengan mengorbankan pekerja-pekerja bawahan?

Saya percaya isu ini perlu dijawab dengan jelas oleh pihak kementerian supaya undang-undang ini benar-benar menepati matlamat. Bukan sekadar menghukum rakyat biasa tetapi juga memastikan syarikat dan pihak industri bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebersihan negara kita ini.

Satu lagi isu yang saya nak bawa di sini ialah untuk menumpukan perhatian kepada satu aspek yang sangat penting tetapi belum dijelaskan dengan terperinci iaitu pelaksanaan

Perintah Khidmat Masyarakat apabila melibatkan kanak-kanak yang disabitkan kesalahan, yang berada di bawah umur 18 tahun.

Pertama, saya akui pindaan ini merujuk pada Akta Kanak-kanak 2021 sebagai rujukan. Namun begitu, persoalan besar yang timbul ialah adakah bentuk khidmat – apa bentuk khidmat masyarakat yang sesuai untuk kanak-kanak? Adakah mereka akan diarah menyapu longkang, mengutip sampah, membersihkan kawasan orang awam?

Jika ya, apakah mekanisme perlindungan keselamatan akan disediakan untuk mengelakkan risiko-risiko kecederaan, pendedahan ataupun kemalangan lain yang mengundang pelanggaran dan lain-lain penyakit vektor dan lain-lainnya?

■1650

Keduanya ialah soal stigma sosial. Kita tidak mahu kanak-kanak yang melakukan kesalahan kecil seperti membuang plastik akhirnya dipakaikan jaket khas dan ia menjadi tontonan umum. Hal ini membolehkan, menyebabkan keyakinan diri malah menyebabkan pelabelan negatif kepada komuniti. Sebaliknya pelaksanaan hukuman ini perlu berasaskan pendidikan bukan pendedahan fizikal. Di negeri lain seperti di United Kingdom, perintah khidmat masyarakat untuk kanak-kanak lebih berbentuk bengkel kesedaran alam sekitar yang akhirnya memberikan aktiviti komuniti ataupun program-program pendidikan sivik yang sesuai dengan mereka.

Yang ketiganya yang ingin saya tahu daripada pihak kementerian, adakah disediakan modul khas untuk kanak-kanak yang disabitkan kesalahan selaras dengan prinsip *best interest of the child*, dengan izin. Adakah mereka akan diperlakukan sama seperti orang dewasa dalam pelaksanaan perintah khidmat masyarakat dan seterusnya? Jadi saya rasa itu mungkin beberapa perkara yang saya hendak *highlight*-kan dalam kesempatan masa yang singkat. Terima kasih banyak-banyak. *Wabillahi taufik wal-hidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu.

4.51 ptg.

Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta dalam perbahasan kali ini. Rang Undang-undang ini saya lihat sebagai satu usaha inovatif kerajaan dalam mendidik masyarakat melalui tindakan yang bersifat praktikal. Selama ini kita sering bergantung kepada denda atau hukuman kewangan sebagai langkah penguat kuasa namun pendekatan tersebut tidak semestinya mampu mengubah sikap pesalah dalam jangka panjang.

Ada yang sanggup membayar denda tanpa merasa insaf atau sedar akan kesan perbuatan mereka terhadap kebersihan awam. Saya ingin menyatakan sokongan bahawa RUU ini mampu membentuk budaya menjaga kebersihan lebih menyeluruh sejak dari usia muda memandangkan terpakainya turut merangkumi pesalah di bawah umur 18 tahun sebagai ditafsirkan di bawah Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611].

Melalui pelaksanaan kerja-kerja kebersihan sebagai perintah khidmat masyarakat, pesalah bukan sahaja dihukum, tetapi dididik secara langsung dengan merasai sendiri kepayahan dan cabaran yang dihadapi oleh para pekerja pembersihan. Mereka akan turun ke lapangan mengutip sampah, membersihkan longkang atau menguruskan kawasan awam yang kotor akibat sikap yang tidak bertanggungjawab masyarakat. Dari situlah lahirnya kefahaman yang lebih mendalam bahawa menjaga kebersihan bukanlah tugas mudah malah memerlukan pengorbanan dan usaha berterus.

Saya percaya pendekatan ini akan meninggalkan kesan yang lebih mendalam kepada pesalah berbanding sekadar denda kewangan yang mungkin tidak memberi apa-apa impak jangka panjang lebih-lebih lagi apabila ia dilaksanakan sebagai konsisten dengan pemantauan rapi. Undang-undang ini akan memberi mesej yang tegas bahawa kebersihan adalah tanggungjawab bersama dan sebarang perbuatan membuang sampah sewenang-wenangnya tidak boleh dibiarkan.

Selain memberikan kesedaran kepada pesalah, perintah ini juga akan membawa kesan psikologi positif kepada masyarakat umum. Apabila orang ramai melihat individual yang melanggar undang-undang dipertanggungjawabkan untuk membersihkan kawasan-kawasan awam, ia akan menghantar isyarat bahawa keadilan ditegakkan dan undang-undang tidak boleh dipandang ringan. Ini akan menanam rasa segan dan takut dalam kalangan masyarakat untuk mengulangi kesalahan yang sama sekali gus meningkatkan – pemantauan undang-undang.

Namun begitu, aspek penguat kuasa perlu juga diberi perhatian serius. Apakah langkah kerajaan dalam memperkasakan peranan pihak berkuasa tempatan bagi memastikan undang-undang ini dapat dilaksanakan dengan berkesan? Adakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan penggunaan teknologi pemantauan seperti pemasangan CCTV di lokasi-lokasi strategik dan apakah pula pelan jangka panjang KPKT dalam usaha memperkukuhkan keberkesanan penguat kuasa undang-undang ini?

Saya ingin mencadangkan supaya aspek pemantauan digital diperkasakan dalam pelaksanaan PKM. Penggunaan teknologi moden seperti sistem pangkalan data bersepadu atau aplikasi mudah alih akan membolehkan penguatkuasaan dijalankan dengan lebih telus, cekap dan berkesan. Saya turut ingin mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan

beberapa langkah tambahan bagi memperkukuhkan pelaksanaan perintah khidmat masyarakat.

Pertama, wajar diwujudkan satu modul latihan sivik yang perlu dijalani oleh pesalah sebelum memulakan PKM. Modul ini boleh merangkumi taklimat berhubung undang-undang yang berkait serta pendidikan sivik bagi memastikan pesalah memahami tujuan hukuman tersebut dan menanamkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kebersihan awam. Saya percaya undang-undang ini bukan sahaja akan memperkukuhkan aspek penguat kuasa, tetapi juga akan memangku kepada pembentukan budaya baharu ialah budaya masyarakat Malaysia yang lebih bertanggungjawab, berdisiplin dan berjiwa sikap tinggi. Terima kasih.

Tuan Pele Peter Tinggom: Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri. Dan pembahas kita yang terakhir bagi RUU ini dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Profesor Emeritus Dr. Awang bin Sariyan.

4.56 ptg.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahirrahmanirrahim*. Isu sisa pepejal merupakan salah satu masalah yang serius di negara kita kerana jumlah sampah sisa pepejal setiap hari melebihi jumlah sisa yang berjaya dikitar semula. Isu pertama yang berkaitan melibatkan isu seperti:

- (i) peningkatan jumlah sampah yang dihasilkan setiap tahun;
- (ii) kekurangan ruang pelupusan;
- (iii) kadar kitar semula yang rendah berbanding dengan kadar kitar semula di negara jiran; dan
- (iv) impak kesihatan dan alam sekitar sebagai akibat pengurusan sisa pepejal yang kurang cekap.

Dalam hal ini maka pada hemat saya selain kita bercakap tentang soal hukuman, kerajaan perlu menekan penyelesaian berkaitan dengan masalah-masalah yang kita sebut terutamanya berkaitan kekurangan tempat pelupusan sekadar misalnya jumlah yang dapat saya kesan kalau ada sekitar 161 tapak pelupusan, 77 tempat pelupusan terbuka dan hanya tujuh pusat pembakaran, ini jauh daripada cukup bagi konteks negara kita yang kian berkembang maju dengan industrinya, dengan perniagaan dan sebagainya.

Tahap keseriusan sisa pepejal tergambar pada misalnya fakta bahawa menurut laporan tahun 2022 CRM Malaysia membuang 1.17 kilogram sampah bersamaan dengan 30,000 tan sampah baharu setiap hari. Dan daripada kesan daripada perbelanjaan negara pula kerajaan membelanjakan RM3 bilion setahun untuk pengurusan sisa dan untuk merencanakan peningkatan kadar kitar semula serta memperketat undang-undang bagi

menangani masalah ini termasuk hukuman pelaksanaan khidmat sosial yang kita bincangkan pada hari ini.

RUU 672 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 yang kita bahaskan di sini bertepatan dengan upaya untuk mengawal walaupun tidak mengatasi keseluruhan masalah itu berkaitan isu sisa pepejal di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi 77A keprihatinan utama saya tumpukan kepada perhatian yang saksama kepada kawasan bandar dan luar bandar. Kawasan bandar yang lazimnya ditadbir oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) mungkin memperoleh perhatian, kemudahan yang lebih baik prasarannya dan peruntukan kewangannya berbanding dengan kawasan luar bandar seperti kampung walaupun kampung juga ada pentadbirnya iaitu Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK). Berkenaan hal ini pada hemat saya, kerajaan harus memberikan perhatian kepada keseimbangan antara kawasan bandar dan luar bandar.

Bagi 77B(1) tambahan hukuman khidmat masyarakat bagi pesalah yang disabitkan dalam kegiatan pembuangan sisa pepejal dalam tempoh tidak melebihi 12 jam secara agregat dalam tempoh enam bulan merupakan langkah yang mudah-mudahan dapat meningkatkan kesedaran sivik anggota-anggota masyarakat.

■1700

Soalan saya ialah, bagaimanakah berkesannya tindakan penguatkuasaan dalam menyabitkan pesalah untuk memungkinkan pelaksanaan hukuman khidmat masyarakat itu? Kerana dalam keadaan sekarang ini, tampak kurangnya kawalan dan tindakan pihak berkuasa di kebanyakan kawasan, terutamanya yang jelas di kebanyakan bandar. Oleh itu, syarat kejayaan pelaksanaan hukuman khidmat masyarakat itu ialah keseriusan pihak berkuasa dalam menguatkuasakan perkara 77 itu.

Bagi 77B(2), berkaitan dengan pemeriksaan keadaan fizikal dan mental orang yang ingin disabitkan itu, apakah mekanisme yang konkrit yang dirancang oleh kerajaan? Adakah akan ditubuhkan panel khas atau pesalah itu dirujuk kepada institusi kesihatan kerajaan atau bagaimana? Bagi 77B(3), perlu dimasukkan dalam kaedah dan peraturan mekanisme pelaksanaannya tentang tempat, masa dan bentuk khidmat masyarakat. Demikian juga mekanisme kawalan dan pengawasan oleh pihak berkuasa. Bagi 77B(4), perlu dipastikan mekanisme pelaksanaannya.

Bagi 77B(7) yang melibatkan hukuman kepada pesalah kanak-kanak di bawah umur 18 tahun, meskipun ada kewajaran untuk kita menyokong pelaksanaannya, tetapi perlu direncanakan tindakan yang tidak sampai menjejaskan pendidikan kanak-kanak itu dengan menetapkan misalnya tempoh ataupun waktu penguatkuasaan hukuman pada masa cuti

semester ataupun juga dalam bentuk hukuman yang jauh lebih ringan berbanding dengan hukuman kepada pesalah-pesalah dewasa.

Berkaitan dengan jumlah denda 2,000 dan tidak melebihi 10,000 bagi pesalah tidak memenuhi khidmat masyarakat, meskipun saya setuju pada dasarnya, tetapi kita harus memberikan perhatian kepada golongan marhaen, golongan yang daif. Dalam konteks sekarang, keadaan kos sara hidup yang tinggi dan ekonomi yang tidak begitu baik, jadi perkara ini pada hemat saya, memerlukan suatu perencanaan semula agar ada kadar denda yang berbeza antara golongan individu yang susah terutamanya, dengan mereka yang merupakan pemilik premis perniagaan, pemilik kilang dan sebagainya yang tentu menimbulkan masalah pembuangan sisa pepejal yang jauh lebih serius daripada orang persendirian.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong RUU 672 ini dengan catatan khas pada aspek pelaksanaan dan penguatkuasaan yang berkesan, kerana selama ini demikian banyak undang-undang yang digubal dan diwartakan, tetapi kelemahan yang nyata sering kali ialah pada aspek penguatkuasaannya. Demikianlah Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong RUU 672. Terima kasih.

Tuan Pele Peter Tinggom: Tamat sudah perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Dato' Wu Him Ven: Tuan Yang di-Pertua, saya ada kasi nama ambil bahagian untuk berbahas, untuk bahas. Nombor 6.

Tuan Pele Peter Tinggom: SU. Okey. Yang Berhormat Senator, mengikut aturan nama memang tak ada, tetapi sebagai Pengerusi, Speaker pada petang ini, saya beri kebenaran. Dipersilakan.

5.04 ptg.

Dato' Wu Him Ven: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk terus membahaskan RUU ini. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada beberapa kesusahan penguatkuasaan hari ini. Banyak pihak berkuasa tempatan (PBT) dan juga SWCorp berdepan dengan kekurangan pegawai dan peralatan untuk menguatkuasa undang-undang secara berkesan. Akibatnya, banyak lokasi menjadi *hot spot* bagi aktiviti pembuangan sampah haram.

Negeri Sembilan ialah negeri yang ada mengguna pakai Akta 672 dan isu pembuangan sampah secara haram hampir berlaku setiap hari. Apabila kita membuat aduan kepada pihak berkuasa, pegawai selalu kata rakaman CCTV dan *dashcam* tidak mencukupi sebagai bukti pendakwaan. Malah, pegawai kata tindakan hanya boleh diambil jika mereka sendiri berada di lokasi semasa kejadian berlaku. Keadaan ini amat menjejaskan hasil

penguat kuasa. Pegawai terpaksa selalu menjalankan operasi mengejut di lokasi *hot spot*. Ini bukan sahaja membebankan dari segi sumber, tetapi juga menghasilkan jumlah dakwa yang rendah dan rakyat tidak akan takut dengan undang ini.

Oleh itu, saya menggesa kerajaan supaya menambah baik mekanisme tanggungjawab pembuktian. Bukti rakaman CCTV, *dashcam* dan telefon bimbit perlu diberi nilai pembuktian. Ini akan membolehkan lebih ramai rakyat membantu pihak berkuasa dalam menangkap pesalah yang membuang sampah haram. Kita harus memperkasakan komuniti sebagai mata dan telinga untuk pihak berkuasa, bukan semata-mata bergantung kepada jumlah pegawai di lapangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang masalah kewangan PBT yang lemah. Seperti Majlis Daerah Jelebu di Negeri Sembilan, banyak PBT masih bergantung kepada peruntukan Kerajaan Persekutuan dan mengalami defisit dalam belanjawan tahunan. Dalam keadaan ini, keperluan untuk menggajikan lebih ramai pegawai penguat kuasa ialah satu beban tambahan.

Saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah bentuk sokongan, insentif yang akan disediakan bagi membantu PBT yang mengalami defisit dalam pelaksanaan RUU ini? Sekiranya tiada bantuan kewangan yang khusus, hasil pindaan ini akan hanya di atas kertas sahaja. Oleh itu, saya bercadang kerajaan wujud satu skim khas geran penguatkuasaan diwujudkan bagi menyokong PBT yang kewangan dan hasil yang rendah supaya pelaksanaan undang-undang ini adil, menyeluruh dan benar-benar memberi impak di seluruh negara, bukan hanya tertumpu di kawasan bandar sahaja. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong RUU ini. Terima kasih.

Tuan Pele Peter Tinggom: Okey. Terima kasih Dato' Wu. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri, takut ada nama-nama Ahli Yang Berhormat yang tercicir dalam senarai ini. Ada sesiapa nak berbahas..., tak ada? Okey.

Sekarang dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.09 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu]: *Bismillahirrahmanirrahim*. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dewan yang mulia, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian serta memberikan pandangan yang bernas dalam perbahasan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025 yang berlangsung sebentar tadi.

Saya mengambil maklum bahawa seramai tujuh campur satu, lapan orang Ahli Yang Berhormat Senator telah membahaskan isu-isu berkaitan pindaan kepada Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 ataupun Akta 672, khususnya mengenai kesalahan membuang, mencampak, menempatkan atau meninggalkan atau menyebabkan untuk dibuang, dicampak, ditempatkan atau ditinggalkan apa-apa sisa pepejal di tempat-tempat awam atau jalan awam. Pindaan ini turut memberi kuasa kepada mahkamah untuk mengeluarkan Perintah Khidmat Masyarakat sebagai hukuman tambahan kepada denda yang dikenakan ke atas seseorang yang disabitkan kesalahan.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan menjawab hal-hal yang terkait dengan pindaan akta ini untuk mengelakkan kekeliruan bila kita masuk campur tadi pengurusan sisa yang bersifat — yang bukan — Perintah Khidmat Masyarakat ini, saya kira itu nanti akan menimbulkan sedikit kekeliruan. Jadi, saya mahu mohon izin untuk kita menumpu kepada— khusus kepada pindaan akta yang dibawa pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa berlengah izinkan saya untuk menjawab beberapa isu yang dibangkitkan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu dan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan telah pun mencadangkan penggunaan teknologi dalam pemantauan sepertimana pemakaian CCTV dan langkah jangka panjang dalam memperkukuhkan penguatkuasaan Perintah Khidmat Masyarakat.

Yang Berhormat Senator Tuan Roderick Wong juga telah dan juga Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran juga telah menanyakan strategi kerajaan dalam memastikan pihak berkuasa tempatan diperkasakan dalam aspek penguatkuasaan bagi memastikan pindaan yang berlangsung pada hari ini dapat berjalan secara berkesan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, sesungguhnya kementerian menyedari bahawa pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat memerlukan strategi pemantauan yang komprehensif serta penguatkuasaan yang berkesan.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan keberkesanan dan kelancaran proses ini, kerajaan mengambil kira keperluan kos tambahan khususnya bagi penambahan pegawai, pemantau serta penyediaan kelengkapan-kelengkapan pembersihan yang diperlukan. Dalam hal ini juga Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan juga pihak berkuasa tempatan (PBT) akan diperkasakan untuk menguruskan peningkatan beban kerja melalui beberapa strategi utama. Antaranya, pertama, peningkatan kakitangan di mana penambahan bilangan pegawai yang diberi kuasa bagi tujuan penguatkuasaan dan pemantauan akan dilakukan.

Kedua, latihan dan pembangunan kapasiti pegawai yang sedia ada dan pegawai baru akan diberikan latihan menyeluruh mengenai prosedur, tatacara serta selok-belok

pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat ini bagi memastikan keraguan, ketakutan beberapa Ahli Yang Berhormat Senator sama ada ia nya sesuai tak sesuai itu dapat dikendalikan.

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua, kerjasama antara agensi di mana pihak berkuasa tempatan akan bekerjasama rapat dengan agensi lain sepertimana SWCorp untuk berkongsi sumber kepakaran, pengalaman bagi mengoptimumkan operasi di lapangan.

Seterusnya, penggunaan teknologi di mana kerajaan sedang meneliti penggunaan teknologi moden, termasuklah sistem pemantauan digital dan pangkalan data bersepadu bagi meningkatkan kecekapan, ketelusan serta keberkesanan pengurusan.

Yang akhirnya, pengurusan sumber yang cekap di mana sumber sedia ada akan dioptimumkan dengan perancangan yang lebih strategik bagi menampung keperluan baru serta menjamin kelancaran pengoperasian.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, strategi yang disebutkan itu bukan sahaja bertujuan bagi memastikan penguatkuasaan yang lebih berkesan tetapi pada masa yang sama untuk kita memperkasakan lagi pihak berkuasa tempatan dalam mendidik masyarakat supaya lebih cakna terhadap kepentingan kebersihan dan pemeliharaan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang berlangsung pada hari ini adalah berkaitan dengan kesalahan individu. Kita bercakap tentang kesalahan individu bukan kesalahan pihak-pihak syarikat yang besar. Pindaan ini mengkhususkan kepada kesalahan individu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sedang memberi tumpuan kepada usaha memperkukuhkan pemantauan berasaskan teknologi digital, di mana penggunaan sistem digital akan membolehkan proses pemantauan dilaksanakan dengan lebih telus di samping mengoptimumkan sumber tenaga di peringkat PBT.

Bagi memastikan pelaksanaan di negeri lain juga berkesan, kerajaan akan merangka mekanisme pemantauan dan pengawasan yang adil, teratur serta praktikal. Antara langkah-langkah yang sedang pun dipertimbangkan termasuklah kerjasama erat yang — antara agensi dengan agensi berkaitan serta penggunaan teknologi moden sepertimana sistem kamera litar tertutup (CCTV) bagi membantu pihak berkuasa memantau dan mengesan kesalahan dengan lebih cekap.

Walau bagaimanapun, pada masa yang sama itu cadangan pelaksanaan pemantauan ini perlu diteliti secara menyeluruh terlebih dahulu khususnya daripada aspek kemampuan kewangan. Pertimbangan ini melibatkan bukan sahaja Kerajaan Persekutuan tetapi pada masa yang sama juga adalah pihak berkuasa negeri dan juga pihak berkuasa tempatan dalam menanggung kos pembelian serta penyelenggaraan alat berkenaan.

Hal ini penting kerana penguatkuasaan terhadap kesalahan pembuangan sampah kecil dan pelaksanaan khidmat masyarakat, Perintah Khidmat Masyarakat turut nantinya akan

membawa implikasi kewangan tambahan, termasuklah kos pentadbiran, pertambahan jawatan, logistik serta penyediaan kelengkapan pembersihan.

Ada yang bertanya tentang *benefit* ataupun bantuan kepada pihak berkuasa tempatan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi bagi meningkatkan motivasi dan prestasi, kementerian turut akan memasukkan aspek pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat ini sebagai salah satu kriteria dalam sistem *traffic light* yang sedang digunakan untuk menilai kecekapan semua PBT yang ada di seluruh negara kurang lebih 156, Tuan Yang di-Pertua. PBT yang mencapai prestasi yang cemerlang dalam pelaksanaan pindaan undang-undang pada hari ini akan diberikan insentif berbentuk peruntukan tambahan bagi menyokong usaha-usaha mereka.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari juga mencadangkan supaya satu modul latihan sivik juga dijalankan kepada pesalah. Saya kira ada beberapa Yang Berhormat Senator juga mencadangkan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan amat menghargai cadangan untuk memperkenalkan modul latihan sivik kepada pesalah sebelum mereka melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat.

Langkah ini dilihat selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan hukuman yang dijalankan bukan hanya bersifat punitif ataupun hukuman. Tetapi pada masa ini juga adalah mempunyai nilai-nilai pendidikan dan kesedaran kepada para pesalah. Yang Berhormat Senator Tuan Roderick juga menanyakan supaya pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat ini dibuat dengan mengambil kira keadilan sosial terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah. Tadi pun ada disebutkan oleh – Prof. Datuk Dr. Awang Sariyan.

Yang Berhormat Senator Tuan Roderick dan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Ros Suryati turut meminta sama ada wujud mekanisme pelarasan daripada segi bilangan jam. Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Ros Suryati juga menanyakan sama ada keadaan fizikal dan mental pesalah diambil kira dalam pelaksanaan PKM. Ada juga yang bertanya siapa yang nak tentukan? Adakah badan-badan khusus akan dibentuk pula?

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, bagi memastikan pengenaan tempoh jam Perintah Khidmat Masyarakat dilaksanakan secara adil dan seimbang, mahkamah diberi kuasa budi bicara sepenuhnya untuk menentukan tempoh yang sesuai. Dalam membuat keputusan mahkamah akan mengambil kira faktor-faktor termasuklah keadaan fizikal dan mental pesalah terhadap — dan juga tahap keseriusan kesalahan serta kesesuaian individu tersebut untuk melaksanakan perintah berkenaan.

Langkah ini penting Tuan Yang di-Pertua agar hukuman yang dikenakan tidak hanya bersifat menghukum, tetapi pada masa yang sama mengambil hasrat murni kita untuk mendidik serta memberi peluang untuk pemulihan. Hasrat kerajaan dalam pengukuhan undang-undang ini adalah untuk menanamkan rasa keinsafan kepada pesalah dengan

merasai penat lelah yang ditanggung oleh pekerja-pekerja pembersihan demi menyediakan persekitaran bersih, sihat kepada masyarakat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan keadilan kepada pesalah ditanyakan tadi, undang-undang ini juga menetapkan bahawa tempoh maksimum kepada pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat ini tidak melebihi 12 jam. Dia diadakan empat jam sekali itu maksimum empat jam, Tuan Yang di-Pertua. Tak adanya kita tunggu dia sampai habis letih kan, lesu 12 jam sekali gus, tak ada, ya memang tidak melebihi 12 jam dan empat jam paling maksimum sehari.

Pelaksanaan ini juga mencerminkan usaha kolektif untuk mewujudkan persekitaran yang lebih bersih dan harmoni seiring dengan semangat Malaysia MADANI yang menekankan nilai-nilai kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran telah menanyakan, sama ada kerajaan bercadang untuk menyediakan khidmat bimbingan dan juga kaunseling.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, berhubung dengan bimbingan pesalah, kerajaan akan memastikan bentuk tugas dalam Perintah Khidmat Masyarakat ditentukan secara teliti supaya pelaksanaannya benar-benar memberikan kesan mendidik kepada masyarakat.

Selain aktiviti fizikal, kerajaan turut mempertimbangkan pendekatan berbentuk bimbingan dan kaunseling bagi membantu pesalah memahami kesalahan mereka sekali gus menyemai rasa tanggungjawab terhadap kebersihan persekitaran. Yang selalu disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri saya Tuan Yang di-Pertua, kebersihan itu adalah separuh daripada iman.

Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran juga telah menyoal, sama ada kemudahan tong sampah disediakan di kawasan setinggan? Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, sebagai langkah menjaga kebersihan awam, PBT telah tetap menyediakan tong sampah berpusat yang dikutip mengikut jadual tertentu.

■1720

Rang undang-undang ini akan berperanan sebagai mekanisme tambahan untuk mengawal masalah pembuangan sampah secara tidak terkawal termasuklah kawasan di kawasan-kawasan setinggan melalui pendekatan penguatkuasaan, pendidikan dan pembudayaan sivik dalam masyarakat kita.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang Sariyan mencadangkan supaya kerajaan memperluaskan pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di punca (*separation at source*) serta perwujudan laman sosial khususnya *little bug* contohnya bagi membolehkan orang awam menyalurkan aduan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memperkenalkan pengasingan sisa pepejal di punca secara mandatori bermula tahun 2015 kepada sektor isi rumah bagi mendidik dan membudayakan amalan mengasingkan sisa pepejal, sisa baki dan sisa yang boleh dikitar semula di kalangan masyarakat dan langkah tersebut seterusnya telah diperluaskan ke sektor komersial, perindustrian dan juga keinstitusian dan pembinaan bermula pada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Hussin, Yang Berhormat Senator Hussin ada bertanya beberapa persoalan. Saya ingin sebutkan bahawa kesalahan membuang sampah binaan secara tidak sah oleh pekerja syarikat adalah tertakluk di bawah seksyen 71, Akta 672. Peruntukan seksyen 71, Akta 672 turut membolehkan pemilik kilang atau orang yang memberikan arahan untuk membuang sampah secara tidak sah dikenakan tindakan.

Untuk makluman, Perintah Khidmat Masyarakat bukan khusus untuk pembuangan sisa pepejal yang bersifat besar ataupun termasuklah sisa binaan. Perintah Khidmat Masyarakat ini dihasratkan untuk dikenakan kepada pesalah yang membuang sampah-sampah yang bersifat kecil di tempat awam dan juga jalan awam. Sekiranya kesalahan membuang sampah kecil dibuat oleh pekerja syarikat bawahan ataupun pengurus syarikat, individu tersebut adalah melakukan kesalahan di bawah pindaan Rang Undang-undang 672 ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, untuk — kepada kanak-kanak. Kanak-kanak yang terlibat melakukan kesalahan di dalam perintah yang disebutkan dalam pindaan ini adalah diletakkan di bawah Akta 611, pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakatnya tertakluk kepada Akta Kanak-kanak 2001. Dia tidak sama sepertimana yang dewasa ini, Tuan Yang di-Pertua dan dia diuruskan oleh di bawah pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta 611.

Bagi mengelakkan sebarang kecederaan, kementerian ini juga akan membangunkan SOP, garis panduan, yang akan menerangkan dengan jelas tata kelola pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat bagi melindungi semua yang terlibat semasa pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, seperti yang ditanyakan oleh — tak ada dah, Senator Datuk Haji Mustafa? Tak ada, saya tak nak jawab.

Dato' Wu? Pun dah tak ada, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutupnya, Perintah Khidmat Masyarakat yang diperkenalkan melalui pindaan ini bertujuan mendidik pesalah secara langsung melalui pengalaman praktikal agar dapat menanam rasa tanggungjawab sivik dan kesedaran terhadap kebersihan orang ramai.

Pendekatan ini selari dengan amalan memberikan keadilan kepada semua, Tuan Yang di-Pertua yang diguna pakai di negara-negara maju dalam menangani kesalahan kecil yang bersifat alam sekitar dan langkah ini adalah merupakan satu tekad MADANI dalam melaksanakan transformasi dasar secara lebih inklusif dan berimpak tinggi selaras dengan hasrat menjadikan Malaysia ini sebagai sebuah negara maju, berteraskan kelestarian dan kesejahteraan masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Pele Peter Tinggom mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Pele Peter Tinggom mempengerusikan Mesyuarat]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (Datuk Hajah Rubiah binti Wang) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (PINDAAN) 2025

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Pele Peter Tinggom: Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.27 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025 digubal untuk menangani isu pembuangan sampah kecil di tempat awam secara lebih berkesan melalui pendekatan yang bersifat mendidik dan bukan semata-mata menghukum.

Pindaan ini memperkenalkan khidmat masyarakat sebagai satu bentuk hukuman tambahan terhadap pesalah dengan hasrat untuk meningkatkan kesedaran sivik, memupuk rasa tanggungjawab dalam kalangan masyarakat dan mencegah pengulangan kesalahan. Usaha ini juga selari dengan matlamat kerajaan untuk mewujudkan persekitaran negara yang lebih besar, kondusif dan sejahtera demi kesejahteraan rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025 adalah bagi melaksanakan pindaan terhadap Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 ataupun Akta 133 yang melibatkan pindaan seksyen sedia ada dan pewujudan seksyen-seksyen baharu. Objektif dan hasrat yang ingin dicapai melalui pindaan Akta 133 ini adalah untuk memastikan pengukuhan perundangan secara lebih holistik berkaitan khidmat masyarakat dan pelaksanaannya — agar pelaksanaannya lebih teratur.

Selain daripada itu, penguatkuasaan di bawah Akta 133 berkaitan pembuangan sampah kecil masih dilaksanakan oleh PBT melalui punca kuasa di bawah seksyen 47 dan seksyen 48, Akta 133. Untuk makluman juga Tuan Yang di-Pertua, Akta 133 ini telah dipinda sebanyak enam kali dan terakhirnya pada tahun 2019. Pindaan-pindaan pada ketika itu antara lainnya adalah untuk memasukkan peruntukan khusus berkaitan peningkatan keselamatan cerun dengan memperkenalkan kewajipan pemeriksaan berkala dan memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mengarahkan kerja-kerja pembaikan.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya rang undang-undang ini mengandungi empat fasal yang melibatkan tajuk, pemakaian dan permulaan kuat kuasa pindaan akta. Pindaan dua seksyen dan tambahan satu seksyen baru kepada Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Ringkasnya ia akan menyentuh perkara-perkara sepertimana berikut.

Pertama adalah berkaitan dengan kenaikan amaun denda terhadap pesabit kesalahan pertama dan pesabit kesalahan kedua dan seterusnya. Kedua, pemberian kuasa kepada mahkamah untuk mengenakan tindakan denda, membuat suatu Perintah Khidmat Masyarakat tidak lebih daripada 12 jam dan kepada orang yang disabitkan dengan kesalahan membuang sampah kecil.

Dan yang ketiganya Tuan Yang di-Pertua adalah kuasa pemantauan kepada pegawai yang diberi kuasa berhubung dengan pelaksanaan khidmat masyarakat dan yang keempat, kuasa membuat undang-undang kecil berkaitan pelaksanaan khidmat masyarakat. Saya mohon untuk menghuraikan pindaan rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas pemakaian dan permulaan kuat kuasa akta ini sepertimana berikut, di mana akta ini dikenali sebagai Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025. Pemakaian akta ini di Semenanjung Malaysia dan juga Wilayah Persekutuan Labuan.

Ketiga, tarikh kuasa bagi akta ini adalah ditetapkan oleh Menteri berhubung dengan sesuatu negeri selepas berunding dengan pihak berkuasa negeri itu melalui pemberitahuan warta dan Menteri boleh selepas berunding dengan pihak berkuasa negeri menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa ini di kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan atau bahagian-bahagian kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan.

Kedua ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan melalui pemberitahuan dalam warta dan yang ketiga, pihak berkuasa negeri juga boleh melalui pemberitahuan warta mengecualikan mana-mana bahagian mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan dari mana-mana peruntukan akta ini dan meluaskan mana-mana atau kesemua peruntukan akta ini untuk dipakai bagi keseluruhan atau mana-mana kawasan di dalam negeri itu yang bukan di bawah mana-mana pihak berkuasa tempatan.

Fasal 2 Tuan Yang di-Pertua, merangkumi subfasal 2(a) dan subfasal 2(b) yang berkaitan dengan pindaan seksyen 47 Akta Jalan, Parit, Bangunan 1974 sepertimana berikut.

Pertama, subfasal 2(a) di mana pindaan subseksyen 47(1) bertujuan untuk menaikkan amaun denda yang dikenakan daripada tidak melebihi RM500 kepada tidak melebihi RM2,000 serta sabitan kali kedua atau seterusnya didenda daripada tidak melebihi RM1,000 kepada tidak melebihi RM3,000.

Subfasal 2(b) merangkumi lapan subseksyen iaitu 47(1A), 47(1B), 47(1C), 47(1D), 47(1E), 47(1F), 47(1G) dan 47(1H). Subseksyen 47(1A) memberikan kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan orang yang disabitkan di bawah subseksyen 47(1) bagi melaksanakan perintah khidmat masyarakat tidak lebih daripada 12 jam sebagai hukuman tambahan kepada kesalahan di bawah subseksyen 47(1) tersebut.

Manakala, subseksyen 47(1B) menghendaki mahkamah untuk mempertimbangkan keadaan fizikal dan mental serta kesesuaian orang yang disabitkan itu bagi melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat. Mahkamah juga perlu menerangkan kepada orang yang disabitkan itu dalam mengenai kesan Perintah Khidmat Masyarakat itu dan akibat tidak mematuhi Perintah Khidmat Masyarakat itu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 47(1C) menghendaki mana-mana pegawai yang diberikan kuasa secara bertulis untuk menentukan masa dan tempat untuk melaksanakan khidmat masyarakat itu. Pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk

memaklumkan jenis khidmat masyarakat yang hendak dilaksanakan oleh orang yang disabitkan tersebut.

Seterusnya subseksyen 47(1D) dan 47(1E) memperuntukkan bahawa pengawasan pelaksanaan khidmat masyarakat orang yang disabitkan hendaklah diawasi oleh pegawai berkuasa tempatan yang diberi kuasa secara bertulis dengan mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan dalam apa-apa undang-undang kecil di bawah akta ini.

Subseksyen 47(1F) memperuntukkan pihak berkuasa tempatan untuk menetapkan jenis khidmat masyarakat yang hendak dilaksanakan dan cara pengawasan pelaksanaan khidmat masyarakat di bawah suatu Perintah Khidmat Masyarakat yang akan dibuat melalui undang-undang kecil.

Subseksyen 47(1G) memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang disabitkan di bawah subseksyen 47(1A) dan tidak mematuhi Perintah Khidmat Masyarakat adalah melakukan kesalahan dan boleh disabitkan. Apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak melebihi daripada RM10,000.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya subseksyen 47(1H) memperuntukkan bahawa sekiranya kanak-kanak di bawah umur 18 tahun melakukan kesalahan di bawah subseksyen 47(1) peruntukan berhubung dengan Perintah Khidmat Masyarakat di bawah Akta Kanak-kanak 2001 ataupun Akta 611 adalah terpakai.

Fasal 3 adalah berkaitan pindaan seksyen 48 yang melibatkan takrifan kanak-kanak sebagai seorang yang berada bawah umur 18 tahun dan takrifan khidmat masyarakat sebagai suatu kerja perkhidmatan atau pelaksanaan arahan yang tidak dibayar yang dilaksanakan atau dijalankan bagi maksud mengekalkan atau menambah baik kebersihan tempat awam.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, fasal 4 adalah berkaitan pindaan seksyen 125 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 untuk memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 125A, di mana seksyen ini adalah bagi mengadakan peruntukan bagi kuasa pegawai pihak berkuasa tempatan yang diberikan kuasa secara bertulis untuk mengawasi pelaksanaan apa-apa khidmat masyarakat oleh seseorang yang disabitkan di bawah subseksyen 47(1A).

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya cadangan pindaan, pindaan yang saya bentangkan sebentar tadi adalah bertujuan bagi kita memastikan khidmat masyarakat dilaksanakan melalui prosedur perundangan yang teratur dalam menangani isu pembuangan sampah kecil. Pindaan ini juga dapat mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat dan seterusnya menyokong hasrat kerajaan dalam mewujudkan negara yang lebih bersih, indah dan sejahtera.

Justeru, bagi mewujudkan punca kuasa yang jelas, untuk mengawal selia aktiviti pembuangan sampah kecil serta melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat, Akta 133 juga

perlu dipinda untuk menyediakan punca kuasa kepada pihak PBT bagi melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pele Peter Tinggom: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Hajah Rubiah binti Wang]:

Saya mohon menyokong.

Tuan Pele Peter Tinggom: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai empat orang ahli yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah lima minit seorang. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin.

5.37 ptg.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Saya tidak berhasrat untuk mengambil masa yang lama sebab pindaan ini adalah pindaan yang kecil sahaja. Apa pun saya dah catit nama dan saya akan membangkitkan satu, dua perkara. Saya mulakan dengan...

*Makan nasi bersama ulam,
Ulam raja jadi pilihan;
Kita bersidang mungkin sampai malam,
Demi rakyat kita berkorban.*

Pertama sekali saya ingin bangkitkan hasrat Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri tadi adalah berkaitan dengan rang undang-undang bagi pembuangan — pesalah yang membuang sampah kecil, yang mana pindaan ini bertujuan untuk menanamkan tanggungjawab sivik yang lebih mendalam, menggalakkan kesedaran awam dan memupuk budaya menjaga kebersihan yang menyumbang kepada Malaysia yang lebih bersih dan lestari.

Apa yang ingin saya bangkitkan, minta mohon penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri iaitu adakah kerajaan ada memikirkan tentang kos melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat ini. Sebab kita tahu bahawa bila kita nak mengadakan hukuman tambahan selain daripada denda, ianya melibatkan pegawai-pegawai yang perlu memantau mereka yang telah diperintahkan untuk berkhidmat untuk masyarakat ini.

Kemudian, ia juga melibatkan dari segi aspek logistik. Adakah pihak kerajaan ada memberikan dana khas kepada pihak PBT di dalam melaksanakan hasrat kerajaan untuk

khidmat masyarakat ini? Kita tak mahulah pula nanti bila dah ada hukuman sedemikian, bila memerlukan latihan, memerlukan pegawai pengiring, memerlukan logistik dan sebagainya, cukai pintu pula dinaikkan.

Jadi, harap-harapnya ia tidaklah sampai ke tahap sedemikian dan tak sepatutnya pun berlaku. Sebab kalau sekiranya khidmat masyarakat ini ramai mereka yang telah dihukum dengan khidmat masyarakat, saya percaya tugas kontraktor yang nak membersihkan kawasan-kawasan PBT ini mungkin berkurangan. Jadi, tak sepatutnyalah cukai pintu dinaikkan akibat daripada pindaan undang-undang ini.

Seterusnya berkaitan dengan rang undang-undang ini. Kalau kita lihat di dalam peruntukan seksyen 1A, menyatakan bahawa peruntukan sebanyak 12 jam dikenakan dan empat jam maksimum pada setiap satu hari.

■1740

Maknanya mungkin minimumnya tiga harilah untuk pesalah ini laksanakan khidmat masyarakat. Khidmat masyarakat ini sebenarnya satu hukuman yang baik. Di Singapura telah terbukti ia nya *very successful* ya.

Cuma saya nak bertanya, akibat tidak mematuhi perintah khidmat masyarakat ini? Sebab di dalam undang-undang ini ada mengatakan bahawa kalau kita tak — mereka ini tak patuhi, *of course*, kita ada pegawai yang menyelia, pegawai yang memantau. Apakah kriteria yang kita katakan tidak mematuhi itu? Sebab kalau dia tak patuhi dalam undang-undang ini mengatakan bahawa dia 1G, jika dia tidak patuhi, dia melakukan satu lagi kesalahan dan kesalahan tersebut boleh *upon conviction*, boleh dikenakan denda sebanyak tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak melebihi RM10,000, tetapi andai kata — saya nak bagi contoh.

Pesalah ini dia pergi ke satu tempat yang telah digazetkan ataupun dinyatakan tempat untuk dia bekerja, dia kerja sambil lewa. Dia datang, dia patuhi, tetapi dia kerja sambil lewa. Dia ambil sampah sikit lepas itu dia rehat, kemudian dia kutip sikit, dia rehat dan sebagainya. Adakah itu dikategorikan sebagai mereka yang tidak mematuhi perintah? Sebab dia dah hadir, dia laksanakan sepertimana perintah.

Sebab di dalam undang-undang ini tidak dinyatakan secara jelas apakah dimaksudkan tentang perintah yang perlu dilaksanakan sebagai khidmat masyarakat itu kecuali ada definisi khidmat masyarakat di sini iaitu itu ertinya suatu kerja, perkhidmatan atau pelaksana arahan yang tidak dibayar, yang dilaksanakan atau dijalankan bagi maksud mengekalkan dan menambah baik kebersihan sesuatu tempat awam.

Jadi, *very subjective*. Adakah apa yang dimaksudkan dia nak menjaga — dia ditugaskan untuk menjaga kebersihan suatu tempat awam. Adakah pihak kerajaan tempatan memikirkan juga bila kita ada peraturan di bawah 1F yang dinyatakan di sini, pihak berkuasa tempatan boleh membuat undang-undang kecil? Adakah dalam undang-undang kecil ini

diperincikan tentang apakah jenis tugas yang memenuhi — dah lima minit ya? Tugas yang dikatakan memenuhi kepada kriteria khidmat masyarakat bagi dia — bagi mengelakkan dia ini daripada terbabit dengan satu lagi kesalahan tidak mematuhi Perintah Khidmat Masyarakat seperti mana dalam peruntukan 1G.

Dan akhir sekali adalah berkaitan dengan izinkan saya Datuk Speaker, Tuan Speaker, tambah sikit satu minit saja lagi. Iaitu menentukan masa dan tempat bagi pelaksanaan khidmat masyarakat ini. Masa dan tempat ini kita nak tahu — okey, masa itu mungkin tak ada masalahlah. Tempat ini, adakah tempat yang benar-benar kotor, yang memang apa nama, kontraktor tak buat kerja nak membersihkan kawasan tersebut? Atau bagaimanakah ada setengah itu dia bagi ringan sikit, bagi tempat-tempat yang kawasan-kawasan taman kanak-kanak dan sebagainya?

Jadi, kriteria bagaimana kita nak menentukan bahawa seseorang itu *subject to* hukuman dia khidmat masyarakat di tempat yang paling kotor. Tidakkah akan berlaku *disparity of sentence* ataupun *in other words*, dia nya tidak sama, tidak seragam antara satu perintah tempat oleh pihak PBT dengan satu lagi perintah tempat oleh pihak PBT yang lain. Itu mohonkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih. Terima kasih Tuan Speaker.

Tuan Pele Peter Tinggom: Okey. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

5.43 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kawan saya jual pantun tadi, mungkin saya belajar nak jawablah. Boleh?

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Silakan.

Tuan Abun Sui Anyit: Boleh ya. Jadi, saya jawablah.

*Ulam Raja dimakan tuan,
Jangan lupa akan sambalnya;
Demi rakyat kita berkorban,
Negara idaman lebih sejahtera... [Tepuk]*

Tuan Abun Sui Anyit: Ya. Okey, ya. Jadi, itu pantun mukadimahlah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk menyatakan sokongan penuh terhadap usaha kerajaan memperkenalkan rang undang-undang ini yang memberikan mesej yang jelas bahawa kebersihan adalah tanggungjawab bersama, bukan hanya terletak di bahu pihak berkuasa tempatan atau pekerja pembersihan semata-mata.

Kesedaran ini amat penting kerana sikap sambil lewa terhadap kebersihan awam masih berleluasa dalam kalangan segelintir masyarakat kita. Pembuangan sampah kecil

seperti puntung rokok, plastik, tisu atau sisa makanan walaupun nampak remeh tetapi apabila dikumpulkan ia merosakkan landskap awam, menjejaskan imej bandar dan memberi gambaran negatif kepada pelancong serta pelabur luar.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu lagi melihat ruang awam sepatutnya menjadi tempat masyarakat berehat dan bersosial, tercemar dengan sampah sarap yang dibuang tanpa tanggungjawab. Fenomena ini bukan sahaja mencerminkan sikap tidak peduli malah menjejaskan kesihatan awam, meningkatkan kos operasi pihak berkuasa tempatan dan menggugat kelestarian alam sekitar. Justeru, rang undang-undang ini amat dialu-alukan sebagai satu bentuk pendidikan melalui tindakan.

Dengan adanya Perintah Khidmat Masyarakat (PKM), setiap pesalah akan diberi peluang untuk menebus kesilapan mereka melalui kerja-kerja yang bermanfaat kepada masyarakat. Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan kebergantungan kepada hukuman berbentuk denda atau penjara, tetapi lebih bersifat mendidik, membina kerana pesalah akan merasai sendiri kesusahan yang dihadapi oleh pekerja pembersihan. Dari pengalaman itulah nilai keinsafan dan tanggungjawab sivik dapat ditanam.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa inisiatif ini mampu melahirkan masyarakat yang lebih prihatin terhadap persekitaran, lebih bertanggungjawab terhadap tindakan mereka dan pada masa yang sama, memiliki jiwa sivik yang tinggi. PKM bukan sekadar menghukum, tetapi mendidik, membina budaya baharu dan meletakkan kebersihan sebagai cerminan maruah negara.

Namun, dari aspek pelaksanaan, saya ingin memohon pencerahan daripada pihak kementerian, adakah wajar dipertimbangkan pemberian elaun atau bayaran kecil kepada pesalah yang melaksanakan kerja khidmat masyarakat agar ia dapat dilihat sebagai bentuk eksploitasi sebaliknya — bukan sebagai eksploitasi, sebaliknya sebagai proses pemulihan yang lebih adil dan seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, saya mencadangkan agar pendidikan awal tentang kepentingan kebersihan dimasukkan dalam sukatan pelajaran sejak prasekolah di semua sekolah awam dengan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan. Usaha ini amat penting untuk membentuk minda dan sikap anak-anak kita sejak kecil supaya mereka tidak membesar menjadi masyarakat yang sikap pengotor dan membuang sampah merata-rata tanpa rasa tanggungjawab. Dengan adanya pendidikan berterusan ini, kita akan dapat melahirkan generasi Malaysia yang lebih berdisiplin, beretika dan menghargai kebersihan sebagai sebahagian daripada maruah diri dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah tersebut, saya dengan penuh yakin dan harapan menyokong rang undang-undang ini. Semoga dapat menjadi titik perubahan budaya dan dalam masyarakat kita ke arah membina negara yang bersih, indah dan berdaya saing.

Sikit lagi Yang di-Pertua, seminit. Saya nak — ada cadangan di sini juga di mana saya nak bertanya, di manakah tempat mereka ini menjalankan PKM ini? Adakah tempat mereka buang sampah atau di tempat lain? Ada serba sedikit sama dengan rakan Senator saya sebelum ini, di mana ada yang tempat kotor sekali, ada yang bersih dan adakah standard yang ditetapkan oleh undang-undang ini supaya tidak ada ketidakadilan berlaku nanti? Dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih Yang Berhormat Senator Abun. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Rosni binti Sohar.

5.49 ptg.

Datuk Rosni binti Sohar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan menyatakan sokongan terhadap usaha kerajaan membentangkan rang undang-undang ini. Saya percaya pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat ataupun PKM bukan sahaja akan memperkukuhkan subjek penguatkuasaan undang-undang, tetapi lebih penting ialah memberi pendidikan, kesedaran dan membudayakan tanggungjawab sivik dalam kalangan rakyat.

Langkah ini amat bertepatan dengan Aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai kemampanan, kesejahteraan dan ihsan. Saya yakin sekiranya dilaksanakan dengan baik, ia mampu membentuk masyarakat yang lebih berdisiplin terutamanya generasi muda dalam memelihara kebersihan dan kelestarian alam sekitar.

■1750

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya menyokong cadangan ini, tetapi beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan untuk penjelasan dari pihak kerajaan:

- (i) bagaimanakah kerajaan bercadang memastikan pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat ini benar-benar dijalankan secara seragam di semua wilayah dan daerah? Adalah penting supaya tidak hanya dilihat sebagai simbolik semata-mata tetapi benar-benar berkesan dalam mendidik masyarakat dan menanamkan rasa tanggungjawab menjaga kebersihan;
- (ii) saya ingin mendapatkan kepastian berhubung tahap kesiapsiagaan agensi pelaksana seperti SWCorp dan pihak berkuasa tempatan ataupun PBT. Adakah mereka telah bersedia dari aspek logistik, tenaga kerja serta garis panduan pelaksanaan bagi memastikan Perintah Kerja Masyarakat dilaksanakan secara efektif? Dalam hal ini, bagaimana kerajaan memastikan bahawa elemen perikemanusiaan tetap diutamakan dalam pelaksanaannya?;

- (iii) isu perlindungan dalam golongan rentan juga tidak boleh dipandang ringan. Bagaimanakah kerajaan akan menangani risiko penganiayaan terhadap kumpulan seperti Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas sekiranya mereka dikenakan PKM ini? Apakah garis panduan yang telah dirangka untuk menjamin fleksibiliti serta kuasa budi bicara supaya hak dan kebajikan mereka tidak terabai?; dan
- (iv) akhir sekali, saya ingin menyentuh persoalan bidang kuasa. Bagaimanakah kerajaan memastikan kuasa yang diperuntukkan melalui pindaan akta ini dapat diaplikasikan di negeri-negeri yang belum menerima pakai Akta 672? Dan, apakah strategi jangka panjang kerajaan untuk memastikan pelaksanaan undang-undang ini tetap konsisten serta berkesan di seluruh negara?

Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan persoalan ini dengan harapan agar pihak berkuasa dapat memberikan penjelasan yang tuntas sekali gus memperkukuhkan keyakinan kita bahawa pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat ini benar-benar akan mencapai matlamatnya iaitu membentuk masyarakat yang lebih bertanggungjawab, berdisiplin dan berjiwa sivik yang tinggi. Sekian, terima kasih. Saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Rosni.

Seterusnya, pembahas kita yang terakhir adalah Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

5.53 ptg.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pantun saya orang baru belajar.

*Satu dua tiga empat,
Lima enam tujuh, lapan;
Walaupun badan terasa penat,
Tetap kugagahkan demi negara tersayang... [Tepuk]*

Budak-budak sekolah reti buat pantun itu. Bilang nombor sahaja. *[Ketawa]*

Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua, saya pun niat tak nak sama panjang-panjangkan sebab sebahagian sahabat-sahabat tadi sudah menyentuh banyak fasal. Cumanya saya nak masukkan satu perkara iaitu tentang disediakan SOP yang seragam supaya tidak dibuat menurut pandai-pandai, masing-masing. Sebab itu akan timbul nanti. Sebab bila dia PBT dalam kampung dia, dia ringankanlah anak-beranak dia. Campur malulah, lagi semua sekali. Jadi, saya fikir peraturan-peraturan dan perkara-perkara yang disebut ini

minta diperkemaskan dengan SOP, dengan peraturan, dengan tatacara yang lengkap. *Insyallah.*

Saya cuma nak ambil sedikit sahaja untuk berkongsi. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut, “Tidaklah sangat untuk mendenda, tetapi tujuannya untuk mendidik.” Saya ingin untuk mengajak, kalau boleh Yang Berhormat Menteri termasuk juga kawan-kawan. Kadang-kadang kita melihat negeri orang nun di Afrika lemah, teruk, budaya tak bagus dan lain-lain.

Saya ada kesempatan, saya ada banyak negeri juga yang saya melawat tetapi ada negeri yang saya tak pernah jangka, jauh sangat di pedalaman, tak berapa dikenali, di kalangan masyarakat — di kalangan orang Maori. Maori: eh bukan Maori. Maori New Zealand. Kalau di Tanzania itu dia panggil apa? Yang telinga panjang, lompat tinggi itu. *[Sambil menunjukkan telinga panjang]* Ha, gitu. *[Ketawa]*

Sahabat-sahabat sekalian, saya bergerak daripada Dar es Salaam, musim korban baru ini. Dari Dar es Salaam, ibu negara Tanzania sampai ke Manyara, sampai ke Dodoma. Yang saya nak, yang saya nak kongsi di sini ialah bagaimana mereka mendidik? Saya nak kalau boleh diambil kira program mendidik masyarakat ini, *educate*-kan masyarakat ini sebagai satu program yang lebih jauh kesannya daripada program — buatlah yang ini, biar dia rasa malu, tetapi lebih jauh daripada itu ialah bagaimana mereka mahu mendidik, kita, kementerian mahu boleh mendidik masyarakat untuk membina budaya bersih.

Saya kongsi kan Tanzania ini tuan-tuan, negeri yang separa. Ada tempat sejuk ada, tempat panas ada, padang pasir ada. Savana? Sahihlah, yang kita tengok dia punya itu ini. Dia punya apa? Dia punya taman negara — dunia. Cuma Dar es Salaam yang saya pergi nampak kotor sebab dia berlaku satu reformasi bandar selepas Perdana Menteri perempuan ambil alih daripada Perdana Menteri yang mati dulu...*[Dewan tepuk][Dicelah]* Nak tu jadi Perdana Menteri perempuan itu...

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: *[Ketawa]*

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Dia ambil alih daripada Perdana Menteri yang laki-laki ini, dia *overhaul*, dia buat reformasi penuh sampai tak ada jalan yang tak dirosakkan kerana tujuan nak buat jalan baharu, infrastruktur baharu. Lepas keluar daripada, daripada, daripada Dar es Salaam, saya pergi ke Dodoma, ibu negara pentadbiran. Dar es Salaam ini negara — ibu apa ini? Bandar perdagangan.

Selama empat jam perjalanan naik kereta api laju, tuan-tuan jangan bayang. Ingat kita je ada kereta api laju, Afrika nun merentas kawasan. Orang-orang macam ini pun naik kereta api, tetapi empat jam perjalanan, bayangkan atas kereta api laju itu, pembersih dalam itu lima kali bersih. Sapu, sapu, lap. Sapu, sapu, lap. Macam mana boleh dia buat sampai lima — empat jam, lima kali sapu dalam tren yang sama?

Daripada Dodoma, saya pergi ke Manyara dan Babati. Tuan-tuan, sepanjang perjalanan, jalannya bersih, rumahnya bersih. Rumah orang kampung, orang kampung jauh di pedalaman, masuk tandas, bersih. Di chalet dia tak ada daun. Saya tengok pagi — saya bangun awal, dia basuh kawasan chalet. Yang saya nak kongsi di sini ialah bagaimana mereka mampu mengubah *mindset* membina budaya di dalam masyarakat yang kita anggap ketinggalan?

Saya cadangkan supaya Menteri ada ruang. Saya banyak kongsi— mintalah. Bukan nak angkat itu, *dok*. Sebahagian negara Afrika itu saya dah masuklah. Benua Afrika Selatan belum lagi, tetapi kita kata negeri kita ini agak tamadun, maju, tetapi *compare* dengan sebahagian negeri — Uganda agak bersih, tetapi saya tak tengok sebersih Tanzania walaupun nak banding dengan Amerika mahupun ke *Europe*.

Jadi, saya rasa kejayaan dia bukan denda. Tak ada yang turun duduk tepi jalan yang khidmat masyarakat. Tak ada. Beribu batu dalam perjalanan itu, tak ada, tetapi saya yakin mereka mampu *educate* rakyat dia walaupun sebahagiannya sangat miskin dan mereka mampu menukar daripada membina *mindset* yang bagus dan membudayakan kebersihan dalam masyarakat.

Saya ingin mencadang walaupun tak terkait langsung dengan seksyen-seksyen dalam sini supaya KPKT masuk kira bagaimana untuk perkasakan program perubahan *mindset* dan pembinaan budaya bersih dalam masyarakat kita. Maaf, luar sikit daripada tajuk, tetapi saya berhasrat untuk nak kongsi budaya yang baik ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Pele Peter Tinggom: Okey, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri, masa penat, penat di sebelah petang ini takut ada nama yang tercicir. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang nak berbahas? Tak ada.

Okey, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

■1800

6.00 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu]: Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahirrahmanirrahim*. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang masih setia di Dewan Negara ini, Tuan Yang di-Pertua. Jarang-jarang Dewan Negara nak bersidang sampai ke malam Tuan Yang di-Pertua. Jadi siapa yang terlibat untuk hari ini dia adalah orang-orang yang istimewa.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025 ini.

Dan saya mencermati, memanglah hanya ada empat orang yang mengambil bahagian dan tanpa perlu membuang masa Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan jawapan sedikit kepada Yang Berhormat Dato' Setia Salehuddin bin Saidin yang bertanya tentang kos pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat. Eh, tak ada? Tak ada Tuan Yang di-Pertua. Saya tak jawab.

Tuan Pele Peter Tinggom: Okey.

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Yang tak ada, tak ada.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dia keluar sekejap...

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Dia keluar sekejap? Tak apa. Nanti saya jawab masa dia ada.

Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit memohon pencerahan, sama ada kerajaan akan mempertimbangkan pemberian elaun kepada pesalah yang melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya kerajaan mempertimbangkan pemberian elaun kepada pesalah yang melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat ini, ia akan bercanggah dengan hasrat dan niat asal undang-undang ini.

Malah, boleh melemahkan usaha membentuk budaya disiplin dan tanggungjawab sivik dalam kalangan masyarakat, di mana pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat ini adalah berteraskan mendidik dan pemulihan mengambil keinsafan bagi mewujudkan keinsafan di kalangan pesalah-pesalah supaya kesalahan ini tidak dipandang ringan, tidak dipandang sambil lewa, tetapi diambil sebagai satu keadaan yang lebih serius.

*[Dato' Setia Salehuddin bin Saidin **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Okey. Okey, yang saya tanya tadi itu ada dekat atas dah itu.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Itulah. Belum jawab lagi soalan saya.

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Belum lagi Tuan Yang di-Pertua dan Tuan Yang di-Pertua tak boleh tanya dah dekat atas itu. *[Ketawa]*

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: *[Ketawa]*

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Dan memanglah niat kita Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan akta ini adalah untuk menimbulkan keinsafan kepada rakyat Malaysia. Jadi kalau kita — memang tidak akan dizalimi tetapi mahu menimbulkan keinsafan. Bukan mudah ya, membuang sampah ini kalau ikut Nabi SAW pun, nak mengalihkan satu yang menghalang di tengah jalan pun, itu satu tanda daripada iman kan? Jadi, yang kita bawa ini adalah supaya bukan sahaja menyelesaikan isu-isu pembuangan sampah ini, tetapi pada

masa yang sama, sebenarnya mendidik rakyat untuk lebih menjiwai apa yang diseru oleh agama, diserukan oleh Nabi Baginda SAW.

Tuan Yang di-Pertua seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Rosni binti Sohar menanyakan — saya ingin memuji Yang Berhormat Datuk Rosni sebab dari awal mukadimah tadi, sebenarnya apa yang dimukadimahkan oleh Datuk Rosni tadi adalah roh sebenar mengapa pindaan ini dibuat. Dan kalau kita tengok tadi Tuan Yang di-Pertua, hanya kerana kita nak adakan perintah khidmat masyarakat ini supaya mendidik, supaya tahu bagaimana susahanya orang menjalankan kerja-kerja pembersihan awam itu di kalangan tukang buang sampah ini, sampah-sampah kecil pun, puntung rokok ke apa. Kita nak supaya mereka ada kesedaran bagaimana orang-orang yang menjalankan pembersihan awam itu rasa.

Kadangkala sampah *simple* sampah Tuan Yang di-Pertua, senang dia baling, tinggal macam itu saja. Jadi, bila kita adakan perintah khidmat masyarakat ini tadi yang disebutkan oleh Datuk Rosni sebagai rohnya, di situ ada pada ucapan mukadimah Yang Berhormat Datuk Rosni Sohar.

Ya, Datuk Rosni Sohar menanyakan bagaimana kerajaan memastikan pelaksanaan khidmat masyarakat ini diaplikasikan di negeri-negeri yang belum menerima pakai Akta 672. Datuk Rosni, itu sebabnya pindaan pada hari ini dibuat bersekali dengan Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan nantinya selepas ini, dan juga Akta 133. Sebab kita nak dia bukan sahaja terpakai di negeri-negeri yang menerima Akta 672, tetapi terpakai di seluruh negara.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat Senator, penguatkuasaan bagi pembuangan sampah kecil di negeri-negeri yang belum menerima pakai Akta 672 bolehlah dilaksanakan melalui Akta Kerajaan Tempatan yang sebentar lagi kita akan pinda sama, Tuan Yang di-Pertua dan juga Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 ataupun Akta 133 bagi memastikan pelaksanaan undang-undang yang konsisten dan berkesan. SWCorp dan PBT akan memperkukuhkan keupayaan pelaksanaan serta penguatkuasaan melalui strategi jangka pendek dan jangka panjang sepertimana berikut.

Saya sebutkan juga tadi sebenarnya di dalam — ketika saya menggulung perbahasan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Iaitu pertamanya, peningkatan kakitangan. Kita memang tidak boleh elak akan ada penambahan bilangan pegawai yang diberi kuasa bagi tujuan penguatkuasaan dan pemantauan. Dan ini akan dibuat secara sepanjang masa lah, Tuan Yang di-Pertua.

Maknanya bukan boleh selesai waktu sekarang tetapi untuk akta ini juga akan dikuatkuasakan dalam awal tahun depan. Dan pada masa yang sama, pegawai-pegawai yang sedia ada pun juga diberikan pengetahuan tentang penguatkuasaan akta ini supaya ia boleh jalan seiring.

Yang keduanya, latihan dan pembangunan kapasiti. Di mana pegawai sedia ada dan pegawai baharu akan diberi latihan, yang tadi disebutkan ada SOP apa semua. Tuan Yang di-Pertua, Senator Hussin menyebutkan adakan lah SOP. Ada, *insya-Allah*. Semua itu sudah pun dalam pertimbangan kita, ketika mana merangka pindaan rang undang-undang ini. Ya, diberi latihan menyeluruh mengenai prosedur, tatacara serta selok-belok pelaksanaan perintah khidmat masyarakat.

Yang ketiga, kerjasama antara agensi. Di mana PBT akan bekerjasama rapat dengan agensi-agensi sedia ada, seperti manalah termasuk SWCorp di bawah salah satu agensi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk kita berkongsi sumber, kepakaran dan pengalaman bagi mengoptimumkan operasi di lapangan.

Yang keempatnya, penggunaan teknologi. Di mana kerajaan sedang meneliti penggunaan teknologi moden termasuklah sistem pemantauan digital dan pangkalan data bersepadu bagi kita meningkatkan lagi kecekapan dan ketelusan serta keberkesanan di sudut pengurusan Perintah Khidmat Masyarakat ini dan apa-apa yang diharapkan daripada pindaan akta.

Dan kelima, pengurusan sumber yang cekap. Di mana sumber sedia ada akan dioptimumkan dengan perancangan yang lebih strategik bagi menampung keperluan baharu serta menjamin kelancaran pengoperasian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Senator Haji Hussin tadi, berkaitan dengan SOP seragam, pelaksanaan bagi pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat dan juga program pendidikan masyarakat dalam bentuk membentuk budaya yang lebih mencintai kebersihan. Saya ingin memaklumkan di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa satu garis panduan pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat disediakan untuk kita memberikan panduan dan rujukan kepada pegawai-pegawai di peringkat agensi Kerajaan Persekutuan, pihak berkuasa negeri dan juga pihak berkuasa tempatan dalam melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat bagi kesalahan pembuangan sisa pepejal di tempat awam.

Dan, melalui garis panduan ini diharapkan Perintah Khidmat Masyarakat dapat dilaksanakan dengan lebih efisien, sistematik, seragam dan dalam usaha kita membendung aktiviti pembuangan sisa pepejal di tempat awam serta mewujudkan persekitaran yang lebih bersih dan juga harmoni, sihat sejahtera kepada masyarakat kita. Dan garis panduan ini perlu dibaca bersama manual pelaksanaan perintah khidmat masyarakat yang diterbitkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, khususnya bagi kesalahan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya bagi menjawab beberapa – bukan soalan sangat saya tengok tadi Tuan Yang di-Pertua yang daripada Tuan Yang di-Pertua sendiri. Saya lebih lihat sebenarnya banyak kepada cadangan. Dan *insya-Allah*, pegawai-pegawai kita ada ini memandangkan ini adalah seksyen yang baharu yang kebanyakannya juga dan cadangan-

cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tengok tadi sangat bagus dan kita ambil maklum untuk kita masukkan bersekali dalam persiapan kita menuju pelaksanaan pada tahun 2026 yang akan datang.

Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, anggaran implikasi kos kepada SWCorp dan PBT bagi pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat masih dalam peringkat penelitian, sama sepertimana dalam *blue bill* kita ada sebutkan, dan belum dapat ditentukan secara muktamad. Kriteria yang dihasratkan sekiranya tidak mematuhi perintah khidmat masyarakat adalah bila mana pesalah gagal hadir untuk melaksanakan perintah khidmat masyarakat sebagaimana yang telah pun diperintahkan oleh mahkamah, juga dia ada disebut di situ nanti, bagi memastikan pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat dilaksanakan dengan baik, teratur. Pesalah akan dipantau secara rapi oleh pegawai ataupun pekerja-pekerja PBT, pegawai-pegawai PBT yang diberi kuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam fasal 125A rang undang-undang ini.

Kriteria atau bentuk khidmat masyarakat akan ditentukan dalam undang-undang kecil macam Tuan Yang di-Pertua sebutkan tadi. Apakah undang-undang kecil itu akan menentukan ya? Di situ PBT juga boleh menentukannya, tetapi di peringkat kementerian ini, kita sediakan satu garis panduan dan manual supaya semua 156 PBT nanti menggunakan garis panduan yang sama dan manual modul yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi penentuan masa dan tempat pegawai penguat kuasa akan memaklumkan kepada pesalah dan mengambil maklum beberapa aspek berdasarkan garis panduan yang saya sebutkan tadi. Dia akan mengambil kira adakah akan mereka dihantar kepada tempat yang paling susah. Itu pun akan diambil kira dan juga bergantung kepada keputusan mahkamah sama ada kesalahan mereka berulang dan perlu dikenakan mungkin tindakan-tindakan yang arahan-arahan yang lebih tegas lagi.

■1810

Kalau nak sebut keras, nanti marah pula kan. Lebih tegas. Mungkin kesalahan pertama di kawasan tertentu tetapi kesalahan yang seterusnya lagi diletakkan di tempat-tempat yang boleh menimbulkan keinsafan. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini akan sia-sia. Kalau tidak dapat melahirkan keinsafan kepada pesalah-pesalah. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu selepas pindaan ini adanya dan ramainya pesalah-pesalah yang berulang. Tuan Yang di-Pertua, saya kira setakat itu. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Boleh saya minta penjelasan sedikit? Berkaitan dengan tempat itu, yang penentuan tempat itu adakah mahkamah ataupun pegawai di peringkat PBT?

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Pegawai di peringkat PBT, Tuan Yang di-Pertua. Ada di dalam garis panduan dan manual.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Bermaknanya, kalau pesalah pertama, kedua dan sebagainya kalau pegawai itu, dia tidak akan tahu. Hanya mahkamah sahaja yang tahu, kan? Itu jadi bila YB beritahu tadi...

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Tetapi mereka ada rekod, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Ya.

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Kita boleh dapatkan rekod itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Dato' Setia Salehuddin bin Saidin mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Dato' Setia Salehuddin bin Saidin mempengerusikan Mesyuarat]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Ts. Mustapha Sakmud) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN TEMPATAN (PINDAAN) 2025

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.14 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025 digubal untuk menangani isu pembuangan sampah kecil...

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Sebelum itu ada sesiapa yang menyokong?

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Tak ada. Tak perlu. Yang ini tak perlu, Tuan Yang di-Pertua. Saya — ya. Nanti. Kemudian.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Silakan. Teruskan.

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025 digubal untuk menangani isu pembuangan sampah kecil di tempat awam secara lebih berkesan melalui pendekatan yang lebih bersifat mendidik dan bukan semata-mata menghukum.

Pindaan ini memperkenalkan khidmat masyarakat sebagai satu bentuk hukuman tambahan terhadap pesalah dengan hasrat untuk meningkatkan kesedaran sivik, memupuk rasa tanggungjawab dalam kalangan masyarakat dan mencegah pengulangan kesalahan. Usaha ini juga selari dengan matlamat kerajaan untuk mewujudkan persekitaran negara yang lebih bersih, kondusif dan sejahtera demi kesejahteraan rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025 adalah bagi melaksanakan pindaan terhadap Akta Kerajaan Tempatan 1976 ataupun dikenali sebagai Akta 171 yang melibatkan pewujudan seksyen baru sebagai punca kuasa bagi pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat bagi kesalahan melanggar undang-undang kecil di bawah subperenggan 73(1)(a)(ii) Akta 171. Rang undang-undang ini adalah pindaan berbangkit daripada Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025 yang telah pun dibaca, dibahas dan digulungkan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, objektif dan hasrat yang ingin dicapai melalui pindaan Akta 171 ini adalah untuk memastikan pengukuhan perundangan secara holistik berkaitan khidmat masyarakat dan pelaksanaannya agar pelaksanaannya dilakukan secara teratur.

Untuk makluman juga, Akta 171 ini telah dipinda sebanyak lima kali dan terakhirnya adalah pada tahun 2007. Pindaan-pindaan pada ketika itu antara lainnya adalah untuk memasukkan peruntukan khusus berkaitan pelarasan semula bidang kuasa pihak berkuasa tempatan dan perkara-perkara berhubung dengan sisa pepejal terkawal.

Sebagaimana telah dijelaskan penguatkuasaan berkaitan pembuangan sampah kecil masih dilaksanakan oleh PBT melalui punca kuasa di bawah seksyen 47 dan 48 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]. Selain daripada itu, pihak berkuasa tempatan yang tidak menguatkuasakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] juga mempunyai punca kuasa untuk melaksanakan penguatkuasaan bagi kesalahan

pembuangan sampah kecil di bawah subperenggan 73(1)(a)(ii) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] yang melalui pewartaan undang-undang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi tiga fasal yang melibatkan tambahan dua seksyen baharu kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976. Ringkasnya ia menyentuh perkara-perkara seperti mana berikut. Pertama, pemberian kuasa kepada mahkamah untuk mengenakan denda serta membuat Perintah Khidmat Masyarakat tidak lebih daripada 12 jam atas kesalahan pembuangan sampah kecil dan keduanya, kuasa pemantauan kepada pegawai yang diberi kuasa berhubung dengan pelaksanaan khidmat masyarakat dan yang ketiga adalah kuasa membuat undang-undang kecil berkaitan pelaksanaan khidmat masyarakat. Saya mohon untuk menghuraikan pindaan dalam rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas pemakaian dan kuat kuasa sepertimana berikut. Pertama, akta ini dikenali sebagai Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025. Kedua, pemakaian akta ini adalah di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan dan tarikh kuasa bagi akta ini adalah sepertimana yang ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri berhubung dengan sesuatu negeri selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri itu melalui pemberitahuan warta dan Menteri boleh selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa akta ini kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan atau bahagian-bahagian kawasan pihak berkuasa tempatan yang berlainan.

Kedua, ditetapkan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan melalui pemberitahuan dalam warta dan ketiga, pihak berkuasa negeri bolehlah melalui pemberitahuan warta mengecualikan mana-mana bahagian kawasan pihak berkuasa tempatan daripada mana-mana peruntukan akta ini dan meluaskan mana-mana atau kesemua peruntukan akta ini untuk terpakai bagi keseluruhan ataupun mana-mana kawasan dalam negeri itu yang bukan di bawah mana-mana pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 2 pula adalah bertujuan untuk memasukkan seksyen baru iaitu 104A yang melibatkan sembilan subseksyen di mana subseksyen 104A(1) memberikan kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan orang yang disabitkan atas kesalahan pelanggaran undang-undang kecil di bawah subperenggan 73(1)(a)(ii) Akta 171 untuk melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat selama tidak lebih daripada 12 jam sebagai tambahan kepada denda yang boleh dikenakan oleh mahkamah di bawah undang-undang kecil itu.

Subseksyen 104(2) pula menghendaki mahkamah untuk mempertimbangkan keadaan fizikal dan mental orang yang disabitkan bagi melaksanakan perintah khidmat masyarakat itu. Mahkamah juga perlu menerangkan kepada orang yang disabitkan itu mengenai kesan perintah khidmat masyarakat itu dan akibat tidak mematuhi perintah khidmat masyarakat itu.

Subseksyen 104(3) menghendaki mana-mana pegawai pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa secara bertulis untuk menentukan masa dan tempat untuk melaksanakan khidmat masyarakat itu selepas sesuatu perintah khidmat masyarakat dibuat oleh mahkamah di bawah subseksyen 104(1), pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk memaklumkan jenis khidmat masyarakat yang hendak dilaksanakan oleh orang yang disabitkan kesalahan tersebut.

Subseksyen 104A(4) dan 104A(5) memperuntukkan bahawa pengawasan pelaksanaan khidmat masyarakat, orang yang disabitkan hendaklah diawasi oleh pegawai pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa secara bertulis dan tertakluk kepada apa-apa undang-undang kecil yang dibuat di bawah akta ini.

Seterusnya, subseksyen 104A(6) memperuntukkan pihak berkuasa tempatan untuk menempatkan jenis khidmat masyarakat yang hendak dilaksanakan dan cara pengawasan pelaksanaan khidmat masyarakat di bawah suatu perintah khidmat masyarakat melalui undang-undang kecil.

Subseksyen 104A(7) pula memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah khidmat masyarakat adalah melakukan kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak melebihi RM10,000.

Subseksyen 104A(8) memperuntukkan bahawa sekiranya kanak-kanak di bawah umur 18 tahun melakukan kesalahan bagi pelanggaran mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah subperenggan 73(1)(a)(ii), Akta 171, peruntukan berhubungan perintah khidmat masyarakat di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 ataupun Akta 611 adalah terpakai.

Subseksyen 104A(9) mentakrifkan kanak-kanak sebagai seorang yang berada di bawah umur 18 tahun dan khidmat masyarakat sebagai suatu kerja, perkhidmatan atau pelaksanaan arahan yang tidak dibayar yang dilaksanakan atau dijalankan bagi maksud mengekalkan atau menambah baik kebersihan awam.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, fasal 3 adalah bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu iaitu 121A. Seksyen ini adalah bagi mengadakan peruntukan bagi kuasa pegawai pihak berkuasa tempatan yang diberikan kuasa secara bertulis untuk mengawasi pelaksanaan apa-apa perintah khidmat masyarakat oleh seseorang yang disabitkan di bawah suatu perintah khidmat masyarakat di bawah subseksyen 104A(1).

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya cadangan-cadangan dan pindaan yang saya kemukakan sebentar tadi adalah bertujuan memastikan khidmat masyarakat dilaksanakan melalui prosedur perundangan yang teratur dan teliti dalam menangani isu pembuangan sampah kecil.

Pindaan ini juga dapat mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat awam dan seterusnya menyokong hasrat kerajaan kita dalam mewujudkan negara yang lebih bersih, indah dan juga sejahtera. Justeru, bagi mewujudkan punca kuasa yang jelas, bagi mengawal selia aktiviti pembuangan sampah serta melaksana perintah khidmat masyarakat, maka Akta 171 ini perlu dipinda bersama juga dengan dua akta yang lepas untuk memberikan punca kuasa kepada pihak berkuasa tempatan bagi melaksanakan perintah khidmat masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Timbalan Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Ts. Mustapha Sakmud]: Saya mohon menyokong.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai enam orang ahli yang hendak berbahas. Enam, dah kurang. Ramai yang tarik diri. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah sebanyak lima minit seorang. Baik, saya dengan ini mempersilakan yang pertama, YB Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff. Silakan YB.

6.24 ptg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Dato' Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025.

Oleh kerana ia saling berkait dengan dua RUU yang lalu, saya hanya akan menyebut beberapa perkara saja nak memendekkan masa. Yang pertama, saya ingin menyentuh persoalan berhubung aspek keadilan dalam pelaksanaan perintah khidmat masyarakat di mana peruntukan ini memberi kuasa yang sangat luas kepada pihak berkuasa tempatan untuk menentukan jenis, masa dan tempat pelaksanaan khidmat masyarakat.

Walaupun peruntukan undang-undang kecil boleh digubal, kita perlu akui bahawa tanpa garis panduan yang jelas pada peringkat undang-undang induk, ia boleh menimbulkan

ketidaksamarataan pelaksanaan antara satu pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan PBT yang lain.

Persoalan ini timbul kerana denda atau jumlah jam perintah khidmat masyarakat yang dikenakan mesti ditentukan dengan teliti agar setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Soalnya, bagaimanakah kerajaan akan memastikan bahawa jumlah jam yang diperintahkan itu benar-benar adil, tidak terlalu berat hingga membebankan, tetapi pada masa yang sama, mampu memberi kesedaran kepada pesalah?

Yang kedua, aspek semak imbang terhadap kuasa pegawai yang diberi kuasa juga agak lemah. Pegawai PBT mempunyai kuasa untuk mengawasi, menentukan tugas malah menguatkuasakan pematuhan. Persoalannya, apakah mekanisme pemantauan yang wujud untuk memastikan tiada penyalahgunaan kuasa dan apakah strategi kerajaan dalam memastikan pematuhan kepada undang-undang ini selepas ia dikuatkuasakan? Bagaimana kita memastikan pesalah tidak menjadi mangsa eksploitasi atau diperlakukan dengan cara tidak wajar ketika melaksanakan perintah khidmat masyarakat?

Ketiga, RUU ini agak kurang menekankan penglibatan awam. Tujuan utama pindaan ini ialah untuk menanam kesedaran sivik dalam masyarakat. Tetapi, apabila pelaksanaan hanya bergantung kepada struktur pentadbiran PBT dan pengawasan pegawai, peranan masyarakat setempat untuk menyokong, memantau atau turut serta dalam menjadikan khidmat masyarakat ini satu pengalaman pembelajaran bersama akan agak terpinggir. Seandainya wujud penglibatan awam, impaknya mungkin menyeluruh bukan sekadar hukuman kepada individu pesalah.

Keempat, saya juga ingin menyentuh tentang kebimbangan dari sudut praktikal. Pelaksanaan khidmat masyarakat memerlukan pegawai pengawasan, peralatan serta kos logistik tertentu. Huraian RUU ini sendiri mengakui ia akan melibatkan implikasi kewangan kepada kerajaan, tetapi tanpa angka yang jelas. Persoalannya, adakah PBT benar-benar bersedia dari segi kapasiti kewangan dan sumber manusia untuk melaksanakan pengawasan ini dengan berkesan?

Dato' Yang di-Pertua, untuk isu yang terakhir, saya juga ingin membawa perhatian Dewan ini kepada kesalahan yang melibatkan kanak-kanak berdasarkan tafsiran di bawah Akta Kanak-kanak 2001. Kanak-kanak yang melakukan kesalahan juga boleh dikenakan perintah khidmat masyarakat.

Namun demikian, timbul persoalan sama ada terdapat kelonggaran atau mekanisme khas dalam pelaksanaannya sebagai contoh sekiranya kanak-kanak itu masih terlalu muda atau tidak berkeupayaan untuk melaksanakan perintah tersebut. Adakah perintah khidmat masyarakat ke atas mereka boleh diganti atau dilaksanakan oleh ibu bapa atau penjaga dalam keadaan-keadaan tertentu? Atau jika PKM ini tidak sesuai untuk kanak-kanak yang boleh

menimbulkan stigma atau kesan psikologi kepada kanak-kanak, adakah ada kaedah lain untuk melaksanakan hukuman?

Kesimpulannya, saya menyokong hasrat murni RUU untuk memperkukuhkan budaya sivik dan tanggungjawab masyarakat terhadap ruang awam. Namun, saya juga ingin menegaskan bahawa kelemahan-kelemahan yang saya sebutkan tadi perlu diberi perhatian.

Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Okey. Terima kasih YB Senator Dr. Hajah Wan Martina.

Seterusnya, saya menjemput YB Senator Puan Tiew Way Keng.

6.29 ptg.

Puan Tiew Way Keng: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua untuk memberi ruangan kepada saya untuk membahaskan RUU Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025.

■1830

Pindaan ini memberi tumpuan kepada pengemaskinian peruntukan seksyen berhubung hukuman alternatif, iaitu perintah khidmat masyarakat, bagi pesalah di bawah bidang kuasa kerajaan tempatan dengan menambahkan seksyen 104A dan seksyen 121A dalam Akta 171. Saya percaya pindaan ini merupakan satu langkah progresif dalam usaha kita memperkukuhkan sistem keadilan sosial dan memastikan hukuman yang lebih berkesan, adil dan memberi manfaat kepada masyarakat selaras dengan pindaan akta-akta lain seperti mana yang dibentangkan dan diluluskan tadi.

Dato' Yang di-Pertua, bagi kesan hukuman alternatif ini, menurut kajian Institut Keadilan Sosial Malaysia menunjukkan hukuman khidmat masyarakat mampu mengurangkan kadar pengulangan jenayah sebanyak 25 peratus dalam tempoh dua tahun berbanding dengan hukuman penjara tradisional. Bagi kesalahan majlis tempatan, data daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2023 menunjukkan bahawa kesalahan kecil yang biasanya tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan tempatan seperti pencemaran, vandalisme dan gangguan awam, pembersihan, denda semata-mata sering kali tidak memberi kesan dari segi rehabilitasi, khususnya bagi pesalah-pesalah yang mampu membayar denda.

Saya membuat perbandingan di peringkat antarabangsa dengan melihat kepada beberapa negara. Di negara United Kingdom, sejak 1970-an, UK telah mengamalkan hukuman khidmat masyarakat secara meluas dengan sistem pengawasan yang rapi dan program pemulihan sosial yang komprehensif. Statistik menunjukkan keberkesanan dalam mengurangkan kadar jenayah berulang sehingga melebihi 30 peratus.

Bagi negara Australia pula, kerajaan tempatan mempunyai kuasa penuh untuk melaksanakan hukuman khidmat masyarakat termasuk kerja komuniti dan program pendidikan dan bukannya semata-mata membersihkan tempat. Ini membolehkan hukuman yang lebih disesuaikan dengan keperluan masyarakat dan pesalah.

Bagi negara Jepun pula, hukuman khidmat masyarakat digabungkan dengan program *re-integrasi sosial* dan pemantauan ketat oleh pegawai khas kerajaan tempatan. Sistem ini menekankan pendidikan dan pembangunan kemahiran sebagai sebahagian daripada hukuman.

Berdasarkan analisis, izinkan saya mengemukakan beberapa cadangan bagi memastikan pindaan ini berjaya dilaksanakan dengan berkesan.

Nombor satu adalah standardisasi proses pelaksanaan. PBT perlu dipandu oleh garis panduan nasional, seperti mana dibentangkan oleh Timbalan Menteri tadi, dengan jelas dan seragam untuk pelaksanaan perintah khidmat masyarakat agar setiap PBT dapat melaksanakan perintah secara konsisten dan adil.

Yang keduanya, sistem pemantauan yang bersepadu perlu menggunakan teknologi digital yang baik seperti aplikasi pemantauan masa nyata untuk memastikan pesalah mematuhi syarat khidmat masyarakat dan bagi memudahkan laporan berterusan kepada pihak berkuasa. Bagi pegawai yang telah diberi kuasa, haruslah dilatih dengan secara sistematik supaya mereka adalah lebih tahu dan dapat memberi, menentukan masa dan tempat dan cara khidmat masyarakat itu dijalankan dan proses pengawasan dapat dijalankan dengan baik.

Saya juga mencadangkan bahawa kerajaan harus mengadakan kerjasama dengan NGO dan komuniti setempat yang mana adalah sangat penting untuk memastikan perintah khidmat masyarakat ini dapat memberi manfaat sebenar kepada masyarakat dan meningkatkan penerimaan orang awam.

Saya juga ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, bahawa kita juga tahu bagi sesuatu tempat ada kontraktor pembersihan. Dengan melakukan perintah khidmat masyarakat ini, adakah kontraktor-kontraktor yang telah diagihkan tugas untuk membersihkan tempat berkenaan dapatlah kita katakan meringankan kerja mereka akibat daripada pegawai-pegawai menentukan tempat khidmat masyarakat itu di kawasan masing-masing? Dan bagaimanakah cara pegawai yang telah diberi kuasa untuk menentukan cara khidmat masyarakat ini harus dilakukan? Adakah pegawai yang telah diberi tugas ini mengambil kira pesalah dari segi fizikal dan mental mereka seperti mana yang telah diperuntukkan kepada hakim yang memberi perintah sedemikian?

Saya mencadangkan bahawa sebenarnya pegawai yang telah diberi kuasa haruslah mengambil kira kesihatan fizikal dan mental bagi pesalah yang dikenakan perintah khidmat masyarakat ini dan bukan hanya sekadar terhadap hakim semata-mata.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga mengesyorkan supaya pelaksanaan perintah khidmat masyarakat ini tidak hanya menjadi satu formaliti tetapi sistem yang benar-benar berfungsi untuk memulihkan kesalahan dan memperkukuhkan komuniti. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, YB Senator Puan Tiew.

Seterusnya, saya menjemput YB Senator Tuan Isaiah.

6.35 ptg.

Tuan Isaiah a/l D. Jacob: Terima kasih, Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan rang undang-undang khidmat masyarakat ini.

Rang undang-undang khidmat masyarakat ini hadir pada masa yang amat tepat apabila isu kebersihan awam semakin meruncing. Menurut laporan KPKT, pihak berkuasa tempatan membelanjakan berpuluhan juta ringgit setahun hanya untuk menguruskan sisa yang dibuang secara tidak berhemah. Hal ini bukan sahaja menjejaskan imej negara tetapi turut memberi implikasi serius kepada kesihatan awam, kesejahteraan komuniti serta kelestarian alam sekitar.

Saya ingin menegaskan bahawa hukuman berbentuk denda semata-mata tidak memadai. Denda boleh dilunaskan tetapi ia jarang meninggalkan kesan perubahan sikap. Melalui khidmat masyarakat, pesalah diberi peluang untuk mengalami sendiri jerit-perih pekerja pembersihan mengutip sampah, membersihkan longkang atau menjaga ruang awam. Dari pengalaman ini, lahir rasa hormat, kesedaran sivik dan penghayatan nilai tanggungjawab. Inilah pendidikan melalui tindakan yang selari dengan inspirasi Malaysia MADANI — insan, kemampanan dan kesejahteraan rakyat.

Namun begitu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan mengenai perlindungan golongan rentan. Bagaimana memastikan perintah khidmat masyarakat ini tidak membawa kepada *over punishment*, diizinkan, khususnya terhadap golongan orang kurang upaya, termasuk mereka dalam autisme fizikal, penglihatan dan mental? Golongan ini, dia ada dua perkara kita kena perhatikan. Perkara pertama, adakah kerajaan ataupun pihak tempatan menyediakan tempat pembuangan sampah yang sesuai bagi golongan OKU khususnya yang mempunyai masalah penglihatan dan juga fizikal yang menggunakan kerusi roda? Manakala, bagaimana kita nak ambil tindakan terhadap golongan OKU ini? Apakah garis panduan yang akan diguna pakai? Dan siapa pihak *authorized* yang mengesahkan kesesuaian fizikal serta mental pesalah sebelum perintah dijatuhkan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dengan melaksanakan yang *[Tidak jelas]*, adil dan inklusif. RUU ini bukan sekadar menangani isu kebersihan, tetapi akan membentuk warga Malaysia yang berdisiplin, berjiwa sivik, yang berintegriti. Inilah legasi yang mahu kita wariskan. Sebuah negara yang bersih, teratur dan bermaruah di mata dunia.

Dengan itu, saya menyokong penuh rang undang-undang khidmat masyarakat ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih, YB Senator Tuan Isaiah. Seterusnya, saya mempersilakan YB Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

6.38 ptg.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Di hujung petang ini, izinkan saya jual pantun kepada Dato' Setia Yang di-Pertua.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Silakan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail:

*Burung terbang ke langit tinggi,
Turun ke bendang kakinya tersangkut;
Sehari bersidang langsung tak berhenti,
Makan tengah hari makan malam kena jamak kut.*

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: *[Ketawa]*

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Dato' Yang di-Pertua, hari ini tiga-tiga RUU KPKT ini semuanya tersangkut dengan isu khidmat masyarakat. Jadi, saya rasa dah sangat banyak, perkara yang sama sebenarnya berulang. Sebab, isu yang kita gerakkan ialah macam mana nak didik orang melalui khidmat masyarakat pesalah-pesalah sampah-sampah kecil. Saya nak tanya dua, tiga perkaralah sebagai pelengkap di hujung sesi dah ini *kut*.

■1840

Yang pertamanya, isu hukuman berganda (*double punishment*). Berdasarkan pindaan ini, seorang pesalah boleh dikenakan denda dan juga perintah khidmat masyarakat secara serentak. Betul, Yang Berhormat? Kalau tak betul, tolong betulkan.

Kebimbangan saya adalah perkara ini boleh menjadi satu beban berganda, khususnya kepada golongan B40 yang mungkin tidak mampu membayar denda tetapi pada masa yang sama tetap diwajibkan menjalankan khidmat masyarakat. Ini mungkin boleh menimbulkan persoalan tentang keadilan substantif dalam undang-undang kita ini. Cerita ini cerita kecil saja, cerita kecil tapi mungkin akan rasa sentuhan di kalangan orang-orang yang tidak upaya.

Oleh itu, bagaimana kerajaan nak memastikan bahawa pelaksanaan hukuman ini tidak menindas golongan berpendapatan rendah khususnya? Biasanya orang yang berpendapatan

rendah ini, orang miskin ini lagi miskin jiwanya, lagi mudah perangnya, lagi mudah buang sampahnya. Masuk rumah, nak lalu pun kadang-kadang payah. Penuh dengan sampah. Jadi, ini budaya hidup mereka juga.

Apakah mekanisme yang ada untuk menyeimbangkan di antara denda dan khidmat masyarakat supaya tidak terlihat sebagai hukuman berganda yang tidak — dirasakan tidak adil? Ada dua. Kita mungkin rasa adil tetapi orang yang susah-susah ini kata, dahlah aku susah. Sikit-sikit perangai memanglah bermasalah tapi kalau tersalah, tak boleh nak bayar denda, khidmat masyarakat lagi atau lain-lainnya.

Yang keduanya ialah isu terhadap golongan rentan B40 dan kanak-kanak. Saya pun tadi pun sentuh isu kanak-kanak juga. Kita boleh menafikan bahawa majoriti yang terdedah kepada kesalahan kecil seperti membuang sampah ataupun berniaga tanpa lesen adalah golongan yang berpendapatan rendah. *Mostly* golongan B40. Jika mereka ini didenda dan di dalam masa yang sama diwajibkan menjalani khidmat masyarakat, ia boleh dianggap sebagai beban juga berganda kepada golongan yang dah sedia daif. Oleh itu, bagaimana kerajaan menjamin supaya perintah khidmat masyarakat ini dilaksanakan dengan mengambil kira faktor kemampuan golongan B40 serta menyediakan modul khas mesra kanak-kanak agar mereka tidak terus dihukum tetapi diberi peluang untuk dipulihkan?

Bicara kita ini lebih kepada buang sampah, sampah kecil tapi saya ada satu benda yang saya rasa - saya tengok macam tak terurus benar, Yang Berhormat Dato' Setia Yang di-Pertua. Ini bukan sampah kecil. Ini sampah berjemaah. Bila ada pasar malam, ada pasar minggu, ada pasar pagi, ada pasar Sabtu, ada pasar Rabu, yang ini kita denda macam mana ya? Kita ada kontraktor kutip sampah. Ini boleh buang sebeb-bebasnya. Saya kata sebeb-bebasnya, rupanya bila habis saja pasar malam, tak nampak yang lain, melainkan sampah. Jadi, ada tak peruntukan yang lebih khusus atau orang ini kita pertimbangkan dengan kontraktor pengutip sampah?

Tuan Abun Sui Anyit: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah sikit, boleh Haji Hussin?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Sila. *[Ketawa]*

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Boleh, Yang Berhormat Haji Hussin?

Tuan Abun Sui Anyit: Ya, sebab saya tidak berbas. Saya nak mencelahlah. Bagaimana pula kita nak memastikan – tak semestinya kita nampak orang merokok, dia buang puntung dan sampah kecil dia buang, tapi yang selalu juga kita nampak, dari dalam kereta. Kereta buka tingkap, buang. Ini kadang-kadang, kalau lama banyak sangat, kalau dalam satu kawasan kerajaan tempatan itu, boleh di jalan raya kiri kanan pun penuh dengan sampah juga. Kadang minum air, buang keluar. Jadi, macam mana kita nak menangani ini?

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Okey. YB bertanya kepada YB Hussin kah ataupun minta Menteri yang menjawab?

Tuan Abun Sui Anyit: Ha, untuk dia bertanya juga.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Sila, sila YB.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Lain kali minta tambah. Saya pun sebenarnya nak sebut juga yang itu. Saya nak sebutnya — saya pun nak sebut yang akhir tentang budaya tetapi yang saya nak sebutnya di sini sebelum ini ialah yang tadi, yang pasar pagi, pasar malam, pasar Rabu, pasar Sabtu, pasar-pasar, macam-macam pasar ini. Semacam ada terbela pula dia ini. Sebab ada kontraktor yang sambung. Budaya itu sangat berat.

Dan satu lagi ini, satu perangai, letak sampah atas bonet kereta. Dia malas nak pergi hantar tempat, dia *speed* saja, terus jatuh. Ini banyak kes yang kita tengok. Soalannya sekarang ini, siapa yang akan membuat saman terhadap orang ini sehingga mahkamah jatuhkan hukum [*Tidak jelas*] Atau pun PBT, dia kejar *kut* dapat tangkap, tapi orang *hok* yang kejar dengan kereta, kereta PBT lebih kecil CC nya daripada kereta *hok* orang yang buat tadi. Sama juga yang dekat dengan pasar malam dan lain-lain ini. Jadi, saya rasa kena ambil ruang lingkup ataupun mungkin dah ada dalam akta yang lain, yang akan dikaitkan.

Cuma tadi yang terkait dengan yang disebut oleh Senator Abun. Isu yang sama tadi kan, isu yang terkait dengan masalah. Sebenarnya, isu ini yang saya tengok, isu budaya. Bukan nak jawab, tapi saya masih lagi nak minta supaya Menteri perkasakan budaya ini. Zaman saya kecil-kecil dulu, memang saya pun buat juga kan. Naik kereta, kalau tumpang kereta siapa-siapa, makan rambutan, baling saja ikut cermin itu. Betul tak, tapi sekarang ini tak ada dah. Mungkin di beberapa tempat yang tertentu.

Perokok, yes. Hisap-hisap, lepas. Hisap-hisap, lepas. Yang nak pergi — nak pergi Yang Berhormat Menteri sebut tadi, yang sampah-sampah kecil itu termasuk puntung rokok. Siapa yang akan nak kuat kuasakan orang yang buang dan pergi? Buang dan pergi. Yang daif, daif tak ada ini, yang berjalan-jalan ini dia bolehlah buang, lepas itu dia mudah ditangkap. Tentu disaman. Yang dibuang melalui kenderaan yang laju, yang macam-macam semua sekali ini, nak kejar macam mana, aplikasinya macam mana?

Jadi, saya sebutkan itu untuk dilihat lebih menyeluruh supaya benda ini boleh dikuatkuasakan, tapi saya masih tak nampak. Dulu orang buang sampah melalui kereta. Sekarang orang tak buang dah. Saya rasa jarang kita tengok orang buang kulit rambutan, kulit-kulit apa ini, makan, buang. Tak ada dah. Ertinya, proses pembudayaan itu berjaya, tapi dalam konteks ini saya rasa, program membudayakan masyarakat dengan nilai kebersihan harus juga diberi — dimasuk kira walaupun tak ada dalam akta ataupun mungkin di masuk kira dalam usaha pembaikpulihan. Terima kasih banyak. Saya rasa ini dah malam.

Puan Tiew Way Keng: Boleh celah?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Hah, nak celah lagi?

Puan Tiew Way Keng: Ya. Saya nak tanya satu soalan.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Ya. Sila, sila. YB Hussin nak bagi? YB Hussin dah habis dah. YB Hussin dah habis dah.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Bolehlah, bolehlah. Penambah, penambah.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Boleh. Sila, sila YB.

Puan Tiew Way Keng: Bagaimana sekiranya — Yang Berhormat, saya *nak* minta celah untuk tanya. Bagaimana pula sekiranya terdapat penduduk yang terpaksa bawa sampah mereka ke satu tempat untuk buang disebabkan kontraktor tidak datang untuk melakukan kutipan sampah mengikut jadual? Terima kasih.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya rasa Yang Berhormat Dato' Setia, yang ini nanti Menteri jawablah, tetapi yang saya nak sebut juga, tambah lagi, saya tambah lagi. Yang tempat buang sampah ini, yang tempat *spot*, *spot* buang sampah ini, sampai berulat kadang-kadang itu tak dikutip. Nak salahkan siapa dia? PBT kah? KPKT kah atau macam mana? Dan siapa yang harus membuat penguatkuasaan ini? Sebab kesannya nanti, dengan anjing mari, dengan — lagi bersepah. Jadi, mungkin saya kira masuk kira soalan itu, jawapan di sana. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih Yang Berhormat Hussin. Nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri tengoklah perkara ini walaupun ia mungkin tak berkait dengan pindaan, tetapi ia agak relevan juga dengan isu yang dibahaskan.

Seterusnya, saya mempersilakan YB Senator Tuan Amir bin Md Ghazali. Lima minit YB ya.

6.48 ptg.

Tuan Amir bin Md Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Yang dihormati semua Senator-Senator dalam Dewan Negara ini. Poin-poin yang telah dibahaskan, banyaklah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Senator yang lain. Cuma saya nak jual pantun kepada Dato' Yang di-Pertua.

*Halus teratur jambangan melur,
Hiasan cantik untuk sendiri;
Takkan luntur semangat Pak Senator,
Kami gagahi jua demi pertiwi.*

Dato' Yang di-Pertua, sempena Tahun Melawat Malaysia 2026, rang undang-undang ini amat baik sekali dan cukup bertanggungjawab apabila diadakan dalam tempoh tahun ini dan tahun depan akan dilaksanakan. Sebab kebersihan ini mencerminkan keimanan dan juga cerminan daripada gagasan daripada negeri-negeri sempena Tahun Melawat Malaysia dan

kepentingan pelancong itu melihat negeri-negeri, negara, tempat-tempat pelancongan strategik yang bersih ini amat menarik ya, tumpuan pelancong pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga kerajaan tempatan 2025 menandakan satu lagi langkah bijak dan juga bertanggungjawab yang signifikan dalam usaha memperkasakan urus tadbir kebersihan dan seharusnya di seluruh negara. Saya bangga berdiri di sini dan menyokong prinsip yang terkandung dalam fasal 2. Fasal 2 ini mencadangkan seksyen baharu 104A dimasukkan ke dalam Akta 171 yang memperuntukkan mengenai pelaksanaan perintah khidmat masyarakat dan pihak berkuasa tempatan terhadap individu yang melanggar undang-undang kecil seksyen 73(1)(a)(ii) dan juga Akta 17.

■1850

Yang kedua, membolehkan pihak berkuasa tempatan menetapkan undang kecil dan mengumumkan denda dan tambahan khidmat masyarakat seperti apa yang perlu dilaksanakan oleh pesalah dengan bayaran dan juga faedah demi masyarakat.

Pindaan rang undang-undang ini amat dialu-alukan kerana pendekatan ini lebih progresif dan mendidik, bukan semata-mata menghakim terutamanya bagi kesalahan di bawah undang-undang kecil seperti membuang sampah merata-rata, menjual minuman tanpa lesen, merosakkan kemudahan awam, meletakkan kenderaan di tempat larangan serta gagal memelihara kebersihan premis perniagaan. Ini adalah satu pendekatan yang berhemah dan juga bertanggungjawab.

Dato' Yang di-Pertua, kesan pindaan seksyen 104 boleh mendatangkan implikasi yang negatif pada masyarakat dan juga kerajaan jika tiada SOP yang tepat dan jitu iaitu bagaimanakah nak kempiskan stigma mesej khidmat kepada komuniti ini bukan pekerjaan yang memalukan, satu denda yang memalukan. Bagaimanakah kita hendak menghilangkan stigma kepada masyarakat tentang denda ataupun hukuman yang akan diberikan oleh pesalah-pesalah tersebut.

Yang kedua, bagi pesalah remaja, tugas dan hukuman lebih sesuai di sekolah dibandingkan di tempat-tempat yang terbuka sebab mereka di bawah umur remaja. Dan yang ketiga, terkait dengan penguatkuasaan...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Yang Berhormat boleh celah sikit tambahan untuk *part* itu. Boleh?

Tuan Amir bin Md Ghazali: Boleh.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Setuju tak Yang Berhormat kalau kita cadangkan supaya denda itu dibuat secara berjemaah? Maknanya pesalah-pesalah itu dikumpul ramai 10 orang, 30 orang, 40 orang jadi hilanglah malu itu, tapi denda tetap denda.

Tuan Amir bin Md Ghazali: Saya faham. Terima kasih. Dan satu lagi perlukan pakaian kalau boleh Yang di-Pertua pakai PPE supaya wajah mereka tidak dilihat di kalangan

awam demi maruah mereka supaya mereka terhindar daripada hinaan, perliannya golongan-golongan kawan-kawan yang ini. Itu pandangan saya supaya ada satu garis panduan dikenakan dalam undang-undang tersebut kepada pesalah-pesalah yang membuang sampah.

Dan banyak lagi yang perlu saya bangkitkan, tetapi tidak mengapa sebab kawan-kawan yang lain dah membangkitkan pelbagai, tetapi apa pun saya sokong, amat-amat menyokong Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan 2025. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB. Kalau tutup muka, *it defeats the purpose*-lah untuk kita *create* undang-undang ini sebab tujuannya untuk memberikan pengajaran. Walau bagaimanapun, itu cadangan untuk pertimbangan Yang Berhormat Timbalan Menteri jua.

Seterusnya, kalau ada pantun *sat* lagi *na*. Saya teruskan dengan pembahas yang terakhir Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad. Silakan.

6.53 ptg.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu Akta 171. Ia adalah rentetan daripada pindaan Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 yang dibentangkan pada 4 hari bulan minggu lepas pada hari Khamis.

Dato' Yang di-Pertua, rang undang-undang ini merupakan satu rang undang-undang yang sangat baik untuk memberi kesedaran sebenarnya kepada rakyat supaya mereka tidak sewenang-wenangnya membuang sampah merata-rata. Cuma di sini saya tengok denda yang dikenakan itu di seksyen 104A(7). Denda kalau dia tak hadir RM2,000. Kalau tak hadir ke perintah khidmat masyarakat inilah. Saya fikir yang ini terlampau rendah ni Dato' Yang di-Pertua sebab nanti kalau RM2,000 ini ramai yang membuang sampah ini sebenarnya bukan yang tak ada duit, mereka ada duit sebenarnya tapi mereka boleh bayar kalau tak hadir ini.

Dan seterusnya, adakah pihak kerajaan juga sekiranya mereka nak tangguhkan pada hari tertentu mereka diminta hadir tetapi tak hadir dan mereka minta tangguh, adakah boleh ditangguhkan? Dan kalau boleh itu, berapa kali dia boleh tangguhkan? Dia tangguh-tangguh pergi *oversea*, sakit dan sebagainya. Jadi sampai bila, kan? Adakah sebenarnya akhirnya mereka ini tak dipanggil pun untuk menjalani perintah khidmat masyarakat ini?

Dan seterusnya, adakah senarai disediakan Dato' Yang di-Pertua, senarai kerja khidmat masyarakat yang akan mereka lakukan ini, apa jenis dia, kan? Adakah sesuai ataupun adakah kalau disenaraikan, adakah mereka boleh pilih? Nanti dia akan pilih yang senang-senang saja, yang tak senang mereka tak nak buat.

Dan seterusnya juga saya tengok di sini pihak kerajaan tempatan akan diberi kuasa pegawai untuk mengawal pesalah-pesalah tersebut. Dan saya ingin bertanya adakah tempat-tempat itu ditentukan? Maksudnya, PBT mana yang mereka perlu perintah khidmat masyarakat ini? Adakah mereka boleh pilih atau ditentukan oleh mahkamah yang tentukan? Jadi ini pun perlu kepastian. Mungkin setengah ini dia minta ke kawasan, dihantar ke PBT yang kampung dia ke. Jadi dia boleh buat khidmat di kebun dia ataupun di rumah dia. Jadi ini bagi saya perlu penjelasan.

Dan juga seterusnya berkenaan dengan denda yang dikenakan iaitu tidak melebihi 12 jam khidmat yang dia perlu buat, tetapi kalau kita tengok, pembuangan sampah merata-rata ini adalah memberi satu kesan yang tidak baik kepada satu kawasan dan imej negara juga, yang disebut oleh rakan Senator tadi bahawa kita sepatutnya mesti membendung ataupun memberi kesedaran kepada rakyat ini supaya mereka membuang sampah di tempat yang betul. Sedangkan di negara kita ini kalau kita tengok, tong-tong sampah itu memang banyak, tetapi masih ramai juga orang yang tidak membuang sampah di tempat yang betul.

Dato' Yang di-Pertua, kalau kita tengok di Jepun orang yang membuang sampah ini, individu ini, denda dia JPY10 juta dan kalau syarikat ini JPY300 juta. Maka itu kalau kita tengok di Jepun tak ada tong sampah pun, tetapi negara dia bersih. Tempat kita ini tong sampah banyak, tapi negara banyak sampah.

Dan seterusnya juga Yang di-Pertua, saya berpandangan bahawa kita memang patut mengadakan satu akta untuk mendenda ataupun kita bagi perintah khidmat masyarakat kepada pesalah-pesalah ini, tetapi pihak kerajaan juga harus menjalankan tanggungjawab mereka supaya tempat-tempat pembuangan sampah ataupun sampah-sampah banyak ini mesti dikutip. Kadang-kadang persepsi rakyat ini kalau mereka tengok di situ banyak sampah, mereka akan buang, tetapi kalau tempat tersebut tak ada sampah, mereka tak berani hendak membuang sampah sebenarnya. Jadi, ini sebenarnya kerja PBT supaya tempat itu sentiasa bersih dan tandas-tandas itu juga kena bersih supaya ya lah untuk memberi satu persekitaran yang bersih.

Dan juga saya cadangkan Dato' Yang di-Pertua, kita ini ada banyak CCTV di PBT-PBT ini. Dan PBT ini kita tidak menggunakan CCTV yang ada ini untuk menangkap pesalah-pesalah yang buang sampah ini, tetapi kadang-kadang saya tidak tahulah, tapi persepsi orang di luar dan saya yang tahu CCTV ini hanya digunakan apabila ada kes-kes tertentu, kes ragut, kes kemalangan dan sebagainya, tetapi tidak digunakan secara efektif.

Bagaimana kita nak menggunakan CCTV yang kita pasang, kita mengeluarkan modal yang besar, kos yang tinggi, tetapi kita tak guna *enforcement* untuk menangkap, mendenda terus sebenarnya pesalah-pesalah yang buang sampah merata-rata ini.

Dan juga saya ingin bertanya berkenaan dengan yang membuang sampah bukan individu, syarikat-syarikat kecil yang buat *renovation* kecil-kecilan ini mereka buang hasil apa itu *construction* tersebut di tempat-tempat di tepi sungai, kadang di jalan-jalan kampung yang ataupun jalan-jalan yang tak digunakan, kan. Jadi yang ini bagaimana kita nak denda, sama ada kita nak denda orang yang buang sampah ataupun syarikat tersebut. Jadi, ini persoalan-persoalan yang saya fikir KPKT Timbalan Menteri nanti boleh jawablah.

■1900

Akhir sekali, saya memang menyokong Dato' Yang di-Pertua, undang-undang ini sangat baik, tetapi akhir sekali, saya menyerulah supaya pihak KPKT dan kerajaan tempatan mesti mengadakan satu promosi ataupun satu kaedah untuk memberi kesedaran kepada rakyat kita ini supaya mereka menjaga kebersihan supaya dapat mengurangkan kos-kos pengutip sampah ini. Jadi itulah saya, dengan itu menyokong rang undang-undang kerajaan — Akta Kerajaan Tempatan 176 [Akta 171]. Sekian, terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih YB Manolan. Saya harap saya tidak tertinggal nama-nama mereka yang nak bahas sebab dalam senarai ini ada enam orang. So, sudah selesai ya. Bagi menjawab pantun Tuan Amir dengan Tuan Haji Hussin tadi, saya balas satu pantun sebelum saya serahkan kepada Menteri.

*Rakyat Malaysia hidup bersama,
Pelbagai bangsa, etnik juga agama;
Undang-undang dipinda demi kebaikan bersama,
Keselesaan rakyat, matlamat utama. [Tepuk]*

Saya serahkan kepada Menteri untuk menjawab, menggulung.

7.01 mlm.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu]: *Bismillah. Alhamdulillah.* Tuan Yang di-Pertua, izin saya menyebutkan satu dua perkara awal sebelum menjawab beberapa bangkitan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah pun melaksanakan Program Hari Cuci Malaysia Tahun 2024 pada 28 September tahun 2024 yang lepas dan merekodkan kutipan sisa makanan sahaja sebanyak 51.9 kilogram, banyak. Sisa kertas sebanyak 64.3 kilogram, sisa bahan plastik sebanyak 127.6 kilogram, puntung rokok sebanyak 541 batang puntung rokok dan besi aluminium sebanyak 6.1 kilogram. Jumlah ini hanyalah bagi aktiviti kutipan sampah di sekitar kawasan Pasar Seni, Kuala Lumpur sahaja. Kita boleh bayang betapa teruknya keadaan yang kita kata mungkin sedikit ke apa – serius.

Sementara itu, sampah yang berjaya dikutip, dikumpul dan direkodkan semasa *World Cleanup Day* yang diadakan di seluruh negara pada tahun 2022 Tuan Yang di-Pertua, adalah sebanyak 107,296 kilogram. Jumlah sampah yang direkodkan ini meningkat kepada 241,535 kilogram pada tahun 2023 dan terus meningkat lagi secara drastik sebanyak 24 kali ganda iaitu 5,822,041 kilogram pada tahun 2024.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Banyaknya.

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya seronok di dalam Dewan yang mulia ini, walaupun kita sampai ke petang, ke malam, mungkin ada yang akan berbuka puasa sunat Isnin, satu perkara yang saya gembira dan saya ucapkan terima kasih bagi pihak kementerian ini, ketiga-tiga rang undang-undang kita untuk memasukkan perintah khidmat masyarakat kepada pesalah-pesalah pembuang sampah kecil ini semuanya dipersetujui.

Walaupun ada di sana pelbagai pandangan, pelbagai keraguan, kerisauan, ada yang kadangkala macam nak bela pesalah, ada kadangkala nak sangat tindakan dikenakan kan, tetapi tak apa, kami di peringkat kementerian ini mencERP seberapa yang boleh dan kita akan kemaskan semuanya, *insya-Allah* supaya pelaksanaan itu nanti akan memberi *impact* yang baik, termasuklah pengurangan-pengurangan sampah yang dikutip tadi.

Kita juga di peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berbelanja besar Tuan Yang di-Pertua, untuk membersihkan longkang-longkang. Bila berlaku hujan lebat di Kuala Lumpur, kadangkala banjir besar itu bukan kerana begitu lebat sangat, tetapi kerana longkang-longkang kita tersumbat oleh kerana pembuangan sampah-sampah yang dilakukan dengan tidak bertanggungjawab oleh kalangan masyarakat kita. Ia ada disebutkan tadi bagaimana kita nak supaya orang-orang yang sudahlah miskin ya, miskin jiwa, miskin segala benda, macam mana kita nak supaya tidak ada penganiayaan berlaku kepada mereka.

Yakin dan percayalah, perintah khidmat masyarakat ini yang ditentukan oleh pihak mahkamah akan dilakukan seadil yang boleh. Bukan sahaja adil kepada si pesalah, tetapi adil kepada seluruh masyarakat yang berada di sekitar itu termasuklah adil kepada negara kita. Adil dalam perbelanjaan pengurusan pembersihan awam pada masa yang sama. Kita jangan melihat kepada orang tertentu sahaja, tetapi kita mesti berlaku adil kepada seluruh ketumbukan yang ada di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian kurang lebih enam orang tadi. Awalnya saya difahamkan ada sembilan, tetapi ada beberapa yang telah pun menarik diri.

Saya ingin memberikan respons terlebih awal kepada lima perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff. Pertamanya,

berkaitan bagaimana kerajaan memastikan jumlah jam adalah adil dan tidak memberatkan mana-mana — memberatkan dalam masa yang sama dapat memastikan hasrat PKM ini tercapai.

Saya ingin menyebutkan bahawa pengenaan tempoh jam perintah khidmat masyarakat dilaksanakan secara adil dan seimbang di mana mahkamah diberikan kuasa budi bicara sepenuhnya untuk menentukan tempoh yang sesuai. Dalam membuat keputusan, mahkamah akanlah mengambil kira pelbagai faktor termasuklah keadaan fizikal dan mental pesalah seperti mana yang disebutkan oleh Senator Isaiah juga menimbulkan kerisauan itu, supaya tahap — dan juga tahap keseriusan kesalahan serta kesesuaian individu tersebut untuk melaksanakan perintah-perintah khidmat masyarakat berkenaan.

Keduanya, Yang Berhormat Senator juga bertanya mekanisme pemantauan ke atas pegawai PBT yang diberi kuasa supaya tiada penyalahgunaan kuasa. Tuan Yang di-Pertua, hukuman ini hanya boleh diberikan oleh mahkamah, bukanlah oleh pegawai yang diberi kuasa. Pegawai yang diberi kuasa hanya memantau pelaksanaan perintah khidmat masyarakat.

Oleh itu, pesalah adalah dilantik secara bertulis oleh pegawai khidmat masyarakat yang dilantik secara bertulis oleh pihak PBT. Selain daripada itu, pemantauan skop tugas penguat kuasa juga adalah seperti mana yang tertera dalam garis panduan khidmat masyarakat dan ia nya akan menjelaskan lagi fungsi penguat kuasa SWCorp dan PBT di setiap negeri. Yang saya sebutkan tadi, kita akan ada garis panduan, akan ada modul dan di peringkat untuk kanak-kanak, kita jalankan bersama, dibaca bersekali dengan manual khidmat masyarakat yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Seterusnya, Yang Berhormat juga bertanya tentang strategi kerajaan bagi memastikan kepada pematuhan undang-undang berkaitan perintah khidmat masyarakat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan keadilan ke atas pesalah, undang-undang ini juga ditetapkan bahawa tempoh maksimum pelaksanaan PKM, perintah khidmat masyarakat tidaklah boleh melebihi 12 jam. Pelaksanaan ini mencerminkan usaha kolektif kerajaan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih bersih, harmoni seiring dengan semangat Malaysia MADANI yang menekankan nilai kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat dan keyakinan serta ihsan.

Bagi menjawab soalan yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua, di sudut mempersoalkan jumlah yang mungkin diperintahkan, adakah itu benar-benar adil. Saya ingin memaklumkan bahawa khususnya kepada kanak-kanak — bagi menjawab persoalan berkaitan kanak-kanak yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina tadi, sekiranya kesalahan dilakukan oleh kanak-kanak yang berusia 18 tahun ke bawah,

mahkamah boleh mengeluarkan perintah khidmat masyarakat di bawah peruntukan Akta Kanak-Kanak [Akta 611].

Dalam hal ini, semua prosedur pelaksanaan adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip dan peruntukan yang telah pun diperincikan dalam akta tersebut yang menekankan kepentingan terbaik kanak-kanak sebagai pertimbangan utama dan tentulah kanak-kanak ini akan tidak ditonjolkan.

Seperti mana yang tadi ditanyakan, kalau boleh pakai PPE kan. Untuk dewasa itu kita tidak ada sekatanlah, Tuan Yang di-Pertua. Sebab Akta Kanak-kanak ini, untuk kanak-kanak 18 tahun kita terpaksa jaga dia punya penonjolan ke apa eh, tak dibenarkan.

Namun demikian, perlu ditegaskan juga bahawa Akta 611 tidak memperuntukkan sebarang mekanisme bagi ibu bapa atau penjaga untuk menggantikan pelaksanaan perintah khidmat masyarakat yang dikenakan ke atas pesalah kanak-kanak. Peranan ibu bapa adalah untuk memberi sokongan moral, pemantauan dan bimbingan, tetapi tanggungjawab melaksanakan perintah tersebut masih dipikulkan kepada anak-anak yang disabitkan kesalahan dengan kaedah yang lebih bersesuaian dengan umur dan tahap perkembangan mereka.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, bagi yang dibangkitkan — persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Tiew Way Keng. Satu, disebutkan cadangan garis panduan itu seragam. Ya, kita memang garis panduan itu akan diberikan secara seragam. Sistem pemantauan bersepadu untuk pelaporan, pegawai diberi kuasa dilatih dengan sistematik, penentuan pelaksanaan perintah khidmat masyarakat, kerjasama dengan NGO.

Saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat, bahawa Kementerian menggalakkan penglibatan aktif komuniti, NGO dan Hero Kebersihan dalam menyebarluaskan pelaksanaan PKM ini secara berterusan serta melaporkan dan mencegah kesalahan bagi menyokong pelaksanaan perintah khidmat masyarakat ini.

■1910

Pegawai yang diberi kuasa lebih mengetahui berkenaan tempat dan kawasan untuk khidmat masyarakat dilaksanakan tanpa menjejaskan tugas-tugas kontraktor. Tadi, Ahli Yang Berhormat ada menyebutkan, apakah kalau ada perintah khidmat masyarakat ini maka akan kurang sikit beban para kontraktor yang diberikan tugas itu. Saya rasa itu bukan nawaitu dia, Tuan Yang di-Pertua. Nawaitu kita adalah memberikan keinsafan. Kita kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, tak ramai yang kena ni. Jangan bayangkan kita akan kena ramai kan?

Itu sebabnya daripada awal ini kita akan buat advokasi dulu supaya jangan kenalah. Walaupun ia adalah mungkin rendah, mungkin ada yang rasa rendah 2,000 tu, dan ada rendah lagi yang merasakan 12 jam tu, tetapi kalau boleh janganlah kena, yang tu bagi pakai jaket tu supaya ada rasa malulah sedikit ya, sebab nak jaga kebersihan.

Tuan Yang di-Pertua, nak jaga kebersihan bukan senang — bukan susah. Ada yang berkata kalau tak ada tong sampah menyebabkan orang buang sampah. Saya nak sebut Tuan Yang di-Pertua, kita sendiri ajar diri kita dan ajar anak-anak kita kalau berjalan, bawa beg plastik, bawa yang bekas untuk sampah tu. Kalau ada sampah yang kita hasilkan, masuk. Bila kita jumpa tong sampah buang kan.

In fact, kalau di luar negara pun amalan-amalan dia lebih begitu. Jepun misalnya, kenapa kita tak boleh ikut? Kenapa kita asyik menyalahkan kepada apa yang tak ada, apa yang ini, apa yang kurang? Buang sampah, jangan. Kita nak bagi tahu bahawa pembuangan sampah oleh individu or sampah-sampah kecil ini dengan adanya perintah khidmat masyarakat ini tolonglah jangan, sebab kalau tak *you* akan pakai jaket, *you* akan lebih *famous* ya.

Dan seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan subseksyen 104A(2) yang baharu, mahkamah dalam mengeluarkan perintah khidmat masyarakat ini akan menimbangkan terlebih dahulu keadaan fizikal dan mental pesalah. Berdasarkan penimbangan mahkamah ini, pegawai yang diberi kuasa dapat memastikan pelaksanaan khidmat masyarakat dibuat bersesuaian dengan pesalah. Oleh itu, tiada keperluan untuk pegawai yang diberi kuasa menilai semula keadaan fizikal sebab ia telah pun dinilai oleh pihak mahkamah ya. Kalau dia sesuai untuk perintah yang bagaimana, maka itu telah pun ditetapkan oleh pihak mahkamah. Jadi, ada pun, okey. Sila.

Puan Tiew Way Keng: Minta celah. Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin nak minta penjelasan sebab bagi hakim ialah menentukan tempoh masa dan menjatuhkan perintah. Sedangkan bagi pegawai yang diberi kuasa adalah menentukan masa, tempat dan cara bagaimana perintah khidmat masyarakat itu dijalankan. Jadi, adakah lebih sesuai sekiranya pegawai yang diberi kuasa itu mengambil kira keadaan fizikal dan mental pesalah itu? Terima kasih.

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Okey. Ahli Yang Berhormat, untuk kita di peringkat mahkamah pun, mahkamah akan menentukan kesesuaian sama ada pesalah itu boleh dikenakan hukuman yang bagaimana. Ada pun yang dicadangkan oleh Yang Berhormat saya kira adalah cadanganlah sebagai empati kita manusia kan bila kita mungkin berhadapan mungkin pada waktu itu kita boleh melihat juga tetapi perintah mahkamah itu mesti diikuti.

Kalau mahkamah telah keluarkan arahan perintah maka kita perlu laksanakan dan tentulah kalau kita melakukan yang sebaliknya setelah diteliti oleh mahkamah itu adalah satu penghinaan kepada keputusan mahkamah itu sendiri.

Jadi, seterusnya Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Isaiah yang seterusnya. Kejap Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya. Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah a/l D. Jacob menanyakan berhubung kesalahan berulang dan sama ada kerajaan bercadang

untuk melaksanakan hukuman yang bersifat meningkatlah ya. Hukuman yang meningkat secara progresif bagi kesalahan-kesalahan yang mungkin awalnya kesalahan pertama, kesalahan kedua, kesalahan ketiga.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat Senator, pelaksanaan perintah khidmat masyarakat ini bertujuan memberi kesedaran dan keinsafan tentang kepentingan menjaga kebersihan. Itulah yang kita nak sebut panjang ini sampai ke malam itulah kepentingan menjaga kebersihan. Jangan buang sampah rata-rata tempat. Kita pun akan menuju kepada Tahun Melawat Malaysia. Kita nak Malaysia kita dipandang cantik semuanya.

Pada peringkat awal tempoh maksimum untuk pelaksanaan ditetapkan adalah sehingga 12 jam. Walau bagaimanapun, kementerian akan menjalankan penilaian keberkesanan dari semasa ke semasa sekiranya didapati tempoh tersebut tidak mencukupi. Bukan cukup, kalau tak mencukupi ya. Sekiranya didapati tempoh tersebut tidak mencukupi, kerajaan bolehlah mempertimbangkan pelanjutan tempoh atau pengukuhan bentuk hukuman khususnya bagi pesalah-pesalah yang berulang yang disabitkan kesalahan lebih daripada dua atau tiga kali ya.

Sebab kalau dah berulang ini Tuan Yang di-Pertua maknanya *something is wrong*-lah kan. Sebab kita bagi ini sebagai satu amaran kasih sayang ya. Langkah ini adalah penting untuk memastikan tindakan yang lebih tegas dapat diambil demi menjamin keberkesanan penguatkuasaan serta kelestarian kebersihan alam sekitar.

Dan seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Tuan Amir...

Tuan Isaiah a/l D. Jacob: *Sorry, sorry* ya.

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Sekejap Senator Hussin. Ya.

Tuan Isaiah a/l D. Jacob: Tentang OKU.

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Ya.

Tuan Isaiah a/l D. Jacob: Yang OKU yang terlibat di mana mereka ini khususnya yang kerusi roda penglihatan mungkin mereka tak nampak. So, apakah, bagaimana kita nak *handle* dengan mereka?

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Ya. Kalau Tuan Yang di-Pertua, secara apa ni, secara manusiawinya pun, kalau memang dia tak nampak tong sampah kan, ya lah bagaimanakah kita — tentulah tentang kekurangan OKU ini tadi akan diambil perhatian oleh mahkamah, tetapi pada masa yang sama, saya juga nak sebutkan Senator, kita tak boleh kata yang *because of you* buta, maka *you* boleh buang sampah merata-rata sebab *you* tak nampak. Macam saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau amalan kita, budaya kita dah budaya baik, memang kita akan pastikan sampah itu tidak akan terbuang merata-rata.

Saya kira sudah sampai masanya, kalau saya bacakan tadi tentang betapa teruknya sampah yang ada di sekeliling kita ini, kita memerlukan rasa keberanian. Ini pun adalah salah satu keberanian Tuan Yang di-Pertua, tak pernah lagi kita buat untuk perintah khidmat masyarakat untuk buang sampah kan, tapi kita nak tunjuk benda ini serius dan sebab bukan sedikit wang negara yang terpaksa mengalir untuk menyelesaikan isu-isu yang berbangkit daripada seorang manusia dan diikuti oleh beberapa orang yang tak tahu buang sampah dengan betul. Longkang tersumbat kan dan ini memberikan implikasi yang tidak — bukan kecil ya.

Jadi, tentu yang tentang kata kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan oleh OKU, seluruh pembangunan yang dilakukan oleh kementerian ini mengambil kira keperluan semua lapisan masyarakat, bukan sahaja orang kelainan upaya, kurang upaya, tetapi pada masa yang sama warga emas, rentan, kanak-kanak dan juga orang dewasa.

Tuan Yang di-Pertua, Senator...

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Boleh saya mencelah?

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Ya. Boleh, dah malam ni. Okey. *[Ketawa]*

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Ada nak berbuka ni.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Sikit.

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Boleh, boleh.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Boleh?

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Kita bagilah peluang satu.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Ya.

Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma nak bertanya, mungkin ini tak termasuk dalam RUU kita, berkenaan dengan kebersihan ini. Kita hanya fokus kepada buang sampah. Hari ini kita pergi merata-rata, kita tengok keadaan restoran dan juga gerai-gerai kita terlalu kotor. So, apakah tindakan KPKT untuk membendung gejala ini kerana ini juga memberi imej yang tidak baik kepada negara kita. Terima kasih.

Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu: Ya, ini pun sudah kita peringatkan Tuan Yang di-Pertua, kepada pihak berkuasa tempatan. Sebab itu kita akan — kita ada *traffic light* punya peraturan itu. Siapa yang memastikan kebersihan dijalankan di tempat kawasan operasi pihak berkuasa tempatan masing-masing, maka peruntukan akan diberikan lebih Tuan Yang di-Pertua, ada hijau, ada merah, ada kuning.

Kalau banyak sangat melakukan kelemahan-kelemahan yang tak sepatutnya, yang sepatutnya dah bersih, tandas itu sepatutnya bersih tapi dibiarkan kotor, dapatlah *traffic light* warna kuning atau merah, tak dapat langsung peruntukan, betul tak? Itu yang kita laksanakan, dilaksanakan oleh KPKT.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail, saya kira pun banyak cadangan-cadangan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat. Sebenarnya yang kita pun akan mengambil maklum perkara-perkara itu. Yang lain-lain pun sebenarnya sudah pun saya jawab bersekali berhubung dengan aspek pembudayaan juga disebutkan. Kalau boleh kita bantulah macam mana membudayakan.

Sebenarnya Yang Berhormat Senator, Kementerian ada memberikan penekanan melalui pelaksanaan program *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA). Kerajaan akan terus melaksanakan kempen kesedaran ini yang melibatkan kerjasama masyarakat dan komuniti semua tempat. Di peringkat kita ini, program-program untuk kesedaran tentang menjaga kebersihan ini Tuan Yang di-Pertua, ada di semua peringkat. Di peringkat perumahan ada, di peringkat sekolah ada, di semua peringkatlah ada kan.

Jadi, ini kita akan teruskan dan pada masa yang sama, saya juga menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat Senator supaya kita memulakan dengan diri kita.

Tadi ada disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Hussin bahawa Senator Hussin ke siapa, saya tak ingat, Senator Bob ke apa kan yang kata lambat sampah diambil, jadi kadangkala siap berulat. Yang ini pun satu juga Tuan Yang di-Pertua. Tanpa *apologetic*, kita memang menekankan kepada semua kontraktor-kontraktor pembersihan kita. Sama juga, *you* buat kerja, kalau tak buat kerja, *you* punya kontrak akan ditarik. Ini serius ya, tetapi ada juga kadangkala, Tuan Yang di-Pertua, kita ada *separation at source program* yang telah dilaksanakan pada 1 September 2015, iaitu pengasingan sisa pepejal di punca, termasuklah sisa-sisa bahan makanan.

■1920

Kalau tidak diasingkan, menyusahkan juga kerja-kerja pembersihan dan kedua, tutuplah dengan baik. Sebab kadangkala Tuan Yang di-Pertua, jangan kata tunggu sehari, dua hari. Sejam pun kalau sampah itu didedahkan, Tuan Yang di-Pertua, lalat datang, memang berulat.

Jadi, ini pun mentaliti kita, kan? *Our mind setting*. Kena, kena kemaslah. Kita nak menjaga kebersihan diri, kebersihan persekitaran kita, perlu ada kerjasama yang betul-betul secara tuntas daripada semua pihak.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya nak jawab dua lagi, Amir dan Manolan. Yang Berhormat Senator Amir, sepertimana yang telah saya maklumkan dalam perbahasan Akta 672 dan 133, memandangkan Senator Amir tak ada, saya tak nak baca. Saya tak nak jawab.

Bob, ada. Senator Bob ada bertanya dua, tiga perkara juga, kan? Saya ingin memaklumkan, jenis khidmat masyarakat yang ditentukan oleh pegawai PBT adalah yang, yang diberi kuasa adalah ditentukan oleh pihak pegawai PBT. Oleh itu, pelaksanaan tersebut

hendaklah mengikut jenis khidmat masyarakat yang telah ditentukan di satu-satu tempat tersebut.

Sepertimana yang juga telah dinyatakan, berhubung dengan penggunaan teknologi, kerajaan sedang memberi tumpuan kepada usaha pengukuhan pemantauan berasaskan teknologi digital. Senator Tiew pun ada sebutkan tadi. *Insyaa-Allah*, itu kita berikan tumpuan ke hadapan, bukan sahaja dengan menggunakan CCTV tetapi pada masa yang sama juga adalah pemantauan secara digital. Pada masa ini, pemasangan CCTV telah dilaksanakan dan akan dipertingkatkan lagi mengikut kesesuaian lokasi terutamanya di kawasan *hotspot* longgokan sampah.

Dan seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan perintah khidmat masyarakat ini menjawab kepada beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh Senator Bob Manolan. Pelaksanaan perintah khidmat masyarakat ini hendaklah dilaksanakan sebagaimana perintah yang telah ditetapkan oleh mahkamah ya, iaitu khidmat masyarakat tersebut hendaklah diselesaikan dalam tempoh enam bulan. Bila dikeluarkan perintah *within* enam bulan, dia mesti diselesaikan. Kalau tak, dia ada, akan ada beberapa tindakan lainlah, ya.

Perintah khidmat masyarakat ini dihasratkan untuk dikenakan kepada pesalah yang membuang sampah yang bersifat kecil di tempat awam, ya Senator Bob. Sekiranya kesalahan membuang sampah kecil dibuat oleh pekerja syarikat, bawahan atau pengurus syarikat, maka individu itu sekali lagi adalah disabitkan melakukan kesalahan di bawah rang undang-undang ini, yang dipinda ini. Dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sepertimana yang saya sebutkan, memang sentiasa memberi penekanan kepada pelaksanaan program *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA) di mana kerajaan akan terus melaksanakan kempen kesedaran yang melibatkan kerjasama semua peringkat, masyarakat, komuniti, NGO setempat dan supaya mesej menjaga kebersihan ini dapat dihadap oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya tegaskan sekali lagi bahawa perintah khidmat masyarakat yang diperkenalkan melalui pindaan ini dan dua pindaan yang awal tadi adalah bertujuan untuk mendidik pesalah agar dapat memupuk rasa tanggungjawab sivik dan kesedaran terhadap kebersihan awam dan ianya telah pun banyak dilaksanakan di negara-negara maju. Antaranya jiran kita sendiri di Republic of Singapore dan keberkesanan undang-undang negara tersebut bukan sahaja ke atas rakyatnya, malah kepada pelancong-pelancong asing turut sama. Akhirnya, belajar untuk mematuhi undang-undang yang dikenakan oleh negara Singapura.

Justeru, melalui pindaan Akta 171 ini, pihak berkuasa tempatan akan mempunyai punca kuasa yang lebih jelas dan menyeluruh, bukan sahaja daripada aspek peningkatan kadar denda, tetapi pada masa yang sama menguatkuasakan perintah khidmat masyarakat

dan penggubalan undang-undang kecil yang sesuai bagi melaksanakan secara menyeluruh dan melaksanakannya secara menyeluruh dan berkesan.

Perkara ini amat penting Tuan Yang di-Pertua, khususnya bagi pihak PBT di negeri yang belum mengguna pakai Akta 672 agar tidak berlaku ketidaksamarataan dalam penguatkuasaan terhadap kesalahan membuang sampah kecil. Maka, pindaan kepada Akta 171 ini adalah difikirkan sangat perlu dan tepat pada masanya seiring, selari dengan pindaan-pindaan yang kedua tadi dan juga selari dengan aspirasi negara untuk kita bersama-sama membina persekitaran yang lebih bersih, selamat, harmoni, ke arah negara maju dan lebih berbudaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya, setakat itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu penjelasan dan penggulungan yang begitu bagus sekali ya. Dengan *detail* sekali. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Dato' Setia Salehuddin bin Saidin mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Dato' Setia Salehuddin bin Saidin mempengerusikan Mesyuarat]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi (Datuk Ts. Mustapha Sakmud) dan diluluskan]

Dato' Setia Salehuddin bin Saidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 9 September 2025.

Bagi yang puasa, selamat berbuka puasa.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.27 malam]